




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

2014 SIRI 3



**PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

2014 SIRI 3

**PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI**

Untuk Mengetahui Tindakan-Tindakan Yang Telah/Sedang/Akan Diambil Oleh Pihak Kementerian/Agensi Terhadap Isu-Isu Yang Dilaporkan, Laporan Ini Hendaklah Dibaca Bersama Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 3

KANDUNGAN

KATA PENDAHULUAN	vii
PENGENALAN	xiii
INTISARI LAPORAN	xvii

BAHAGIAN I PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

3	<ul style="list-style-type: none">• Pendahuluan
3	PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM <ul style="list-style-type: none">• Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
45	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL <ul style="list-style-type: none">• Pengurusan Projek ICT Core System
78	PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN <ul style="list-style-type: none">• Pengurusan Pinjaman Latihan Kemahiran
109	MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA <ul style="list-style-type: none">• Pengurusan Pembinaan Dan Penyenggaraan Kompleks Sukan
152	LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA <ul style="list-style-type: none">• Pengurusan Skim Tanaman Semula Dan Tanaman Baru Sawit Pekebun Kecil

BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

185	<ul style="list-style-type: none">• Pendahuluan
185	<ul style="list-style-type: none">• Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari
214	<ul style="list-style-type: none">• Pemantauan Terhadap Syarikat Subsidiari Dan Sub-Subsidiari Oleh Kementerian Dan Badan/Syarikat Induk
215	<ul style="list-style-type: none">• Pengauditan Pengurusan Syarikat Subsidiari
216	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <ul style="list-style-type: none">• Pengurusan Syarikat UKM Technology Sdn. Berhad
	BAHAGIAN III KEDUDUKAN TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN/ SYARIKAT SUBSIDIARI TERHADAP SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2014 (SIRI 1 DAN 2) SETAKAT 8 OKTOBER 2015
245	<ul style="list-style-type: none">• Pendahuluan
245	<ul style="list-style-type: none">• Tindakan Susulan Yang Belum Selesai Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 Dan 2
285	<ul style="list-style-type: none">• Tindakan Susulan Yang Belum Selesai Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013
297	<ul style="list-style-type: none">• Tindakan Susulan Yang Belum Selesai Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012
300	<ul style="list-style-type: none">• Tindakan Susulan Yang Belum Selesai Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011
305	<ul style="list-style-type: none">• Tindakan Susulan Yang Belum Selesai Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010
309	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan/Agenzi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

- 1.1. Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;
- 1.2. Pengauditan Pematuhan** - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Badan Berkanun Persekutuan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;
- 1.3. Pengauditan Prestasi** - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan; dan
- 1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dan pengurusan syarikat Kerajaan bagi tahun 2014 Siri 3 mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan

Bahagian II : Pengurusan Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Persekutuan

Bahagian III : Kedudukan Tindakan Susulan Yang Diambil Oleh Badan Berkanun Persekutuan/Syarikat Subsidiari Terhadap Syor Yang Dikemukakan Dalam Laporan Ketua Audit Negara

3. Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Kerajaan diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti perolehan, sisa pepejal, perlادangan, ICT, pembinaan, infrastruktur, penyenggaraan dan pinjaman pendidikan. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 5 program/aktiviti/projek dan pengurusan 1 syarikat subsidiari. Pada umumnya, terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan kerja/bekalan/perkhidmatan seperti kerja/bekalan tidak mengikut spesifikasi, prestasi perkhidmatan pembersihan awam tidak memuaskan, tunggakan bayaran perkhidmatan pembersihan awam, *improper payment*, kelewatan tidak munasabah, kelemahan pengurusan perolehan/kontrak, kelemahan pengurusan dan penyenggaraan aset, peralatan yang dibeli tidak digunakan, kelewatan pembekalan input pertanian, pengurusan pinjaman latihan kemahiran kurang memuaskan seperti tunggakan bayaran balik melebihi 6 tahun dan kelewatan tindakan undang-undang serta kelemahan pengurusan syarikat. Kelemahan tersebut adalah disebabkan oleh ketidakpatuhan kepada peraturan dan prosedur yang ditetapkan; kurang teliti semasa merancang program/aktiviti/projek serta tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja kontraktor/vendor.

4. Seperti mana tahun yang lalu, beberapa siri *engagement* dan *exit conference* dengan pihak yang terlibat dalam pengauditan pengurusan program/aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dan pengurusan syarikat subsidiari telah diadakan untuk membincang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini bagi tujuan pengesahan. *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan telah diadakan yang turut dihadiri oleh wakil Kementerian, Agensi, Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Kewangan Malaysia. Dalam Laporan ini, sebanyak 32 syor telah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Pegawai Eksekutif/Naib Canselor Universiti/Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang serta memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti.

5. Pada 26 Mac 2015, Jabatan Audit Negara telah melancarkan *Auditor General's Dashboard* Versi 2.0 (*AG's Dashboard*) bagi menggantikan versi asal yang mula diperkenalkan pada tahun 2013. *AG's Dashboard* adalah Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara yang dilaksanakan selaras dengan Program Transformasi Kerajaan Kedua (GTP 2.0) di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Anti-Rasuah bagi menyediakan maklum balas terkini kepada orang awam agar dapat menggalakkan ketulusan dan mempercepatkan penyelesaian isu di peringkat agensi/jabatan. Ciri-ciri baru dalam *AG's Dashboard* versi 2 ini dapat membantu Kementerian/Agensi Kerajaan dan rakyat serta Jabatan Audit Negara sendiri menjelak sesuatu isu yang dilaporkan dengan pantas dengan adanya kaedah mendapatkan maklumbalas secara dalam talian (*online*) dan berinteraksi dengan rakyat melalui komentar awam. Laporan dan Statistik yang berkala boleh diperoleh oleh Kementerian/Agensi/Rakyat melalui *AG's Dashboard* dalam menilai

keberkesanan tindakan susulan yang diambil sehingga ke jalan penyelesaian isu tersebut sama ada berbentuk tindakan korektif atau tindakan punitif.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat subsidiarnya yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

8 Oktober 2015



PENGENALAN

PENGENALAN

1. Mengikut tafsiran Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) Badan Berkanun adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan. Badan Berkanun merupakan badan korporat atau agensi Kerajaan Malaysia yang diperbadankan oleh undang-undang penubuhan bagi maksud Kerajaan Persekutuan tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau perbadanan di bawah Akta Syarikat 1965.
2. Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan dasar Kerajaan melalui program dan aktiviti yang ditetapkan secara profesional dan berkesan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan adalah tertakluk kepada akta tubuh atau akta subsidiari yang diperbadankannya di bawah akta induk dan berfungsi mengikut tujuan penubuhannya. Ia mempunyai kuasa autonomi seperti yang ditetapkan oleh akta tubuhnya. Namun, sebuah Lembaga Pengarah perlu diwujudkan untuk melaksanakan fungsi, pentadbiran, pengurusan dan aktivitinya. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wakil Perbendaharaan, Kementerian berkenaan, pegawai kerajaan dan ahli korporat yang mempunyai kemahiran berkaitan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Pelantikan dan penamatan keahlian Lembaga Pengarah adalah di bawah bidang kuasa Menteri berkenaan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab seperti yang ditetapkan oleh akta tubuh atau mengikut *Ministerial Functions Act 1969* (Akta 2) pindaan tahun 1999. Bidang kuasa Badan Berkanun Persekutuan adalah luas dan antaranya boleh meminjam, memberi pinjaman, melabur, menubuhkan syarikat subsidiari, mengurus kumpulan wang dan akaun amanah serta melaksanakan program atau aktiviti tertakluk kepada akta tubuhnya. Sebahagian Badan Berkanun Persekutuan bergantung kepada geran kerajaan untuk melaksanakan aktivitinya manakala yang lain membiayai operasinya daripada sumber dana sendiri.
3. Dari segi pengurusan kewangan, Badan Berkanun Persekutuan boleh menggubal peraturan kewangan, sistem dan prosedur sendiri serta menetapkan polisi perakaunan selagi tidak bercanggah dengan dasar kerajaan dan standard perakaunan yang diterima umum. Semua Badan Berkanun Persekutuan menyedia penyata kewangan berdasarkan asas akruan bagi setiap tahun kewangan. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta yang sama juga memperuntukkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957.

Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit berserta laporan aktifitinya kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas pengesahan Audit. Menteri berkenaan pula perlu memastikan laporan tersebut dibentangkan di Parlimen secepat mungkin.

4. Sehingga akhir tahun 2014, sebanyak 127 Badan Berkanun Persekutuan telah ditubuhkan untuk melaksanakan fungsi sebagaimana ia diperbadankan. Selain itu, 11 Kumpulan Wang telah diwujudkan untuk memperakaunkan transaksi mengikut peraturan yang ditetapkan.



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I

PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

PENDAHULUAN

1. Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit aktiviti Badan Berkanun Persekutuan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Sebanyak 5 aktiviti telah diaudit untuk dibentangkan dalam sesi ketiga persidangan Parlimen tahun 2015.

2. PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

- Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam

- a. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) telah ditubuhkan pada 1 Jun 2008 di bawah Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 673). PPSPPA dikawal selia oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pada 27 Januari 2015, PPSPPA telah dijenamakan sebagai *Solid Waste And Public Cleansing Management Corporation* (SWCorp). Pada 24 Jun 2011, Kerajaan telah bersetuju agar penswastaan sepenuhnya perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam dilaksanakan oleh 3 syarikat konsesi. Perjanjian konsesi telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia, SWCorp dan syarikat konsesi pada bulan September 2011 bagi 6 Negeri dan 2 Wilayah Persekutuan yang menerima pakai Akta 672. Syarikat konsesi yang terlibat adalah Alam Flora Sdn. Berhad bagi Zon Tengah, SWM Environment Sdn. Berhad bagi Zon Selatan dan Environment Idaman Sdn. Berhad bagi Zon Utara. Skop perkhidmatan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi adalah kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Kutipan sisa pepejal meliputi kawasan di rumah kediaman (*landed, non-landed, town house and gated community*), rumah kedai, institusi awam, pasar awam, pusat penjaja awam, pasar malam dan pasar tani. Pembersihan awam pula meliputi pemotongan rumput; pembersihan jalan, tempat awam, longkang, tandas awam dan pantai; memungut dan melupus sampah haram serta bangkai.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober 2014 sehingga Januari 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan sisa pepejal adalah memuaskan. Bagaimanapun, prestasi perkhidmatan pembersihan awam yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi bagi pembersihan longkang, *sump* dan pasar

awam adalah kurang sempurna dan tidak memuaskan walaupun bayaran telah dibuat. Antara kelemahan pembersihan awam adalah seperti berikut:

- i. Berdasarkan sampel Audit, tuntutan dan bayaran yang tidak teratur bagi tahun 2014 kepada syarikat konsesi berjumlah RM56.36 juta kerana tuntutan dan pembayaran di luar skop/tidak dinyatakan di dalam perjanjian, pengesyoran dan bayaran yang diragui, pengesyoran dan bayaran tidak munasabah, tuntutan tidak berdasarkan kerja sebenar dan bayaran tidak berdasarkan kepada data inventori yang dimuktamadkan. Bagi tempoh konsesi bulan September 2012 sehingga Disember 2014, anggaran bayaran kepada syarikat konsesi yang tidak teratur adalah berjumlah RM116.72 juta.
- ii. Tunggakan bayaran oleh PBT kepada SWCorp sehingga bulan Disember 2014 adalah tinggi iaitu berjumlah RM326.11 juta.
- iii. *Database inventori* penting sebagai asas untuk pengesyoran bayaran dan tuntutan. *Database inventori* hendaklah sama dengan inventori sebenar di lokasi.
 - Data inventori bagi 36 skim di negeri Pahang, Kedah dan Perlis masih belum dimuktamadkan serta disahkan oleh SWCorp sehingga bulan Ogos 2014. Ini menyebabkan terdapat perbezaan inventori di antara tuntutan bulanan syarikat konsesi dengan pengesyoran bayaran daripada SWCorp.
 - Tuntutan syarikat konsesi dan pengesyoran bayaran SWCorp bagi skop kerja pembersihan jalan bagi bulan September 2014 di WP Kuala Lumpur masih tidak seragam walaupun data inventori telah dimuktamadkan. Terdapat perbezaan inventori pembersihan jalan sebanyak 20,674.547 meter di antara pengesyoran dan data inventori yang dimuktamadkan.
 - Data inventori yang telah dimuktamadkan adalah diragui kerana data *Geographic Information System* (GIS) tidak dikemukakan oleh syarikat konsesi dan disahkan oleh SWCorp.
 - Sistem *database inventori* yang boleh dicapai secara *real time sharing* tidak dibangunkan oleh syarikat konsesi mengikut perjanjian tetapi hanya menyediakan data inventori secara manual. Tiada klausa denda yang dikenakan di dalam perjanjian sekiranya sistem *database inventori* tidak dibangunkan.
- iv. Kelemahan *Intelligent Monitoring and Enforcement Management System* (iMEMS) di mana Sub Modul *Global Positioning System* (GPS) dan *Geographic Information System* (GIS) dalam sistem iMEMS tidak digunakan sepenuhnya dan tidak aktif bagi tujuan melihat kedudukan *handheld* yang digunakan oleh penguatkuasa semasa pemantauan.

- v. Bebanan tugas pegawai penguatkuasa yang tinggi iaitu secara purata seorang pegawai perlu mengawal selia 6,905 buah premis, 60,809 meter persegi keluasan rumput, 21,858 meter jalan dan 77,911 meter longkang berdasarkan kekerapan mengikut jadual perkhidmatan syarikat konsesi.
- c. Pihak Audit mengesyorkan SWCorp mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam:
 - i. SWCorp perlu memastikan data inventori yang telah dimuktamadkan adalah betul dan tepat bagi mengelakkan berlakunya pengesyoran dan tuntutan yang berbeza yang menyebabkan lebihan bayaran kepada syarikat konsesi. Tuntutan dan pengesyoran bayaran hendaklah berdasarkan kerja yang sebenar dan data inventori yang dimuktamadkan.
 - ii. SWCorp perlu mengambil tindakan tegas dan mengenakan denda terhadap syarikat konsesi yang mengemukakan tuntutan tidak mengikut kerja sebenar yang dilaksanakan.
 - iii. SWCorp perlu memastikan KPI penuh diberikan hanya jika syarikat konsesi benar-benar telah memenuhi kriteria yang ditetapkan dan data inventori telah dimuktamadkan. SWCorp perlu menentukan bayaran kepada syarikat konsesi adalah berdasarkan KPI penuh tersebut.
 - iv. SWCorp perlu memberi perhatian serius dan mengenakan denda terhadap syarikat konsesi kerana gagal membangunkan sistem *database* inventori mengikut perjanjian.
 - v. SWCorp perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap tunggakan yang tinggi oleh PBT bagi memastikan sumber kewangan adalah mencukupi untuk membayar perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi.
 - vi. SWCorp perlu membuat kajian semula terhadap pengurusan sisa pepejal di Pasar Borong Harian Selayang dan pasar awam terutama dari segi penggunaan dan bilangan tong roro yang perlu disediakan serta kawasan pasar yang perlu disenggara oleh syarikat konsesi.
 - vii. SWCorp perlu mengkaji semula penetapan nisbah bebanan tugas seorang penguatkuasa di kawasan seliaan masing-masing agar pemantauan dapat dilaksanakan dengan baik, berkesan dan menyeluruh.

3. PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

- Pengurusan Projek ICT Core System

- a. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan pada bulan Januari 1971 bagi menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971. PERKESO mempunyai 46

pejabat tempatan di seluruh negara bagi memenuhi objektifnya. Pada tahun 2010, PERKESO telah membuat penambahbaikan terhadap keseluruhan infrastruktur ICT dan sistem sedia ada dengan melaksanakan Projek *ICT Core System* bagi mengatasi kekangan sistem yang tidak berintegrasi dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan perkhidmatan. Projek ini merangkumi perolehan perkhidmatan perunding, pembangunan sistem, perkakasan dan perisian, penyenggaraan serta menaik taraf pusat data dan rangkaian. Projek *ICT Core System* juga menggabungkan pelbagai sistem yang bersepadu bagi menyediakan perkhidmatan kepada pengguna portal PERKESO yang dikenali sebagai PERKESO *Information Technology Automation Reformation* (PINTAR). PERKESO telah membuat perolehan sejumlah RM223.45 juta melalui 8 tender terbuka, 6 rundingan terus dan 1 sebut harga sejak tahun 2011 sehingga 2014 bagi melaksanakan projek ini.

- b. Pengauditan yang dijalankan dari bulan Jun sehingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan Projek *ICT Core System* adalah kurang memuaskan. Projek telah bermula pada tahun 2011 dan pembangunan sistem dijangka siap pada tahun 2014. Setakat bulan Disember 2014, hanya 38.1% atau 8 daripada 21 modul aplikasi Sistem PINTAR telah siap dibangunkan dan *go live*. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

i. **Kelemahan pelaksanaan dan pengurusan projek:**

- Setakat 31 Disember 2014, pembangunan modul aplikasi Sistem PINTAR iaitu Kluster 1 dan 2 oleh Century Software (Malaysia) Sdn. Berhad (CENSOF) dengan kontrak bernilai RM33.52 juta mengalami kelewatan antara 263 sehingga 503 hari untuk siap. Hanya 6 daripada 17 modul iaitu 35.3% diselesaikan dan *go live* manakala 9 lagi modul masih dalam peringkat pembangunan dan pengujian. Akibat kelewatan tersebut, pelanjutan kontrak perlu diberi kepada perunding *Project Management Office* dengan kos RM1.73 juta dan CENSOF kerana kebergantungan kepada kemajuan pembangunan Sistem PINTAR tersebut yang masih belum selesai.
- Perisian *MIMOS Intelligent Informatics System Platform* (Mi-I2F) dan perkhidmatan integrasi sistem antara PERKESO dengan Jabatan Pendaftaran Negara, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia yang telah siap masih tidak dapat diuji dan diguna oleh PERKESO kerana ia bergantung pada maklumat yang perlu diperoleh dari modul-modul lain yang masih belum siap.
- Modul Pendaftaran, Caruman dan Kutipan yang *go live* pada 30 Mei 2014 masih belum memenuhi keperluan pengguna sepenuhnya seperti capaian pelanggan melalui portal dan laporan tidak dapat dijana melalui sistem.

- Modul *Fraud Management* telah selesai dibangunkan namun masih belum digunakan kerana kekangan kakitangan dan peralatan ICT yang khusus.
 - Fungsi penilaian KPI secara automatik dalam Modul *Performance Management* masih belum dapat dilaksanakan kerana bergantung pada integrasi dengan modul utama yang masih dalam pembangunan.
 - Penggunaan medium *chat* dan sms bagi perhubungan pelanggan bergantung pada kesediaan Modul *Enrolment* yang belum selesai dan pelaporan bagi Modul *Customer Relationship Management* masih belum dapat digunakan walaupun modul telah *go live*.
 - Kelemahan dalam pengurusan kontrak dengan CENSOF iaitu tempoh pelaksanaan dan waranti yang bertindan, percanggahan klausa tempoh waranti, tiada pelanjutan kontrak, *variation order* tidak disediakan dan anggaran *Liquidated and Ascertained Damages* sejumlah RM5.50 juta tidak dikenakan.
 - Pelan Strategik Teknologi Maklumat PERKESO tidak dikemas kini sejak tahun 2011 bagi menyatakan hala tuju dan strategi ICT yang jelas termasuk Projek *ICT Core System* yang sedang dijalankan.
- ii. Kelemahan perolehan projek:**
- Perjanjian dengan Malaysian Software Testing Board sebagai *Independent Tester* tidak ditandatangani sehingga tempoh perjanjian tamat pada 3 Februari 2014.
 - Sebanyak 159 unit MyKad Reader berjumlah RM270,300 dan 150 unit pencetak mudah alih berjumlah RM330,000 yang diterima sejak bulan November 2013 masih belum digunakan kerana aplikasi *Enforcement* iaitu Modul *Detection*, *Inspection* dan *Compound* belum siap dibangunkan.
- iii. Kelemahan kawalan ICT:**
- Analisis data pendaftaran mendapati 694 rekod yang bertindan dan data tidak munasabah seperti tahun lahir, tarikh mati, nombor kad pengenalan dan nombor pendaftaran perniagaan.
 - Pelan Pemulihan Bencana yang komprehensif bagi memastikan kesinambungan operasi PERKESO sekiranya berlaku bencana tidak disediakan.
- c. Pihak Audit mengesyorkan PERKESO mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. PERKESO perlu memantau rapi kelewatan menyiapkan pembangunan modul aplikasi utama iaitu Kluster 1 dan 2 yang mengakibatkan pertambahan kos

projek kerana pelanjutan kontrak kepada pembekal sistem dan perunding *Project Management Office*. *Liquidated and Ascertained Damages* perlu dikenakan terhadap pembekal bagi setiap hari kelewatan.

- ii. PERKESO perlu melaksanakan proses jaminan kualiti terhadap setiap modul yang dibangunkan sebelum bersedia untuk *go live* bagi mengurangkan masalah penggunaan di peringkat pengguna yang terlibat selain meningkatkan kecekapan operasi hasil menaik taraf Sistem PINTAR.
- iii. PERKESO perlu memastikan pemindahan teknologi sentiasa berlaku daripada MIMOS Berhad seperti dinyatakan dalam perjanjian supaya PERKESO dapat mengawal sepenuhnya teknologi yang diperoleh dan menjamin integriti data.
- iv. PERKESO perlu memastikan data *cleansing* dilaksanakan secara terkawal untuk memastikan integriti data pekerja dan majikan tidak dipertikai.

4. PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

- *Pengurusan Pinjaman Latihan Kemahiran*

- a. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) ditubuhkan di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) dan dikawal selia oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM). Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) di awal operasinya pada tahun 2001 dikendalikan oleh Bahagian Tabung Pembangunan Kemahiran, KSM. Pada 1 Jun 2006, TPK telah diletakkan di bawah PTPK berikutan berkuatkuasanya Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004. Objektif penubuhan PTPK adalah untuk menyediakan dana pinjaman bagi membiayai latihan kemahiran kepada pelajar lepasan sekolah dan golongan pekerja serta mengutip bayaran balik mengikut jadual. PTPK meluluskan pinjaman untuk latihan yang dijalankan oleh Penyedia Latihan Awam dan Swasta. PTPK telah diperuntukkan dana sejumlah RM1.40 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi membiayai latihan kemahiran. Bagi tahun 2011 sehingga 2014 sejumlah RM1.21 bilion dana pinjaman telah dipinjamkan kepada pelajar lepasan sekolah dan golongan pekerja.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos sehingga Disember 2014 dan pengauditan susulan pada bulan April 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan pinjaman latihan kemahiran PTPK adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan pinjaman latihan kemahiran PTPK adalah seperti berikut:

i. **Prestasi Pemberian Pinjaman**

Pinjaman kepada golongan pekerja kurang sambutan dengan purata pencapaian sasaran bilangan pelatih golongan pekerja adalah 10.5% dan

jumlah dana yang digunakan untuk pinjaman hanya 44.6% daripada peruntukan.

ii. Pengurusan Bayaran Balik Pinjaman

- Prestasi kutipan bayaran balik berbanding jumlah patut kutip masih rendah dengan purata 36.5% setahun. Prestasi bayaran balik pinjaman pelatih yang tidak menamatkan latihan juga masih rendah dengan purata 23.3% setahun.
- Bagi tempoh bayaran balik tahun 2011 sehingga 2014, sejumlah 424 peminjam tegar tidak diberi Notis Peringatan Tindakan Undang-undang Akhir dengan tunggakan pinjaman berjumlah RM835,568 setakat 31 Disember 2014.
- Ketiadaan tempoh pengeluaran *Letter of Demand* kepada peminjam telah menyebabkan *Letter of Demand* dikeluarkan oleh Unit Undang-undang mengambil masa 7 hingga 283 hari dari tarikh penerimaan fail.
- Sehingga 31 Disember 2014, masih terdapat 2,439 fail peminjam belum dikeluarkan *Letter of Demand* dan 2,143 fail peminjam belum dikeluarkan saman oleh Unit Undang-undang.
- Setakat 31 Disember 2014, berdasarkan maklumat pangkalan data Sistem Pengurusan Pinjaman terdapat 53,994 peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman melebihi 6 tahun berjumlah RM198.29 juta yang masih belum dikeluarkan *Letter of Demand*.

iii. Pengurusan Aduan

- Tiada daftar lengkap bagi menjelak aduan dan tidak dapat dipastikan sama ada aduan telah diselesaikan selepas aduan diserahkan oleh Unit Komunikasi Korporat ke Bahagian/Unit berkenaan untuk tindakan.
- Proses permohonan pinjaman yang diuruskan oleh Penyedia Latihan membuka ruang salah guna kuasa sehingga menyebabkan peminjam menafikan pinjaman dan membuat laporan polis.

iv. Lawatan Ke Premis Penyedia Latihan

Terdapat perbezaan maklumat pelatih dan tenaga pengajar yang direkodkan oleh Penyedia Latihan dalam Sistem Pengurusan Pinjaman (SPP) berbanding maklumat sebenar di lokasi Penyedia Latihan.

v. Pembangunan Sistem SPPiN Gagal Disiapkan

Sistem Pengurusan Pinjaman Integrasi (SPPiN) yang telah melibatkan perbelanjaan perolehan SPPiN sejumlah RM2.02 juta tidak dapat digunakan kerana pembekal gagal melepassi ujian *user acceptance test* untuk 12

daripada 13 modul SPPiN, tiada integrasi antara modul dan gagal tahap penyediaan skrin antara muka pengguna.

c. Pihak Audit mengesyorkan PTPK mengambil tindakan seperti berikut bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:

- i. PTPK hendaklah menetapkan syarat yang lebih ketat bagi mengurangkan peminjam tidak menamatkan latihan selepas mendapat pinjaman.
- ii. PTPK perlu menyemak semula proses permohonan pinjaman yang diuruskan oleh Penyedia Latihan bagi mengelakkan berlakunya penyalahgunaan kuasa. Cara terbaik ialah dengan membuka permohonan atas talian kepada peminjam.
- iii. PTPK perlu mengkaji semula sasaran kutipan bagi bayaran balik pinjaman bagi menunjukkan sasaran yang lebih realistik berbanding dengan bayaran yang sepatutnya dikutip.
- iv. PTPK perlu mengukuhkan Cawangan Bayaran Balik untuk pengeluaran notis dan Unit Undang-undang serta Cawangan Penguatkuasaan untuk pengeluaran *Letter of Demand* dan saman bagi mengurangkan backlog fail.
- v. Pengurusan aduan perlu ditambah baik dengan penyediaan daftar lengkap bagi menjelak aduan dan dapat memastikan tindakan yang diambil selepas aduan diserahkan oleh Unit Komunikasi Korporat ke Bahagian/Unit berkenaan untuk tindakan lanjut.
- vi. PTPK hendaklah memantau secara berkala kesahihan pelatih di premis Penyedia Latihan bagi memastikan kewujudan pelatih. PTPK juga perlu memastikan maklumat Penyedia Latihan dalam Sistem Pengurusan Pinjaman dikemas kini oleh Penyedia Latihan secara berkala supaya maklumat yang diberi adalah betul kerana ia digunakan untuk memberi perakuan pendaftaran Penyedia Latihan.
- vii. PTPK perlu memastikan klausa bayaran dalam perjanjian perolehan aplikasi dikuatkuasakan iaitu hanya modul yang lulus *Final Acceptance Test* sahaja boleh dibayar demi menjaga kepentingan Kerajaan.

5. MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

- *Pengurusan Pembinaan Dan Penyenggaraan Kompleks Sukan*

- a. Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Belia Dan Sukan dan ditubuhkan pada tahun 1972 di bawah Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 serta Akta Majlis Sukan Negara (pindaan 1979). Selaras dengan matlamat penubuhannya, MSN telah diperuntukkan geran pembangunan berjumlah RM57.30 juta di bawah RMKe-8 hingga RMKe-10 bagi tahun 2006 sehingga 2011 untuk melaksanakan 4 projek pembangunan

kompleks sukan iaitu Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju, Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin, Menaik Taraf Kompleks MSN Jalan Raja Muda dan Pembinaan Pusat Latihan Menembak Atlet. Projek pembangunan dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan pusat latihan bagi kegunaan atlet menjalani latihan sukan di samping menjadi lokasi kejohanan sukan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, MSN telah memperuntukkan sejumlah RM23.26 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014 di bawah perbelanjaan mengurus untuk menyenggara kompleks sukan bagi memastikan ia berada di tahap yang baik dan selamat digunakan untuk latihan serta pertandingan sukan.

- b. Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan September sehingga Disember 2014 dan soal selidik kepuasan pelanggan mendapati kemudahan yang disediakan di kompleks sukan MSN adalah baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan pembinaan dan penyenggaraan kompleks sukan MSN. Antara kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

i. **Pengurusan Pembinaan**

- Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju, Kuala Lumpur, Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin, Pahang dan Projek Pembinaan Pusat Latihan Menembak Atlet, Bukit Jalil Kuala Lumpur bernilai RM24.18 juta lewat disiapkan antara 323 hingga 478 hari.
- Peningkatan kos Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju berjumlah RM8.74 juta atau melebihi 100% akibat perubahan skop kerja selepas penamatan 2 kontraktor antaranya *piling works*, bangunan kemudahan, kolam renang, *external works*, kerja mekanikal dan elektrikal.
- Kontraktor lewat mengemukakan permohonan lanjutan masa (EOT) antara 97 hingga 153 hari bagi Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju. MSN juga lewat memberi kelulusan lanjutan masa antara 56 hingga 106 hari bagi Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju dan Projek Pembinaan Pusat Latihan Menembak Atlet.
- Kelewatan menjelaskan bayaran kemajuan kerja kepada kontraktor bagi Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin antara 32 hingga 68 hari dari tarikh perakuan bayaran interim.
- Bangunan Gimnasium 3 yang mengandungi dewan gimnastik, ruang latihan sukan dan ruang pejabat telah siap pada 12 Disember 2007 kecuali Pusat Latihan Menembak Atlet di bangunan tersebut yang hanya disiapkan pada 17 September 2013. Bangunan Gimnasium 3 telah digunakan untuk latihan sukan mulai tahun 2008 tetapi *Certificate of Fitness For Occupation* (CFO) atau *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) belum diperoleh sehingga tarikh pengauditan.

- Kualiti kerja pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju dan menaik taraf Kompleks MSN Jalan Raja Muda kurang memuaskan.

ii. Pengurusan Penyenggaraan

- Kerosakan pada bangunan dan peralatan di Kompleks Sukan Taman Keramat, Dry Gimnasium, Gimnasium 1, Kompleks MSN Kuala Rompin dan Kompleks Sukan Pagoh telah dibaiki selepas teguran Audit.
- Sebanyak 16 baucar bayaran berjumlah RM143,772 bagi kerja penyenggaraan lewat dijelaskan kepada kontraktor antara 30 hingga 63 hari daripada tarikh dokumen diterima di Bahagian Kewangan MSN.
- Kerja penyenggaraan berjumlah RM41,558 dilaksanakan sebelum pesanan tempatan dikeluarkan.

iii. Penggunaan Kemudahan Sukan

- Perabot pejabat berjumlah RM148,405 dan peralatan asrama berjumlah RM120,960 yang disediakan oleh MSN di Kompleks Sukan Jalan Raja Muda tidak digunakan oleh syarikat Dragon Port Holding Sdn. Berhad.
- Peralatan memasak bernilai RM37,400 di Kompleks MSN Kuala Rompin tidak digunakan sejak ia dibeli pada tahun 2010.

c. Pihak Audit mengesyorkan MSN hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

- i. MSN hendaklah memantau kerja kontraktor dan perkhidmatan perunding bagi memastikan kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi, kualiti dan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.
- ii. MSN hendaklah menguatkuasakan kontrak dan mengambil tindakan ke atas kontraktor yang melanggar syarat kontrak.
- iii. MSN hendaklah memastikan peralatan yang dibeli diguna secara optimum bagi mengelakkan berlaku pembaziran.
- iv. MSN hendaklah memastikan peraturan dan arahan kewangannya dipatuhi bagi meningkatkan kecekapan dalam proses pembayaran.

6. LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

- Pengurusan Skim Tanam Semula Dan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil

- a. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah ditubuhkan pada 1 Mei 2000 melalui Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582) di bawah kawal selia Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Misi MPOB adalah untuk memacu kemakmuran industri kelapa sawit Malaysia melalui penyelidikan, pembangunan dan perkhidmatan yang cemerlang. Sehubungan itu, peranan utama MPOB adalah untuk menggalakkan dan membangunkan matlamat, dasar

dan keutamaan negara bagi kesejahteraan industri kelapa sawit Malaysia. MPOB menerima peruntukan sejumlah RM930 juta antara tahun 2011 sehingga 2014 untuk membiayai Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) di bawah Projek NKEA Sawit (EPP1). Projek ini dilancarkan pada bulan Januari 2011 bertujuan mempercepatkan penanaman semula pokok sawit tua milik pekebun kecil persendirian. Pada bulan April 2011, peruntukan dipanjangkan kepada Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) kerana sambutan Skim TSSPK kurang menggalakkan.

- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari dan Mac sehingga Mei 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan Skim TSSPK dan TBSPK adalah memuaskan. Prestasi pencapaian Skim TSSPK adalah memuaskan dengan pencapaian 58.9% manakala prestasi pencapaian Skim TBSPK adalah sangat baik dengan mencapai sasaran sebanyak 115.1% daripada sasaran yang ditetapkan. Antara kelemahan dalam pengurusan Skim TSSPK dan TBSPK adalah seperti berikut:
 - i. Pemprosesan permohonan sehingga kelulusan jawatankuasa bagi 5 atau 12.8% daripada 39 permohonan Skim TSSPK dan 17 atau 58.6% daripada 29 permohonan Skim TBSPK mengambil masa 7 hingga 21 bulan iaitu melebihi 6 bulan yang ditetapkan dalam manual prosedur kerja.
 - ii. Sebanyak 17 daripada 68 atau 25% pembekalan anak benih sawit mengambil masa 9 hingga 35 bulan iaitu melebihi tempoh 8 bulan yang ditetapkan dalam manual prosedur kerja; sebanyak 30 daripada 68 atau 44.1% pembekalan baja tahun pertama mengambil 3 hingga 18 bulan dan pembekalan bahan kimia 18 daripada 68 atau 26.5% mengambil masa antara 3 hingga 12 bulan iaitu melebihi tempoh 2 bulan yang ditetapkan.
 - iii. MPOB telah membelanjakan sejumlah RM158,602 untuk tujuan pembangunan, penambahbaikan, penyenggaraan dan perkhidmatan Sistem Pengurusan Skim TSSPK dan TBSPK (SPS) antara tahun 2011 sehingga 2014. Bagaimanapun, tiada modul untuk mengunci masuk maklumat pembekalan benih, baja dan bahan kimia bagi setiap peserta. Ini menyebabkan status terkini penyaluran input pertanian tidak dapat dipantau secara berkesan. Selain itu, modul lain dalam menu utama seperti laporan, pembayaran penyediaan kawasan, pembayaran bantuan penyenggaraan kebun dan status pembayaran tidak digunakan.
 - iv. Pegawai Tunjuk Ajar Sawit (TUNAS) tidak dapat memberi khidmat nasihat dan pemantauan secara berkesan kerana nisbah pegawai TUNAS dan pekebun kecil adalah kecil iaitu 1:1,662.

- v. Tiada mekanisme untuk menilai *outcome* yang dihasilkan daripada Skim TSSPK dan TBSPK seperti kadar peningkatan pendapatan dan hasil pengeluaran sawit pekebun kecil.
 - vi. Tiada pemantauan dibuat terhadap penyaluran input pertanian bagi memastikan pekebun kecil menerima input pertanian dalam tempoh yang ditetapkan.
- c. Pihak Audit mengesyorkan MPOB mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. MPOB hendaklah memastikan pemprosesan kelulusan permohonan dan pembekalan anak benih, baja dan bahan kimia dilaksanakan menepati tempoh yang ditetapkan dalam Manual Prosedur Kerja supaya keberkesanan skim boleh dicapai.
 - ii. MPOB hendaklah meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan penyaluran input pertanian bagi memastikan Skim TSSPK dan TBSPK dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan. Antaranya adalah memastikan pangkalan data dikemas kini dan menggunakan SPS secara optimum.
 - iii. MPOB perlu menetapkan mekanisme untuk menilai *outcome* atau impak yang dihasilkan oleh Skim TSSPK dan TBSPK terhadap golongan sasar.
 - iv. MPOB hendaklah mengkaji semula nisbah Pegawai TUNAS dengan bilangan pekebun kecil supaya khidmat nasihat, proses permohonan dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

PENDAHULUAN

7. Sehingga kini sebanyak 323 syarikat subsidiari dan syarikat sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah diwartakan untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Objektif penubuhan syarikat subsidiari ini adalah untuk melaksanakan pelbagai aktiviti seperti perniagaan, pelaburan dan sosioekonomi. Pelaksanaan aktivitinya adalah bagi mendapat keuntungan dan pulangan yang munasabah serta memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada orang awam.

8. PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI

- a. Analisis Audit telah dibuat terhadap 127 penyata kewangan syarikat subsidiari di bawah 31 Badan Berkanun Persekutuan yang diterima setakat bulan Julai 2015 bagi tahun 2010 sehingga 2014. Syarikat subsidiari dianalisis dari segi prestasi kewangan, pembayaran dividen, cukai dan zakat serta status syarikat. Hasil analisis mendapat pada keseluruhannya keuntungan selepas cukai bagi 127 syarikat subsidiari pada tahun 2014 meningkat kepada RM365.74 juta berbanding RM204.16 juta pada tahun 2013. Analisis Audit juga mendapat 62 syarikat subsidiari telah memperoleh keuntungan selepas cukai bagi tempoh 5 tahun berturut-turut berjumlah RM1.10 bilion manakala 7 yang lain mengalami kerugian berjumlah RM10.18 juta bagi tempoh yang sama.
- b. Berdasarkan kedudukan kewangan tahun 2014 didapat 30 syarikat subsidiari yang memperoleh keuntungan telah membayar dividen kepada Badan/Syarikat Induk berjumlah RM64.63 juta. Sebanyak 14 syarikat subsidiari telah membayar dividen 5 tahun berturut-turut. Syarikat subsidiari di bawah Majlis Amanah Rakyat merupakan pembayar cukai dan zakat tertinggi pada tahun 2014. Selain itu, sebuah syarikat telah dibubarkan, 14 syarikat dalam tindakan pembubaran dan 30 syarikat berstatus tidak aktif kerana tidak beroperasi, operasi dihentikan dan dorman.
- c. Pengauditan pengurusan syarikat telah dijalankan terhadap 12 syarikat subsidiari pada tahun 2014. Pada umumnya, hasil pengauditan tersebut mendapat pengurusan syarikat subsidiari dan syarikat sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan adalah baik. Namun, dari segi pelaksanaannya beberapa kelemahan perlu ditangani bagi memastikan aktiviti dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

SYARIKAT SUBSIDIARI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

9. Pengurusan Syarikat UKM Technology Sdn. Berhad

- a. UKM Technology Sdn. Berhad (UKMTech) ditubuhkan pada 28 Mei 2009 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM1 juta. UKMTech merupakan syarikat pemindahan teknologi milik penuh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Aktiviti utama UKMTech adalah mengurus projek penyelidikan inovasi serta mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan UKM ke pasaran global. Setakat bulan Disember 2014, UKMTech telah terlibat dengan 49 projek inovasi. Pada awalnya, UKMTech mempunyai 25 Syarikat Terbitan Universiti (STU) yang terdiri daripada 15 STU yang diurus oleh UKMTech dan 10 STU yang dikelola bersama dengan

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) di bawah Program Simbiosis UKM-MTDC. Bagaimanapun pada tahun 2012, Syarikat K Eco Tourism Sdn. Berhad telah diletakkan di bawah UKM Holdings Sdn. Berhad dan UKM E Biz Sdn. Berhad telah ditutup pada tahun 2013 menjadikan 13 STU yang diurus oleh UKMTech.

- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2014 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti UKMTech adalah tidak memuaskan. UKMTech mengalami kerugian bersih selama 5 tahun berturut-turut. Sehingga 31 Disember 2013, UKMTech mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM3.08 juta melebihi modal berbayar syarikat. Bagaimanapun, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Antara penemuan dalam pengurusan syarikat ini adalah seperti berikut:
- i. UKMTech bergantung sepenuhnya kepada geran daripada UKM untuk menampung perbelanjaan operasinya.

ii. Prestasi Pengkomersialan

- Tiga projek yang dikomersialkan iaitu *The Development of Compact Food For Athletes And Service Men (ProBar)*, *Intelligent Project Management System For Small and Medium Enterprise (SME)* dan *Development of Non-Invasive Vascular Risk Prediction (NIVAR)* tidak memberi sebarang pulangan kepada syarikat walaupun telah disiapkan pada tahun 2011 dengan kos projek RM186,000. Dua produk dengan kos projek RM150,000 yang dikomersialkan melalui syarikat A1 Meditech Sdn. Berhad dan Biotech Diagnostics Sdn. Berhad juga tidak menjana sebarang pulangan.
- Tiga projek yang dikomersialkan sendiri oleh UKMTech dan 6 projek melalui STU telah berjaya menjana pendapatan sejumlah RM1.49 juta. Bagi projek Cilibangi, *JetP* dan *Casemix* menunjukkan pulangan yang baik dan dapat menampung kos pembiayaan penyelidikan.
- Sepuluh projek yang telah disiapkan pada tahun 2012 dan 2013 dengan kos berjumlah RM1.03 juta belum dapat dikomersialkan.
- Strategi dan pelan perniagaan yang disediakan adalah dalam bentuk gambar rajah dan graf yang agak sukar untuk difahami. UKMTech juga tidak dapat memastikan sama ada *Key Milestones* dan *Roadmap* yang disediakan telah dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

iii. Syarikat Terbitan Universiti Di Bawah UKMTech

- Prestasi kewangan terhadap 13 STU adalah seperti jadual berikut:

PRESTASI KEWANGAN STU DI BAWAH UKMTECH

STU	PRESTASI
1. My C.R.O Sdn. Berhad 2. Casemix Solutions Sdn. Berhad 3. Serotech Sdn. Berhad 4. Kievision Technology Sdn. Berhad	STU Yang Mengalami Kerugian Berterusan Bagi Tahun 2012 Sehingga 30 September 2014
1. Compleo Technology Sdn. Berhad 2. Valde Technology Sdn. Berhad 3. Refrex Sdn. Berhad	STU Yang Menunjukkan Penurunan Keuntungan Dari Tahun 2012 Sehingga 2014
1. Minds Technology Sdn. Berhad 2. Biotech Diagnostics Sdn. Berhad 3. UGreentech Sdn. Berhad 4. VLearning Sdn. Berhad 5. Altus Technology Sdn. Berhad 6. Tela Technology Sdn. Berhad	STU Yang Berjaya Mendapat Keuntungan Pada Tahun 2014

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

- Secara keseluruhannya, 4 STU di bawah UKMTech mencatat kerugian berterusan bagi tahun 2012 sehingga 30 September 2014. Kerugian ini disebabkan jumlah perbelanjaan adalah melebihi pendapatan syarikat antara 12.6% hingga 137.5%. Selain itu, 3 STU mengalami penurunan keuntungan dari tahun 2012 sehingga 2014 dan 6 STU berjaya mendapat keuntungan pada tahun 2014.
- 6 STU tidak menjana sebarang pendapatan daripada aktiviti utamanya sejak penubuhannya antara tahun 2010 dan 2011. Sumber pendapatan lain tidak dapat menampung kos operasi syarikat menyebabkan syarikat mengalami kerugian berterusan.
- UKMTech tidak menyediakan laporan kewangan projek yang menunjukkan secara terperinci butiran pendapatan dan perbelanjaan setiap projek yang menyebabkan berlakunya perbelanjaan melebihi pendapatan.

iv. Syarikat Terbitan Universiti Di Bawah Program Simbiosis UKM-MTDC

- Setakat bulan Disember 2014, pelaksanaan *spin-off* bagi STU masih belum disempurnakan.
- Kesemua STU menunjukkan peningkatan di dalam kerugian terkumpul setiap tahun. Hanya 2 STU iaitu PV & T Technologies Sdn. Berhad dan NX Photonics Sdn. Berhad berjaya mendapat pendapatan operasi bagi tahun 2013. Bagaimanapun, kos operasi Syarikat PV & T Technologies Sdn. Berhad pada tahun 2013 adalah 119.3% lebih tinggi berbanding pendapatan operasi pada tahun tersebut. Bagi Syarikat NX Photonics Sdn. Berhad, kos operasi melebihi pendapatan operasi adalah sebanyak 304.9% pada tahun 2013.

- Lapan STU tidak menjana pendapatan operasi sejak penubuhannya pada tahun 2010 antaranya disebabkan produk yang dihasilkan tidak menepati kehendak pasaran dari segi teknologi dan kualiti.
- v. Pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah tidak disusuli secara bertulis bagi menerangkan peranan, tanggungjawab dan saraan yang mereka layak terima. Elaun menghadiri mesyuarat mereka juga tidak dibentangkan dalam Mesyuarat Agong. UKMTech tidak menjalankan penilaian keberkesanan terhadap Ahli Lembaga Pengarahnya semenjak penubuhan syarikat.
- vi. Peraturan kewangan yang disediakan tidak memperincikan panduan tempoh bayaran dan pengeluaran resit. Polisi pengurusan kredit tidak disediakan menyebabkan jumlah pengutang UKMTech setakat bulan Oktober 2014 adalah berjumlah RM237,078. Sejumlah RM67,860 telah dihapus kira pada bulan Disember 2013.
- c. Pihak Audit mengesyorkan pertimbangan diberikan kepada perkara berikut bagi meningkatkan prestasi pengurusan syarikat:
- i. UKMTech perlu memastikan produk atau teknologi penyelidikan dan inovasi yang hendak dikomersialkan bercirikan keuntungan, penjanaan pendapatan yang cepat, penglibatan industri dan penyelidikan berorientasikan pasaran.
 - ii. UKMTech perlu menyediakan laporan kewangan projek yang menunjukkan secara terperinci jumlah pendapatan dan perbelanjaan setiap projek bagi memantau prestasi kewangan. Selain itu, UKMTech perlu menetapkan sasaran tempoh bagi mengkomersialkan sesuatu produk inovasi atau harta intelek yang telah disiapkan.
 - iii. UKMTech perlu segera menutup STU yang mengalami kerugian dan tidak aktif.
 - iv. UKMTech perlu menyediakan strategi dan pelan pengkomersialan produk inovasi dan harta intelek secara komprehensif bagi memastikan kejayaan pengkomersialan.
 - v. UKMTech hendaklah menyediakan peraturan pembayaran dan penerimaan yang lebih terperinci supaya pengurusan kewangan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.
 - vi. UKMTech hendaklah menyediakan prosedur kredit bagi memastikan kutipan dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur serta tunggakan hutang dapat dikurangkan seterusnya dapat mengelakkan hutang dihapus kira.



BAHAGIAN I

PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

1

PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menilai sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Sebanyak 5 aktiviti Badan Berkanun Persekutuan telah dipilih untuk diaudit bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Badan Berkanun Persekutuan yang terlibat sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan. Maklum balas yang diterima daripada Badan Berkanun Persekutuan dan agensi berkenaan telah diambil kira dalam laporan ini.

2

PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM *Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam*

2.1 LATAR BELAKANG

2.1.1 Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) telah ditubuhkan pada 1 Jun 2008 di bawah Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 673). PPSPPA dikawal selia oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Penubuhan PPSPPA adalah selaras dengan Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang diwartakan pada 30 Ogos 2007. Akta 672 telah memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan. Pada 27 Januari 2015, PPSPPA telah dijenamakan sebagai *Solid Waste And Public Cleansing Management Corporation* (SWCorp). Antara fungsi SWCorp adalah seperti berikut:

- a. Mengesyorkan dasar, perancangan dan strategi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada Kerajaan Persekutuan;
- b. Melaksana dan menguatkuaaskan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang tersebut;
- c. Memastikan fungsi dan obligasi pihak yang menjalankan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dijalankan dengan sepatutnya;
- d. Menggalakkan penyertaan dan mempertingkatkan kesedaran awam mengenai perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam; dan
- e. Menentu dan mengenakan fi, caj atau bayaran lain bagi perkhidmatan yang diberikan.

2.1.2 Pada 24 Jun 2011, Kerajaan telah bersetuju agar penswastaan sepenuhnya perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam dilaksanakan oleh 3 syarikat konsesi. Perjanjian konsesi telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia, SWCorp dan syarikat konsesi pada bulan September 2011. Berdasarkan perjanjian tersebut, hanya 6 negeri dan 2 Wilayah Persekutuan yang menerima pakai Akta 672. Syarikat konsesi yang terlibat adalah Alam Flora Sdn. Berhad bagi Zon Tengah, SWM Environment Sdn. Berhad bagi Zon Selatan dan Environment Idaman Sdn. Berhad bagi Zon Utara seperti jadual berikut:

JADUAL 2.1 : SYARIKAT KONSESI YANG TERLIBAT DENGAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

SYARIKAT KONSESI	ZON	NEGERI/WILAYAH PERSEKUTUAN
Alam Flora Sdn. Berhad	Tengah	Kuala Lumpur Putrajaya Pahang
SWM Environment Sdn. Berhad	Selatan	Johor Melaka Negeri Sembilan
Environment Idaman Sdn. Berhad	Utara	Kedah Perlis

Sumber: Perjanjian Konsesi Antara Kerajaan Malaysia, SWCorp Dan Syarikat Konsesi

2.1.3 Syarikat konsesi akan mengambil alih perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam daripada PBT dan sebagai balasan, PBT perlu membuat sumbangan kepada SWCorp bagi pembayaran kos pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. SWCorp pula akan membuat bayaran kepada syarikat konsesi atas perkhidmatan yang telah diberikan.

2.1.4 Skop perkhidmatan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi adalah kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Kutipan sisa pepejal meliputi kawasan di rumah kediaman (*landed, non-landed, town house and gated community*), rumah kedai, institusi awam, pasar awam, pusat penjaja awam, pasar malam dan pasar tani. Pembersihan awam pula meliputi pemotongan rumput; pembersihan jalan, tempat awam, longkang, tandas awam dan pantai; memungut dan melupus sampah haram serta bangkai.

2.1.5 *Key Performance Indicator* (KPI) adalah ukuran tahap keakuratan sesuatu perkhidmatan bagi memastikan mutu perkhidmatan memenuhi piawaian dan kualiti kerja yang ditetapkan. KPI juga digunakan untuk memantau dan menilai perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi. KPI penting untuk menentukan kadar bayaran yang akan dibuat berdasarkan perkhidmatan yang diberi. SWCorp mensasarkan kesemua 53 PBT yang menerima pakai Akta 672 mencapai KPI penuh pada atau sebelum bulan Ogos 2014, iaitu tahun ketiga penswastaan. KPI penuh diberikan apabila kriteria yang ditetapkan oleh JPSPN dipenuhi antaranya seperti mempunyai kenderaan dan peralatan yang mencukupi, jadual operasi pembersihan dan maklumat pekerja di lapangan. Cadangan pelaksanaan KPI penuh secara berperingkat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.2: CADANGAN PELAKSANAAN KPI PENUH SECARA BERPERINGKAT

ZON	TAHUN PERTAMA (SEPTEMBER 2011 SEHINGGA OGOS 2012)	TAHUN KEDUA (SEPTEMBER 2012 SEHINGGA OGOS 2013)	TAHUN KETIGA (SEPTEMBER 2013 SEHINGGA OGOS 2014)
Utara	MB Alor Setar MB Kangar MP Langkawi	MP Sungai Petani MP Kulim	MD Kubang Pasu MD Padang Terap MD Yan MD Pendang MP Kulim Hi-Tech MP Bandar Baharu MD Baling MD Sik
Tengah	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Perbadanan Putrajaya MP Kuantan MD Pekan	MD Rompin MD Bera MD Jerantut MD Maran MP Temerloh MP Bentong MD Lipis MD Raub MD Cameron Highland	-
Selatan	MP Seremban MB Melaka Bandaraya Bersejarah MP Hang Tuah Jaya MB Johor Bahru	MP Nilai MP Port Dickson MP Alor Gajah MP Johor Bahru Tengah MD Pontian MP Kulai MP Batu Pahat MP Muar	MD Rembau MD Kuala Pilah MD Tampin MD Jempol MD Jelebu MP Jasin MD Kota Tinggi MD Mersing MP Kluang MD Simpang Renggam MD Yong Peng MD Tangkak MP Pasir Gudang MD Segamat MD Labis

Sumber: Bahagian Sisa Domestik Dan Pembersihan Awam, SWcorp

Nota: MB- Majlis Bandaraya mempunyai jumlah penduduk tidak kurang 500,000 orang dan hasil tahunan PBT hendaklah melebihi RM100 juta;

*MP- Majlis Perbandaran mempunyai jumlah penduduk yang melebihi 150,000 orang dan hasil tahunan melebihi RM20 juta;
MD- Majlis Daerah mempunyai jumlah penduduk kurang daripada 150,000 orang dan hasil tahunan kurang daripada RM20 juta.*

2.1.6 Bagi tempoh tahun 2011 sehingga bulan Disember 2014, sejumlah RM3.58 bilion telah dibayar kepada semua syarikat konsesi bagi perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam.

2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam telah dilaksanakan secara cekap, teratur dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

2.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi bagi tahun 2011 sehingga 2014. Semakan dibuat terhadap akta, perjanjian konsesi, laporan, data, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan di Ibu Pejabat SWCorp, Pejabat SWCorp di negeri Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Wilayah Persekutuan (WP) Putrajaya dan WP Kuala Lumpur serta

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN). Analisis terhadap pengesyoran bayaran oleh SWCorp dibuat bagi tempoh Januari sehingga Disember 2014. Temu bual dengan pegawai SWCorp, JPSPN dan syarikat konsesi yang terlibat dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam turut diadakan. Selain itu, lawatan fizikal bersama pegawai penguatkuasa SWCorp juga telah diadakan meliputi 3 Majlis Bandaraya, 5 Majlis Perbandaran dan 3 Majlis Daerah di negeri Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Melaka, WP Putrajaya dan WP Kuala Lumpur. *Exit Conference* telah diadakan pada 2 September 2015 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPKT. Antara pegawai yang hadir adalah Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp, Ketua Pengarah JPSPN, wakil Kementerian Kewangan, wakil Unit Kerjasama Awam Swasta dan pegawai kanan Kementerian, JPSPN dan SWCorp.

2.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober 2014 sehingga Januari 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan sisa pepejal adalah memuaskan. Bagaimanapun, prestasi perkhidmatan pembersihan awam yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi bagi pembersihan longkang, *sump* dan pasar awam adalah **kurang sempurna dan tidak memuaskan** walaupun bayaran telah dibuat.

Antara kelemahan perkhidmatan pembersihan awam adalah seperti berikut:

- Berdasarkan sampel Audit, tuntutan dan bayaran yang tidak teratur bagi tahun 2014 kepada syarikat konsesi berjumlah RM56.36 juta kerana tuntutan dan pembayaran di luar skop/tidak dinyatakan di dalam perjanjian, pengesyoran dan bayaran yang diragui, pengesyoran dan bayaran tidak munasabah, tuntutan tidak berdasarkan kerja sebenar dan bayaran tidak berdasarkan kepada data inventori yang dimuktamadkan. **Bagi tempoh konsesi bulan September 2012 sehingga Disember 2014, anggaran bayaran kepada syarikat konsesi yang tidak teratur adalah berjumlah RM116.72 juta.** Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.3: TUNTUTAN DAN BAYARAN KEPADA SYARIKAT KONSESI YANG TIDAK TERATUR

BIL.	PERKARA	BAYARAN BAGI TAHUN 2014 (RM Juta)	ANGGARAN BAYARAN BAGI TEMPOH SEPT. 2012 HINGGA DIS. 2014 (RM Juta)
1.	Tuntutan dan pembayaran kepada syarikat konsesi di luar skop/tidak dinyatakan di dalam perjanjian.	24.92	34.69
2.	Pengesyoran dan bayaran kepada syarikat konsesi adalah diragui.	25.82	28.88
3.	Pengesyoran dan bayaran kepada syarikat konsesi tidak munasabah.	3.76	8.77
4.	Tuntutan tidak berdasarkan kerja sebenar menyebabkan lebihan bayaran.	0.70	11.90
5.	Bayaran dibuat tidak berdasarkan kepada data inventori yang telah dimuktamadkan.	1.16	32.48
JUMLAH		56.36	116.72

Sumber: Pengesyoran Bayaran Daripada Bahagian Sisa Domestik Dan Pembersihan Awam, SWCorp

- b. **Tunggakan bayaran oleh PBT** kepada SWCorp sehingga bulan Disember 2014 adalah tinggi iaitu berjumlah **RM326.11 juta**.
- c. *Database inventori* penting sebagai asas untuk pengesyoran bayaran dan tuntutan. *Database inventori* hendaklah sama dengan inventori sebenar di lokasi.
 - i. Data inventori bagi 36 skim di negeri Pahang, Kedah dan Perlis masih belum dimuktamadkan serta disahkan oleh SWCorp sehingga bulan Ogos 2014. Ini menyebabkan terdapat **perbezaan inventori** di antara tuntutan bulanan syarikat konsesi dengan pengesyoran bayaran daripada SWCorp.
 - ii. **Tuntutan syarikat konsesi dan pengesyoran bayaran SWCorp** bagi skop kerja pembersihan jalan bagi bulan September 2014 di WP Kuala Lumpur masih **tidak seragam** walaupun data inventori telah dimuktamadkan. Terdapat perbezaan inventori pembersihan jalan sebanyak 20,674,547 meter di antara pengesyoran dan data inventori yang dimuktamadkan.
 - iii. **Data inventori** yang telah dimuktamadkan adalah **diragui** kerana data *Geographic Information System* (GIS) tidak dikemukakan oleh syarikat konsesi dan disahkan oleh SWCorp.
 - iv. **Sistem database inventori** yang boleh dicapai secara *real time sharing* **tidak dibangunkan** oleh syarikat konsesi mengikut perjanjian tetapi hanya menyediakan data inventori secara manual. **Tiada klausa denda** yang dikenakan di dalam perjanjian sekiranya sistem *database inventori* tidak dibangunkan.
- d. Kelemahan *Intelligent Monitoring and Enforcement Management System* (iMEMS) di mana Sub Modul *Global Positioning System* (GPS) dan *Geographic Information System* (GIS) dalam sistem iMEMS **tidak digunakan sepenuhnya dan tidak aktif** bagi tujuan melihat kedudukan *handheld* yang digunakan oleh penguatkuasa semasa pemantauan.
- e. **Bebanan tugas** pegawai penguatkuasa **yang tinggi** iaitu secara purata seorang pegawai perlu mengawal selia 6,905 buah premis, 60,809 meter persegi keluasan rumput, 21,858 meter jalan dan 77,911 meter longkang berdasarkan kekerapan mengikut jadual perkhidmatan syarikat konsesi.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

2.4.1 Prestasi Perkhidmatan Pembersihan Awam Oleh Syarikat Konsesi

2.4.1.1 Mengikut Klausula 4 perjanjian konsesi, syarikat konsesi hendaklah melaksanakan semua tugas dengan penuh tanggungjawab dan efisien. Perkhidmatan yang dijalankan hendaklah berdasarkan kepada Lampiran IV dan V perjanjian dan mematuhi KPI seperti yang ditetapkan di Lampiran VI dan VII perjanjian. Selain itu, SWCorp turut menyediakan Garis Panduan Pemantauan Operasi Syarikat Konsesi sebagai panduan kepada pegawai penguatkuasa bagi memastikan syarikat konsesi melaksanakan perkhidmatan yang ditetapkan dalam perjanjian.

2.4.1.2 Pemeriksaan dan lawatan Audit bersama pegawai penguatkuasa SWCorp pada bulan November 2014 sehingga Januari 2015 di negeri Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Melaka, WP Putrajaya dan WP Kuala Lumpur mendapati perkhidmatan pembersihan awam yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi adalah kurang sempurna dan tidak memuaskan walaupun bayaran telah dibuat. Ini disebabkan kurang pemantauan dan penguatkuasaan oleh SWCorp. Selain itu, syarikat konsesi tidak dapat memberikan perkhidmatan yang ditetapkan dalam perjanjian kerana struktur premis individu yang diubahsuai menghalang kerja pembersihan. Ini menyebabkan kualiti perkhidmatan pembersihan syarikat konsesi tidak setimpal dengan bayaran yang dibuat.

a. Pembersihan Longkang Dan *Sump* Tidak Sempurna Serta Tidak Mengikut Kekerapan

- i. Kekerapan pembersihan longkang dan *sump* yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi adalah sekali dalam sebulan. Kadar yang ditetapkan bagi pembersihan longkang adalah RM0.0402 semeter manakala bagi pembersihan *sump* adalah RM50 seunit. Mengikut Garis Panduan Pemantauan Operasi Syarikat Konsesi, semua bahagian longkang hendaklah dbersihkan dan bebas dari sebarang halangan seperti batu besar, tumbuhan liar, sisa pepejal, keladak dan bahan asing sehingga menyebabkan air tidak dapat mengalir dengan lancar.
- ii. Pihak Audit mendapati syarikat konsesi tidak melakukan pembersihan mengikut kekerapan yang ditetapkan menyebabkan longkang dan *sump* dipenuhi dengan sampah sarap, tumbuhan liar dan keladak. Selain itu, syarikat konsesi juga tidak dapat melakukan pembersihan longkang disebabkan pemilik premis melakukan ubahsuai terhadap struktur longkang. Keadaan longkang dan *sump* adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.1
Sump Dipenuhi Tumbuhan Liar Dan Sampah Sarap



Lokasi: Kepong Industrial Park, WP Kuala Lumpur
Tarikh: 22 Januari 2015

GAMBAR 2.2
Longkang Dipenuhi Tanah Dan Tumbuhan Liar



Lokasi: Jalan Perindustrian Senai, Kulai
Tarikh: 19 November 2014

GAMBAR 2.3
Penutup Longkang Tidak Disenggara Menyukarkan Kerja Pembersihan



Lokasi: Kawasan Perindustrian Kuchai Lama
Tarikh: 21 Januari 2015

GAMBAR 2.4
Longkang Ditutup Menyebabkan Pembersihan Tidak Dapat Dijalankan



Lokasi: Kepong Industrial Park, WP Kuala Lumpur
Tarikh: 22 Januari 2015

GAMBAR 2.5
Pengubahsuaian Premis Yang Menutup Longkang



Lokasi: Taman Sri Melati Kulim
Tarikh: 19 November 2014



Lokasi: Taman Mutiara Kulim
Tarikh: 19 November 2014

Pada pendapat Audit, perkhidmatan pembersihan oleh syarikat konsesi adalah kurang memuaskan kerana pembersihan tidak dapat dibuat dengan sempurna disebabkan banyak halangan yang dibuat oleh pemilik premis dan tiada tindakan oleh pihak PBT.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp mengambil maklum teguran Audit dan telah memaklumkan pihak PBT mengenai teguran Audit serta tindakan perlu diselesaikan sebelum 30 Oktober 2015. Status tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

LOKASI	MAKLUM BALAS
Kepong Industrial Park, WP Kuala Lumpur	<p>Pembersihan telah dilaksanakan pada 2 Februari 2015. Pelarasan ke atas bayaran yang telah dibuat akan diselaraskan semasa bayaran bulan September 2015. Pelarasan dari bulan Oktober 2014 sehingga Januari 2015 adalah sebanyak RM100 sebulan atau RM400 bagi tempoh tersebut.</p> <p>Bagi longkang yang ditutup oleh pemilik premis, pelarasan akan dibuat melalui bulan September 2012 sehingga Ogos 2015. Pelarasan akan dilaksanakan di dalam tuntutan bayaran konsesi bagi bulan September 2015. Sebarang tuntutan mulai bulan Oktober 2015 tidak akan dibayar. SWCorp akan membuat perbincangan lanjut dengan pihak DBKL bagi menyelesaikan masalah ini sebelum 30 Oktober 2015.</p>
Jalan Perindustrian Senai, Kulai, Johor	<p>Jadual kerja pembersihan longkang adalah pada 1 sehingga 8 November 2014. Syarikat konsesi telah mengemukakan Borang Halangan Kerja pada 3 November 2014 kerana hujan tetapi tidak menyatakan tarikh kerja pembersihan. SWCorp Cawangan Kulai telah membuat semakan di seluruh Kawasan Perindustrian Senai pada 30 November 2014 dan mendapati kerja pembersihan longkang tidak dilakukan dengan sempurna dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Oleh itu, 2 ketidakpatuhan KPI berjumlah RM1,000 telah dikenakan di lokasi Jalan Perindustrian Senai 4 dan 5 kepada syarikat konsesi pada hari tersebut.</p> <p>SWCorp Cawangan Kulai akan memastikan setiap borang halangan kerja yang dihantar oleh syarikat konsesi perlu dinyatakan tarikh yang terperinci dan pindaan jadual operasi pembersihan yang baru.</p>
Kawasan Perindustrian Kuchai Lama, WP Kuala Lumpur	<p>Masalah berkaitan longkang di Kawasan Perindustrian Kuchai Lama telah dikemukakan kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui surat bertarikh 3 Mei 2013 tetapi masih tiada tindakan yang diambil sehingga lawatan Audit dilaksanakan. DBKL diminta memperbaiki penutup longkang berkenaan sebelum 30 Oktober 2015. Pemantauan yang lebih berkesan dibuat untuk memastikan syarikat konsesi sentiasa melaksanakan kerja mengikut jadual yang telah ditetapkan.</p>
Taman Sri Melati dan Taman Mutiara, Kulim Kedah	<p>Kerja pembersihan tetap dilaksanakan oleh syarikat konsesi menggunakan kaedah alternatif seperti ultrawhack dan water jetter. Sehubungan itu, surat pemakluman kepada Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) mengenai halangan tersebut telah dihantar pada 20 Ogos 2015 dan perkara ini juga telah dibangkitkan di dalam Mesyuarat Aduan MPKK Bil. 7/2015 pada 20 Ogos 2015.</p>

b. Pembersihan Pasar Awam Tidak Menyeluruh

- Mengikut perjanjian konsesi, tahap standard pembersihan pasar awam perlu dilakukan setiap hari dan kadar yang ditetapkan bagi pembersihan adalah RM0.18 semeter persegi di setiap kawasan dalam pasar awam yang merangkumi kemudahan, tempat penyimpanan sisa dan perabot kegunaan awam. Kawasan pasar awam yang perlu dibersihkan adalah meliputi kawasan berpagar atau jika tidak berpagar, ia dirujuk kepada tempat letak kereta, tandas awam, longkang awam dan pusat pengumpulan sisa. Syarikat konsesi perlu memastikan kawasan lantai sentiasa bersih, tidak licin dan tiada air bertakung. Pembersihan perlu dibuat secara kerap dan memastikan semua kawasan di pasar awam bebas dari tempat pembiakan nyamuk.

- ii. Semakan Audit terhadap pengesyoran bayaran bulan Ogos 2014 oleh SWCorp mendapati keluasan Pasar Besar Alor Setar adalah 44,677 meter persegi dan kos pembersihan berjumlah RM241,256. Bagaimanapun, lawatan Audit bersama pegawai penguatkuasa SWCorp pada 17 November 2014 di Pasar Besar Alor Setar mendapati kerja pembersihan adalah tidak menyeluruh disebabkan perkara berikut:
- Halangan struktur berpagar oleh peniaga pemprosesan ayam. Walaupun peniaga membersihkan sendiri lantai premisnya tetapi sisa yang dibersihkan disalurkan ke longkang menyebabkan pengaliran air terganggu.
 - Perangkap minyak yang tidak dibersihkan di restoran yang tidak beroperasi menyebabkan air bertakung dan menjadi tempat pembiakan nyamuk.
 - Sebahagian longkang dalam kawasan pasar juga dipenuhi sampah sarap yang boleh menyebabkan aliran air tersekat.

- iii. Keadaan Pasar Besar Alor Setar adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.6
Sisa Disalurkan Ke Longkang Menyebabkan Pengaliran Air Terganggu



Lokasi: Pasar Besar Alor Setar
Tarikh: 17 November 2014

GAMBAR 2.7
Longkang Dipenuhi Sampah Sarap



Lokasi: Pasar Besar Alor Setar
Tarikh: 17 November 2014

Pada pendapat Audit, perkhidmatan pembersihan Pasar Besar Alor Setar oleh syarikat konsesi tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna dan menyeluruh disebabkan oleh wujudnya halangan struktur berpagar oleh peniaga dan ada kawasan yang masih di luar skop pemantauan SWCorp.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp mengesahkan kerja pembersihan pasar tidak dapat dilaksanakan secara sempurna kerana terdapat halangan struktur berpagar oleh peniaga pemprosesan ayam. SWCorp telah menghantar surat kepada Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) pada 23 Ogos 2015 untuk mengambil tindakan terhadap peniaga tersebut.

SWCorp juga telah mengeluarkan notis peringatan pada 29 Oktober 2014 untuk peniaga membuang sisa pemprosesan ayam ke dalam tong yang disediakan. SWCorp akan mengambil langkah penambahbaikan dengan menyediakan jadual perkhidmatan pembersihan yang lebih terperinci mulai bulan September 2015. Perangkap minyak juga telah dibersihkan selepas teguran Audit. Surat makluman mengenai kerja menyenggara perangkap minyak telah dihantar kepada MBAS pada 23 Ogos 2015.

2.4.2 Prestasi Kewangan

2.4.2.1 Keperluan Kewangan

- a. Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam diwujudkan di bawah Seksyen 27 Akta 673 bagi membuat bayaran perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada geran mengurus yang disalurkan oleh KPKT dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan PBT. Perjanjian di antara Kerajaan dan PBT menetapkan PBT perlu membayar sumbangan kepada SWCorp setiap bulan berdasarkan kadar perkhidmatan kutipan dan pembersihan awam yang sedia ada bagi inventori yang diterima semasa perjanjian. Bagi inventori yang diterima selepas perjanjian, kadar sumbangan adalah mengikut kadar yang tertinggi antara kadar sedia ada dan kadar dalam perjanjian konsesi.
- b. Semakan Audit mendapati kos penswastaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dianggarkan bagi tempoh 21 tahun adalah berjumlah RM28.30 bilion. Jumlah ini perlu dijelaskan melalui Geran Kerajaan Persekutuan sejumlah RM17.72 bilion dan sumbangan daripada PBT sejumlah RM10.58 bilion. Kerajaan perlu menanggung kos keseluruhan penswastaan sekiranya PBT tidak memberi sumbangan. Anggaran perbelanjaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bagi tempoh 21 tahun adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.4 : IMPLIKASI KEWANGAN KOS PENSWASTAAN

TEMPOH	ANGGARAN PERBELANJAAN (RM Bilion)		
	KOS PENSWASTAAN	GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	SUMBANGAN PBT
7 Tahun Pertama	8.15	5.10	3.05
7 Tahun Kedua	9.37	5.87	3.50
7 Tahun Ketiga	10.78	6.75	4.03
JUMLAH	28.30	17.72	10.58

Sumber: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara

Pada pendapat Audit, pelaksanaan penswastaan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam melibatkan peruntukan kewangan yang tinggi. Bagaimanapun, tanggungan Kerajaan Persekutuan dapat dikurangkan sekiranya PBT membuat bayaran sumbangan yang ditetapkan mengikut perjanjian.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

Memorandum Jemaah Menteri (MJM) mengenai Pelaksanaan Akta 672 di Semenanjung Malaysia yang dibentangkan pada 24 Jun 2011 kepada Kabinet telah membuat pengiraan kos tersebut berdasarkan anggaran bilangan premis yang diperolehi dari PBT pada tahun 2011. Pengiraan juga telah mengambil kira kenaikan bilangan premis, inventori dan kawasan dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, anggaran yang dibuat di dalam MJM berkaitan adalah lebih rendah dari implementasi sebenar. Perbezaan anggaran ini adalah disebabkan oleh:

- *Penswastaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara berperingkat mengikut KPI.*
- *Pertambahan inventori dari kawasan baru yang diserahkan oleh PBT kepada SWCorp untuk diuruskan yang dianggarkan akan meningkat setiap tahun.*
- *Peningkatan kekerapan dan skop perkhidmatan di lokasi yang dipohon oleh PBT.*

SWCorp telah mengambil beberapa inisiatif bagi mengawal kenaikan kos pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Cadangan inisiatif yang akan dan sedang diambil adalah seperti berikut:

- *Pelaksanaan Sistem Direct Billing atau Paid As You Throw (PAYT) di mana sebahagian daripada kos pengurusan sisa pepejal akan ditanggung oleh penjana sisa secara terus.*
- *Pelaksanaan Asingkan Sisa Pepejal Daripada Sumber yang berkuatkuasa pada 1 September 2015 di mana masyarakat diwajibkan mengasingkan sisa pepejal yang boleh dan tidak boleh dikitar semula. Melalui pelaksanaan inisiatif ini, iaanya akan meningkatkan kecekapan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal seterusnya mengurangkan kos kutipan dan pelupusan.*
- *Pelaksanaan kajian permulaan (preliminary study) bagi mengoptimumkan kos perkhidmatan pembersihan awam bersama JPSPN dan PEMANDU.*

2.4.3 Tuntutan Dan Bayaran Kepada Syarikat Konsesi Tidak Teratur

2.4.3.1 Setiap tuntutan daripada syarikat konsesi dan bayaran yang dibuat hendaklah teratur bagi memastikan pembayaran yang dibuat adalah munasabah,

mempunyai bukti yang mencukupi, jelas dan tepat selaras dengan perkhidmatan yang diberikan. Selain itu, tuntutan yang dibuat hendaklah berdasarkan kepada skop perkhidmatan yang dipersetujui dalam perjanjian konsesi. Pengesongan bayaran ialah dokumen yang disediakan oleh Pengurus Cawangan SWCorp yang memperincikan kerja dan perkhidmatan yang dilakukan oleh syarikat konsesi pada setiap bulan. Dokumen berkenaan mengandungi nama dan kategori inventori, kadar, kekerapan dan jumlah yang perlu dibayar bagi setiap skop kerja mengikut skim dan kawasan yang diberikan perkhidmatan. Pengesongan bayaran dibuat setelah mendapat tuntutan bulanan daripada syarikat konsesi. Bahagian Kewangan akan membuat pembayaran kepada syarikat konsesi berdasarkan pengesongan bayaran yang telah disahkan oleh Bahagian Sisa Domestik Dan Pembersihan Awam.

2.4.3.2 Semakan Audit mendapati tuntutan dan bayaran kepada syarikat konsesi adalah tidak teratur kerana tuntutan dan pembayaran di luar skop/tidak dinyatakan dalam perjanjian, pengesongan dan bayaran yang diragui, tuntutan tidak munasabah, tuntutan tidak berdasarkan kerja sebenar dan bayaran tidak berdasarkan kepada inventori yang dimuktamadkan. Berdasarkan sampel Audit, bayaran yang tidak teratur bagi tahun 2014 kepada syarikat konsesi berjumlah RM56.36 juta. Bagaimanapun, bayaran yang tidak teratur kepada syarikat konsesi bagi bulan September 2012 sehingga Disember 2014 adalah dianggarkan berjumlah RM116.72 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.5: TUNTUTAN DAN BAYARAN KEPADA SYARIKAT KONSESI YANG TIDAK TERATUR

BIL.	PERKARA	BAYARAN (RM Juta)	ANGGARAN BAYARAN BAGI TEMPOH SEPT. 2012 HINGGA DIS. 2014 (RM Juta)
1.	Tuntutan Dan Pembayaran Kepada Syarikat Konsesi Di Luar Skop/Tidak Dinyatakan Di Dalam Perjanjian <ul style="list-style-type: none"> a. Skop kerja pembersihan longkang, tempat awam dan pembersihan lain di WP Putrajaya tidak dinyatakan dalam perjanjian. b. Skop kerja pembersihan tempat awam (siar kaki) di WP Kuala Lumpur tidak dinyatakan dalam perjanjian. 	17.59 (Tahun 2014) 7.33 (Tahun 2014)	17.59* 17.10
2.	Pengesongan Dan Bayaran Kepada Syarikat Konsesi Adalah Diragui <ul style="list-style-type: none"> a. Pengesongan bayaran terhadap pembersihan siar kaki dan <i>upkeeping</i> bagi Skim 2 WP Putrajaya dibuat secara <i>lump sum</i> tanpa pecahan inventori mengikut kawasan. b. Keluasan inventori yang sama bagi <i>upkeeping</i> dan pemotongan rumput di Skim 1 WP Putrajaya. 	24.80 (Tahun 2014) 1.02 (Sept. 2014)	24.80* 4.08 (Sept. - Dis. 2014)

PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam

BIL.	PERKARA	BAYARAN (RM Juta)	ANGGARAN BAYARAN BAGI TEMPOH SEPT. 2012 HINGGA DIS. 2014 (RM Juta)
3.	Pengesongan dan bayaran kepada syarikat konsesi tidak munasabah <ul style="list-style-type: none"> a. Bayaran kepada syarikat konsesi terhadap pembersihan longkang di Jalan Hujan Abu 2 Taman OUG, Skim 14 WP Kuala Lumpur bagi tahun 2014 adalah tidak munasabah berbanding bayaran yang sepatutnya menyebabkan SWCorp telah terlebih bayar kepada syarikat konsesi. b. Tuntutan syarikat konsesi bagi pembersihan longkang di Lebuh Raya Sultan Bahiyah, Alor Setar adalah pada kadar KPI penuh bagi longkang konkrit jenis terbuka walaupun kebanyakannya longkang tanah. c. Sebanyak 6 tong roro disediakan bagi kutipan sisa pepejal di Pasar Borong Selayang dengan kekerapan sebanyak 3 kali sehari berbanding keperluan sebenar hanya 4 tong roro dengan kekerapan sekali sehari. Ini menyebabkan SWCorp telah membuat lebihan bayaran kepada syarikat konsesi bagi tempoh bulan Januari 2014 sehingga Januari 2015. 	2.98 (Tahun 2014)	6.95
		0.18 (Tahun 2014)	0.42
		0.60 (Tahun 2014)	1.40
4.	Tuntutan tidak berdasarkan kerja sebenar menyebabkan lebihan bayaran <ul style="list-style-type: none"> a. Data inventori bagi pengesongan bayaran bagi 5 lokasi yang dilawati adalah lebih tinggi berbanding inventori sebenar. b. Pengesongan bayaran SWCorp bagi 4 skim di WP Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah lebih tinggi berbanding tuntutan syarikat konsesi. c. Pengesongan bayaran terhadap tuntutan yang tidak dibuat oleh syarikat konsesi bagi 4 skim di WP Kuala Lumpur. 	0.30 (Tahun 2014)	0.70
		0.29 (Sept. 2014)	8.12
		0.11 (Sept. 2014)	3.08
5.	Bayaran dibuat tidak berdasarkan kepada data inventori yang telah dimuktamadkan. [Rujuk perenggan 2.4.5.1.(c)].	1.16 (Sept. 2014)	32.48
JUMLAH		56.36	116.72

Sumber: Pengesongan Bayaran Daripada Bahagian Sisa Domestik Dan Pembersihan Awam, SWCorp

(* Bayaran hanya bagi tahun 2014 kerana jumlah sebenar tidak dapat ditentukan memandangkan inventori dan kadar bayaran setiap bulan adalah berbeza).

a. Tuntutan Dan Pembayaran Kepada Syarikat Konsesi Di Luar Skop/ Tidak Dinyatakan Di Dalam Perjanjian

- i. Mengikut Lampiran V perjanjian konsesi, skop perkhidmatan pembersihan awam adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 2 Akta 672 iaitu membersihkan jalan awam, tempat awam, tandas awam dan longkang awam; membersihkan pusat penjaja dan pasar kecuali medan makan dan pasar yang dipunyai serta disenggara secara persendirian; membersihkan sisa pepejal terkawal yang dibuang dengan menyalahi undang-undang di atas jalan dan tempat awam (sisa haram); membersihkan pantai; memotong rumput di tepi bebendul jalan awam; memotong rumput di tempat awam dan mengalihkan bangkai. Kadar yang ditetapkan bagi setiap skop perkhidmatan yang diberikan adalah seperti di Lampiran IX perjanjian.

- ii. Semakan Audit terhadap pengesyoran bayaran tahun 2014 bagi WP Putrajaya dan WP Kuala Lumpur mendapati pembayaran telah dibuat kepada syarikat konsesi terhadap skop kerja pembersihan longkang, tempat awam dan pembersihan lain yang tidak dinyatakan dalam perjanjian berjumlah RM17.59 juta bagi WP Putrajaya dan RM7.33 juta bagi WP Kuala Lumpur seperti jadual berikut:

JADUAL 2.6 : PEMBAYARAN TERHADAP SKOP KERJA DI WP PUTRAJAYA YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM PERJANJIAN

SKOP KERJA		KADAR (RM)	KEKERAPAN (Sebulan)	AMAUN SETAHUN (RM Juta)
Longkang Awam	Culvert Tertutup Di Jalan Utama / Protocol	3.35/unit	1	7.83
	Gully	1.50/unit	1	0.53
	GPT	2,115/unit	1	0.93
	GPT Rocla	2,522.90/unit	1	0.24
Tempat Awam	Pembersihan Siar Kaki	2.08/meter	1	6.13
Pembersihan Lain	Pembersihan Litter Bin	2.00/unit	30	0.23
	Pembersihan Rumah Sampah	5.30/meter persegi	7	0.24
	Pembersihan Jalan Litter Picking	116.63/Supervisor 76.25/PRA 7.00/transport 3.00/consumable	30	0.19
	Kutipan dan Pembersihan Tapak Acara/Majlis	Lump sum	TB	0.83
	Kerja Adhoc	Lump sum	TB	0.44
JUMLAH				17.59

Sumber: Pengesyoran Bayaran Tahun 2014

JADUAL 2.7 : PEMBAYARAN TERHADAP SKOP KERJA SIAR KAKI DI WP KUALA LUMPUR YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM PERJANJIAN

BULAN/TAHUN 2014	INVENTORI (Meter Persegi)	KADAR SEMETER PERSEGI (RM)	KEKERAPAN (Sebulan)	AMAUN (RM)	JUMLAH (RM)
Januari	23,677.29 214,083.19	3.20 2.50	1 1	75,767.33 535,207.98	610,975
Februari	23,677.29 214,083.19	3.20 2.50	1 1	75,767.33 535,207.98	610,975
Mac	23,677.29 214,083.19	3.20 2.50	1 1	75,767.33 535,207.98	610,975
April	23,677.29 214,083.19	3.20 2.50	1 1	75,767.33 535,207.98	610,975
Mei	23,677.29 214,083.19	3.20 2.50	1 1	75,767.33 535,207.98	610,975
Jun	23,677.29 214,083.19	3.20 2.50	1 1	75,767.33 535,207.98	610,975
Julai	23,677.29 214,083.19	3.20 2.50	1 1	75,767.33 535,207.98	610,975
Ogos	23,677.29 214,083.19	3.20 2.50	1 1	75,767.33 535,207.98	610,975
September	23,677.29 214,083.19	0.2133 0.25	15 10	75,755.49 535,207.98	610,963
Oktober	23,677.29 214,083.19	0.2133 0.25	15 10	75,755.49 535,207.98	610,963

BULAN/ TAHUN 2014	INVENTORI (Meter Perseg)	KADAR SEMETER PERSEGI (RM)	KEKERAPAN (Sebulan)	AMAUN (RM)	JUMLAH (RM)
November	23,677.29 214,083.19	0.2133 0.25	15 10	75,755.49 535,207.98	610,963
Disember	23,677.29 214,083.19	0.2133 0.25	15 10	75,755.49 535,207.98	610,963
JUMLAH KESELURUHAN					7,331,652

Sumber: Dokumen Tuntutan Dan Pengesyoran Bayaran

Nota:

- 1) Kadar harga RM3.20 dan RM2.50 semeter persegi adalah berdasarkan perjanjian di antara PBT dengan subkontraktor syarikat konsesi dan pengesyoran SWCorp.
- 2) JPSPN telah meluluskan kadar baru iaitu RM0.60 dan RM0.71 semeter persegi dengan kekerapan 15 hingga 10 kali sebulan mulai 1 Ogos 2014. Bagaimanapun kelulusan ini telah ditarik balik pada 17 November 2014 kerana isu berkaitan perundangan yang perlu diselesaikan.
- 3) Kadar harga RM0.2133 dan RM0.25 semeter persegi dengan kekerapan 15 hingga 10 kali sebulan adalah berdasarkan Kertas Cadangan Tuntutan Kenaikan Kadar Harga Kerja Pencucian Siar Kaki oleh subkontraktor syarikat konsesi.

Pada pendapat Audit, pengesyoran yang dibuat oleh SWCorp adalah tidak tepat dan teratur kerana pengesyoran dibuat bagi perkhidmatan yang tiada dalam perjanjian.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp memaklumkan terdapat permintaan daripada PBT kepada SWCorp untuk melaksanakan pembersihan siar kaki bagi meningkatkan kebersihan kawasan perkhidmatan. Hanya 2 PBT yang diberi perkhidmatan di luar skop iaitu WP Kuala Lumpur dan Putrajaya. SWCorp mengambil maklum mengenai skop dan kadar seperti yang tercatat di Lampiran V dan IX perjanjian konsesi.

SWCorp bersetuju untuk melaksanakan kerja di luar skop perjanjian konsesi setelah dimaklumkan bahawa segala pembayaran adalah tidak menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, sebaliknya ditanggung oleh PBT yang berkenaan. Jumlah yang dibayar terhadap kerja di luar skop bagi WP Putrajaya adalah sejumlah RM17.52 juta. Bagaimanapun, PBT hanya membayar sejumlah RM6.57 juta manakala sejumlah RM10.95 juta telah dibayar oleh SWCorp dan akan dilaraskan kelak selepas Bengkel Pemurnian Data Luar Skop bagi kawasan Putrajaya dari September 2011 sehingga kini.

SWCorp berpendapat pindaan yang perlu dibuat adalah terhadap perincian kepada kaedah dan kadar harga pembersihan melalui Perjanjian Tambahan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat SLC pada 21 hingga 22 September 2015.

b. Pengesyoran Dan Bayaran Kepada Syarikat Konsesi Adalah Diragui

- i. Mengikut perjanjian konsesi, pembayaran bulanan terhadap perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam perlu mengikut kadar yang ditetapkan dalam Lampiran IX perjanjian konsesi dan database inventori yang dikemas kini dari semasa ke semasa oleh syarikat konsesi serta disahkan oleh SWCorp. Database inventori perlu disediakan oleh syarikat konsesi

dalam tempoh 6 bulan selepas perjanjian ditandatangani mengikut format yang ditetapkan dalam Lampiran XI perjanjian konsesi.

- ii. Pihak Audit mendapati pengesoran bayaran terhadap pembersihan siar kaki pada kadar RM2.08 semeter persegi dan *upkeeping* pada kadar RM0.0402 semeter persegi bagi bulan Jun sehingga Oktober 2014 di Skim 2 WP Putrajaya telah dibuat secara *lump sum* tanpa mengikut pecahan kawasan. Ini disebabkan syarikat konsesi dan SWCorp masih belum memuktamadkan inventori pembersihan siar kaki dan *upkeeping* di skim tersebut berikutan pertambahan kawasan baru. Oleh itu, pembayaran kepada syarikat konsesi berjumlah RM2.12 juta bagi pembersihan siar kaki dan RM22.68 juta bagi *upkeeping* adalah diragui kerana dibuat secara *lump sum* tanpa menyatakan pecahan inventori mengikut kawasan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.8 : PEMBERSIHAN SIAR KAKI DAN UPKEEPING DI SKIM 2 WP PUTRAJAYA YANG DIBUAT SECARA LUMP SUM

SKOP PEMBERSIHAN	KADAR (RM/Meter Persegi)	KEKERAPAN SEBULAN	BULAN/TAHUN 2014	SKIM 2		
				INVENTORI (Meter Persegi)	AMAUN (RM)	
Siar Kaki	2.08	1 kali	Julai	87,744	182,508	
			Ogos	70,834	147,335	
			September	430,610	895,669	
			Oktober	430,610	895,669	
JUMLAH				2,121,181		
Upkeeping	0.0402	30 kali	Jun	3,938,677	4,750,045	
		31 kali	Julai	3,384,926	4,218,295	
		31 kali	Ogos	3,672,070	4,576,134	
		30 kali	September	3,789,126	4,569,686	
		31 kali	Oktober	3,789,126	4,569,686	
JUMLAH				22,683,846		
JUMLAH KESELURUHAN					24,805,027	

Sumber: Pengesoran Bayaran

- iii. Semakan lanjut terhadap pengesoran bayaran bulan September 2014 bagi Skim 1 WP Putrajaya mendapati inventori bagi *upkeeping* di Lebuh Sentosa, Lebuh Wawasan dan Persiaran Utara adalah sama dengan keluasan inventori pemotongan rumput. Keluasan inventori bagi pemotongan rumput sepatutnya kurang daripada inventori *upkeeping* kerana terdapat struktur longkang, siar kaki dan laluan motosikal yang tidak berumput. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.9 : KELUASAN INVENTORI YANG SAMA BAGI UPKEEPING DAN PEMOTONGAN RUMPUT DI SKIM 1 WP PUTRAJAYA

LOKASI	UPKEEPING		PEMOTONGAN RUMPUT	
	INVENTORI (Meter Perseggi)	AMAUN (RM)	INVENTORI (Meter Perseggi)	AMAUN (RM)
Lebuh Sentosa	141,000	177,660	141,000	30,061
Lebuh Wawasan	141,000	177,660	141,000	30,061
Persiaran Utara	409,700	516,222	409,700	87,348
JUMLAH	691,700	871,542	691,700	147,470
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			1,019,012	

Sumber: Pengesongan Bayaran Bulan September 2014

GAMBAR 2.8
Kawasan Rumput Yang Mempunyai Siar Kaki Dan Laluan Motosikal



Lokasi: Persiaran Utara
Tarikh: 10 Disember 2014



Lokasi: Persiaran Utara
Tarikh: 10 Disember 2014

Pada pendapat Audit, keluasan inventori pemotongan rumput sebenar adalah lebih kecil berbanding dengan keluasan *upkeeping* kerana tidak mengambil kira keluasan siar kaki, longkang dan laluan motosikal. Ini boleh menyebabkan berlakunya lebihan bayaran.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp memaklumkan semua tuntutan daripada syarikat konsesi adalah berdasarkan data inventori terperinci yang disertakan. Pembayaran berdasarkan pengesahan dan semakan di lapangan. Hanya jumlah akhir sahaja dimasukkan di dalam pengesongan kerana SWCorp masih dalam proses menyalin semua lokasi terperinci ke dalam softcopy pengesongan. Bagaimanapun, pengesongan bulan November 2014 dibuat secara terperinci.

*SWCorp juga memaklumkan *upkeeping* bermaksud kerja-kerja pembersihan tempat awam termasuk pencucian kemudahan awam yang lain seperti pencucian bollard dan pencucian litter bin. Pengesongan yang dibuat bagi bulan September 2014 bagi kerja *upkeeping* dan pemotongan rumput telah menggunakan inventori yang sama kerana data inventori sebenar bagi *upkeeping* masih belum*

dimuktamadkan. Data ini hanya mula digunakan pada bulan September 2014. Sebelum ini, kadar lump sum digunakan. Sejak tahun 2011, SWCorp telah memohon pihak konsesi untuk menyediakan maklumat berkaitan data inventori mengikut skim bagi tujuan pembayaran.

SWCorp telah mengambil beberapa inisiatif bagi menyelesaikan masalah inventori tersebut antaranya pada 8 November 2013, satu Task Force pengesahan data serta inventori antara SWCorp dan syarikat konsesi dibuat berdasarkan arahan Ketua Pegawai Eksekutif. Task Force ini melibatkan 11 orang pegawai dari Kelantan dan 13 orang dari Terengganu serta 12 unit peralatan GPS telah ditambah untuk memuktamadkan data inventori. Proses memuktamadkan data selesai keseluruhannya pada 6 Julai 2015.

c. Pengesyoran Dan Bayaran Kepada Syarikat Konsesi Tidak Munasabah

i. Pembersihan Longkang Di Jalan Hujan Abu 2 Taman OUG

- Mengikut Arahan Perbendaharaan 93 (i), setiap pembayaran yang dibuat hendaklah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab supaya bayaran dibuat tidak akan menyebabkan lebihan atas amaun yang diperuntukkan.
- Semakan Audit terhadap pengesyoran bayaran tahun 2014 di Skim 14 WP Kuala Lumpur mendapati pembersihan longkang di Jalan Hujan Abu 2 Taman OUG berjumlah RM2.99 juta setahun bagi longkang sepanjang 277.27 kilometer. Berdasarkan pengesyoran bayaran, pembersihan longkang meliputi *log boom/slit trap*, longkang terbuka ($450\text{mm} < \text{lebar} < 1000\text{mm}$), longkang terbuka ($\text{lebar} > 2000\text{mm}$) dan longkang tertutup yang mempunyai kadar yang berbeza.
- Bagaimanapun, lawatan Audit bersama pegawai penguatkuasa SWCorp pada 22 Januari 2015 mendapati panjang longkang hanya 0.528 kilometer bagi longkang jenis terbuka ($450\text{mm} < \text{lebar} < 1000\text{mm}$) dengan kadar RM0.4393 permeter berjumlah RM231.95 sebulan atau RM2,783 setahun. Pihak Audit tidak dapat mengesan *log boom/slit trap*, longkang terbuka ($\text{lebar} > 2000\text{mm}$) dan longkang tertutup yang dinyatakan dalam pengesyoran bayaran. Berdasarkan pengesyoran bayaran ini, SWCorp telah membayar kepada syarikat konsesi sejumlah RM2.99 juta berbanding jumlah sebenar sejumlah RM2,783 pada tahun 2014. Butiran lanjut adalah seperti gambar dan jadual berikut:

GAMBAR 2.9
Jalan Hujan Abu 2, Taman OUG



Lokasi: Jalan Hujan Abu 2, Taman OUG
Tarikh: 21 Januari 2015

GAMBAR 2.10
**Longkang Terbuka (450mm<lebar<1000mm)
Di Jalan Hujan Abu 2, Taman OUG**



Lokasi: Jalan Hujan Abu 2, Taman OUG
Tarikh: 21 Januari 2015

**JADUAL 2.10 : PERBEZAAN BAYARAN BAGI PEMBERSIHAN LONGKANG JALAN HUJAN ABU 2,
TAMAN OUG KUALA LUMPUR BAGI TAHUN 2014**

BULAN	PANJANG LONGKANG		BAYARAN		PERBEZAAN BAYARAN (RM)
	DISYORKAN (KM)	SEBENAR (KM)	DISYORKAN (RM)	SEPATUTNYA (RM)	
Januari	277.27	0.528	248,816.60	231.95	248,584.65
Februari	277.27	0.528	248,816.60	231.95	248,584.65
Mac	277.27	0.528	248,816.60	231.95	248,584.65
April	277.27	0.528	248,816.60	231.95	248,584.65
Mei	277.27	0.528	248,816.60	231.95	248,584.65
Jun	277.27	0.528	248,816.60	231.95	248,584.65
Julai	277.27	0.528	248,816.60	231.95	248,584.65
Ogos	277.27	0.528	249,379.63	231.95	249,147.68
September	277.27	0.528	248,816.60	231.95	248,584.65
Oktober	277.27	0.528	249,379.63	231.95	249,147.68
November	277.27	0.528	249,379.63	231.95	249,147.68
Disember	277.27	0.528	248,816.60	231.95	248,584.65
JUMLAH			2,987,488.29	2,783.40	2,984,704.89

Sumber: Pengesongan Bayaran Tahun 2014 Dan Lawatan Fizikal Pada 22 Januari 2015

Pada pendapat Audit, pengesongan bayaran dibuat tanpa semakan yang teliti oleh SWCorp telah menyebabkan Kerajaan membuat lebihan bayaran terhadap perkhidmatan yang tidak diberi.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp mengakui bahawa data panjang longkang bagi Taman OUG di dalam dokumen pengesongan adalah tidak tepat. Semakan semula mendapati panjang longkang sebanyak 277.27 kilometer adalah meliputi 63 buah taman termasuk Taman OUG. SWCorp telah menyemak semula longkang sebanyak 277.27

kilometer tersebut dan menyenaraikan mengikut 63 taman, mulai tuntutan bulan April 2015. SWCorp mengakui terdapat kesilapan semasa pihak konsesi membuat penyenaraian semula data pada bulan Disember 2013. Nama-nama jalan di 63 taman telah diduplikasi dengan nama Jalan Hujan Abu 2, Taman OUG. Oleh yang demikian, SWCorp tidak membuat sebarang bayaran melebihi yang sepatutnya.

Hasil semakan semula ke atas maklum balas dan dokumen sokongan yang dikemukakan, pihak Audit mendapati longkang di jalan-jalan yang disenaraikan masih merujuk kepada Taman OUG tidak kepada 63 taman yang dimaklumkan oleh SWCorp. Selain itu, panjang inventori yang disenaraikan juga melebihi 277.27 kilometer.

ii. Pembersihan Longkang Di Lebuh Raya Sultanah Bahiyah, Alor Setar Kedah

- Struktur dan spesifikasi longkang yang sempurna adalah kriteria penting bagi memastikan penyenggaraan berkala dapat dilaksanakan dengan baik. SWCorp perlu memastikan longkang dalam keadaan sempurna sebelum KPI penuh dilaksanakan. Kadar bagi KPI penuh pembersihan longkang yang ditetapkan adalah RM0.4393 semeter bagi longkang terbuka ($450\text{mm} < \text{lebar} < 1000\text{mm}$) dan RM0.3626 semeter bagi longkang tanah. Denda bagi kesalahan tidak mematuhi KPI akan dikenakan kepada syarikat konsesi sekiranya saluran longkang tidak dibersihkan daripada sisa pepejal, sampah sarap, benda asing, tumbuhan atau sebarang halangan di dalam saluran longkang.
- Pihak Audit mendapati tuntutan syarikat konsesi dan pengesyoran bayaran pada tahun 2014 terhadap pembersihan longkang di Lebuh Raya Sultanah Bahiyah, Alor Setar sepanjang 34,056 meter berjumlah RM14,960 sebulan atau RM179,520 setahun adalah pada kadar KPI penuh walaupun keadaan longkang tidak memenuhi kriteria. Ini disebabkan Bandaraya Alor Setar telah mendapat KPI penuh mulai bulan September 2012. Selain itu, lawatan Audit bersama pegawai penguatkuasa SWCorp dan wakil syarikat konsesi pada 20 November 2014 mendapati sebahagian longkang tanah di kawasan tersebut tidak berfungsi dan rosak menyebabkan syarikat konsesi tidak dapat menjalankan pembersihan longkang dengan baik. Keadaan longkang tersebut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.11

Air Longkang Yang Tersekat Kerana Hanya Menggunakan Paip PVC Untuk Menghubungkan 2 Longkang



Lokasi : Lebuh Raya Sultanah Bahiyah, Alor Setar Kedah
Tarikh : 20 November 2014

GAMBAR 2.12

Longkang Yang Sepatutnya Menggunakan Culvert Untuk Menghubungkan 2 Longkang



Lokasi : Lebuh Raya Sultanah Bahiyah, Alor Setar Kedah
Tarikh : 20 November 2014

GAMBAR 2.13

Paip Culvert Longkang Tanah Tidak Berfungsi



Lokasi : Lebuh Raya Sultanah Bahiyah, Alor Setar Kedah
Tarikh : 20 November 2014

GAMBAR 2.14

Longkang Tanah Yang Tidak Wujud



Lokasi : Lebuh Raya Sultanah Bahiyah, Alor Setar Kedah
Tarikh : 20 November 2014

- Semakan lanjut mendapati kebanyakan longkang adalah jenis longkang tanah dan kadar yang ditetapkan adalah RM0.3626 semeter. Bagaimanapun, tuntutan syarikat konsesi adalah berdasarkan longkang konkrit jenis terbuka pada kadar RM0.4393 semeter. Selain itu, pihak Audit juga mendapati syarikat konsesi tidak dikenakan denda kesalahan KPI walaupun keadaan longkang tidak bersih dan banyak halangan. Ini kerana tiada penetapan kriteria bagi denda KPI longkang tanah dan longkang tersebut sentiasa terdedah kepada lumpur dan tumbuhan liar.

Pada pendapat Audit, tuntutan yang dibuat oleh syarikat konsesi dengan kadar KPI penuh adalah suatu tuntutan yang tidak wajar kerana tidak memenuhi

kriteria KPI yang ditetapkan. Bayaran dibuat bagi perkhidmatan yang tidak diberikan.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

Longkang di sepanjang Lebuh Raya Sultanah Bahiyah masih belum diukur untuk dimuktamadkan menggunakan data GIS kerana perlu dilaksanakan secara berperingkat. Oleh itu, kaedah pembayaran sebelum data GIS dimuktamadkan dibuat berdasarkan KPI penuh seperti arahan dari JPSPN.

Inventori GIS bagi longkang di sepanjang Lebuh Raya Sultanah Bahiyah telah dimuktamadkan pada 2 Julai 2015. Inventori longkang tanah telah dikeluarkan dari senarai inventori setelah data dimuktamadkan. Pelarasan pengesyoran akan dilaksanakan bermula bulan Ogos 2015 dengan mengambil kira pengesyoran bulan September 2012 hingga Julai 2015 (35 bulan). Pelarasan sejumlah RM616,254.12 akan dibuat kepada syarikat konsesi.

Surat makluman berkenaan halangan aktiviti pembersihan awam di sepanjang longkang Lebuh Raya Sultanah Bahiyah telah dihantar ke MBAS pada 23 Jun 2014. Perbincangan bersama Datuk Bandar MBAS berkaitan isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit akan diadakan dalam bulan Oktober 2015.

iii. Kutipan Sisa Pepejal Di Pasar Borong Selayang

- Perjanjian konsesi menetapkan kutipan sisa pepejal di pasar borong dibuat setiap hari. Bagaimanapun, keperluan bilangan tong roro ditentukan oleh syarikat konsesi dan disahkan oleh SWCorp. Mengikut pengesyoran bayaran dan jadual perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat konsesi, kutipan sisa pepejal adalah sebanyak 18 kali sehari iaitu 6 tong roro yang dihantar ke tapak pelupusan 3 kali sehari pada waktu pagi, tengahari dan malam. Selain itu, mengikut Klausus 19 Perjanjian, *Regional Implementation Committees (RIC)* boleh mencadangkan keperluan bilangan tong roro dan kekerapan kutipan sisa pepejal selain yang ditetapkan dalam standard perkhidmatan. Pemantauan terhadap perkhidmatan yang diberikan hendaklah dijalankan bagi mengenal pasti keperluan dan perkhidmatan sebenar diberikan oleh syarikat konsesi.
- Lawatan Audit di tapak bersama pegawai penguatkuasa SWCorp pada 19 sehingga 22 Januari 2015 mendapat sebanyak 6 tong roro disediakan dengan sekali penghantaran ke tapak pelupusan. Bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian Audit, keperluan sebenar hanya 4 tong roro dengan kekerapan kutipan dihantar ke tapak pelupusan adalah sekali sehari berdasarkan purata sampah yang dibuang termasuk sampah yang

dibuang oleh peniaga yang tidak berlesen di kawasan pasar borong tersebut. Semakan lanjut mendapati tiada kajian dibuat oleh SWCorp terhadap keperluan sebenar bilangan tong roro dan kekerapan kutipan di Pasar Borong Selayang. Dianggarkan SWCorp telah membuat lebihan bayaran kepada syarikat konsesi sejumlah RM656,937 bagi tempoh Januari 2014 sehingga Januari 2015 seperti jadual berikut:

JADUAL 2.11 : KEPERLUAN SEBENAR KUTIPAN DI PASAR BORONG SELAYANG BERBANDING PENGESYORAN OLEH SWCORP PADA TAHUN 2014 DAN JANUARI 2015

BULAN	JENIS TONG	KADAR SEKALI KUTIPAN (RM) (a)	PENGESYORAN (KEKERAPAN SEHARI)			ANGGARAN KEPERLUAN SEBENAR (KEKERAPAN SEHARI)			PERBEZAAN SEBULAN (RM) (c-e)		
			BIL TONG (b)	BIL KUTIPAN (RM) (c=ab)	BIL TONG (d)	BIL KUTIPAN (RM) (e=axd)					
2014											
Januari	Roro (10cbm)	4,105.92	6	18	73,906	4	4	16,424	57,482		
Februari			6	14	57,483	4	4	16,424	41,059		
Mac			6	18	73,906	4	4	16,424	57,482		
April			6	9	36,953	4	4	16,424	20,529		
Mei			6	9	36,953	4	4	16,424	20,529		
Jun			6	18	73,906	4	4	16,424	57,482		
Julai			6	18	73,906	4	4	16,424	57,482		
Ogos			6	18	73,906	4	4	16,424	57,482		
September			6	18	73,906	4	4	16,424	57,482		
Oktober			6	18	73,906	4	4	16,424	57,482		
November			6	18	73,906	4	4	16,424	57,482		
Disember			6	18	73,906	4	4	16,424	57,482		
JUMLAH			796,543					197,088	599,455		
2015											
Januari	Roro (10cbm)	4,105.92	6	18	73,906	4	4	16,424	57,482		
JUMLAH KESELURUHAN			870,449					213,512	656,937		

Sumber: Dokumen Tuntutan Dan Pengesyoran Bayaran

- Lawatan Audit di tapak bersama pegawai penguatkuasa SWCorp pada 20 dan 21 Januari 2015 mendapati hanya satu tong roro iaitu KLE00062 telah dikutip untuk dihantar ke tapak pelupusan sampah manakala 3 tong iaitu KLE00081, KLE00079 dan satu yang tidak bernombor masih kosong dan baki 2 tong iaitu KLE00078 dan KLE00080 masih belum dipenuhi sampah. Waktu puncak operasi Pasar Borong Selayang adalah pada jam 1.30 pagi sehingga jam 8 pagi dan ditutup sepenuhnya pada jam 3 petang. Keadaan tong roro adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.15

Tong Roro KLE00080 Pada Jam 11.49 Malam



Lokasi : Pasar Borong Selayang
Tarikh : 20 Januari 2015

GAMBAR 2.16

Sampah Dalam Tong Roro KLE00080 Pada Jam 2.36 petang



Lokasi : Pasar Borong Selayang
Tarikh : 21 Januari 2015

GAMBAR 2.17

Tong Roro KLE00081 Yang Kosong
Pada Jam 1.30 Pagi



Lokasi : Pasar Borong Selayang
Tarikh : 21 Januari 2015

GAMBAR 2.18

Sampah Dalam Tong Roro KLE00081 Pada Jam 2.30 Petang



Lokasi : Pasar Borong Selayang
Tarikh : 21 Januari 2015

GAMBAR 2.19

Tong Roro Tidak Bernombor Yang Kosong
Pada Jam 1.30 Pagi



Lokasi : Pasar Borong Selayang
Tarikh : 21 Januari 2015

GAMBAR 2.20

Tong Roro Tidak Bernombor Yang Kosong
Pada Jam 2.30 Petang



Lokasi : Pasar Borong Selayang
Tarikh : 21 Januari 2015

GAMBAR 2.21
Tong Roro KLE00078 Yang Kosong
Pada Jam 1.30 Pagi



Lokasi : Pasar Borong Selayang
Tarikh : 21 Januari 2015

GAMBAR 2.22
Sampah Dalam Tong Roro KLE00078
Pada Jam 2.28 Petang



Lokasi : Pasar Borong Selayang
Tarikh : 21 Januari 2015

GAMBAR 2.23
Tong Roro KLE00062 Yang Kosong
Pada Jam 1.05 Pagi



Lokasi : Pasar Borong Selayang
Tarikh : 21 Januari 2015

GAMBAR 2.24
Sampah Dalam Tong Roro KLE00062
Pada Jam 10.49 Pagi



Lokasi : Pasar Borong Selayang
Tarikh : 21 Januari 2015

- Pihak Audit juga turut melakukan penanda aras terhadap aktiviti, operasi dan kutipan di Pasar Borong Selayang dengan Pasar Borong Kuala Lumpur bagi menentukan keperluan dan kekerapan kutipan tong roro adalah munasabah. Berdasarkan temu bual dengan syarikat konsesi dan pegawai penguatkuasa SWCorp, purata kutipan tong roro sehari di Pasar Borong Kuala Lumpur adalah 11 sehingga 13 kali sehari dengan operasi/aktiviti yang sibuk berbanding Pasar Borong Selayang.

Pada pendapat Audit, bilangan tong roro dan kekerapan kutipan yang dipersetujui adalah tidak mengikut keperluan sebenar. Bayaran kepada syarikat konsesi yang tidak berdasarkan kepada perkhidmatan sebenar telah menyebabkan berlakunya *improper payment*.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp memaklumkan bayaran yang dibuat adalah tertakluk kepada Perjanjian Konsesi di mana kadar adalah berdasarkan kekerapan tong roro ditarik. Mesyuarat Penyelarasan JPSPN dan SWCorp pada 25 Mac 2015 telah membincangkan keperluan tong di pasar harian ini, sebagai usaha penjimatan. Kajian semula janaan sampah dicadangkan dilaksanakan sebelum 30 Oktober 2015 bagi menilai kekerapan dan bilangan tong yang sepatutnya diletakkan. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Kawasan (RIC) pada 7 Mei 2015 dan 20 Ogos 2015 memutuskan membawa perkara ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tahap Perkhidmatan (SLC) yang akan diadakan pada 21 dan 22 September 2015 bagi menentukan bilangan tong dan kekerapan yang bersesuaian dilaksanakan di Pasar Harian Selayang.

d. Bayaran Tidak Berdasarkan Kerja Sebenar

i. Data Inventori Bagi Pengesyoran Bayaran Lebih Tinggi Berbanding Inventori Sebenar

- Tuntutan dan pengesyoran bayaran terhadap perkhidmatan syarikat konsesi perlu berdasarkan kerja sebenar yang dilakukan di lokasi dan database inventori yang dipersetujui bersama antara SWCorp dan syarikat konsesi. Data inventori bagi pengesyoran bayaran dan tuntutan perlu sama dengan inventori sebenar di lokasi.
- Pemeriksaan fizikal bersama pegawai penguatkuasa SWCorp terhadap inventori sebenar di lokasi yang dipilih di negeri Johor, WP Kuala Lumpur dan Kedah pada bulan November 2014 sehingga Januari 2015 mendapati data inventori di pengesyoran bayaran adalah lebih tinggi berbanding inventori sebenar di lokasi. Mengikut pengesyoran, jumlah sebenar bayaran perkhidmatan yang dibuat berjumlah RM570,178 berbanding nilai inventori yang sebenar berjumlah RM271,133. Ini menyebabkan SWCorp menanggung lebihan bayaran berjumlah RM299,045 setahun kerana SWCorp tidak membuat semakan fizikal terhadap data inventori sebelum mengesyorkan bayaran. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.12 : PERBEZAAN DATA INVENTORI DI ANTARA PENGESYORAN BAYARAN
DENGAN INVENTORI DI LOKASI**

BIL.	LOKASI	JENIS INVENTORI	KADAR (RM) (a)	PENGESYORAN		SEBENAR DI LOKASI		PERBEZAAN	
				UNIT (b)	JUMLAH SETAHUN (RM) (c=axbx12)	UNIT (d)	JUMLAH SETAHUN (RM) (e=axdx12)	UNIT (b-d)	JUMLAH SETAHUN (RM) (c-e)
1.	Jln Permas Kukup, Pontian	Sump	50.00	46	23,000*	6	3,000*	40	20,000*
2.	Kem Kementah, Kuala Lumpur	Tong Sampah 660 Liter	187.69	52	117,118	36	81,082	16	36,036
3.	PULAPOL, Kuala Lumpur	Communal Bin/ Premis	10.87	2170	283,054	586	76,438	1,584	206,616
4.	Flat Sri Terengganu, Kuala Lumpur	Communal Bin/ Premis	10.87	272	35,480	208	27,132	64**	8,348
5.	Flat Gemilang, Alor Setar, Kedah	Communal Bin/ Premis	10.87	855	111,526	640	83,481	215	28,045
JUMLAH					570,178		271,133		299,045

Sumber : Dokumen Pengesyoran Bayaran Dan Lawatan Fizikal

Nota : *Disyorkan oleh SWCorp bagi 10 bulan sahaja iaitu Januari hingga Oktober 2014.

**64 unit premis di 3 tingkat teratas bangunan tidak boleh digunakan/ditutup kerana arahan daripada pihak DBKL.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp memaklumkan perbezaan sump di Jalan Permas Kukup, Pontian berlaku kerana kesilapan memasukkan data ke dokumen pengesyoran bayaran konsesi iaitu 46 unit. Pelarasan bayaran telah dibuat pada bulan Januari 2015 bagi tempoh bulan Oktober 2013 hingga Oktober 2014 (13 bulan) dan melibatkan pemotongan bayaran sejumlah RM26,000.

Bilangan tong sampah yang disediakan di Kem Kementah, Kuala Lumpur disemak semula untuk mendapatkan jumlah sebenar yang disediakan dan diberi perkhidmatan. Memandangkan jumlah pelarasan yang besar, satu mesyuarat berkaitan akan diadakan pada bulan Oktober 2015 dan keputusan mesyuarat akan dibawa ke JPSPN untuk kelulusan.

SWCorp telah menyemak semula bilangan premis di PULAPOL, Kuala Lumpur bersama pihak konsesi dan mendapat jumlah yang ditemui oleh Audit adalah benar, iaitu sebanyak 586 buah premis. Pihak SWCorp tidak menyemak dan membuat kesilapan dalam pengiraan premis tersebut.

Perbezaan 64 buah premis di Flat Sri Terengganu, Kuala Lumpur adalah disebabkan premis tersebut telah diarahkan oleh DBKL untuk ditutup kerana tidak boleh diduduki. Pelarasan tidak perlu dibuat kerana tiada arahan untuk menolak bayaran bagi mana-mana premis yang kosong.

Flat Gemilang, Alor Setar Kedah melibatkan 2 bangunan yang berasingan iaitu Flat RPA Sri Gemilang dan Flat Perumahan Rakyat Mergong. Perjanjian Pengurusan di antara MBAS dan Environment Idaman Sdn. Berhad yang ditandatangani pada 1

November 2009 menyatakan 2 flat di Jalan Kampung Batin diserahkan kepada syarikat konsesi untuk diberi perkhidmatan kutipan sampah. Mulai bulan Ogos 2015, pengesyoran untuk Flat RPA Gemilang akan dipecahkan kepada 2 Flat yang berbeza. Berdasarkan surat daripada Bahagian Sisa Domestik bertarikh 13 Januari 2015, pengesyoran telah dibuat berdasarkan bilangan tong mulai bulan Februari 2015. Pelarasian akan dibuat untuk bulan Julai 2013 hingga Januari 2015 yang melibatkan 19 bulan berjumlah RM186,034.32.

ii. Pengesyoran Bayaran SWCorp Lebih Tinggi Daripada Tuntutan Syarikat Konsesi

- Tuntutan dan pengesyoran yang dibuat perlu mengikut database inventori dan ianya perlu dikemas kini dari semasa ke semasa serta disahkan oleh SWCorp.
- Semakan Audit terhadap tuntutan syarikat konsesi dan pengesyoran bayaran oleh SWCorp bagi bulan September 2014 mendapati pengesyoran bayaran bagi Skim 12, 13 dan 16 WP Kuala Lumpur serta Skim 1 WP Putrajaya adalah lebih tinggi berbanding tuntutan syarikat konsesi. Ini disebabkan perbezaan data inventori dan kadar di antara SWCorp dan syarikat konsesi.
- Bagi WP Putrajaya, tuntutan syarikat konsesi untuk pembersihan tempat awam (*upkeeping*) adalah pada kadar RM0.0402 semeter persegi dengan kekerapan 30 hari sebulan tetapi pengesyoran SWCorp pada kadar RM0.0420 semeter persegi dengan kekerapan 30 hari sebulan menyebabkan perbezaan berjumlah RM115,859. Oleh itu, SWCorp telah terlebih bayar kepada syarikat konsesi sejumlah RM288,728. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.13 : PENGESYORAN BAYARAN LEBIH TINGGI BERBANDING TUNTUTAN SYARIKAT KONSESI PADA BULAN SEPTEMBER 2014

WP	SKIM	SKOP KERJA	PENGESYORAN PPSPPA		TUNTUTAN SYARIKAT KONSESI		PERBEZAAN AMAUN (RM)
			JUMLAH INVENTORI (Meter atau Meter Persegi)	AMAUN (RM)	JUMLAH INVENTORI (Meter atau Meter Persegi)	AMAUN (RM)	
Kuala Lumpur	12	Pembersihan Jalan	140,633	79,479	60,059	41,200	38,279
		Pemotongan Rumput	38,921	8,234	10,570	2,254	5,980
	13	Pembersihan Jalan	173,999	169,573	113,575	118,268	51,305
	16	Pembersihan Jalan	220,012	233,482	172,083	178,261	55,221
Putrajaya	01	Pemotongan Rumput	202,270	42,536	93,278	20,452	22,084
		Pembersihan Tempat Awam/ <i>Upkeeping</i>	2,145,737	2,703,618	2,145,737	2,587,759	115,859
JUMLAH							288,728

Sumber : Pengesyoran Bayaran Dan Tuntutan Syarikat Konsesi Bulan September 2014

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp memaklumkan perbezaan amaun sejumlah RM115,859 di Skim 1, Putrajaya adalah disebabkan kesilapan kadar bagi kerja upkeep. Perkara ini telah dikenal pasti pada bulan November 2014 dan pelarasan bayaran telah dibuat pada bulan yang sama.

SWCorp juga memaklumkan pengesyoran bayaran yang lebih tinggi berbanding tuntutan syarikat konsesi di WP Kuala Lumpur berlaku kerana SWCorp menggunakan inventori yang telah dipersetujui bersama syarikat konsesi pada bulan Jun 2013. Persetujuan tersebut dibuat bagi mempercepatkan proses bayaran iaitu pembayaran perlu dibuat dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan tuntutan. Pelarasan untuk WP Kuala Lumpur Skim 12, 13, 16 dan WP Putrajaya Skim 1 sejumlah RM5,952,504 akan dibuat pada bulan Ogos 2015 bermula dari bulan September 2012 sehingga Julai 2015.

Satu bengkel pemurnian tuntutan dan pengesyoran bayaran akan diadakan pada bulan Oktober 2015. Memandangkan jumlah pelarasan yang besar, satu mesyuarat berkaitan akan diadakan pada bulan Oktober 2015 dan keputusan mesyuarat akan dibawa ke JSPSN untuk kelulusan.

iii. Pengesyoran Bayaran Dibuat Walaupun Tiada Tuntutan Oleh Syarikat Konsesi

Semakan Audit terhadap tuntutan dan pengesyoran bayaran bulan September 2014 bagi WP Kuala Lumpur mendapati sejumlah RM106,668 telah disyorkan untuk dibayar walaupun tiada tuntutan dibuat oleh syarikat konsesi. Perkara ini berlaku disebabkan oleh data inventori di SWCorp tidak dikemas kini. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut :

JADUAL 2.14 : PENGESYORAN BAYARAN BAGI WP KUALA LUMPUR DIBUAT WALAUPUN TIADA TUNTUTAN OLEH SYARIKAT KONSESI

SKIM	SKOP KERJA	PENGESYORAN (RM)
WPKL 16	Pembersihan Jalan	57,581
WPKL 01 WPKL 16	Pemotongan Rumput	25,046
	Pembersihan Taman Permainan	4,319
	Kutipan Sisa Pepejal	8,837
WPKL 02	Kutipan Sisa Pepejal	10,885
JUMLAH		106,668

Sumber: Pengesyoran Bayaran Bagi Bulan September 2014

Pada pendapat Audit, pembayaran yang dibuat kepada syarikat konsesi adalah tidak teratur kerana tidak berdasarkan kepada perkhidmatan yang diberi telah menyebabkan kerugian wang Kerajaan.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp memaklumkan perkara ini berlaku kerana inventori yang digunakan oleh SWCorp adalah inventori bagi tahun 2013. Inventori ini digunakan buat sementara waktu sehingga data dimuktamadkan. Amaun pelarasan sejumlah RM3,711,843 bermula dari bulan September 2012 sehingga Julai 2015 dibuat bagi tuntutan bulan Ogos 2015 dengan menggunakan data inventori yang dimuktamadkan. Secara keseluruhannya, pengesoran bagi WP Kuala Lumpur pada bulan September 2014 adalah lebih rendah iaitu sejumlah RM22,753,044 berbanding tuntutan syarikat konsesi sejumlah RM31,493,286 iaitu penjimatan sejumlah RM8,740,412.

2.4.4 Tuggakan Bayaran Yang Tinggi Oleh PBT

2.4.4.1 Mengikut Perjanjian *Tripartite* di antara PBT, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, PBT hendaklah memberi sumbangan kepada SWCorp bagi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang telah dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Berdasarkan Rang Undang-Undang Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007, sumbangan kepada SWCorp adalah daripada sebahagian kutipan cukai pintu yang dibayar oleh pemilik premis kepada PBT yang sebelum ini digunakan untuk membiayai kos perkhidmatan kutipan, pengangkutan dan penghantaran sisa pepejal serta pembersihan awam.

2.4.4.2 Semakan Audit mendapati tunggakan sumbangan oleh PBT kepada SWCorp sehingga bulan Disember 2014 adalah tinggi iaitu berjumlah RM326.11 juta. Semakan lanjut mendapati 12 PBT mempunyai tunggakan tertinggi antara 39.9% sehingga 87.5% daripada jumlah tuntutan yang dibuat oleh SWCorp. Antara punca tunggakan yang tinggi adalah kerana PBT tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Ini menyebabkan sumber kewangan SWCorp tidak mencukupi untuk membayar perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi pada masa hadapan. Butiran terperinci adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.15 : TUNGGAKAN OLEH PBT BAGI TEMPOH 2011 SEHINGGA 2014

PERKARA	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Tuntutan	153.34	475.00	510.13	513.49	1,651.96
Penerimaan	149.74	428.06	433.45	314.60	1,325.85
Tunggakan	3.60	46.94	76.68	198.89	326.11

Sumber: Bahagian Kewangan SWCorp

JADUAL 2.16 : TUNGGAKAN TERTINGGI OLEH 12 PBT SEHINGGA BULAN DISEMBER 2014

PBT	TUNTUTAN SWCORP KEPADA PBT (RM Juta)	TERIMAAN DARIPADA PBT (RM Juta)	TUNGGAKAN OLEH PBT (RM Juta)	PRESTASI	
				TERIMAAN DARIPADA PBT (%)	TUNGGAKAN PBT (%)
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	67.15	8.39	58.76	12.5	87.5
Majlis Perbandaran Alor Gajah	21.35	2.56	18.79	12.0	88.0
Majlis Perbandaran Langkawi	13.34	4.87	8.47	36.5	63.5
Majlis Perbandaran Jasin	12.14	4.82	7.32	39.7	60.3
Majlis Daerah Maran	3.17	1.34	1.83	42.3	57.7
Majlis Perbandaran Kangar	19.92	8.63	11.29	43.3	56.7
Majlis Perbandaran Kulim	22.94	10.66	12.28	46.5	53.5
Majlis Daerah Kuala Pilah	6.99	3.37	3.62	48.2	51.8
Majlis Daerah Rembau	3.85	1.95	1.90	50.6	49.4
Majlis Daerah Pendang	4.96	2.71	2.25	54.6	45.4
Majlis Perbandaran Temerloh	17.6	9.96	7.64	56.6	43.4
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	68.72	41.28	27.44	60.1	39.9
JUMLAH	262.13	100.54	161.59	38.4	61.6

Sumber: Bahagian Kewangan SWCorp

Pada pendapat Audit, PBT bertanggungjawab membayar sumbangan kepada SWCorp berdasarkan perjanjian yang telah dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dan PBT.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp memaklumkan terma “sumbangan” yang digunakan dalam Perjanjian Tripartite merujuk kepada sebahagian daripada bayaran cukai taksiran yang telah diperuntukkan dan perlu dibayar oleh PBT ke dalam Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (KWPSPPA). Tuggakan yang tinggi disebabkan PBT tidak mematuhi tempoh kredit 14 hari yang ditetapkan, kekangan kewangan di atas penambahan kawasan baru, peningkatan kekerapan di lokasi yang dipohon oleh PBT, masalah terma sumbangan yang digunakan dalam Perjanjian Tripartite dan komitmen PBT yang rendah untuk memberi sumbangan kepada KWPSPPA.

SWCorp telah mengambil tindakan seperti mengadakan rundingan bersama pihak pengurusan PBT, SUK dan EXCO Negeri; menghentikan penerimaan kawasan baru; mengadakan 64 mesyuarat Masalah Penyelesaian Segera bersama PBT dan Kerajaan Negeri; menghantar 194 surat peringatan kepada PBT dan mengkelaskan keupayaan PBT untuk membayar sumbangan. Peratus tunggakan PBT telah menurun daripada 87% pada tahun 2011 kepada 15% pada bulan Ogos 2015.

PBT telah memberikan jadual komitmen bayaran tunggakan kepada SWCorp, SWCorp menghantar surat peringatan kepada PBT, mengadakan mesyuarat Penyelarasan Bersama JPSPN, mengadakan mesyuarat bersama pihak Jabatan Kerajaan Tempatan, menghantar surat penghargaan dan mengadakan bengkel Lean Organisation pada 10 hingga 12 Februari 2015.

2.4.5 Database Inventori

2.4.5.1 Data Inventori Lewat Dimuktamadkan

- a. Database inventori yang lengkap dan teratur perlu disediakan oleh syarikat konsesi dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh perjanjian dan mestilah sepadan dengan data inventori SWCorp. Data inventori yang disediakan perlu berdasarkan bilangan skim di setiap negeri dan menjadi asas kepada perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi dan digunakan bagi tujuan pemantauan.
- b. Semakan Audit mendapati data inventori belum dimuktamadkan oleh SWCorp dalam tempoh 6 bulan dari tarikh perjanjian. SWCorp bersama syarikat konsesi telah membuat semakan terhadap data inventori di lapangan menggunakan kaedah *Geographic Information System (GIS)* bagi tujuan mengunci data. Pada 24 Januari 2014 sehingga 19 Ogos 2014, SWCorp telah memuktamadkan data inventori bagi 53 skim di WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Bagaimanapun, data inventori bagi 36 skim di negeri Pahang, Kedah dan Perlis masih belum dimuktamadkan dan disahkan oleh SWCorp kerana syarikat konsesi dan SWCorp menyediakan data inventori masing-masing secara manual. Ini menyebabkan terdapat perbezaan inventori di antara tuntutan bulanan syarikat konsesi dengan pengesyoran bayaran daripada SWCorp. Data inventori yang belum dimuktamadkan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.17 : DATA INVENTORI YANG BELUM DIMUKTAMADKAN BAGI ALAM FLORA SDN. BERHAD DAN ENVIRONMENT IDAMAN SDN. BERHAD

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	SKIM	TARIKH AKHIR KEMAS KINI				
			MASTER LISTING	PREMIS (KUTIPAN)	JALAN	LONGKANG	RUMPUT
Alam Flora Sdn. Berhad							
1.	Cam. Highland	PHCH01	04.06.2014	12.06.2014	06.06.2014	13.06.2014	12.06.2014
2.	Kuantan	PHKT01	09.04.2014	06.05.2014	11.04.2015	18.11.2014	06.11.2014
3.		PHKT02	30.04.2014	18.11.2014	25.06.2014	08.11.2014	18.11.2014
4.		PHKT03	30.04.2014	18.11.2014	09.05.2014	18.11.2014	18.11.2014
5.	Kuala Lipis	PHKL01	13.06.2014	05.09.2014	13.06.2014	05.09.2014	05.09.2014
6.	Jerantut	PHJR01	26.06.2014	04.11.2014	26.06.2014	04.11.2014	04.11.2014
7.	Raub	PHRB01	09.06.2014	18.11.2014	24.06.2014	17.09.2014	15.09.2014
8.	Bentong	PHBT01	24.06.2014	17.10.2014	24.06.2014	17.10.2014	17.10.2014
9.	Maran	PHMR01	19.06.2014	19.06.2014	19.06.2014	04.11.2014	04.11.2014
10.	Pekan	PHPK01	24.06.2014	15.09.2014	24.06.2014	21.10.2014	13.09.2014

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	SKIM	TARIKH AKHIR KEMAS KINI				
			MASTER LISTING	PREMIS (KUTIPAN)	JALAN	LONGKANG	RUMPUT
11.	Bera	PHBR01	26.06.2014	18.11.2014	27.06.2014	18.11.2014	18.11.2014
12.	Temerloh	PHTM01	27.06.2014	18.11.2014	27.06.2014	31.10.2014	31.10.2014
13.	Rompin	PHMR01	23.05.2014	16.05.2014	21.05.2014	23.05.2014	22.05.2014
14.		PHMR02	-	-	-	-	-
Environment Idaman Sdn. Berhad							
15.	Langkawi	KDLG01	26.02.2014	26.02.2014	28.02.2014	01.03.2014	01.03.2014
16.	Bandar Baru	KDBB01	18.03.2014	18.03.2014	19.03.2014	19.03.2014	19.03.2014
17.	Pendang	KDPN01	26.03.2014	26.03.2014	27.03.2014	16.05.2014	16.05.2014
18.	Yan	KDYN01	26.03.2014	26.03.2014	27.03.2014	16.05.2014	16.05.2014
19.	Sik	KDSK01	18.04.2014	18.04.2014	18.04.2014	23.05.2014	23.05.2014
20.	Sungai Petani	KDSP01	20.12.2013	20.12.2013	24.01.2014	04.04.2014	11.04.2014
21.		KDSP02	22.11.2013	06.12.2013	24.01.2014	04.04.2014	11.04.2014
22.		KDSP03	29.11.2013	20.12.2013	24.01.2014	04.04.2014	11.04.2014
23.		KDSP04	06.12.2013	06.12.2013	24.01.2014	28.04.2014	23.05.2014
24.		KDSP05	29.11.2013	06.12.2013	24.01.2014	16.05.2014	23.05.2014
25.		KDSP06	22.11.2013	29.11.2013	22.01.2014	28.04.2014	23.05.2014
26.	Baling	KDBL01	18.04.2014	23.05.2014	18.04.2014	23.05.2014	23.05.2014
27.	Padang Terap	KDPT01	24.04.2014	24.04.2014	24.04.2014	23.05.2014	23.05.2014
28.	Kulim	KDKL01	03.04.2014	08.04.2014	08.04.2014	09.05.2014	30.05.2014
29.		KDKL02	08.04.2014	08.04.2014	10.04.2014	09.05.2014	30.05.2014
30.		KDKL03	04.04.2014	04.04.2014	04.04.2014	09.05.2014	30.05.2014
31.		KDKL04	28.01.2014	28.01.2014	28.01.2014	29.01.2014	29.01.2014
32.	Kubang Pasu	KDKP01	06006.2014	06.06.2014	09.10.2014	30.11.2014	30.11.2014
33.	Alor Setar	KDAS01	20.06.2014	20.06.2014	03.12.2014	03.12.2014	03.12.2014
34.		KDAS01	20.06.2014	20.06.2014	03.12.2014	03.12.2014	03.12.2014
35.		KDAS01	20.06.2014	20.06.2014	03.12.2014	03.12.2014	03.12.2014
36.	Kangar	PLKG01	05.11.2013	05.11.2013	05.11.2013	05.11.2013	05.11.2013

Sumber : Bahagian Teknologi Maklumat SWCorp

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp memaklumkan pasukan Task Force telah melakukan operasi pengukuran di lapangan untuk memuktamadkan data secara berperingkat. Sebanyak 53 skim bagi WP Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor telah dimuktamadkan dan dikemas kini. Bagaimanapun, sebanyak 36 skim bagi negeri Pahang, Kedah dan Perlis masih dalam proses pengemaskinian yang dijangka siap pada akhir bulan Oktober 2015. Bagi cadangan penambahbaikan, syarikat konsesi akan dibenarkan menyemak database inventori SWCorp bagi menjamin keseragaman dan kesahihan maklumat inventori serta perlu menghantar laporan kerja harian bersama-sama dengan tuntutan bulanan.

- c. Semakan lanjut mendapati tuntutan syarikat konsesi dan pengesyoran bayaran SWCorp bagi skop pembersihan jalan bulan September 2014 di WP Kuala Lumpur masih tidak seragam walaupun kesemua 18 skim telah dimuktamadkan. Semakan terhadap 14 daripada 18 skim mendapati wujud perbezaan inventori sebanyak 20,674,547 meter berjumlah RM1.16 juta di antara pengesyoran

bayaran dan data inventori yang dimuktamadkan bagi pembersihan jalan seperti jadual berikut:

JADUAL 2.18 : PERBEZAAN TUNTUTAN DAN PENGESYORAN BAYARAN BAGI PEMBERSIHAN JALAN YANG TIDAK SERAGAM DI WP KUALA LUMPUR

BIL.	SKIM	SYOR (Meter) (a)	INVENTORI MUKTAMAD (Meter) (b)	BEZA (Meter) (a-b)	KEKERAPAN SEBULAN (Kali)	PERBEZAAN JUMLAH INVENTORI (Meter)
1.	WPKL01	32,360.36	2,364.56	29,995.80	13-26	662,137
2.	WPKL02	44,849.66	11,413.74	33,435.92	26	869,334
3.	WPKL04	126,233.77	17,260.90	108,972.87	13-30	2,739,450
4.	WPKL05	16,557.84	8,233.66	4,623.36	13-26	79,857
5.	WPKL06	37,975.40	17,487.46	20,487.94	13-26	347,677
6.	WPKL08	97,766.54	30,143.50	67,623.04	13-26	1,593,277
7.	WPKL09	41,154.14	12,117.76	29,036.38	26-30	830,130
8.	WPKL10	106,307.62	39,763.00	66,544.62	26-30	1,820,126
9.	WPKL11	292,918.72	88,033.90	204,974.79	13-26	4,500,206
10.	WPKL12	170,866.42	30,548.54	140,317.88	13-26	3,066,204
11.	WPKL13	82,002.43	16,569.34	65,433.09	13-26	1,520,354
12.	WPKL15	48,278.38	11,972.80	36,305.58	26	943,945
13.	WPKL16	75,623.66	24,163.70	51,459.96	13-26	1,225,402
14.	WPKL17	33,339.51	15,014.60	18,324.91	26	476,448
JUMLAH						20,674,547

Sumber : Borang Pengesyoran Bayaran Dan Data Inventori Muktamad

Nota: Kadar bagi pembersihan jalan (manual) yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi adalah RM0.056/meter

- d. Semakan lanjut mendapati syarikat konsesi tidak mengemukakan data GIS kepada SWCorp semasa data inventori dimuktamadkan. Oleh itu, pihak Audit tidak boleh mengesahkan sama ada data inventori yang telah dimuktamadkan adalah tepat kerana syarikat konsesi dan SWCorp tidak mengemukakan data GIS semasa pengauditan dijalankan.

Pada pendapat Audit, penyediaan data inventori adalah tidak teratur kerana syarikat konsesi gagal mengemukakan data inventori mengikut tempoh yang ditetapkan. Kelewatan SWCorp memuktamadkan data inventori tersebut menyebabkan berlaku perbezaan inventori di antara tuntutan bulanan syarikat konsesi dengan pengesyoran bayaran oleh SWCorp. Ini telah menyebabkan SWCorp terlebih bayar kepada syarikat konsesi.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp mengambil maklum perbezaan amaun inventori sebanyak 20,674,547 meter. Data inventori jalan telah dimuktamadkan pada bulan Jun 2014 secara manual dan semakan sukar dilaksanakan. Pengemaskinian selesai pada bulan April 2015 dan amaun pelarasan sejumlah RM39,716,313 bermula dari bulan

September 2012 sehingga bulan Julai 2015 akan dibuat bagi tuntutan bulan September 2015. SWCorp juga memaklumkan syarikat konsesi gagal mengemukakan data GIS kepada SWCorp selaras dengan kehendak Perjanjian Konsesi pada klausa 7.1.1(h), 9.1.2, 13.2(e)(iii) dan 36.11.

2.4.5.2 Sistem Database Inventori Tidak Dibangunkan

- a. Mengikut Klausa 11.1 perjanjian konsesi, syarikat konsesi hendaklah menyedia dan menyelenggara *database* inventori menggunakan kos dan perbelanjaan sendiri dalam tempoh 6 bulan dari tarikh perjanjian ditandatangani. *Database* tersebut hendaklah mengandungi butiran seperti yang ditetapkan di Lampiran XI perjanjian dan boleh dikongsi bersama oleh syarikat konsesi dan SWCorp secara *real time*. Selain itu, *database* tersebut hendaklah sepadan dengan *database* yang dibangunkan oleh SWCorp, sentiasa dikemas kini oleh syarikat konsesi dan perlu disahkan oleh SWCorp.
- b. Semakan Audit mendapati syarikat konsesi tidak menyediakan sistem *database* inventori yang boleh dicapai secara *real time sharing* dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh perjanjian tetapi hanya menyediakan data inventori secara manual. Bagaimanapun, penyediaan data inventori manual ini juga lewat dimuktamadkan. Oleh itu, sistem *database* inventori tidak dapat dibangunkan dalam tempoh yang ditetapkan dan menyebabkan perbezaan yang ketara di antara tuntutan syarikat konsesi dan pengesyoran yang dibuat oleh SWCorp.

Pada pendapat Audit, pembangunan sistem *database* inventori tidak mengikut terma perjanjian menyebabkan *database* yang tepat, sepadan dan kemas kini tidak dapat dikongsi secara *real time*. Selain itu, perjanjian tidak menetapkan klausa denda yang boleh dikenakan terhadap syarikat konsesi jika gagal membangunkan sistem *database* inventori tersebut.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp memaklumkan pembangunan struktur pangkalan data inventori telah dimulakan pada tahun 2010 yang melibatkan 2 aspek utama iaitu penyediaan platform dan penyediaan data inventori. Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bagi memantau status pembangunan pangkalan data oleh syarikat konsesi. Bagaimanapun, hanya Alam Flora Sdn. Berhad dan SWM Sdn. Berhad telah membangunkan platform pangkalan data tetapi masih tidak mematuhi garis panduan pangkalan data yang sepatutnya.

Berdasarkan Mesyuarat Persediaan Akta 672 Bersama Syarikat Konsesi pada 17 Mac 2011, syarikat konsesi telah diarahkan untuk menyediakan maklumat

inventori mengikut skim/zon dan maklumat ini hendaklah dihantar pada 1 April 2011. Bagaimanapun, pihak konsesi gagal menghantar pada tarikh yang ditetapkan dan tempoh tersebut dilanjutkan kepada 15 Ogos 2011.

Sehingga Mac 2012, hanya 2 syarikat konsesi iaitu SWM Sdn. Berhad dan E-Idaman Sdn. Berhad yang telah menyerahkan data manakala Alam Flora Sdn. Berhad masih membuat pengumpulan data di lapangan. Alam Flora Sdn. Berhad telah dikenakan tindakan berdasarkan klausa 36.11 'Provision Of Documents' di mana pihak konsesi perlu membayar RM100 sehari sehingga dokumen diserahkan. Data yang lengkap telah dihantar pada bulan Disember 2012. SWCorp telah menyemak ketepatan data yang telah diberi tetapi banyak data inventori yang diragui ketepatannya.

Task Force memuktamadkan data telah dibuat dan perlu disiapkan sebelum atau pada 30 Jun 2014. Bagaimanapun, sehingga tarikh tersebut masih terdapat data belum dimuktamadkan. Mesyuarat Prestasi Perkhidmatan Konsesi bertarikh 7 Ogos 2014 memutuskan perkara ini perlu diselesaikan selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2014 tetapi syarikat konsesi masih gagal memuktamadkan data disebabkan kurang komitmen dan pertikaian data di antara kedua belah pihak. Penalty kali kedua telah dikenakan kepada syarikat Alam Flora Sdn. Berhad pada 8 Oktober 2014 sejumlah RM104,900.

Proses memuktamadkan data selesai sepenuhnya pada 6 Julai 2015 menggunakan kaedah Geographical Information System (GIS). Pengukuran di lapangan akan dibuat jika ada pertikaian untuk ketepatan data yang sebenar. Data yang dimuktamadkan akan diguna pakai sebagai rujukan bagi tujuan penyediaan jadual operasi dan tuntutan syarikat konsesi.

2.4.6 Kelemahan Sistem *Intelligent Monitoring And Enforcement Management System*

2.4.6.1 Sistem *Intelligent Monitoring And Enforcement Management System* (iMEMS) merupakan aplikasi berasaskan web yang berfungsi untuk mendaftar, menghapus, mengemas kini database inventori dan kesalahan KPI serta menjana laporan pemantauan. Sistem ini berintegrasi dengan peralatan *handheld* yang dibekalkan kepada pegawai penguatkuasa untuk tujuan pemantauan terhadap syarikat konsesi. Sistem ini juga boleh dicapai oleh syarikat konsesi untuk memuat naik jadual kerja dan mengesahkan denda KPI yang dikenakan oleh penguatkuasa SWCorp. Perolehan bagi sistem iMEMS dibuat bersekali dengan 450 unit peralatan *handheld* daripada Prominent Multimedia pada bulan Februari 2011 dengan kos keseluruhan berjumlah RM5.71 juta. Pembangunan sistem iMEMS adalah bagi tempoh 6 bulan bermula 28 Februari 2011 sehingga 27 Ogos 2011. Bayaran penuh

telah dibuat oleh SWCorp bagi pembangunan sistem tersebut. Butiran perolehan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.19 : PEROLEHAN SISTEM iMEMS DAN PERALATAN HANDHELD

BIL	ITEM	JUMLAH (RM)
1.	Perkakasan Handheld	4,281,500
2.	Pembangunan Sistem Aplikasi	900,000
3.	Penghantaran, Pemasangan dan Pengujian	385,000
4.	Latihan	140,000
JUMLAH		5,706,500

Sumber: Tawaran Harga Petender

2.4.6.2 Pada bulan Mei 2013, sebanyak 71 lagi unit peralatan *handheld* dibeli daripada Selia Maju Sdn. Berhad berjumlah RM0.47 juta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peralatan *handheld* yang diperoleh adalah 521 unit dengan kos berjumlah RM4.75 juta. Kos keseluruhan bagi pembangunan sistem iMEMS dan peralatan *handheld* pula adalah berjumlah RM6.18 juta.

2.4.6.3 Semakan Audit terhadap sistem iMEMS mendapati kelemahan seperti berikut:

a. Sub Modul GPS dan GIS Sistem iMEMS Tidak Digunakan Sepenuhnya

Penggunaan sub modul *Global Positioning System* (GPS) dan GIS dalam sistem iMEMS tidak digunakan sepenuhnya dan tidak aktif bagi tujuan memantau kedudukan *handheld* yang dibekalkan kepada pegawai penguatkuasa. Hanya *handheld* bagi WP Putrajaya dan WP Kuala Lumpur sahaja didaftarkan dalam sub modul GPS/GIS manakala *handheld* di negeri lain tidak didaftarkan kerana tiada capaian internet. Selain itu, status kedudukan *handheld* bagi WP Putrajaya dan WP Kuala Lumpur tidak dikemas kini dan tidak mempunyai koordinat *latitude* dan *longitude*. Sistem yang tidak disenggara sepenuhnya dengan bacaan *latitude* dan *longitude* menyebabkan *handheld* yang dikesan melalui sistem adalah tidak munasabah dan diragui.

Pada pendapat Audit, objektif pembangunan sub modul GPS/GIS di dalam sistem iMEMS untuk pemantauan tidak tercapai kerana sub modul tersebut tidak dapat digunakan secara menyeluruh dan data sistem tidak tepat.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp memaklumkan Sub Modul GPS/GIS adalah ciri-ciri tambahan yang diwujudkan di dalam iMEMS bertindak untuk mengesan lokasi semasa penguatkuasaan, butang pertolongan cemas dan juga merekod lokasi ketidakpatuhan KPI. Pelaksanaan ujian perintis (pilot test) telah dijalankan terhadap 70 unit handheld di WP Kuala Lumpur. Hasil pengujian mendapati

pelaksanaan GIS/GPS tidak praktikal untuk diperluaskan kepada seluruh cawangan. Di samping itu, melalui perluasan ini akan melibatkan kos yang tinggi dan berterusan. SWCorp akan memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem oleh pembantu penguatkuasa di WP Kuala Lumpur yang dibekalkan dengan sim card. Sistem Android akan dibangunkan bagi menggantikan peralatan handheld yang rosak pada jangka masa panjang.

2.4.7 Bebanan Tugas Pegawai Penguatkuasa

2.4.7.1 Tugas pegawai penguatkuasa adalah untuk melaksanakan pemantauan dan mengawal selia pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan seliaan; membantu menjalankan program kitar semula dan kesedaran awam; menyelesaikan aduan awam yang berkaitan dengan kawalselia dan penguatkuasa; menyediakan laporan prestasi kerja syarikat konsesi dan kontraktor; mengumpul data yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta membuat rondaan bagi mengesan dan mengambil tindakan terhadap aktiviti pembuangan sampah secara haram.

2.4.7.2 Semakan Audit terhadap bilangan inventori yang diselia oleh SWCorp bagi kawasan yang dilawati mendapati secara purata seorang pegawai penguatkuasa perlu mengawal selia 6,905 buah premis, 60,809 meter persegi keluasan rumput, 21,858 meter jalan dan 77,911 meter longkang berdasarkan kekerapan mengikut jadual perkhidmatan syarikat konsesi. Pihak Audit juga mendapati SWCorp tidak menetapkan nisbah bebanan tugas harian bagi seorang pegawai penguatkuasa di kawasan seliaan masing-masing. Purata bebanan tugas anggota penguatkuasa di PBT yang dilawati adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.20 : PURATA BEBANAN TUGAS BAGI SEORANG PENGUATKUASA

ZON	PBT	BIL.PREMIS	RUMPUT (Meter Persegi)	JALAN (Meter)	LONGKANG (Meter)	BIL. ANGGOTA
UTARA	Padang Terap	2,568	1,363,932	64,922	71,495	12
	Alor Setar	61,806	666,997	171,971	1,468,048	
	Sungai Petani	91,706	925,701	41,138	1,755,497	20
	Kulim	57,150	769,451	126,561	1,346,401	17
	Bandar Baharu	3,924	271,786	15,783	87,677	
TENGAH	DBKL	602,963	24,267	2,336,914	3,249,690	66
SELATAN	Kota Tinggi	19,095	3,476,772	69,429	430,045	7
	Pasir Gudang	55,218	132,150	81,054	1,192,889	5
	Port Dickson	37,867	578,140	43,066	916,342	8
JUMLAH		932,297	8,209,196	2,950,837	10,518,083	135
PURATA SEORANG PEGAWAI		6,905	60,809	21,858	77,911	1

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, SWCorp

Pada pendapat Audit, bebanan tugas yang banyak oleh setiap pegawai penguatkuasa menyebabkan pemantauan tidak dapat dilakukan secara menyeluruh dan berkesan.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp memaklumkan urusan penempatan setiap anggota dan pegawai penguatkuasa adalah berdasarkan kepada bilangan perjawatan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2014. SWCorp telah mengemukakan cadangan penyusunan semula perjawatan kepada pihak JPA memandangkan skop dan tanggungjawab serta beban tugas yang telah berubah dan semakin bertambah. Cadangan penyusunan semula perjawatan ini melibatkan urusan pemindahan waran perjawatan daripada negeri yang tidak menerima pakai Akta 672 seperti Pulau Pinang dan Selangor ke negeri lain yang menguatkuaskan akta berkenaan.

SWCorp akan melaksanakan pengauditan perjawatan bagi menyemak beban tugas di pejabat negeri dan cawangan bagi memastikan beban tugas dapat diminimumkan dan aspek pemantauan mampu dilaksanakan secara menyeluruh dan lebih berkesan. SWCorp juga menyediakan norma kerja iaitu penetapan nisbah beban tugas pegawai dan anggota penguatkuasa yang lebih munasabah dan praktikal.

Penempatan bilangan pegawai dan anggota penguatkuasa di satu kawasan akan diselaraskan semula dengan mengambil kira bilangan premis, keluasan kawasan rumput, panjang jalan, tandas, pantai, tempat awam, pusat penjaja dan longkang serta hitungan keluasan rondaan bagi setiap pegawai dan anggota penguatkuasa. Bebanan tugas seseorang pegawai dan anggota penguatkuasa di lapangan juga mampu dikurangkan dengan mengkaji semula skop, tugas dan tanggungjawab setiap pegawai dan anggota penguatkuasa.

2.4.8 Mekanisme Pemantauan Dan Penguatkuasaan

Pemantauan merupakan elemen pengurusan yang penting bagi membolehkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal serta mengambil tindakan segera untuk menyelesaiannya. Semakan Audit terhadap pemantauan yang dijalankan terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah seperti berikut:

2.4.8.1 Peringkat Service Level Committee

Mengikut Klausus 19 perjanjian konsesi, Service Level Committee (SLC) perlu ditubuhkan untuk mengkaji dan membuat keputusan terhadap pindaan KPI bagi

perkhidmatan standard dan menetapkan penalti nilai demerit. Semakan Audit mendapati SLC ada ditubuhkan untuk menjalankan fungsi yang ditetapkan dalam perjanjian. Keahlian SLC terdiri daripada Ketua Pengarah JPSPN sebagai Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp atau wakilnya, wakil Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), wakil Kementerian Kewangan, wakil Pihak Berkuasa Negeri dan syarikat konsesi. Kekerapan mesyuarat SLC pada tahun 2014 adalah sekali bagi setiap 3 bulan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

2.4.8.2 Peringkat *Regional Implementation Committee*

Mengikut Klausula 19 perjanjian konsesi, *Regional Implementation Committee* (RIC) perlu ditubuhkan untuk membuat cadangan mengenai lokasi, saiz, jenis, bilangan tong dan kekerapan bagi setiap kawasan; membuat cadangan kekerapan dan standard perkhidmatan pengurusan pembersihan awam; mengesahkan jadual kutipan dan pembersihan awam; mengesyorkan cadangan tambahan atau semakan semula untuk zon pembersihan dan perkhidmatan kutipan kawasan tertentu. Semakan Audit mendapati RIC ada ditubuhkan untuk menjalankan fungsi yang ditetapkan dalam perjanjian. Keahlian RIC terdiri daripada Pengarah Negeri SWCorp sebagai Pengerusi, Pengurus Cawangan SWCorp yang berkaitan, PBT dan syarikat konsesi. Kekerapan mesyuarat tidak dinyatakan dalam perjanjian. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap minit mesyuarat tahun 2014 bagi WP Putrajaya dan WP Kuala Lumpur mendapati RIC bermesyuarat pada setiap bulan.

2.4.8.3 Peringkat Pengurusan SWCorp

- a. Mekanisme pemantauan di peringkat SWCorp adalah melalui mesyuarat Anggota Perbadanan. Semakan Audit mendapati mesyuarat Anggota Perbadanan diadakan 4 kali setahun bagi membincangkan isu berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam seperti laporan prestasi perkhidmatan syarikat konsesi dan kedudukan kewangan Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam.
- b. Anggota penguatkuasa juga bertanggungjawab membuat pemantauan terhadap operasi syarikat konsesi. Sehubungan itu, Garis Panduan Operasi Syarikat Konsesi Bagi Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam telah disediakan. Garis panduan ini memperincikan proses kerja yang perlu dipatuhi semasa menjalankan pemantauan terhadap operasi syarikat konsesi dan KPI bagi perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Pemantauan operasi syarikat konsesi dilakukan secara harian oleh anggota penguatkuasa dengan mencatat ketidakpatuhan KPI dan mengambil bahan bukti menggunakan Borang Pemantauan Kutipan dan Borang Pemantauan Pembersihan Awam menggunakan peralatan *handheld*. Pengurus Cawangan SWCorp akan

menyemak Laporan Potongan Penalti Mingguan yang dijana melalui sistem iMEMS.

- c. Jawatankuasa Teknikal Aduan Awam ditubuhkan untuk membincangkan perkara berbangkit berkaitan aduan awam dan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp. Sepanjang tahun 2014, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 8 kali. Selain itu, Unit Aduan di Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam bertanggungjawab untuk mengurus, memantau dan menyelaras semua aduan awam yang diterima melalui pelbagai saluran dan memberi maklum balas dalam tempoh 24 jam.
- d. Bahagian Sisa Domestik Dan Pembersihan Awam bertanggungjawab untuk membuat semakan terhadap semua tuntutan dan pengesyoran yang dikemukakan oleh Pengurus Cawangan dan Pengarah Negeri. Bagaimanapun, semakan ini terhad kepada pematuhan KPI dan hanya dibuat oleh seorang pegawai bagi setiap syarikat konsesi. Selain itu, mekanisme pemantauan terhadap pembayaran yang dibuat kepada konsesi tidak diwujudkan.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan terhadap sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam telah diwujudkan oleh SWCorp. Bagaimanapun, pemantauan tidak dibuat secara menyeluruh.

Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015

SWCorp memaklumkan pemantauan secara terperinci terhadap tuntutan syarikat konsesi, pengesyoran SWCorp dan kerja sebenar yang dibuat dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus bagi menambahbaik proses pembayaran syarikat konsesi. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Inventori SWCorp bertarikh 21 Mei 2015 membentangkan semakan inventori di lapangan dan kesilapan dalam pengesyoran bayaran. Hasil daripada mesyuarat tersebut, setiap Pengarah Negeri yang terlibat perlu menyemak semula inventori dan juga pengesyoran bayaran yang telah dibuat.

Bagi memudahkan proses semakan bayaran syarikat konsesi, SWCorp sedang membangunkan Modul Bayaran dalam iMEMS bagi memudahkan semakan dibuat secara sistematik dan mengatasi berlakunya kesilapan semasa pengesyoran bayaran dibuat. Modul ini dijangka akan disiapkan pada bulan Februari 2016.

Pemantauan oleh anggota penguatkuasa di lapangan diperkuat melalui penyediaan 7 jenis protokol yang disediakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawal Selia. Bagi pemantauan serta semakan pengesyoran bayaran kepada syarikat konsesi, semakan terhadap inventori dilakukan secara berkala bagi memastikan tuntutan yang dibuat oleh syarikat konsesi adalah tepat dan

berintegriti.

2.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan SWCorp mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam:

- 2.5.1 SWCorp perlu memastikan data inventori yang telah dimuktamadkan adalah betul dan tepat bagi mengelakkan berlakunya pengesyoran dan tuntutan yang berbeza yang menyebabkan lebihan bayaran kepada syarikat konsesi. Tuntutan dan pengesyoran bayaran hendaklah berdasarkan kerja yang sebenar dan data inventori yang dimuktamadkan.
- 2.5.2 SWCorp perlu mengambil tindakan tegas dan mengenakan denda terhadap syarikat konsesi yang mengemukakan tuntutan tidak mengikut kerja sebenar yang dilaksanakan.
- 2.5.3 SWCorp perlu memastikan KPI penuh diberikan hanya jika syarikat konsesi benar-benar telah memenuhi kriteria yang ditetapkan dan data inventori telah dimuktamadkan. SWCorp perlu menentukan bayaran kepada syarikat konsesi adalah berdasarkan KPI penuh tersebut.
- 2.5.4 SWCorp perlu memberi perhatian serius dan mengenakan denda terhadap syarikat konsesi kerana gagal membangunkan sistem *database* inventori mengikut perjanjian.
- 2.5.5 SWCorp perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap tunggakan yang tinggi oleh PBT bagi memastikan sumber kewangan adalah mencukupi untuk membayar perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi.
- 2.5.6 SWCorp perlu membuat kajian semula terhadap pengurusan sisa pepejal di Pasar Borong Harian Selayang dan pasar awam terutama dari segi penggunaan dan bilangan tong roro yang perlu disediakan serta kawasan pasar yang perlu disenggara oleh syarikat konsesi.
- 2.5.7 SWCorp perlu mengkaji semula penetapan nisbah bebanan tugas seorang penguatkuasa di kawasan seliaan masing-masing agar pemantauan dapat dilaksanakan dengan baik, berkesan dan menyeluruh.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 3.

3

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL *Pengurusan Projek ICT Core System*

3.1 LATAR BELAKANG

3.1.1 Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan pada bulan Januari 1971 bagi menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971. PERKESO dikawal selia oleh Kementerian Sumber Manusia. Tujuan penubuhan adalah untuk melindungi pekerja daripada risiko bencana pekerjaan, penyakit khidmat, keilatan dan kematian melalui pelaksanaan Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat, mengutip caruman, menerima tuntutan dan membuat bayaran faedah kepada pencarum yang ditimpa bencana. PERKESO mempunyai 46 pejabat tempatan di seluruh negara bagi memenuhi objektifnya.

3.1.2 Sebelum ini PERKESO mempunyai 32 sistem berkomputer bagi melaksanakan *core business* harian yang meliputi proses pendaftaran majikan dan pekerja, caruman, faedah, perundangan, penguatkuasaan dan kewangan. Dua sistem utama iaitu Sistem Pendaftaran dan Caruman Majikan dan Pekerja adalah berpusat di Ibu Pejabat PERKESO menggunakan pelayan UNISYS manakala Sistem Tuntutan Faedah (SIKAP) digunakan secara teragih di 46 pejabat PERKESO menggunakan pelayan AS/400.

3.1.3 Pada tahun 2010, PERKESO telah membuat penambahbaikan terhadap keseluruhan infrastruktur ICT dan sistem sedia ada dengan melaksanakan Projek *ICT Core System* bagi mengatasi kekangan sistem yang tidak berintegrasi dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan perkhidmatan. Projek ini merangkumi perolehan perkhidmatan perunding, pembangunan sistem, perkakasan dan perisian, penyenggaraan serta menaik taraf pusat data dan rangkaian.

3.1.4 Projek *ICT Core System* juga menggabungkan pelbagai sistem yang bersepada bagi menyediakan perkhidmatan kepada pengguna portal PERKESO yang dikenali sebagai *PERKESO Information Technology Automation Reformation* (PINTAR). Objektif projek ini adalah seperti berikut:

- a. Menyelaraskan pembangunan teknologi *ICT Core System* dengan Pelan Strategik PERKESO;
- b. Meningkatkan tahap kesiapsiagaan infrastruktur dan aplikasi bagi menyokong keperluan semasa dan akan datang dengan menggunakan teknologi terkini yang bercirikan *open standard*; dan

- c. Meningkatkan tahap kemahiran ICT di kalangan kakitangan PERKESO dalam aspek pembangunan sistem, pengurusan maklumat, pengurusan projek, pangkalan data, keselamatan, rangkaian dan komunikasi.

3.1.5 Reka bentuk Sistem PINTAR adalah berorientasikan perkhidmatan, di mana semua fungsi yang dikenal pasti sebagai perkhidmatan saling berintegrasi untuk menyelesaikan masalah operasi. Selain itu, sistem dijangka mempunyai integrasi dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Jabatan Pendaftaran Negara, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan universiti.

CARTA 3.1 : REKA BENTUK ICT CORE SYSTEM PERKESO



Sumber: Bahagian Teknologi Maklumat

3.1.6 PERKESO telah membuat perolehan sejumlah RM223.45 juta melalui 8 tender terbuka, 6 rundingan terus dan 1 sebut harga sejak tahun 2011 sehingga 2014 bagi melaksanakan projek ini. Butiran perolehan keseluruhan projek adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.1 : PEROLEHAN PROJEK ICT CORE SYSTEM

BIL.	BUTIRAN PEROLEHAN	PEMBEKAL	KAEDAH PEROLEHAN/ LANJUTAN MASA	TARIKH PERJANJIAN	NILAI KONTRAK (RM)
1.	Pelantikan pakar runding bagi penyediaan dokumen prasyarat kepada petender, <i>Request For Proposal</i> , <i>Request For Information</i> , penilaian, pemilihan dan rundingan kontrak bagi Projek ICT Core System	Innovation Associates Consulting Sdn. Berhad	Rundingan Terus	01.08.2011	899,089
2.			Lanjutan Masa No.1	17.05.2013	2,131,794
3.	Pelantikan perunding untuk co-sourcing Project Management Office		Tender Terbuka	17.05.2013	4,265,782
4.	Perisian MIMOS Intelligent Information System (Mi-12F) dan perkhidmatan integrasi sistem	MIMOS Berhad	Rundingan Terus	19.03.2012	23,636,000

BIL.	BUTIRAN PEROLEHAN	PEMBEKAL	KAEDAH PEROLEHAN/ LANJUTAN MASA	TARIKH PERJANJIAN	NILAI KONTRAK (RM)
5.	Pembangunan Modul Kluster 1	Century Software (Malaysia) Sdn. Berhad	Tender Terbuka	13.08.2012	24,505,600
6.	Pembangunan Modul Kluster 2		Tender Terbuka	13.08.2012	9,018,750
7.	Pembangunan Modul Kluster 3	TB	Ditunda	TB	TB
8.	Pembangunan Modul Kluster 4	MIMOS Berhad	Rundingan Terus	10.07.2014	*
9.	Pembangunan Modul Kluster 5	Ara Techbis Sdn. Berhad	Tender Terbuka	26.07.2013	2,306,988
10.	Perkakasan dan perisian untuk <i>development</i> dan <i>data migration</i>	Mesiniaga Berhad	Tender Terbuka	04.09.2012	4,024,728
11.	Perkakasan untuk <i>staging</i> dan <i>production</i>		Tender Terbuka	29.03.2013	61,549,941
12.	Perkhidmatan pengujian dan petaulahan	Malaysian Software Testing Board	Rundingan Terus	04.02.2013	2,070,000
13.	Pembangunan perisian (<i>peripherals</i>) - MyKad Reader/Biometric - Mobile Handheld Printer - SSN Card Reader	E-Content (M) Sdn. Berhad	Tender Terbuka	18.02.2014	1,537,777
14.	Pembangunan perisian (<i>peripherals</i>) - IP Phone	Orange River Industry	Sebut Harga	-	20,700
15.	Sewaan ruang pusat data, pusat pemulihan bencana dan rangkaian intranet, internet dan perkakasan	Telekom Malaysia Berhad	Rundingan Terus	10.01.2014	84,880,501
16.	Sewaan pengimbas	E-Content (M) Sdn. Berhad	Tender Terbuka	18.02.2014	2,603,880
JUMLAH					223,451,530

Sumber: Perjanjian Antara PERKESO Dan Pembekal

()MOU ditandatangani dengan pihak MIMOS bagi pembangunan tanpa kos.*

Nota: TB – Tidak Berkenaan

3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan dan pelaksanaan Projek *ICT Core System* telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek *ICT Core System* bagi tahun 2010 sehingga 2014. Semakan telah dijalankan dengan menyemak fail, dokumen dan rekod yang berkaitan sistem. Analisis data pendaftaran menggunakan perisian audit dan *walkthrough* terhadap modul yang *go live* telah dilaksanakan. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai PERKESO yang terlibat telah diadakan. Lawatan ke pusat data dan pusat pemulihan bencana juga dijalankan. *Exit conference* telah diadakan pada 24 Jun 2015 yang dipengerusikan oleh

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia. Antara pegawai yang hadir adalah Pengurus Lembaga PERKESO, Timbalan Ketua Eksekutif PERKESO, wakil MAMPU, wakil Kementerian Kewangan, wakil Jabatan Peguam Negara dan pegawai kanan PERKESO.

3.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan dari bulan Jun sehingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan Projek *ICT Core System* adalah kurang memuaskan. Projek telah bermula pada tahun 2011 dan pembangunan sistem dijangka siap pada tahun 2014. Setakat bulan Disember 2014, hanya 38.1% atau 8 daripada 21 modul aplikasi Sistem PINTAR telah siap dibangunkan dan *go live*. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

a. **Kelemahan pelaksanaan dan pengurusan projek:**

- i. Setakat 31 Disember 2014, pembangunan modul aplikasi Sistem PINTAR iaitu Kluster 1 dan 2 oleh Century Software (Malaysia) Sdn. Berhad (CENSOF) dengan kontrak bernilai RM33.52 juta mengalami **kelewatan antara 263 sehingga 503 hari untuk siap**. Hanya 6 daripada 17 modul iaitu 35.3% diselesaikan dan *go live* manakala 9 lagi modul masih dalam peringkat pembangunan dan pengujian. Akibat kelewatan tersebut, pelanjutan kontrak perlu diberi kepada perunding *Project Management Office* dengan kos RM1.73 juta dan CENSOF kerana kebergantungan kepada kemajuan pembangunan Sistem PINTAR tersebut yang masih belum selesai.
- ii. Perisian MIMOS *Intelligent Informatics System Platform (Mi-I2F)* dan perkhidmatan integrasi sistem antara PERKESO dengan Jabatan Pendaftaran Negara, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia yang **telah siap masih tidak dapat diuji dan diguna** oleh PERKESO kerana ia bergantung pada maklumat yang perlu diperoleh daripada modul-modul lain yang masih belum siap.
- iii. Modul Pendaftaran, Caruman dan Kutipan yang *go live* pada 30 Mei 2014 masih belum memenuhi keperluan pengguna sepenuhnya seperti capaian pelanggan melalui portal dan **laporan tidak dapat dijana melalui sistem**.
- iv. Modul *Fraud Management* telah selesai dibangunkan **namun masih belum digunakan** keranakekangan kakitangan dan peralatan ICT yang khusus.
- v. Fungsi penilaian KPI secara automatik dalam Modul *Performance Management* **masih belum dapat dilaksanakan** kerana bergantung pada integrasi dengan modul utama yang masih dalam pembangunan.
- vi. Penggunaan medium *chat* dan sms bagi perhubungan pelanggan bergantung pada kesediaan Modul *Enrollment* yang belum selesai dan pelaporan bagi

- Modul *Customer Relationship Management* masih belum dapat digunakan walaupun modul telah *go live*.
- vii. Kelemahan dalam pengurusan kontrak dengan CENSOF iaitu tempoh pelaksanaan dan waranti yang bertindan, percanggahan klausa tempoh waranti, tiada pelanjutan kontrak, *variation order* tidak disediakan dan anggaran *Liquidated and Ascertained Damages* sejumlah **RM5.50** juta tidak dikenakan.
 - viii. Pelan Strategik Teknologi Maklumat PERKESO **tidak dikemas kini sejak tahun 2011** bagi menyatakan hala tuju dan strategi ICT yang jelas termasuk Projek *ICT Core System* yang sedang dijalankan.

b. Kelemahan perolehan projek:

- i. Perjanjian dengan Malaysian Software Testing Board sebagai *Independent Tester* tidak ditandatangani sehingga tempoh perjanjian tamat pada 3 Februari 2014.
- ii. Sebanyak 159 unit *MyKad Reader* berjumlah RM270,300 dan 150 unit pencetak mudah alih berjumlah RM330,000 yang diterima sejak bulan November 2013 masih belum digunakan kerana aplikasi *Enforcement* iaitu Modul *Detection, Inspection* dan *Compound* belum siap dibangunkan.

c. Kelemahan kawalan ICT:

- i. Analisis data pendaftaran mendapati 694 rekod yang bertindan dan data tidak munasabah seperti tahun lahir, tarikh mati, nombor kad pengenalan dan nombor pendaftaran perniagaan.
- ii. Pelan Pemulihan Bencana yang komprehensif bagi memastikan kesinambungan operasi PERKESO sekiranya berlaku bencana tidak disediakan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut:

3.4.1 Pelaksanaan Projek

PERKESO melaksanakan pendekatan *outsourcing* bagi Projek *ICT Core System* meliputi perkhidmatan *system integrator*, pembangunan sistem, infrastruktur ICT dan penyenggaraan. Selain itu, PERKESO melantik perunding iaitu Innovation Associates Consulting Sdn. Berhad untuk pengurusan perolehan dan pengurusan projek secara *co-sourcing*. Secara keseluruhannya, PERKESO telah membuat 15 perolehan dengan 9 pembekal bagi melaksanakan Projek *ICT Core System* ini.

3.4.1.1 Prestasi Projek *ICT Core System*

- a. Setakat bulan Disember 2014, sejumlah RM98.49 juta atau 44.1% daripada RM223.45 juta telah dibelanjakan bagi keseluruhan projek ini selaras dengan prestasi kemajuan 8 daripada 21 modul aplikasi yang telah *go live* iaitu 38.1%. Status pelaksanaan dan perbelanjaan keseluruhan Projek *ICT Core System* adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.2 : STATUS PELAKSANAAN PROJEK *ICT CORE SYSTEM* SETAKAT BULAN DISEMBER 2014

BIL.	SKOP PROJEK	PEMBEKAL	NILAI KONTRAK (RM)	BAYARAN DIJELASKAN (RM)	PERATUS BAYARAN (%)	STATUS PELAKSANAAN
1.	Perkhidmatan Perunding Perolehan (Asal)	Innovation Associates Consulting Sdn. Berhad	899,089	899,089	100	Selesai.
2.	Perkhidmatan Perunding Perolehan (Lanjutan)		2,131,794	2,131,794	100	
3.	<i>Project Management Office</i>		4,265,782	3,926,151	92	Kontrak dilanjutkan dengan kos RM1.73 juta mulai 22.10.2014 hingga 21.10.2015.
4.	Perolehan perisian MIMOS <i>Intelligent Information System</i> (Mi-12F) dan perkhidmatan integrasi sistem	MIMOS Berhad	23,636,000	19,068,550	80.7	<i>System Integration Test</i> dan <i>data migration</i> sedang dilaksanakan.
5.	Pembangunan Modul Kluster 1	Century Software (Malaysia) Sdn. Berhad	24,505,600	4,408,064	18	Dalam pembangunan dan pengujian.
6.	Pembangunan Modul Kluster 2		9,018,750	7,215,000	80	Hanya Modul <i>Enrolment</i> belum <i>go live</i> .
7.	Pembangunan Modul Kluster 4	MIMOS Berhad	0	TB	100	Selesai.
8.	Pembangunan Modul Kluster 5	Ara Techbis Sdn. Berhad	1,733,938	1,387,938	80	Selesai.
	Penyenggaraan Modul Kluster 5		573,050	-	0	Telah memasuki fasa penyenggaraan.
9.	Pembangunan perkakasan (<i>Development & Data Migration</i>)	Mesiniaga Berhad	2,849,380	2,849,380	100	Selesai.
	Penyenggaraan perkakasan (<i>Development & Data Migration</i>)		1,175,348	490,707	41.7	Telah memasuki fasa penyenggaraan.
10.	Pembangunan perkakasan (<i>Staging & Production</i>)		37,461,424	37,461,424	100	Selesai.
	Penyenggaraan perkakasan (<i>Staging & Production</i>)		24,088,517	742,580	3.1	Telah memasuki fasa penyenggaraan.
11.	Perkhidmatan pengujian dan pentauliahan	Malaysian Software Testing Board	2,070,000	-	0	Pengujian ditamatkan.
12.	Pembangunan persianan (<i>peripherals</i>) - MyKad Reader/ Biometric - Mobile Handheld Printer - SSN Card Printer	E-Content (M) Sdn. Berhad	1,183,777	947,021	80	Selesai.
	Penyenggaraan persianan (<i>peripherals</i>)		354,000	-	0	Belum memasuki fasa penyenggaraan.
13.	Pembangunan persianan (<i>peripherals</i>) - IP Phone	Orange River Industry	20,700	20,700	100	Selesai.

BIL.	SKOP PROJEK	PEMBEKAL	NILAI KONTRAK (RM)	BAYARAN DIJELASKAN (RM)	PERATUS BAYARAN (%)	STATUS PELAKSANAAN
14.	Sewaan ruang pusat data, pusat pemulihan bencana dan rangkaian intranet, internet dan perkakasan	Telekom Malaysia Berhad	84,880,501	16,518,834	19.5	Dalam sewaan.
15.	Sewaan pengimbas	E-Content (M) Sdn. Berhad	2,603,880	421,818	16.2	257 daripada 450 unit pengimbas telah diterima.
JUMLAH			223,451,530	98,489,050		

Sumber: Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga PERKESO – Status Projek ICT Core System pada 31 Disember 2014

- b. Semakan Audit mendapati pelantikan perunding untuk *co-sourcing Project Management Office* dan perkhidmatan *system integrator* terpaksa dilanjutkan oleh PERKESO kerana kebergantungan kepada kemajuan pembangunan sistem utama yang masih belum selesai. PERKESO bercadang melanjutkan perjanjian dengan Innovation Associates Consulting Sdn. Berhad bermula 22 Oktober 2014 sehingga 21 Oktober 2015 dengan nilai RM1.73 juta. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkhidmatan *system integrator* oleh MIMOS Berhad yang telah tamat pada 24 Julai 2013 tidak dibuat pelanjutan perjanjian.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 8 Julai 2015

PERKESO memaklumkan perjanjian dengan Innovation Associates Consulting Sdn. Berhad hanya dilanjutkan sehingga 30 Jun 2015 dengan nilai RM1.10 juta kerana PERKESO ingin menguruskan projek menggunakan khidmat dalam tanpa bergantung pada perunding. Perjanjian bagi perkhidmatan system integrator iaitu MIMOS Berhad tidak dilanjutkan kerana berdasarkan perjanjian, pihak MIMOS perlu menyelesaikan skop perkhidmatan sehingga Projek ICT Core System selesai dilaksanakan dan perjanjian adalah masih sah.

3.4.1.2 Prestasi Pelaksanaan Aplikasi Sistem PINTAR

- a. Modul aplikasi Sistem PINTAR dikelaskan mengikut 5 kluster yang mempunyai 21 modul dan dibangunkan secara berperingkat mengikut *drop*. Secara keseluruhannya, sehingga bulan Disember 2014, sebanyak 38.1% atau 8 daripada 21 modul aplikasi Sistem PINTAR telah dibangunkan dan *go live*. Status pelaksanaan dan kelewatan secara terperinci adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.3 : STATUS PELAKSANAAN SISTEM PINTAR SETAKAT BULAN DISEMBER 2014

KLUSTER	DROP	MODUL APLIKASI	PEMBEKAL	STATUS PELAKSANAAN	TARIKH SEPATUT SIAP	KELEWATAN (Hari)
1	1	i. Pendaftaran ii. Caruman iii. Kutipan	Century Software (Malaysia) Sdn. Berhad	Go live pada 28 Mei 2014.	15.08.2013	286
	2	iv. Scheme Management v. Disbursement vi. Medical Services vii. Jemaah Doktor viii. Disability Management		Peringkat pengujian.		503
	3	ix. Detection x. Inspection xi. Compound xii. Prosecution xiii. Education Loan		Peringkat pembangunan adalah 76%.		503
2	1	xiv. Prevention	Ara Techbis Sdn. Berhad	Go live pada 1 Julai 2014.	15.08.2015	319
		xv. Corporate Website		Go live pada 5 Mei 2014.		263
		xvi. Customer Relationship Management		Go live pada 19 Mei 2014.		277
		xvii. Enrollment		Go live ditangguhkan sehingga defects, change request dan fungsi FTP bagi Modul Collection diselesaikan.		503
3	-	xviii. Legal Management	TB	Ditunda.	TB	TB
4	3	xix. Fraud Management	MIMOS Berhad	Go live pada 17 Julai 2014.	TB	TB
5	3	xx. Performance Management (KPI manual)	Ara Techbis Sdn. Berhad	Go live pada 7 Julai 2014.	15.08.2015	TB
		xxi. Performance Management (KPI automatic)		Selesai pengujian.		TB


Sumber: Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga PERKESO – Status Projek ICT Core System pada 31 Disember 2014

Nota: TB – Tidak Berkenaan

- b. Semakan Audit mendapati pelaksanaan pembangunan modul bagi Kluster 1 dan 2 oleh Century Software (Malaysia) Sdn. Berhad (CENSOF) tidak menepati tempoh pelaksanaan seperti yang dijadualkan dalam kontrak dan mengalami kelewatian antara 263 sehingga 503 hari. Sehingga bulan Disember 2014, hanya 35.3% atau 6 daripada 17 modul aplikasi Kluster 1 dan 2 telah go live. Pelaksanaan modul Kluster 1 yang melibatkan Modul Pendaftaran, Caruman dan Kutipan telah dijalankan secara berperingkat bermula dengan pelaksanaan di Ibu Pejabat PERKESO dan cawangan Petaling Jaya serta seterusnya di peringkat negeri.
- c. Pembangunan Modul Legal Management di bawah Kluster 3 telah ditunda dan perolehan tidak dibuat kerana mengambil kira kritikaliti pelaksanaan Kluster 1 dan 2 serta penglibatan pegawai yang sama untuk membangunkan modul berkenaan.

- d. Modul *Fraud Management* di bawah Kluster 4 telah selesai dibangunkan oleh MIMOS Berhad tanpa kos manakala Modul *Performance Management* (KPI manual) di bawah Kluster 5 yang dibangunkan oleh Ara Techbis Sdn. Berhad telah selesai dibangunkan tanpa kelewatan. Bagaimanapun, Modul *Performance Management* (KPI automatik) masih dalam peringkat pengujian.
- e. Semakan selanjutnya mendapati Innovation Associates Consulting Sdn. Berhad gagal menyerahkan *Quality Management Report* seperti yang dikehendaki pada setiap bulan kepada PERKESO bagi mengenal pasti punca kelewatan *Drop 2* dan *Drop 3* oleh CENSOF. Punca kelewatan yang dikenal pasti adalah *Lead Business Analyst (BA)* yang merupakan *Subject Matter Expert* kepada CENSOF tidak lagi terlibat dalam projek. Selain itu, tahap kompetensi yang rendah di kalangan BA dan kaedah pembangunan aplikasi yang berubah beberapa kali menyebabkan keperluan tidak difahami.
- f. Sistem PINTAR yang dibangunkan mempunyai kebergantungan antara modul. Carta 3.2 menunjukkan integrasi antara Sistem PINTAR dengan sistem Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi menyemak kesahihan nombor kad pengenalan, pendaftaran serta pengiktirafan kursus yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Tinggi. Semakan secara automatik dengan agensi yang terlibat dijangka dapat dibuat apabila Modul Pendaftaran dan Modul *Education Loan* telah berfungsi dengan lengkap.

CARTA 3.2 : INTEGRASI SISTEM PINTAR DENGAN AGENSI LAIN



Sumber: MIMOS Berhad

- g. Berdasarkan kontrak antara PERKESO dan MIMOS Berhad pada tahun 2011, iaitu perjanjian perolehan bekalan perisian *MIMOS Intelligent Informatics System Platform (Mi-I2F)* dan perkhidmatan integrasi sistem, *framework* telah siap dibangunkan mengikut jadual tetapi tidak dapat digunakan kerana memerlukan maklumat dari modul-modul lain yang belum selesai. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan keberkesanan integrasi sistem tersebut.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 18 September 2015

PERKESO memaklumkan integrasi dengan JPN telah berjaya dilaksanakan sejak bulan Mac 2014 manakala integrasi dengan MQA dan SSM belum lagi dilaksanakan memandangkan aplikasi yang dibangunkan oleh pembekal belum selesai. Integrasi dengan JPN, MQA dan SSM bukan merupakan keperluan ‘Show Stopper’ kerana validasi data masih boleh dibuat secara manual seperti proses sedia ada. Integrasi dengan MQA akan dilaksanakan setelah aplikasi yang dibangunkan oleh pembekal selesai dilaksanakan (pelaksanaan Go-Live keseluruhan).

Pada 21 Mac 2013, pihak SSM memaklumkan bahawa pelaksanaan Sistem MyCoID oleh SSM bagi kolaborasi antara agensi juga belum dibangunkan. Justeru itu, PERKESO menandatangani satu perjanjian dengan SSM untuk membeli data berkaitan secara offline. Bagaimanapun, data secara offline masih belum dapat diguna pakai memandangkan aplikasi yang dibangunkan oleh pembekal belum lagi disiapkan. Integrasi dengan ketiga agensi dijangka dapat dilaksanakan pada 3 Mac 2016.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, prestasi pelaksanaan Projek *ICT Core System* adalah kurang memuaskan kerana kelewatan menyiapkan pembangunan modul aplikasi utama iaitu Kluster 1 dan 2. Kelewatan ini telah mengakibatkan pertambahan kos projek kerana kontrak dengan CENSOF dan perunding *Project Management Office* perlu dilanjutkan.

3.4.1.3 Prestasi Modul Sistem PINTAR

Sistem PINTAR mempunyai 21 modul dan pihak Audit telah menjalankan sesi *walkthrough* antara bulan Julai sehingga November 2014 terhadap modul yang selesai dibangunkan. Pemerhatian Audit adalah seperti berikut:

a. Modul Pendaftaran

- i. Modul Pendaftaran dibangunkan untuk proses pendaftaran majikan dan pekerja serta telah mula *go live* pada bulan Mei 2014. Pendaftaran majikan dan pekerja dijangka boleh dilaksanakan melalui kaunter dan portal. Pegawai yang menerima Borang 1 dan Borang 2 yang mengandungi maklumat majikan dan pekerja melalui kaunter akan memasukkan data berkenaan ke dalam sistem dan disahkan oleh Pegawai Pendaftaran sebelum kod pendaftaran majikan dijana. Semasa proses ini, nombor kad pengenalan majikan dan pekerja akan disemak dengan data sedia ada dalam Sistem Q-TERM atau data Jabatan Pendaftaran Negara. Seterusnya, pemberitahuan mengenai kelulusan pendaftaran dan kod pendaftaran majikan akan dihantar melalui surat, e-mel, faks atau sms. Majikan juga boleh mengaktifkan *user ID* dan kata laluan yang diberi untuk mengakses portal PERKESO bagi menyemak maklumat caruman.
- ii. Semakan Audit mendapati perkara berikut:
 - Kaedah pendaftaran majikan dan pekerja melalui portal masih belum dapat dilaksanakan kerana Modul *Enrollment* masih dalam pembangunan.
 - Semakan nombor kad pengenalan dan nombor pendaftaran syarikat/perniagaan secara *online real time* ke JPN dan SSM masih tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.
 - Pegawai Pendaftaran masih menggunakan buku log pendaftaran untuk merekodkan kod pendaftaran majikan yang telah dijana setiap hari kerana laporan pendaftaran melalui sistem masih belum dapat digunakan.
 - Sistem tidak membenarkan draf pendaftaran yang dimasukkan oleh pegawai kaunter disimpan sementara mendapatkan pengesahan maklumat bagi nombor pendaftaran majikan yang telah wujud (bagi kes syarikat yang mempunyai cawangan).
 - Nombor rujukan tidak dijana secara automatik dalam surat kelulusan pendaftaran majikan. Ini menyukarkan pengesahan surat yang telah dikeluarkan kerana tiada rujukan di dalam sistem. Selain itu, pemantauan terhadap pendaftaran yang telah dibuat setiap hari terpaksa dibuat melalui buku log kod pendaftaran majikan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Modul Pendaftaran adalah tidak memuaskan kerana kaedah pendaftaran majikan dan pekerja secara *online* serta semakan dengan JPN dan SSM secara *real time* masih belum dapat

dilaksanakan. Selain itu, sistem tidak dapat melicinkan pengurusan pegawai pendaftaran di kaunter.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 dan 24 Jun 2015

PERKESO memaklumkan :

- i. *Proses pendaftaran majikan dan pekerja secara online dijangka dapat diselesaikan setelah semua defect pada Modul Enrolment diselesaikan iaitu pada 2 Januari 2016.*
- ii. *Standard Operating Procedure pendaftaran bagi proses menyimpan draf pendaftaran yang dimasukkan oleh pegawai kaunter sementara mendapatkan pengesahan maklumat bagi nombor pendaftaran majikan yang telah wujud (bagi kes syarikat yang mempunyai cawangan) telah dikemas kini pada 24 Jun 2015.*
- iii. *Format nombor rujukan yang dijana secara automatik telah dimuktamad dan tindakan pihak pembekal sedang dilaksanakan yang dijangka selesai pada 31 Oktober 2015.*

b. Modul Caruman dan Kutipan

- i. Modul Caruman dan Kutipan dibangunkan dan telah *go live* pada bulan Mei 2014. Borang caruman dan kutipan seperti Borang 8A/8B/Notis FCLB yang dikemukakan oleh majikan secara *hardcopy* akan diimbas atau *softcopy* akan dimuat naik ke dalam sistem. Modul Caruman berfungsi menguruskan maklumat caruman majikan dan pekerja di samping menjana Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) manakala Modul Kutipan menerima kutipan caruman yang dibuat secara *online* melalui portal PERKESO, kaunter, cek dan melalui pihak ketiga (bank dan pejabat pos).
- ii. Semakan Audit mendapati Laporan Caruman dan Kutipan masih belum dapat dikeluarkan dan masih dalam peringkat pembangunan walaupun modul telah *go live*. Ini disebabkan PERKESO masih belum memuktamadkan format laporan yang diperlukan. Selain itu, kaedah kutipan caruman secara *online* melalui portal PERKESO juga masih belum dapat dilaksanakan.
- iii. Semakan selanjutnya terhadap Laporan Insiden *Drop 1* sejak *go live* sehingga 31 Disember 2014 mendapati sebanyak 4,449 aduan telah dikemukakan dalam tempoh 6 bulan. Sebanyak 4,041 atau 90.8% aduan telah diselesaikan dan berbaki 408 atau 9.2%. Kebanyakan laporan insiden

yang masih belum diselesaikan adalah berkaitan dengan permasalahan FCLB.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Modul Caruman dan Kutipan yang telah dibangunkan dan go live adalah kurang memuaskan memandangkan Laporan Caruman dan Kutipan masih tidak dapat dijana melalui sistem ini. Selain itu, jumlah aduan dalam laporan insiden yang terlalu tinggi menunjukkan *quality assurance* tidak dilaksanakan dengan berkesan.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 18 September 2015

PERKESO telah memuktamadkan 10 format laporan bagi Modul Caruman dan Kutipan pada Oktober 2014 dan laporan-laporan tersebut telah dibangunkan pada bulan Januari 2015. Bagaimanapun, pembekal aplikasi masih lagi menjalankan tindakan pembetulan ke atas kandungan laporan hasil daripada beberapa proses pengujian yang dilalui. Jumlah laporan yang telah dibangunkan sehingga 15 September 2015 adalah sebanyak 27 bagi Laporan Caruman dan 32 bagi Laporan Kutipan. Kaedah kutipan caruman secara online melalui portal PERKESO telah dibangunkan dan dijangka akan Go-Live setelah semua defect pada Modul Enrolment diselesaikan pada 2 Januari 2016.

PERKESO memaklumkan pelaksanaan quality assurance bagi projek ini dipecahkan kepada 3 iaitu:

- i. Peringkat pengujian Application Functional Test (AFT) yang dilaksanakan oleh pihak pembekal. Pengujian ini merangkumi Unit Test, Component Test, Module Test dan Integration Test.
- ii. Peringkat pengujian System Integration Test (SIT) yang dilaksanakan oleh pihak System Integrator iaitu MIMOS Berhad yang merangkumi ujian integrasi antara aplikasi yang dibangunkan, platform dan sistem luaran.
- iii. Peringkat pengujian User Acceptance Test (UAT) yang dilaksanakan oleh PERKESO.

Kesemua peringkat pengujian yang dilaksanakan telah berjaya mencapai tahap yang munasabah. Di peringkat pelaksanaan go live yang melibatkan 47 pejabat secara serentak, wujudnya insiden teknikal baru yang tidak dikenal pasti semasa peringkat pengujian seperti di atas. Insiden ini sedang dipantau dan sedang diambil tindakan pencegahan dan dijangka dapat diselesaikan sepenuhnya.

PERKESO dalam tindakan mengemas kini database dan dijangka selesai pada bulan November 2015.

c. Modul *Fraud Management*

- i. Modul *Fraud Management* telah dibangunkan khas untuk Cawangan Anti Fraud dan Penyiasatan bagi melaksanakan proses penyiasatan jika terdapat unsur penyelewengan. Sumber aduan adalah melalui surat, faks dan e-mel. Siasatan akan dilakukan oleh Pegawai Penyiasat untuk pengesahan aduan kes dan dikemukakan kepada Pegawai Fraud untuk dikemas kini dalam sistem. Tahap *severity* kes akan diklasifikasi berdasarkan *case value* seperti paling tinggi, medium dan rendah bertujuan untuk membahagikan kes sama ada kepada Pegawai Penyiasat atau Pengurus Penyiasat. Setelah selesai siasatan, kes akan dihantar untuk kelulusan pihak atasan atau sebaliknya memerlukan siasatan tambahan.
- ii. Semakan Audit mendapati perkara berikut:
 - *Fraud* yang dikesan secara automatik daripada Sistem PINTAR (*auto detect*) masih belum dibangunkan dan input kes pada masa ini secara manual sahaja.
 - Tiada identiti pengadu yang boleh diklasifikasi sebagai *anonymous* jika aduan ingin dibuat secara sulit.
 - Aduan yang dimasukkan ke dalam sistem tidak mempunyai klasifikasi penjenisan *fraud* contohnya seperti “berniat” dan “tanpa niat”. Selain itu, sistem tidak memberi pilihan terhadap kaedah *fraud* yang dikenal pasti kerana hanya memaparkan kaedah yang biasa berlaku namun tiada pilihan untuk menambah kaedah *fraud* yang baru. Ini menyebabkan kesukaran jika pada masa akan datang berlaku penambahan kaedah *fraud* yang baru.
 - Sistem tidak menyediakan ruangan untuk justifikasi bagi pergerakan kes yang ditolak oleh Pegawai Penyiasat. Ini adalah perlu bagi memantau pergerakan setiap kes.
 - Sistem ini telah selesai dibangunkan pada bulan Julai 2014 namun masih belum digunakan sepenuhnya kerana kekangan kakitangan dan perkakasan ICT yang khusus.

Pada pendapat Audit, pengesahan aktiviti fraud secara automatik dalam modul ini melalui integrasi Sistem PINTAR adalah baik jika dapat dibangunkan mengikut perancangan.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 18 September 2015

PERKESO memaklumkan features pengesanan kes fraud secara automatik telah dibangunkan. Bagaimanapun, disebabkan pembangunan Kluster 1 belum disiapkan sepenuhnya, ketetapan parameter dan corak fraud yang boleh digunakan sebagai rules tidak dapat dilaksanakan. Modul ini dibangunkan mengambil kira keperluan yang telah diberikan pada peringkat awal di mana aduan berkaitan fraud yang diterima mempunyai maklumat pengadu iaitu Nombor KPPN dan Nama. Bagaimanapun, setelah sistem dibangunkan didapati wujud aduan tanpa identiti pengadu. Pihak MIMOS tidak mempunyai halangan untuk meminda sistem bagi mengikut keperluan baharu tersebut dan menunggu keperluan yang lengkap daripada PERKESO berikutnya Unit Fraud dalam proses menyediakan polisi berkaitan laporan/aduan Fraud.

Modul Fraud Management yang dibangunkan tidak mempunyai klasifikasi penjenisan fraud kerana klasifikasi penjenisan fraud hanya akan dapat ditentukan selepas siasatan selesai dijalankan dan klasifikasi penjenisan fraud akan dikemaskini dalam ruangan ‘Comment’. Modul yang dibangunkan mempunyai 6 pilihan jenis-jenis fraud yang berlaku iaitu Employee, Employer, Employee and Employer, Staff, Service Provider dan Others. Pada masa akan datang, jika berlaku penambahan kaedah fraud yang baharu, pengemaskinian akan dibuat dengan memilih jenis fraud ‘Others’.

Modul Fraud Management yang dibangunkan telah mempunyai ruangan ‘comment’ bagi membolehkan justifikasi dibuat oleh Pegawai Penyiasat kepada Pegawai Atasan untuk keputusan lanjut. Pengesanan potensi fraud secara automatik dan segala perkara yang dibangkitkan akan dilaksanakan sepenuhnya setelah Go-Live keseluruhan dilaksanakan pada 3 Mac 2016.

d. Modul Performance Management

- i. Modul *Performance Management* dibangunkan untuk Cawangan Korporat bagi menguruskan KPI semua pegawai di PERKESO. Enam fungsi utama dalam modul ini adalah Penyediaan, Pengurusan, Penilaian dan Kelulusan KPI, Pengurusan *Balance Score Card* serta Laporan. Penilaian KPI juga boleh dilaksanakan secara automatik kerana modul ini dapat berintegrasi dengan modul aplikasi utama bagi mendapatkan maklumat pencapaian sebenar pegawai.

- ii. Semakan Audit mendapati modul ini telah siap dibangunkan dan dijangka akan mula digunakan bagi penyediaan KPI tahun 2015. Bagaimanapun, fungsi penilaian KPI secara automatik masih dalam peringkat pengujian dan belum dapat dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, keberkesanan modul ini bergantung pada fungsi penyediaan dan penilaian KPI secara automatik yang sedang dibangunkan. Ini kerana pencapaian KPI setiap pegawai dapat dinilai secara telus berdasarkan input terus daripada sistem.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015

PERKESO memaklumkan fungsi pengukuran dan penilaian KPI secara automatik bagi modul Pendaftaran, Caruman dan Kutipan telah siap dibangunkan dan telah melepas pengujian sistem. Penggunaan fungsi penilaian KPI secara automatik ini tidak dapat dilaksanakan bagi penyediaan KPI 2015 kerana ia bergantung kepada pelaksanaan sepenuhnya modul-modul lain dalam semua kluster di dalam Sistem PINTAR dan dijangka dapat dilaksanakan bagi penyediaan KPI 2016. Bagaimanapun, pelaksanaan pengukuran dan penilaian bagi modul-modul yang lain akan dilaksanakan bagi KPI PERKESO tahun 2017.

e. Modul Customer Relationship Management

- i. Modul *Customer Relationship Management* (CRM) dibangunkan bertujuan membantu PERKESO memberikan maklum balas secara cepat dan tepat kepada pelanggan melalui Unit *Call Center*. Semua aduan dan pertanyaan yang dihantar melalui panggilan telefon, faks, e-mel, sms, *chat* dan saluran media sosial iaitu *Facebook* dan *Twitter* akan dipantau oleh *Customer Service Representative* melalui modul ini.
- ii. Semakan Audit mendapati modul ini telah mula digunakan sejak bulan Jun 2014 dan setakat ini aduan dan pertanyaan hanya dapat diterima menggunakan medium telefon, *Facebook*, *Twitter* dan e-mel. Kaedah perhubungan pelanggan melalui *chatting* belum dapat digunakan kerana akses portal untuk majikan masih belum diaktifkan oleh PERKESO. Selain itu, CENSOF masih dalam proses penyelesaian untuk mengaktifkan medium sms yang melibatkan pihak ketiga iaitu Dapat Vista Sdn. Berhad. Semakan selanjutnya mendapati fungsi pelaporan masih dalam pembangunan dan belum dapat digunakan.

Pada pendapat Audit, PERKESO tidak dapat memanfaatkan penggunaan medium *chat*, sms dan pelaporan dalam modul ini sepenuhnya bagi memudahkan perhubungan interaktif dengan pelanggan.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015

PERKESO memaklumkan keperluan kaedah perhubungan pelanggan melalui Chatting seperti dinyatakan dalam dokumen keperluan sistem pada peringkat awal pembangunan Modul CRM telah diputuskan untuk tidak dilaksanakan selepas keperluan tersebut diperincikan kerana sekiranya dilaksanakan, jawapan yang akan diberikan oleh Pegawai Perkhidmatan Pelanggan adalah secara terus kepada pelanggan tanpa semakan dan dikhuatiri berlaku kesilapan dalam memberi maklum balas. Kaedah perhubungan pelanggan melalui medium SMS telah dibangunkan dan diaktifkan pada November 2014.

Mengikut keperluan asal, fungsi pelaporan telah dibangunkan sepenuhnya. Bagaimanapun, selepas Go-Live, terdapat keperluan-keperluan tambahan pelaporan oleh anggota CRM bagi tujuan analisis data dan penilaian pencapaian anggota CRM. Keperluan-keperluan tambahan pelaporan ini akan dibangunkan secara in-house oleh PERKESO.

3.4.2 Pengurusan Projek

3.4.2.1 Pelan Strategik Teknologi Maklumat

- a. Pelan Strategik Teknologi Maklumat bertujuan menjelaskan visi, hala tuju strategik dan rangka kerja bagi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di sesebuah organisasi. Selain itu, pelan ini menggariskan objektif dan bidang strategik bagi pembangunan ICT serta strategi pelaksanaan dan pelan tindakan yang akan diambil untuk merealisasikan objektif pelan tersebut.
- b. Semakan Audit mendapati Pelan Strategik Teknologi Maklumat PERKESO tidak dikemas kini sehingga tarikh pengauditan dijalankan. Pelan Strategik Teknologi Maklumat yang terkini adalah bagi tahun 2007 sehingga 2011. Pelan tersebut menyatakan perancangan bagi melaksanakan penambahbaikan ke atas sistem dan infrastruktur ICT di PERKESO secara keseluruhan.

Pada pendapat Audit, PERKESO tidak mengemas kini hala tuju dan strategi bagi melaksanakan Projek ICT Core System yang mengalami kelewatan dan tidak mencapai tempoh sasaran.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 dan 24 Jun 2015

PERKESO memaklumkan sedang mengambil tindakan menyediakan Pelan Strategik Teknologi Maklumat bagi tempoh 2012 sehingga 2015 dan dijangka akan disiapkan pada 30 Oktober 2015.

3.4.2.2 Kelemahan Pengurusan Kontrak

PERKESO telah menandatangani 2 perjanjian dengan CENSOF bagi pembangunan 2 kluster aplikasi yang dilaksanakan dalam tempoh yang sama iaitu 16 April 2012 sehingga 15 Ogos 2014. Semakan Audit mendapati kelemahan dalam perjanjian seperti berikut:

a. Tempoh Pelaksanaan Dan Waranti Adalah Bertindan

Kontrak bagi Kluster 1 dan 2 yang ditandatangani bersama CENSOF menyatakan tempoh kontrak dari 16 April 2012 hingga 15 Ogos 2014. Bagaimanapun, tempoh pelaksanaan kontrak sebenar hanyalah setakat 15 Ogos 2013 iaitu selama 16 bulan sahaja dan satu tahun berikutnya merupakan tempoh waranti. Semakan selanjutnya menunjukkan kelemahan seperti berikut:

- i. Tarikh tamat waranti yang dinyatakan dalam kontrak telah digunakan sebagai tarikh tamat kontrak sedangkan tarikh sepatutnya siap kerja adalah pada 15 Ogos 2013.
- ii. Pelaksanaan pembangunan modul telah dilanjutkan ke dalam tempoh waranti kontrak. Pembekal telah mengambil tempoh waranti sebagai tempoh tamat kontrak dan kerja-kerja yang lewat telah dilaksanakan dalam tempoh waranti tersebut.
- iii. CENSOF tidak dapat menyiapkan kerja-kerja yang lewat dalam tempoh lanjutan 1.5 bulan yang diluluskan.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 18 September 2015

PERKESO memaklumkan tarikh tamat waranti belum lagi bermula kerana tarikh siap kerja masih bergantung kepada pengeluaran Final Acceptance Certificate (FAC). Pelaksanaan pembangunan ICT tidak dilanjutkan dalam tempoh waranti kerana FAC belum dikeluarkan dan tempoh kontrak adalah fleksibel. Oleh itu, pembekal tidak boleh mengambil tempoh waranti sebagai tempoh tamat kontrak.

Pada 22 Julai 2013, PERKESO telah memberikan surat peringatan kepada pembekal aplikasi bagi Kegagalan Menyiapkan Pembangunan Aplikasi mengikut jadual (go live pada 30 Jun 2013) dan pengenaan Liquidated and Ascertained Damages atas sebarang kelewatan. Surat permohonan lanjutan masa telah dikemukakan dan diterima daripada pembekal pada 31 Julai 2013 di mana pihak pembekal telah meminta lanjutan masa selama 7 bulan daripada tarikh FAC asal. Bagaimanapun, PERKESO hanya membenarkan lanjutan masa selama 1.5 bulan kerana 1.5 bulan itu merupakan kelewatan PERKESO menyerahkan dokumen Requirement Analysis Book.

PERKESO telah menandatangani kontrak dengan CENSOF pada 13 Ogos 2012 iaitu sebelum 1Pekeliling Perbendaharaan PK2 - Garis Panduan Mengenai Pengurusan Perolehan ICT Kerajaan dikuatkuasakan. CENSOF telah mengesahkan dalam Mesyuarat Khas Lembaga Bil. 6/2015 pada 17 September 2015 bahawa tarikh waranti bermula selepas Final Acceptance Test dimuktamadkan dan FAC dikeluarkan kepada CENSOF.

Walaupun kontrak telah ditandatangani sebelum pekeliling tersebut dikeluarkan, namun adalah menjadi amalan terbaik untuk tidak menetapkan tempoh waranti dalam kontrak. Ini bagi mengelakkan pembekal daripada mengambil kesempatan melewatkannya tempoh pelaksanaan pembangunan sistem sekiranya tempoh kontrak merangkumi tempoh waranti. Pihak Audit telah menyarankan PERKESO untuk mematuhi pekeliling tersebut pada masa hadapan.

b. Klausus Tempoh Waranti

Semakan Audit mendapati klausus tempoh waranti dalam kontrak tidak menjaga kepentingan PERKESO dan bercanggah dengan klausus 2.1 *Contract Period* iaitu:

- i. Part A Klausus 1, *Components of Contracts and Definitions* memberi definisi "Warranty Period : means the period of twelve (12) months after the date of Final Acceptance Certificate or 15 August 2014."
- ii. Klausus 2.1 *Contract Period* pula menyatakan Tarikh Efektif Kontrak adalah pada 16 April 2012 dan berkuat kuasa selama 16 bulan ditambah setahun waranti menjadikan tempoh kontrak yang berakhir pada 15 Ogos 2014.
- iii. Berdasarkan amalan terbaik, tempoh waranti hanya boleh bermula setelah projek siap dan *Final Acceptance Certificate* ditandatangani. Bagaimanapun, Part A Klausus 1 perjanjian telah membenarkan pemilihan tarikh permulaan

tempoh waranti tanpa *Final Acceptance Certificate*. Ia memberi implikasi bahawa tempoh waranti akan bermula tanpa mengambil kira sama ada kerja pembangunan dan pelaksanaan sistem telah siap atau belum. Percanggahan yang timbul adalah definisi yang ditetapkan dalam *Part G* Klausu 19.1 *Warranty Support* yang menyatakan *Warranty Support Period* akan bermula selepas *Final Acceptance Certificate*.

Pada pendapat Audit, percanggahan klausu dalam kontrak menimbulkan kekeliruan tarikh sebenar tempoh waranti bermula dan ini memberi kesukaran kepada PERKESO untuk mengenakan LAD.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015

PERKESO memaklumkan pihaknya tidak kehilangan tempoh waranti kerana FAC belum dikeluarkan dan pembangunan ICT belum disiapkan sepenuhnya. Oleh itu, pembetulan bugs masih boleh dilaksanakan kerana FAC belum dikeluarkan. Kesannya adalah tiada percanggahan antara takrifan warranty period dan Warranty Support Period kerana di peringkat sekarang tempoh waranti belum bermula.

Merujuk kepada takrifan Go-Live, seperti di muka surat 7 Kontrak, menyatakan mana-mana aplikasi dan sistem telah diterima selepas UAT dan beroperasi secara live di Ibu Pejabat, Pejabat Tempatan, Pusat Data (DC) dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) adalah tarikh 15 Jun 2013 atau tarikh selepas PERKESO mengesahkan sijil UAT yang mana “..which ever is earlier.” Justeru tarikh-tarikh 15 Jun 2013, 15 Julai 2013 dan 15 Ogos 2013 adalah merujuk kepada tarikh-tarikh akhir CENSOF perlu menyempurnakan tugasnya. Bagaimanapun, tempoh waranti kontrak adalah fleksibel mengikut tarikh 15 Ogos 2013 atau tarikh FAC dikeluarkan, mengikut mana yang terkemudian.

CENSOF telah mengesahkan di dalam Mesyuarat Khas Lembaga Bil 6/2015 pada 17 September 2015 bahawa tarikh waranti bermula selepas Final Acceptance Test (FAT) dimuktamadkan dan Final Acceptance Certificate (FAC) dikeluarkan kepada Censof

Pihak Audit masih berpendapat tempoh waranti kontrak telah tamat berdasarkan takrif kontrak berkaitan *Warranty Period*, *Final Acceptance Date*, *Go Live Date* dan *Provisional Acceptance Date* iaitu 15 Julai 2013 (tarikh terakhir *Provisional Acceptance Certificate* (PAC) disahkan oleh PERKESO) atau selepas 30 hari daripada tarikh *Go-Live Date* iaitu 15 Jun 2013 yang mana terdahulu. Pihak CENSOF telah bersetuju tarikh waranti bermula selepas FAC ditandatangani.

Bagaimanapun, PERKESO hendaklah memastikan kontrak lanjutan tidak mempunyai tarikh-tarikh yang bercanggah seperti di atas.

c. Kontrak Lanjutan Tidak Disediakan

- i. Mengikut klausula 2.2, *Extension of Contract Period* dalam perjanjian menetapkan CENSOF hendaklah mengemukakan permohonan pelanjutan kontrak 3 bulan sebelum tarikh tamat kontrak dan PERKESO perlu memberi persetujuan sebulan sebelum tarikh tamat tersebut. Sekiranya tidak dipersetujui, kontrak akan tamat secara automatik pada Tarikh Tamat Kontrak.
- ii. Semakan Audit mendapati walaupun *Project Timeline* telah disediakan dari semasa ke semasa namun tiada Kontrak Lanjutan (*Supplementary Contract*) dibuat setelah tamat tempoh pada 15 Ogos 2013.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 18 September 2015

PERKESO memaklumkan dalam proses pelanjutan perjanjian bagi Kluster 1 sehingga 18 Julai 2016 dan Kluster 2 sehingga 15 Disember 2015 yang tidak melibatkan tambahan kos kecuali bagi kos Change Request (CR).

Kontrak lanjutan belum dapat dimuktamadkan walaupun setelah 15 Ogos 2013 kerana CENSOF telah mengemukakan 183 CR baru yang menyebabkan PERKESO terpaksa mengambil masa untuk menyemak CR tersebut. Hasil semakan mendapati CR baru tersebut tidak boleh dibenarkan dan hanya 13 CR sahaja yang telah dibenarkan oleh Jawatankuasa Pemandu Projek ICT. Tarikh pelanjutan yang baru akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemandu Projek ICT untuk persetujuan.

d. Variation Order Tidak Disediakan

Mengikut kontrak, pelaksanaan pembangunan Kluster 1 dan 2 oleh CENSOF sepatutnya siap pada 15 Ogos 2013 dan *variation order* perlu dikemukakan sekiranya terdapat kelewatan. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2014, pembangunan masih belum selesai dan CENSOF tidak menyediakan *variation order* bagi menunjukkan perubahan masa dan kos.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015

PERKESO memaklumkan perubahan masa merupakan isu berkaitan dengan pelanjutan kontrak. Oleh itu, sebarang perubahan yang berkaitan dengan pembangunan ICT telah dibuat melalui Change Request mengikut klausula 12.1.

e. Penalti Tidak Dikenakan

- i. Mengikut klausula 11.2(a) perjanjian, CENSOF akan dikenakan *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) bagi kegagalan menyiapkan skop kerja dan mengemukakan *Final Acceptance Certificate* dalam tempoh kontrak. Pengiraan LAD adalah pada kadar 0.5% setiap minggu dan tidak melebihi 12% berdasarkan nilai perisian aplikasi yang gagal diselesaikan mengikut kontrak.
- ii. Akibat daripada pelanjutan pelaksanaan kontrak ke dalam tempoh waranti, PERKESO tidak mengenakan sebarang LAD kepada CENSOF walaupun kelewatan menyiapkan projek telah mencapai 503 hari. Mengikut perkiraan Audit, anggaran LAD yang sepatutnya dikenakan adalah berjumlah RM5.50 juta seperti jadual berikut:

JADUAL 3.4 : ANGGARAN LAD YANG SEPATUT DIKENAKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2014

KLUSTER	DROP	MODUL APLIKASI	KELEWATAN (Hari)	KIRAAN AUDIT	LAD (RM)
1	1	i. Pendaftaran ii. Caruman iii. Kutipan	286	$0.5\% \times RM3,504,889^* \times 286/7$	715,999
	2	iv. Scheme Management v. Disbursement vi. Medical Services vii. Jemaah Doktor viii. Disability Management	503	$0.5\% \times RM5,884,610^* \times 503/7$	2,114,256
	3	ix. Detection x. Inspection xi. Compound xii. Prosecution xiii. Education Loan	503	$0.5\% \times RM2,863,301^* \times 503/7$	1,028,743
2	1	xxii. Prevention	319	$0.5\% \times RM541,125^* \times 319/7$	123,299
		xxiii. Corporate Website	263	$0.5\% \times RM360,750^* \times 263/7$	67,769
		xxiv. Customer Relationship Management	277	$0.5\% \times RM4,058,438^* \times 277/7$	802,991
		xxv. Enrollment	503	$0.5\% \times RM1,803,750^* \times 503/7$	648,062
JUMLAH					5,501,119

Sumber: *Laporan Status Bayaran Kluster 1 & 2 Dari Bahagian Teknologi Maklumat

Nota : Tempoh kelewatan dikira mulai tarikh sepatut siap iaitu 15 Ogos 2013 sehingga tarikh go live/31 Disember 2014.

Pada pendapat Audit, PERKESO tidak menguatkuaskan klausula LAD seperti yang ditetapkan dalam perjanjian setelah projek mengalami kelewatan.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 24 Jun 2015

PERKESO memaklumkan pada dasarnya, LAD telah dikenakan tetapi telah dijelaskan melalui cara berikut:

- i. *Menggantikan kerja tambahan sebanyak 565 man-days akibat daripada Change Request (CR) oleh PERKESO tanpa bayaran tambahan kepada CENSOF.*
- ii. *Dengan itu, kos CR ditimbali balik melalui persetujuan PERKESO melanjutkan tempoh kontrak yang perlu diberikan kepada CENSOF bagi menyelesaikan pembangunan CR.*
- iii. *EOT juga mengambil kira tambahan tempoh pengujian User Acceptance Test (UAT) yang perlu dilaksanakan oleh PERKESO. Susulan itu, memberi ruang untuk tarikh FAC dianjakkan.*
- iv. *Mewujudkan situasi menang-menang bagi kedua-dua belah pihak untuk memastikan hasil projek ini menjadi realiti demi keutamaan pelanggan PERKESO.*

3.4.2.3 Tadbir Urus Projek

- a. Panduan Pelaksanaan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam yang dikeluarkan oleh MAMPU menyatakan setiap projek ICT mestilah mempunyai tadbir urus yang jelas terma rujukannya bagi memantau kemajuan pelaksanaan projek ICT. Struktur tadbir urus utama dalam pelaksanaan setiap projek ICT adalah pembentukan 2 jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal Projek serta satu pasukan projek.
- b. Semakan Audit mendapati pembangunan projek ini ditadbir urus oleh Jawatankuasa Pemandu Projek yang dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif. Jawatankuasa ini berperanan antaranya menentukan hala tuju dan strategi pelaksanaan projek, memantau status pelaksanaan projek secara menyeluruh dan memantau aliran kewangan projek bersamaan kemajuan kerja. Selain itu, Pasukan Petugas Projek diwujudkan dan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi). Pasukan ini berperanan antaranya memantau dan memastikan pelaksanaan projek memenuhi skop projek dan jadual yang telah ditetapkan, mengkaji isu-isu dasar yang timbul semasa pelaksanaan projek serta mencadangkan penyelesaian kepada Jawatankuasa Pemandu. Semakan lanjut mendapati peranan Pasukan Petugas Projek *ICT Core System* adalah setara dengan peranan Jawatankuasa Teknikal Projek seperti yang dinyatakan dalam panduan tersebut.

Pada pendapat Audit, PERKESO mempunyai struktur tadbir urus yang baik dan teratur dalam pengurusan Projek *ICT Core System*.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015

PERKESO mengambil maklum dan struktur tadbir urus utama Projek ICT adalah berasaskan kepada Pelaksanaan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam yang dikeluarkan oleh MAMPU.

3.4.3 Perolehan Projek

3.4.3.1 Perolehan Perkhidmatan *Independent Tester*

- a. PERKESO telah melantik Malaysian Software Testing Board (MSTB) melalui rundingan terus pada 13 Februari 2013 dengan kos RM2.07 juta bagi melaksanakan pengujian *User Acceptance Test* (UAT) termasuk menyediakan laporan pengujian bagi tujuan pentauliahan kepada pembekal aplikasi dan *system integrator*. Skop perjanjian pengujian dan pentauliahan antara MSTB dan PERKESO merangkumi ujian *functional, performance, security* dan *usability*.

- b. Bagaimanapun, MSTB hanya melaksanakan sebahagian pengujian dan telah menghentikan perkhidmatannya pada bulan Januari 2014 disebabkan isu bayaran yang belum diselesaikan oleh PERKESO. Semakan Audit mendapati perjanjian antara PERKESO dan MSTB masih belum ditandatangani walaupun tempoh perjanjian telah tamat pada 3 Februari 2014. Ini disebabkan PERKESO dan MSTB masih dalam rundingan pecahan kos bagi Jadual Pembayaran. MSTB memohon bayaran dibuat berdasarkan harga kontrak dan bukan Jadual Pembayaran. Semakan selanjutnya mendapati pecahan skop kerja dalam Jadual Pembayaran perjanjian telah mengambil kira pengesahan pengujian oleh PERKESO melalui *Provisional Acceptance Certificate* (PAC) dan *Final Acceptance Certificate* (FAC).

Pada pendapat Audit, perjanjian yang lewat dimuktamadkan telah menyebabkan pertikaian berkaitan pembayaran antara PERKESO dan MSTB. Pembayaran hanya boleh dibuat mengikut perkhidmatan yang telah dilaksanakan selaras dengan Jadual Pembayaran dalam perjanjian.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 24 Jun 2015

PERKESO memaklumkan perjanjian dengan MSTB telah dimuktamadkan pada 21 Disember 2014. PERKESO tidak melanjutkan perjanjian dengan MSTB dan

tuntutan bayaran yang diluluskan tidak melibatkan bayaran bagi skop kerja yang tidak dilaksanakan iaitu submission of Test Closure Report, upon notification by PERKESO of PAC dan FAC.

3.4.3.2 Perolehan Perkakasan *Peripherals*

- a. PERKESO telah membuat 2 perolehan perkakasan melalui tender terbuka daripada E-Content (M) Sdn. Bernilai RM3.79 juta seperti jadual berikut:

JADUAL 3.5 : PEROLEHAN PERKAKASAN *PERIPHERALS*

BIL.	PEROLEHAN	TEMPOH PERJANJIAN	PERKAKASAN	BILANGAN (Unit)	KOS SEUNIT (RM)	NILAI KONTRAK (RM)		
1.	Sewaan Pengimbas	31.07.2013 sehingga 30.07.2019 (6 Tahun)	Pengimbas (Jenis A)	430*	131 (Sebulan)	2,027,880		
			Pengimbas (Jenis B)	20*	800 (Sebulan)	576,000		
JUMLAH						2,603,880		
2.	Perolehan Terus Perkakasan Peralatan MyKad Reader, Pencetak, Mudah Alih dan Pencetak Kad Keselamatan Sosial	20.09.2013 sehingga 19.12.2018 (5 Tahun 3 Bulan)	MyKad Reader	300	1,700	510,000		
			Pencetak Mudah Alih	150	2,200	330,000		
			Pencetak Kad Keselamatan	1	26,377	26,377		
			Perisian, Perkhidmatan dan Lain-lain	-	-	317,400		
JUMLAH						1,183,777		
JUMLAH KESELURUHAN						3,787,657		

Sumber: Dokumen Perjanjian

Nota : *Sewaan bagi tempoh 36 bulan

- b. Penghantaran perkakasan ke semua pejabat PERKESO telah dilaksanakan oleh pembekal sebanyak 2 kali. Serahan pertama pada bulan November 2013 melibatkan perkakasan pengimbas, *MyKad Reader*, pencetak mudah alih, pencetak Kad Keselamatan Sosial dan *Smart Card Time* manakala serahan kedua pada 20 Mei 2014 melibatkan pengagihan pengimbas sebanyak 83 unit. Butiran lanjut penerimaan dan pengagihan perkakasan seperti jadual berikut:

JADUAL 3.6 : PENERIMAAN DAN PENGAGIHAN PERKAKASAN

FASA	TARIKH TERIMAAN	PERKAKASAN	BILANGAN DALAM KONTRAK (Unit)	JUMLAH DITERIMA (Unit)	BILANGAN DIAGIHKAN (Unit)		BILANGAN BELUM DIAGIHKAN (Unit)	BAKI BELUM TERIMA (Unit)
					IBU PEJABAT	PEJABAT PERKESO		
Serahan Pertama	06.11.2013 hingga 18.11.2013	Pengimbas (Jenis A)	430	170	5	165	-	260
		Pengimbas (Jenis B)	20	4	3	1	-	16
		<i>MyKad Reader</i>	300	300	5	136	159	-

FASA	TARIKH TERIMAAN	PERKAKASAN	BILANGAN DALAM KONTRAK (Unit)	JUMLAH DITERIMA (Unit)	BILANGAN DIAGIHKAN (Unit)		BILANGAN BELUM DIAGIHKAN (Unit)	BAKI BELUM TERIMA (Unit)
					IBU PEJABAT	PEJABAT PERKESO		
	25.11.2013	Pencetak Mudah Alih	150	150	-	-	150	-
		Pencetak Kad Keselamatan Sosial	1	1	-	-	1	-
		Smart Card Time COS Base ID	500	500	-	-	500	-
Serahan Kedua	20.05.2014	Pengimbas (Jenis A)	260	83	16	67	-	177

Sumber: Nota Penghantaran Dan Perjanjian

- c. Semakan Audit mendapati perjanjian sewaan pengimbas tidak menyatakan serahan dilaksanakan secara berperingkat. Bagaimanapun, hanya jadual pemasangan untuk serahan pertama iaitu sebanyak 170 unit daripada jumlah keseluruhan 430 unit disertakan dalam perjanjian. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya 257 unit pengimbas telah diserahkan kepada PERKESO pada 6 November 2013 dan 20 Mei 2014 manakala baki 193 unit belum diserahkan oleh pembekal. Peralatan pengimbas yang dibekalkan tersebut telah digunakan bagi sesi *Train the Trainers* pada tahun 2013 dan setakat bulan Disember 2014 sejumlah RM421,818 telah dibayar kepada pembekal bagi sewaan 257 unit pengimbas ini.
- d. Pemeriksaan Audit turut mendapati sebanyak 159 unit *MyKad Reader* masih belum diagihkan dan disimpan. Pihak Audit dimaklumkan lebihan peralatan ini disimpan sebagai penggantian jika rosak. Selain itu, pencetak mudah alih berjumlah 150 unit yang diterima pada 25 November 2013 masih disimpan dan belum dapat digunakan kerana aplikasi *Enforcement* iaitu Modul *Detection*, *Inspection* dan *Compound* belum siap dibangunkan.
- e. Pemeriksaan Audit mendapati stok perkakasan yang belum digunakan disimpan di dalam bilik penempatan sementara pembekal tanpa pemantauan dari PERKESO seperti gambar berikut:

GAMBAR 3.1
MyKad Reader Belum Diagihkan



Lokasi: Ibu Pejabat PERKESO
Tarikh: 4 September 2014

GAMBAR 3.2
Pencetak Mudah Alih Belum Diagihkan



Lokasi: Ibu Pejabat PERKESO
Tarikh: 4 September 2014

Pada pendapat Audit, PERKESO tidak membuat perancangan teliti bagi perolehan perkakasan *peripherals* iaitu MyKad Reader dan pencetak mudah alih. Perolehan secara berlebihan bertujuan untuk penggantian jika rosak dan melebihi keperluan sebenar menyebabkan pembaziran kepada PERKESO.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 18 September 2015

PERKESO memaklumkan justifikasi perolehan dan pengagihan perkakasan MyKad Reader dan pencetak mudah alih tidak menggambarkan perolehan secara berlebihan untuk penggantian jika rosak dan melebihi keperluan sebenar.

MyKad Reader

Baki 159 unit MyKad Reader adalah merangkumi sebanyak 110 unit bagi penggunaan persidangan Jemaah Doktor (JD) di Pejabat PERKESO dan persidangan Jemaah Doktor Rayuan (JDR) di Ibu Pejabat, Sabah dan Sarawak. Bekalan MyKad Reader akan diagihkan bagi tujuan ini setelah Modul JD siap dibangunkan. Baki 20 unit lagi adalah untuk pembekalan kepada 10 UTC yang akan dibangunkan oleh Kerajaan di masa hadapan manakala 29 unit lagi disimpan untuk tujuan penggantian sekiranya berlaku kerosakan dan juga untuk kegunaan latihan, ujian dan sokongan pembangunan.

Pencetak Mudah Alih

Jumlah pencetak mudah alih sebanyak 150 unit yang telah diterima pada 25 November 2013 adalah berdasarkan kepada nisbah 1 pencetak untuk 2 pegawai di 46 Pejabat PERKESO berserta 1 unit tambahan untuk setiap pejabat bagi tujuan penggantian sekiranya berlaku kerosakan. Jumlah keseluruhan bagi tujuan penggantian adalah sebanyak 46 unit. Bagaimanapun, pencetak mudah alih yang ditempatkan di Ibu Pejabat adalah bertujuan untuk kegunaan latihan, ujian dan sokongan pembangunan.

PERKESO memaklumkan perolehan lebihan bagi penggantian jika rosak adalah bagi mengelak berlaku masalah kelewatan menerima penggantian daripada pihak pembekal sehingga mengganggu operasi PERKESO. PERKESO akan memastikan semua aset yang diperoleh digunakan dan tiada pembaziran. Peralatan-peralatan berkenaan merupakan keperluan dalam menyampaikan perkhidmatan khususnya di kaunter. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kaunter tidak terjejas, peralatan-peralatan yang mengalami kerosakan perlu diganti dengan segera daripada peralatan gantian tersebut. Pada masa yang sama, peralatan yang mengalami kerosakan dihantar kepada pembekal untuk baik pulih. Tempoh baik pulih oleh pembekal dan penghantaran kembali peralatan tertakluk kepada jenis kerosakan dan jarak yang diambil ke Pejabat PERKESO.

Pihak Audit mendapati perolehan lebihan untuk kerosakan adalah tidak perlu kerana terdapat klausa dalam perjanjian perkhidmatan penyenggaraan *peripherals* yang mengambil kira penggantian peralatan yang rosak. Selain itu, *Service Level Agreement* dan *Service Level Guarantee* yang menyatakan penyenggaraan secara terperinci perlu disediakan bagi melindungi kepentingan PERKESO.

3.4.4 Kawalan ICT

3.4.4.1 Kawalan Aplikasi

MIMOS Berhad bertanggungjawab untuk melaksanakan *data cleansing* dan *data migration* dari pangkalan data sedia ada PERKESO ke pangkalan data sementara. Pihak Audit telah menjalankan analisis data pendaftaran sehingga bulan November 2014 untuk menentukan kawalan aplikasi sistem dan integriti data yang telah dimigrasi ke pangkalan data baru. Analisis tersebut mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

a. Rekod Bertindan

Analisis Audit mendapati sebanyak 694 rekod pencarum mempunyai nombor kad pengenalan yang bertindan dan 253 rekod nombor kad pengenalan bertindan tersebut telah disahkan oleh JPN. Pengesahan butiran nama dan nombor kad pengenalan pekerja adalah dilaksanakan secara *online* dengan pihak JPN semasa proses pendaftaran majikan dan pekerja PERKESO.

b. Rekod Tidak Munasabah

- i. Semakan Audit mendapati tiada kawalan input dalam mengisi maklumat di medan tarikh lahir, tarikh mati, nombor pendaftaran perniagaan dan nombor kad pengenalan di mana sistem tidak dapat menapis maklumat berkaitan dan pengguna bebas memasukkan sebarang butiran walaupun tidak munasabah. Contoh butiran bagi medan nombor kad pengenalan yang tidak dikawal daripada sejumlah 539 rekod seperti jadual berikut:

JADUAL 3.7 : NOMBOR KAD PENGENALAN TIDAK MUNASABAH

BIL.	NO. KAD PENGENALAN	BIL.	NO. KAD PENGENALAN
1.	000609130017	11.	000619-08-02
2.	000114130963	12.	000328130651
3.	000502130287	13.	000701130749
4.	0063939	14.	000329102249
5.	0063588	15.	000062
6.	000119011701	16.	001029131165
7.	0098648	17.	*01213035767
8.	0002359	18.	ZULKAFLI BIN
9.	0071649	19.	111111111111
10.	000226131346	20.	000609130017

- ii. Analisis Audit terhadap 941,051 *data organisation* mendapati penemuan berikut:

JADUAL 3.8 : ANALISIS DATA ORGANISATION

HASIL ANALISIS	BILANGAN REKOD
Medan nombor pendaftaran perniagaan diisi sebagai 'Tiada/Tiada Maklumat'/ Tiada No SSM'	654
Nombor pendaftaran perniagaan diisi sebagai '0000'/'0000000000'	513
Medan tidak dikemas kini dengan nombor pendaftaran perniagaan	468
Nombor pendaftaran perniagaan yang tidak munasabah	428
Nombor pendaftaran perniagaan diisi sebagai '9999'	228,598
Nombor pendaftaran diisi dengan lengkap	710,390
JUMLAH	941,051

- iii. Antara contoh butiran bagi medan nombor pendaftaran perniagaan yang tidak lengkap dan tidak munasabah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.9 : NOMBOR PENDAFTARAN PERNIAGAAN TIDAK LENGKAP DAN TIDAK MUNASABAH

BIL.	NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN	ID ORGANISASI	BIL.	NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN	ID ORGANISASI
1.	-	0115411	11.	TIADA NO SSM	0626187
2.	0000000000	0739496	12.	.COM	0240066
3.	TIADA MAKLUMAT	0267328	13.	.DBKK 995267	0909825
4.	(APC)35027	0202727	14.	/1736(S)	0192467
5.	(K)1.649/81	0511666	15.	/65	0116177
6.	(NONE)	0723571	16.	/83 P/N	0048796
7.	nil	0121405	17.	0	0226628
8.	(SJ) 03/001/27	0236475	18.	00/3/9988D	0721004
9.	(TI)1/66	0192740	19.	pindah seberang	0513347
10.	++2898P	0046254	20.	rekod tiada	0378703

Pada pendapat Audit, PERKESO tidak dapat menyelesaikan *data cleansing* sepenuhnya sebelum *data migration* dilaksanakan kerana populasi data terlalu besar sehingga memberi kesan terhadap integriti rekod pendaftaran.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 24 Jun 2015

PERKESO memaklumkan proses data cleansing masih belum selesai dan terdapat 1.6 juta rekod data yang perlu dibersihkan dan akan diselesaikan sebelum sistem go live. PERKESO juga telah meningkatkan kawalan input dengan mewujudkan medan dengan pilihan input (dropdown) bagi medan input yang mempunyai

pilihan tetap dan kriteria medan input bagi nombor kad pengenalan untuk memastikan integriti data. Oleh kerana 1.6 juta rekod tidak dapat dikemas kini sebelum Go-Live, PERKESO telah memutuskan data-data ini dimasukkan dalam Sistem PINTAR di bawah modul Data Cleansing. PERKESO akan membuat kemas kini data melalui modul data cleansing dari semasa ke semasa. Sehingga 14 Ogos 2015, sebanyak 71,478 data telah dibersihkan (cleansed).

Pengemaskinian data-data ini tidak boleh dilaksanakan secara automatik menggunakan kaedah Fuzzy Logic dan memerlukan ‘Eye Balling’ bagi setiap data tersebut. PERKESO juga perlu menghubungi majikan bagi mendapatkan maklumat yang betul bagi data-data ini di mana proses ini memakan masa kerana kebergantungan kepada maklumat yang ada pada majikan. Terdapat juga keskes di mana majikan telah tutup dan maklumat tidak dapat dikemas kini.

3.4.4.2 Pelan Pemulihan Bencana

- a. Pelan Pemulihan Bencana adalah penting bagi memastikan kesinambungan fungsi dan operasi di sesebuah agensi apabila berlaku bencana. Pelan tersebut perlu menyatakan dengan jelas tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan apabila berlaku bencana bagi menjamin operasi sistem. Selain itu, aplikasi yang kritikal dapat dipulihkan dalam jangka masa yang paling singkat dan mengelakkan perkhidmatan PERKESO terjejas apabila berlaku bencana. Garis Panduan Pengurusan Keselamatan ICT Sektor Awam Malaysia (MyMIS) telah menggariskan langkah-langkah pemulihan bencana yang perlu diambil kira oleh setiap agensi dalam penyediaan pelan yang komprehensif. Agensi juga perlu memastikan pelan tersebut diuji dan latihan atau penilaian pemulihan bencana dilaksanakan secara berkala sekurang-kurangnya sekali setahun.
- b. Semakan Audit mendapati PERKESO mempunyai sebuah pusat pemulihan bencana yang lengkap namun Pelan Pemulihan Bencana yang menyeluruh tidak disediakan. Bagaimanapun, simulasi pemulihan bencana ada dilaksanakan pada 30 Mei 2014 untuk menguji tahap kesediaan pusat pemulihan bencana dan kebolehfungsian Sistem PINTAR di pusat pemulihan bencana.

Pada pendapat Audit, walaupun Sistem PINTAR belum dibangunkan sepenuhnya, Pelan Pemulihan Bencana yang lengkap adalah penting bagi mendapat gambaran menyeluruh prosedur yang perlu dilaksanakan untuk keselamatan sistem dan integriti data. Ini kerana pelan tersebut merupakan pelan kontigensi pembangunan sistem.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015

PERKESO memaklumkan Pelan Pemulihan Bencana secara berperingkat (Drop 1) dijangka akan disediakan pada Disember 2015.

3.4.5 Pemantauan

Menurut 1Pekeliling Perbendaharaan PK 2, Garis Panduan Mengenai Pengurusan Perolehan ICT Kerajaan menyatakan agensi hendaklah memastikan pelaksanaan dan pemantauan projek ICT diuruskan dengan baik selaras dengan terma kontrak yang berkuat kuasa sehingga semua obligasi kontrak dipatuhi sepenuhnya.

3.4.5.1 Peringkat Pengurusan

Semakan Audit mendapati mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek ICT dan Jawatankuasa Pasukan Projek diadakan secara berkala iaitu sekurang-kurangnya sekali sebulan. PERKESO juga mengadakan mesyuarat khas Jawatankuasa Pemandu Projek ICT untuk memantau status kemajuan projek dengan teliti. Prestasi pelaksanaan Projek *ICT Core System* juga dilaporkan secara berkala dalam Mesyuarat Lembaga PERKESO.

3.4.5.2 Peringkat Pelaksana

Semakan Audit mendapati PERKESO melaksanakan pemantauan terhadap aduan atau laporan insiden yang berkaitan dengan pelaksanaan Sistem PINTAR secara sistematis melalui *Issue Tracking System*. Setiap laporan insiden dikategorikan sama ada sebagai *Change Request*, *Defect* atau *Patch* yang seterusnya akan diselesaikan oleh pembekal. Statistik laporan insiden turut dilaporkan dalam Mesyuarat Lembaga PERKESO secara berkala.

Pada pendapat Audit, walaupun pemantauan Projek *ICT Core System* telah dilaksanakan oleh PERKESO namun masih terdapat kelemahan dalam pengurusan projek yang ketara iaitu Modul Pendaftaran, Caruman dan Kutipan yang lewat disiapkan serta Modul *Scheme Management*, *Disbursement*, *Medical Services*, Jemaah Doktor, *Disability Management*, *Detection*, *Inspection*, *Compound*, *Prosecution* dan *Education Loan* yang masih dalam pembangunan.

Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015

PERKESO mengambil maklum bahawa terdapat kelemahan dalam pemantauan pengurusan projek yang menyebabkan kelewatan dalam menyiapkan Projek ICT Core System mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, kelewatan projek ini juga disumbangkan oleh faktor-faktor di luar kawalan pengurusan Projek ICT Core System, antaranya seperti kekerapan pertukaran Business Analyst bagi CENSOF untuk setiap modul Kluster 1, kekurangan pembangun sistem (developer) pembekal aplikasi untuk Kluster 1 dan 2, pertukaran Project Manager pembekal aplikasi untuk Kluster 1 dan 2 dan peletakan jawatan Subject Matter Expert serta Solution Architect pembekal aplikasi tanpa pengganti untuk Kluster 1.

3.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan PERKESO mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 3.5.1 PERKESO perlu memantau rapi kelewatan menyiapkan pembangunan modul aplikasi utama iaitu Kluster 1 dan 2 yang mengakibatkan pertambahan kos projek kerana pelanjutan kontrak kepada pembekal sistem dan perunding *Project Management Office. Liquidated and Ascertained Damages* perlu dikenakan terhadap pembekal bagi setiap hari kelewatan.
- 3.5.2 PERKESO perlu melaksanakan proses jaminan kualiti terhadap setiap modul yang dibangunkan sebelum bersedia untuk *go live* bagi mengurangkan masalah penggunaan di peringkat pengguna yang terlibat selain meningkatkan kecekapan operasi hasil menaik taraf Sistem PINTAR.
- 3.5.3 PERKESO perlu memastikan pemindahan teknologi sentiasa berlaku daripada MIMOS Berhad seperti dinyatakan dalam perjanjian supaya PERKESO dapat mengawal sepenuhnya teknologi yang diperoleh dan menjamin integriti data.
- 3.5.4 PERKESO perlu memastikan *data cleansing* dilaksanakan secara terkawal untuk memastikan integriti data pekerja dan majikan tidak dipertikai.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 3.

4

PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

Pengurusan Pinjaman Latihan Kemahiran

4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1 Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) ditubuhkan di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) dan dikawal selia oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM). Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) di awal operasinya pada tahun 2001 dikendalikan oleh Bahagian Tabung Pembangunan Kemahiran, KSM. Berikutan daripada berkuatkuasanya Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 pada 1 Jun 2006, TPK telah diletakkan di bawah PTPK. Objektif PTPK adalah untuk menyediakan dana tahunan yang mencukupi bagi membiayai latihan kemahiran kepada pelajar lepasan sekolah dan golongan pekerja serta mengutip bayaran balik mengikut jadual. PTPK telah diperuntukkan dana sejumlah RM1.40 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi membiayai latihan kemahiran.

4.1.2 Pinjaman yang diluluskan oleh PTPK adalah untuk latihan yang dijalankan oleh Penyedia Latihan Swasta dan Awam dalam bidang yang ditetapkan oleh *National Occupational Skills Standard* (NOSS) seperti elektrikal, mekanikal dan industri pembinaan. Jumlah pembiayaan pinjaman yang disediakan oleh PTPK adalah antara RM750 sehingga RM24,000 mengikut program yang ditawarkan dari tahap Sijil sehingga Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia. Bagi tahun 2011 sehingga 2014 sejumlah RM1,209.61 juta atau 94.0% dari RM1,287.25 juta dana pinjaman latihan kemahiran telah dipinjamkan kepada golongan pekerja dan pelajar lepasan sekolah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.1 : DANA PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN DAN KELULUSAN PINJAMAN BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2014

TAHUN	GOLONGAN PEKERJA		PELAJAR LEPASAN SEKOLAH		JUMLAH PERUNTUKAN DANA (RM Juta)	JUMLAH PINJAMAN DILULUSKAN (RM Juta)
	PERUNTUKAN DANA (RM Juta)	PINJAMAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERUNTUKAN DANA (RM Juta)	PINJAMAN DILULUSKAN (RM Juta)		
2011	30.00	0.39	315.31	271.34	345.31	271.73
2012	20.00	3.64	271.94	298.21	291.94	301.85
2013	20.00	7.21	300.00	294.50	320.00	301.71
2014	0.00	19.96	330.00	314.36	330.00	334.32
JUMLAH	70.00	31.20	1,217.25	1,178.41	1,287.25	1,209.61

Sumber : Rekod Bahagian Pinjaman Latihan, PTPK

4.1.3 Selain menyediakan dana pinjaman, PTPK juga menyediakan dana pembiayaan latihan kemahiran berbentuk biasiswa kepada pelajar lepasan sekolah dan lepasan diploma/ijazah yang belum mendapat pekerjaan di bawah program Industrial

Skills Enhancement Programme (INSEP) dan Workforce Technical Transformation Programme (WTTP). Dana berbentuk biasiswa yang diperuntukkan bagi tahun 2011 hingga 2014 kepada INSEP dan WTTP berjumlah RM195 juta dan RM103 juta masing-masing.

4.1.4 Semenjak tahun 2001 sehingga 2014, sejumlah RM2.92 bilion telah diperuntukkan untuk tujuan latihan kemahiran dan seramai 287,431 pelatih telah menerima pinjaman/biasiswa latihan kemahiran berjumlah RM2.62 bilion. Setakat 31 Disember 2014, 414 buah Penyedia Latihan (PL) telah berdaftar dengan PTPK.

4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pinjaman latihan kemahiran telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

4.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan pinjaman latihan kemahiran bagi tempoh 2011 sehingga 2014. Semakan telah dibuat terhadap dokumen dan rekod Sistem Pengurusan Pinjaman (SPP) di PTPK. Lawatan ke premis PL di Selangor, Pulau Pinang dan Sarawak serta temu bual dengan pegawai di PTPK juga turut dilaksanakan. Analisis juga telah dibuat terhadap maklumat permohonan, pembayaran dan bayaran balik pinjaman. Pengauditan terhadap pengurusan pinjaman latihan kemahiran telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2009 dan didapati pengurusannya perlu ditingkatkan. Sehubungan itu, pengauditan susulan terhadap pengurusan pinjaman latihan kemahiran telah dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan dalam tahun 2009 telah diambil tindakan. *Exit Conference* telah diadakan pada 17 Jun 2015 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Kementerian Sumber Manusia. Antara pegawai yang hadir adalah Ketua Eksekutif PTPK, Ketua Unit Audit Dalam PTPK, Pengurus Besar, Pengurus Bahagian, Penolong Pengurus Kanan, Penasihat Undang-Undang PTPK serta Ketua Penolong Pengarah dan Penolong Pengarah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

4.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan dari bulan Ogos hingga Disember 2014 dan pengauditan susulan pada bulan April 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan pinjaman latihan kemahiran adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

a. Prestasi Pemberian Pinjaman

Pinjaman kepada golongan pekerja kurang sambutan dengan purata pencapaian sasaran bilangan pelatih golongan pekerja adalah 10.5% dan jumlah dana yang digunakan untuk pinjaman hanya 44.6% daripada peruntukan.

b. Pengurusan Bayaran Balik Pinjaman

- i. Prestasi kutipan bayaran balik berbanding jumlah patut kutip masih rendah dengan purata 36.5% setahun. Prestasi bayaran balik pinjaman pelatih yang tidak menamatkan latihan juga masih rendah dengan purata 23.3% setahun.
- ii. Bagi tempoh bayaran balik tahun 2011 sehingga 2014, sejumlah 424 peminjam tegar tidak diberi Notis Peringatan Tindakan Undang-undang Akhir dengan tunggakan pinjaman berjumlah RM835,568 setakat 31 Disember 2014.
- iii. Ketiadaan tempoh pengeluaran *Letter of Demand* kepada peminjam telah menyebabkan *Letter of Demand* dikeluarkan oleh Unit Undang-undang mengambil masa 7 hingga 283 hari dari tarikh penerimaan fail.
- iv. Sehingga 31 Disember 2014, masih terdapat 2,439 fail peminjam belum dikeluarkan *Letter of Demand* dan 2,143 fail peminjam belum dikeluarkan saman oleh Unit Undang-undang.
- v. Setakat 31 Disember 2014, berdasarkan maklumat pangkalan data Sistem Pengurusan Pinjaman terdapat 53,994 peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman melebihi 6 tahun berjumlah RM198.29 juta yang masih belum dikeluarkan *Letter of Demand*.

c. Pengurusan Aduan

- i. Tiada daftar lengkap bagi menjelak aduan dan tidak dapat dipastikan sama ada aduan telah diselesaikan selepas aduan diserahkan oleh Unit Komunikasi Korporat ke Bahagian/Unit berkenaan untuk tindakan.
- ii. Proses permohonan pinjaman yang diuruskan oleh Penyedia Latihan membuka ruang salah guna kuasa sehingga menyebabkan peminjam menafikan pinjaman dan membuat laporan polis.

d. Lawatan Ke Premis Penyedia Latihan

Terdapat perbezaan maklumat pelatih dan tenaga pengajar yang direkodkan oleh Penyedia Latihan dalam Sistem Pengurusan Pinjaman (SPP) berbanding maklumat sebenar di lokasi Penyedia Latihan.

e. Pembangunan Sistem SPPiN Gagal Disiapkan

Sistem Pengurusan Pinjaman Integrasi (SPPiN) yang telah melibatkan perbelanjaan perolehan SPPiN sejumlah RM2.02 juta tidak dapat digunakan kerana pembekal gagal melepas ujian *user acceptance test* untuk 12 daripada 13 modul SPPiN, tiada integrasi antara modul dan gagal tahap penyediaan skrin antara muka pengguna.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

4.4.1 Prestasi Pemberian Pinjaman

4.4.1.1 PTPK telah menetapkan sasaran bilangan pelatih golongan pekerja dan pelajar lepasan sekolah yang akan dibiayai berdasarkan jumlah peruntukan yang diterima dan pinjaman yang diluluskan bagi setiap tahun.

4.4.1.2 Semakan Audit mendapati bagi tahun 2011 sehingga 2014, purata pencapaian sasaran bilangan pelatih golongan pekerja adalah 10.5% dan jumlah dana yang digunakan untuk pinjaman hanya 44.6% daripada peruntukan. Berdasarkan prestasi yang rendah pada tahun 2014, Kementerian Sumber Manusia tidak lagi menyalurkan peruntukan pinjaman golongan pekerja. Oleh itu, pemberian pinjaman golongan pekerja pada tahun 2014 adalah berdasarkan baki peruntukan tahun sebelumnya berjumlah RM58.76 juta. Purata pencapaian sasaran bilangan pelajar lepasan sekolah pula adalah baik iaitu 80% dan purata penggunaan dana adalah melebihi sasaran. Selain itu, didapati purata pencapaian sasaran bilangan pelatih pelajar lepasan sekolah adalah amat memberangsangkan iaitu 110.4% dan lebihan tersebut dibiayai oleh peruntukan dana tahun sebelum. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.2 : PRESTASI PEMBERIAN PINJAMAN BAGI GOLONGAN PEKERJA DAN PELAJAR LEPASAN SEKOLAH BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2014

TAHUN	GOLONGAN PEKERJA						PELAJAR LEPASAN SEKOLAH					
	SASARAN		PENCAPAIAN				SASARAN		PENCAPAIAN			
	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(%)	(RM Juta)	(%)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(%)	(RM Juta)	(%)
2011	2,308	30.00	60	2.6	0.39	1.3	20,000	315.31	18,472	92.4	271.34	86.1
2012	1,358	20.00	374	27.5	3.64	18.2	25,000	271.94	21,131	84.5	298.21	109.7
2013	13,850	20.00	677	4.9	7.21	36.0	30,000	300.00	18,498	61.7	294.50	98.2
2014	12,000	0.00*	1,992	16.6	19.96	100.0	25,000	180.00	21,663	86.6	314.36	174.6
JUMLAH	29,516	70.00	3,103	10.5	31.20	44.6	100,000	1,067.25	79,764	80.0	1,178.41	110.4

Sumber : Rekod Bahagian Pinjaman Latihan, PTPK
(*): Menggunakan Baki Tahun Lepas berjumlah RM58.76 juta

4.4.1.3 Semakan Audit mendapati sasaran pemberian pinjaman kepada golongan pekerja tidak tercapai adalah disebabkan kurangnya sambutan daripada golongan pekerja walaupun PTPK telah melaksanakan pelbagai usaha untuk menggalakkan golongan pekerja menyertainya. Antaranya ialah kelonggaran syarat pendapatan dan umur peminjam, membuka pembiayaan kepada golongan pekerja pengurusan dan profesional, skop program yang dibiayai diperluaskan, program pelesenan berdasarkan peruntukan undang-undang pekerjaan nasional dan antarabangsa, promosi melalui kaunter luar premis serta iklan.

Pada pendapat Audit, prestasi pemberian pinjaman untuk pelajar lepasan sekolah adalah baik. Bagaimanapun, prestasi pemberian pinjaman untuk golongan pekerja adalah rendah dan Kementerian Sumber Manusia tidak lagi menyalurkan peruntukan mulai tahun 2014.

Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015

PTPK telah menjalankan dan merangka usaha-usaha bagi meningkatkan sambutan dan minat untuk permohonan pinjaman golongan pekerja seperti berikut:

- i. *Perluasan skop pembiayaan Skim Pekerja kepada golongan future workers;*
- ii. *Perluasan kaedah permohonan pinjaman melalui Penyedia Latihan kepada Permohonan Secara Individu melalui kaedah atas talian;*
- iii. *Perluasan kaedah program Pengiktirafan melalui Pencapaian Terdahulu (PPT) secara teori basis kepada kaedah secara e-PPT atau atas talian;*
- iv. *Cadangan pemberian kemudahan Elaun Sara Hidup RM400 kepada Pelatih Pinjaman Skim Pekerja;*
- v. *Cadangan pemanjangan tempoh bayaran balik pinjaman daripada 5 tahun kepada 10 tahun;*
- vi. *Cadangan Peruntukan dana khas RM20 juta bagi melatih pekerja mahir sedia ada di Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA); dan*
- vii. *Mewujudkan Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh Industry Lead Body (ILB) dalam memberi nasihat kepada PTPK akan keperluan industri semasa.*

Program Pekerja ini telah dijenamakan semula dengan memperkenalkan Malaysian Meister Program (MMP) dan akan dilaksanakan dengan kerjasama Federation Malaysian Skills Development Centre (FMSDC), Jabatan Pembangunan Kemahiran, KSM dan Malaysia Meister Industry Board. Penjenamaan semula program ini bermatlamat untuk memenuhi pekerja berkemahiran dan berpendapatan tinggi.

4.4.2 Proses Pengeluaran Pinjaman

4.4.2.1 Piagam Pelanggan PTPK bagi pengeluaran pinjaman menetapkan tempoh proses kerja seperti berikut:

JADUAL 4.3 : TEMPOH PROSES KERJA BERDASARKAN PIAGAM PELANGGAN PTPK

PERKARA	TEMPOH
Kelulusan permohonan pinjaman	1 hari bekerja (tahun 2012-3 hari bekerja) dari tarikh permohonan lengkap diterima.
Penyemakan perjanjian dan penyediaan laporan lengkap	7 hari bekerja (tahun 2012-14 hari bekerja) dari tarikh penerimaan perjanjian.
Penyediaan arahan bayaran	7 hari bekerja (tahun 2012-14 hari bekerja) dari tarikh terima dokumen sokongan yang lengkap.
PTPK membuat bayaran	10 hari bekerja (tahun 2012-14 hari bekerja) dari tarikh terima arahan bayaran.

Sumber: Piagam Pelanggan PTPK

4.4.2.2 Semakan Audit terhadap 100 fail peminjam bagi tahun 2012 dan 2013 mendapati tiada isu kelewatan bayaran pertama ke akaun peminjam oleh Bahagian Pinjaman Latihan PTPK. Penyediaan arahan bayaran adalah dalam tempoh 7 hari bekerja daripada tarikh terima dokumen sokongan lengkap. Bayaran kepada peminjam adalah dalam tempoh 10 hari bekerja daripada tarikh terima arahan bayaran.

Pada pendapat Audit, pengurusan pengeluaran pinjaman adalah baik kerana dibuat dalam tempoh ditetapkan setelah maklumat lengkap peminjam diterima.

4.4.3 Pengurusan Bayaran Balik Pinjaman

Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) subseksyen 55(1) menyatakan PTPK hendaklah bertanggungjawab mendapatkan dan memungut pembayaran balik pinjaman latihan kemahiran yang dibayar kepada penerima pinjaman. Syarat perjanjian pinjaman menetapkan peminjam hendaklah membayar balik pinjaman secara ansuran tidak lewat daripada 6 bulan selepas menamatkan program.

4.4.3.1 Prestasi Bayaran Balik Pinjaman

- a. Semakan Audit mendapati prestasi sasaran kutipan bayaran balik pinjaman bagi tahun 2011 sehingga 2014 semakin baik kerana secara purata pencapaian bayaran balik berbanding sasarannya adalah 94.6%. Ini adalah kerana PTPK menetapkan sasaran bayaran balik berdasarkan prestasi bayaran balik pada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, purata prestasi bayaran balik berbanding jumlah patut kutip hanya 36.5% setahun. Kutipan bayaran balik semakin baik

setiap tahun kerana inisiatif galakan bayaran balik yang dilaksanakan oleh PTPK melalui pendekatan seperti berikut:

- i. Skim *early bird* bayaran balik pinjaman latihan kemahiran iaitu pengecualian bayaran caj pentadbiran dengan syarat-syarat tertentu mulai tahun 2009;
 - ii. Bagi pembayaran balik daripada 1 Mac 2013 sehingga 28 Februari 2014, insentif diskaun 20% diberi bagi bayaran sekaligus; dan
 - iii. Bagi pembayaran balik mulai 1 Mac 2014 insentif diskaun 10% diberi berdasarkan kepada jumlah bayaran yang dibuat secara konsisten.
- b. Prestasi kutipan bayaran balik pinjaman bagi tahun 2011 sehingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.4 : PRESTASI BAYARAN BALIK PINJAMAN BERBANDING JUMLAH PATUT KUTIP BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2014

TAHUN	SASARAN KUTIPAN (RM Juta) (a)	KUTIPAN BAYARAN BALIK		PATUT KUTIP PINJAMAN (RM Juta) (d)	BAYARAN BALIK BERBANDING PATUT KUTIP (%) (e)=(b)/(d)x100
		(RM Juta) (b)	(%) (c)=(b)/(a)x100		
2011	25	18.34	73.4	67.39	27.2
2012	30	18.71	62.4	69.93	26.8
2013	30	34.91	116.4	80.66	43.3
2014	36	42.56	118.2	96.13	44.3
JUMLAH	121	114.52	94.6	314.11	36.5

Sumber: Bahagian Pinjaman Latihan Dan Maklumat SPP, PTPK

Analisis Audit terhadap sasaran kutipan yang ditetapkan mendapati perkara berikut:

- i. Terdapat peningkatan yang ketara bagi pinjaman yang sepatutnya dikutip bagi setiap tahun iaitu peningkatan sejumlah RM2.54 juta bagi tahun 2012 berbanding 2011, sejumlah RM10.73 juta bagi tahun 2013 dan sejumlah RM15.47 juta bagi tahun 2014.
- ii. Manakala sasaran kutipan yang ditetapkan adalah hanya 37.1% bagi tahun 2011, sebanyak 42.9% bagi tahun 2012 , 37.2% bagi tahun 2013 dan bagi tahun 2014 adalah 37.4%.
- iii. Secara keseluruhannya bagi tempoh tahun 2011 sehingga 2014, PTPK mensasarkan kutipan sejumlah RM121 juta berbanding RM314.11 juta atau 36.5% daripada jumlah yang sepatutnya dikutip.

c. Hapus Kira Pinjaman Latihan

- i. Lembaga Pengarah PTPK telah meluluskanhapus kira pinjaman latihan kemahiran berjumlah RM1.41 juta mulai tahun 2007 sehingga 2013 dan tiadahapus kira pada tahun 2014. Jumlahhapus kira ini merangkumi jumlah pinjaman yang tidak dapat dikutip daripada 445 peminjam yang berbaki kurang daripada RM10 berjumlah RM1,944 dan daripada 296 peminjam yang memohon pinjaman sebelum 1 Jun 2006 tetapi telah meninggal dunia berjumlah RM1.40 juta. Mulai 1 Jun 2006, insurans telah dikenakan kepada peminjam bagi mengatasi masalah bayaran balik apabila berlaku kematian. Jumlah pinjaman yang dihapus kira bagi tahun 2007 sehingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.5 : PINJAMAN DIHAPUS KIRA BAGI TAHUN 2007 SEHINGGA 2014

TAHUN	JUMLAH DIHAPUSKIRA (RM)	SEBAB HAPUS KIRA			
		BAWAH RM10		MENINGGAL DUNIA	
		(Bil.)	(RM)	(Bil.)	(RM)
2007	1,343	49	1,343	-	-
2008	353,049	-	-	118	353,049
2009	77,593	-	-	11	77,593
2010	98,384	-	-	17	98,384
2011	231,795	60	86	32	231,709
2012	41,320	303	480	8	40,840
2013	603,074	33	35	110	603,039
2014	TIADA HAPUS KIRA	-	-	-	-
JUMLAH	1,406,558	445	1,944	296	1,404,614

Sumber: Bahagian Kewangan Dan Akaun, PTPK

- ii. Analisis Audit mendapati amaanahhapus kira sejumlah RM1.41 juta adalah 0.2% berbanding jumlah pinjaman diluluskan sejumlah RM701.71 juta sejak tahun 2001 sehingga 2006.

d. Bayaran Balik Daripada Peminjam Yang Batal Pinjaman Dan Tidak Menamatkan Latihan

- i. Pembatalan pinjaman latihan kemahiran adalah berdasarkan permohonan yang diterima daripada PL dan pelatih sendiri. Antara sebab pembatalan adalah kerana masalah disiplin, tidak menyambung tahap latihan, menjaga ibu bapa sakit, mendapat pekerjaan semasa menjalani latihan, masalah peribadi, masalah kewangan, bertukar tempat latihan kemahiran di PL lain atau membayar sendiri latihan di PL. Mengikut seksyen 56, Akta 640,

penerima pinjaman yang tidak menamatkan atau tidak menghadiri program latihan yang diluluskan perlu memulangkan baki pinjaman tersebut. Syarat perjanjian pinjaman turut menetapkan peminjam hendaklah membayar balik pinjaman secara ansuran bulanan tidak lewat daripada 60 hari daripada tarikh meninggalkan program latihan atau tarikh batal baki. Batal baki bermaksud apabila peminjam membatalkan pinjaman atau meninggalkan pengajian sebelum tamat pengajian.

- ii. Semakan Audit mendapati bilangan pinjaman berstatus batal baki semakin meningkat setiap tahun. Prestasi pemulangan pinjaman batal baki dari tahun 2011 sehingga 2014 adalah rendah iaitu purata 23.3% setahun walaupun PTPK telah menjalankan prosedur yang ditetapkan untuk mendapatkan balik pinjaman. Prestasi pemulangan pinjaman berstatus batal baki adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.6 : PRESTASI PEMULANGAN BAKI YURAN PINJAMAN DARI PEMINJAM BERSTATUS BATAL BAKI BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2014

TAHUN KELULUSAN PINJAMAN	PEMINJAM BERSTATUS BATAL BAKI (Bil.)	TUNGGAKAN PINJAMAN SETAKAT 31 DISEMBER 2014 (RM) (a)	BAYARAN BALIK SETAKAT 31 DISEMBER 2014			TIDAK MEMBAYAR BALIK SETAKAT 31 DISEMBER 2014		
			(Bil.)	(RM) (b)	(%) (c)=(b)/(a)	(Bil.)	(RM) (d)	(%) (e)=(d)/(a)
2011	964	982,182	169	216,146	22.0	795	766,036	78.0
2012	1132	1,198,472	207	208,122	17.4	925	990,350	82.6
2013	1199	804,038	151	271,869	33.8	1048	532,169	66.2
2014	26	5,390	2	184	3.4	24	5,206	96.6
JUMLAH	3,321	2,990,082	529	696,321	23.3	2,792	2,293,761	76.7

Sumber : Bahagian Pengurusan Maklumat, PTPK

- iii. Analisis Audit mendapati daripada 3,321 peminjam berstatus batal baki dengan jumlah tunggakan pinjaman RM2.99 juta, seramai 529 peminjam telah membuat bayaran balik berjumlah RM0.70 juta atau 23.3%. Seramai 2,792 peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman berjumlah RM2.29 juta atau 76.7% masih belum membuat bayaran balik pinjaman setakat 31 Disember 2014.

Pada pendapat Audit, pencapaian kutipan bayaran balik pinjaman berbanding sasaran bagi tahun 2011 sehingga 2014 semakin baik dengan purata 94.6% setahun. Bagaimanapun, jumlah kutipan bayaran balik berbanding jumlah patut kutip masih rendah dengan purata 36.5% setahun. Jumlah dihapuskira berbanding jumlah pinjaman yang diluluskan sejak tahun 2001 sehingga 2006 adalah 0.2%. Prestasi bayaran balik pinjaman batal baki adalah rendah dengan

purata 23.3% setahun manakala tunggakan pinjaman batal baki yang masih tidak dapat dikutip setakat 31 Disember 2014 adalah 76.7%.

Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015

- i. *PTPK telah memohon untuk mengaktifkan sekali lagi insentif 20% diskaun. Skim insentif ini bagi menggalakkan pembayaran balik pinjaman PTPK, terutama kepada peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman. Selain itu, kaunter-kaunter bayaran bergerak ke seluruh negara telah diwujudkan bagi mendekatkan lagi PTPK dengan peminjam.*
- ii. *Bagi tahun 2014, Bahagian Bayaran Balik & Penguatkuasaan telah membuat semakan semula bagi setiap permohonan hapus kira. Oleh itu syor hapus kira tidak dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Latihan Kemahiran.*
- iii. *Sehingga 3 Jun 2015, PTPK telah memproses 819 permohonan pembatalan baki dan membuat tuntutan kepada 819 pelatih dan 141 Penyedia Latihan dengan tuntutan sebanyak RM16.28 juta dan bayaran diterima sebanyak RM0.43 juta. PTPK sentiasa membuat penambahbaikan secara berterusan untuk memastikan proses kutipan bayaran balik pinjaman adalah mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.*

4.4.3.2 Prestasi Pengeluaran Notis Peringatan

Mengikut Garis Panduan Bayaran Balik Pinjaman, Cawangan Bayaran Balik bertanggungjawab mengeluarkan Notis Peringatan Mula Bayar Balik (MBB) yang dijana melalui Sistem Pengurusan Pinjaman dan dikeluarkan kepada peminjam dan penjamin dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh mula bayaran balik. Notis Peringatan Tunggakan (NPT) 1 Bulan dikeluarkan sekiranya peminjam tidak membuat bayaran balik selepas 1 bulan daripada tarikh bayaran balik dan NPT 3 Bulan dikeluarkan bagi peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik sebanyak 3 bulan ansuran. Notis Peringatan Tindakan Undang-undang Akhir (NPTUUA) dikeluarkan kepada peminjam apabila terdapat tunggakan 6 bulan dan tidak pernah membuat bayaran balik.

a. Notis Peringatan Mula Bayar Balik Tidak Dikeluarkan

- i. Semakan Audit terhadap data peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik (tegar) dari tahun mula bayar balik 2011 sehingga 2014 mendapat

PTPK tidak mengeluarkan Notis Peringatan MBB dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh bayaran balik kepada 8,816 (39.2%) daripada 22,483 peminjam tegar yang melibatkan jumlah tunggakan pinjaman sebanyak RM44.51 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.7 : NOTIS PERINGATAN MBB TIDAK DIKELUARKAN KEPADA PEMINJAM TEGAR

TAHUN LULUS PINJAMAN	PEMINJAM (Bil.)	NOTIS PERINGATAN MBB DIKELUARKAN (Bil.)	NOTIS PERINGATAN MBB TIDAK DIKELUARKAN (Bil.)	PERATUS BIL. NOTIS PERINGATAN MBB TIDAK DIKELUARKAN (%)	JUMLAH TUNGGAKAN PINJAMAN (RM Juta)
2011	1,308	667	641	49.0	6.90
2012	3,883	1,315	2,568	66.1	14.43
2013	6,860	3,219	3,641	53.1	16.07
2014	10,432	8,466	1,966	18.8	7.11
JUMLAH	22,483	13,667	8,816	39.2	44.51

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat Dan Bahagian Bayaran Balik, PTPK

- ii. Semakan lanjut mendapati bagi tahun mula bayar balik 2011 sehingga 2014, PTPK tidak mengeluarkan NPT 1 Bulan dan NPT 3 Bulan sama ada dengan Notis atau Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) bagi 1,743 peminjam tegar dan 394 peminjam yang tidak ikut jadual bayaran yang mempunyai tunggakan pinjaman 1 hingga 3 bulan. Ia melibatkan jumlah tunggakan pinjaman RM510,718 dan RM119,147 masing-masing setakat 31 Disember 2014 seperti jadual berikut:

JADUAL 4.8 : NPT TIDAK DIKELUARKAN KEPADA PEMINJAM TEGAR DAN PEMINJAM TIDAK IKUT JADUAL BAYARAN SETAKAT 31 DISEMBER 2014

TAHUN MULA BAYAR BALIK	PEMINJAM TEGAR		PEMINJAM TIDAK IKUT JADUAL BAYARAN	
	PEMINJAM (Bil.)	TUNGGAKAN PINJAMAN (RM)	PEMINJAM (Bil.)	TUNGGAKAN PINJAMAN (RM)
2011	-	-	26	8,415
2012	1	135	75	24,336
2013	1	466	107	30,615
2014	1,741	510,117	186	55,781
JUMLAH	1,743	510,718	394	119,147

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat Dan Bahagian Bayaran Balik, PTPK

- iii. Selain itu setakat 31 Disember 2014, NPTUUA masih belum dikeluarkan kepada 424 peminjam tegar dan 127 peminjam yang tidak ikut jadual bayaran balik dan mempunyai tunggakan melebihi 6 bulan. Ia melibatkan tunggakan pinjaman berjumlah RM835,568 dan RM205,886 masing-masing seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.9 : NPTUUA BELUM DIKELUARKAN KEPADA PEMINJAM TEGAR
DAN PEMINJAM TIDAK IKUT JADUAL BAYARAN BALIK
SETAKAT 31 DISEMBER 2014**

TAHUN MULA BAYAR BALIK	PEMINJAM TEGAR		PEMINJAM TIDAK IKUT JADUAL BAYARAN BALIK	
	BIL. PEMINJAM	TUNGGAKAN PINJAMAN (RM)	BIL. PEMINJAM	TUNGGAKAN PINJAMAN (RM)
2011	2	8,365	6	17,202
2012	30	94,963	17	31,108
2013	284	571,918	83	131,576
2014	108	160,322	21	26,000
JUMLAH	424	835,568	127	205,886

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat Dan Bahagian Bayaran Balik, PTPK

- iv. Kegagalan Cawangan Bayaran Balik mengeluarkan Notis Peringatan Mula Bayar Balik, NPT 1 dan 3 Bulan dan NPTTUA adalah kerana maklumat dalam Sistem Pengurusan Pinjaman (SPP) tidak dikemas kini dengan maklumat berkaitan peminjam yang memohon penangguhan, batal baki dan terdapat senarai fail peminjam yang terlibat dalam *Problem Solving Committee* menyebabkan lejar peminjam tidak lengkap. Salah satu usaha PTPK untuk mengatasi masalah ini adalah dengan membuat semakan dalam sistem pada setiap minggu bagi memastikan tiada notis yang tertinggal untuk dikeluarkan kepada peminjam.

Pada pendapat Audit, pengurusan pengeluaran notis peringatan adalah tidak memuaskan kerana notis tidak dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Kegagalan pengeluaran notis boleh menyebabkan kehilangan hasil.

Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015 dan 17 September 2015

Bahagian Bayaran Balik & Penguatkuasaan, PTPK sentiasa bekerjasama dengan Bahagian Pengurusan Maklumat, PTPK dalam membuat semakan secara berkala dan manual bagi memastikan tiada nama peminjam yang tercicir dalam pengeluaran notis ini dengan bilangan kakitangan yang terhad. PTPK telah menggunakan pakai sistem perisian yang baru untuk menjana notis peringatan dengan lebih berkesan.

4.4.4 Penguatkuasaan Bayaran Balik

Subseksyen 55(2), Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) memberi mandat kepada PTPK di mana pinjaman latihan kemahiran yang tidak dibayar balik oleh peminjam boleh dianggap sebagai suatu hutang sivil. PTPK boleh mendapatkan kembali hutang tersebut melalui apa-apa cara yang diperuntukkan di bawah undang-undang.

4.4.4.1 Tempoh Pengeluaran LOD Tidak Ditetapkan

- a. Polisi pengeluaran *Letter of Demand* (LOD) dengan menggunakan khidmat pihak panel peguam PTPK kepada peminjam adalah berdasarkan kriteria berikut:
- i. Fail peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik pinjaman selepas NPTUUA dikeluarkan dan tunggakan pinjaman masih dalam tempoh had masa 6 tahun (6 tahun dikira dari tarikh mula bayar balik pinjaman).
 - ii. Fail peminjam yang pernah membuat bayaran balik pinjaman tetapi tidak mengikut jadual dan tunggakan pinjaman masih dalam tempoh had masa 6 tahun (6 tahun dikira dari tarikh akhir bayaran balik diterima).
 - iii. Fail peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman RM2,500 dan ke atas, selepas NPTUUA dikeluarkan.
- b. Semakan Audit mendapati Unit Undang-undang tidak menetapkan secara bertulis satu tempoh bagi proses pengeluaran LOD terhadap fail-fail peminjam. Bagaimanapun, tempoh pengeluaran LOD dikira mulai tarikh penerimaan fail dari Bahagian Bayaran Balik. Sejumlah 80 daripada 9,215 fail peminjam bagi tahun 2010 sehingga 2014 telah dipilih untuk dianalisis. Analisis Audit mendapati Unit Undang-undang mengambil masa dari 7 hingga 283 hari untuk mengeluarkan LOD seperti jadual berikut:

JADUAL 4.10 : STATUS DAN TEMPOH PENGELOUARAN LOD SETAKAT 31 DISEMBER 2014

STATUS PENGELOUARAN LOD	BILANGAN PEMINJAM	TEMPOH PENGELOUARAN LOD (DARI TARIKH PENERIMAAN FAIL SEHINGGA TARIKH LOD DIKELUARKAN)	TUNGGAKAN PINJAMAN (RM)
A. Dikeluarkan LOD	44	7 hingga 283 hari	242,386
i. Peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik pinjaman selepas NPTUUA dikeluarkan	1	46 hari	5,190
ii. Peminjam yang pernah membuat bayaran balik pinjaman tetapi tidak mengikut jadual dengan tunggakan pinjaman RM2,500 dan ke atas	25	7 hingga 100 hari	136,719
	14	101 hingga 200 hari	79,797
	4	Melebihi 200 hari	20,680
B. Belum Dikeluarkan LOD	36	TB	109,353
JUMLAH (A+B)	80		351,739

Sumber: Laporan Penerimaan Fail Peminjam, Unit Undang-undang, PTPK

Nota: TB - Tidak Berkenaan

- c. Analisis audit mendapati 43 daripada 44 peminjam dengan tunggakan sejumlah RM237,196 telah dikeluarkan LOD atas sebab peminjam tidak menjelaskan bayaran mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan dan tunggakan adalah melebihi RM2,500 manakala 1 peminjam dengan tunggakan sejumlah RM5,190 tidak pernah membuat bayaran balik terhadap pinjamannya.

- d. Semakan lanjut mendapati prestasi pengeluaran LOD dari tahun 2012 sehingga 2014 berbanding bilangan fail peminjam yang diterima oleh Unit Undang-undang adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.11 : PRESTASI PENGELOUARAN LOD BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

TAHUN	BILANGAN BAKI FAIL DARI TAHUN SEBELUM (a)	BILANGAN FAIL DITERIMA DARI BAHAGIAN BAYARAN BALIK (b)	JUMLAH FAIL UNTUK DIKELUARKAN LOD (c)= (a)+(b)	BILANGAN FAIL YANG TELAH DIKELUARKAN LOD	BILANGAN FAIL YANG BELUM LAYAK UNTUK PENGELOUARAN LOD	BILANGAN FAIL BELUM DIKELUARKAN LOD
2012	4	693	697	692	1	4
2013	4	4,318	4,322	4,149	87	86
2014	86	6,161	6,247	3,737	71	2,439
JUMLAH		11,172		8,578	159	

Sumber: Laporan Penerimaan Fail Peminjam, Unit Undang-undang, PTPK

- e. Analisis Audit mendapati daripada 11,172 fail peminjam yang diterima dari Bahagian Bayaran Balik, 8,578 fail atau 76.8% telah dikeluarkan LOD manakala 2,439 fail atau 21.8% masih belum dikeluarkan LOD setakat 31 Disember 2014.
- f. PTPK memaklumkan tempoh pengeluaran LOD dari 7 hingga 283 hari ialah kerana fail yang perlu dikeluarkan LOD semakin bertambah setiap tahun. Proses pemantauan bayaran balik peminjam juga mengambil masa selama 3 bulan atau lebih sebelum tindakan undang-undang diambil bergantung kepada trend pembayaran balik peminjam terutamanya bagi peminjam yang tidak mengikuti jadual pembayaran balik.
- g. Ketiadaan penetapan tempoh proses pengeluaran LOD menyebabkan tempoh sebenar pengeluaran LOD bagi baki 2,439 fail sehingga tahun 2014 tidak dapat dipastikan. Ini akan menjelaskan usaha untuk mendapatkan bayaran balik daripada peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik dan yang mempunyai tunggakan kerana tidak membayar mengikut jadual.

Pada pendapat Audit, ketiadaan tempoh pengeluaran LOD telah menyebabkan PTPK tidak dapat menilai keberkesanan pematuhan kepada polisi.

Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015

- i. *Unit Undang-undang bersetuju menetapkan tempoh 30 hari daripada tarikh fail peminjam diterima di Unit Undang-undang untuk memproses fail-fail peminjam bagi tujuan pengeluaran LOD pada Jun 2015. Tempoh ini telah dinyatakan di dalam Manual Prosedur Kerja (MPK) bagi proses pengeluaran LOD pada Jun 2015.*

ii. Daripada 2,439 fail yang belum dikeluarkan LOD, sebanyak 533 fail peminjam telah diambil tindakan dan baki 1,906 fail peminjam sedang dalam proses semakan dan tindakan susulan Unit Undang-undang. Daripada jumlah 1,906 fail tersebut, 1,114 fail sedang dalam pemantauan menjadikan baki terkini iaitu sebanyak 892 fail. Tindakan pengeluaran LOD akan dilakukan secara berterusan.

4.4.4.2 LOD Belum Dikeluarkan Bagi Peminjam Yang Mempunyai Tuggakan Melebihi 6 Tahun

- a. Pada tahun 2011 dan sebelumnya, hanya Unit Undang-undang bertanggungjawab dalam mengeluarkan LOD bagi semua peminjam termasuk peminjam dengan tunggakan melebihi 6 tahun.
- b. Bermula pada tahun 2012, fungsi pengeluaran LOD terhadap peminjam dengan tunggakan melebihi 6 tahun daripada tarikh peminjam patut mula bayar balik pinjaman dilaksanakan oleh Cawangan Penguatkuasaan berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Penguatkuasaan di Cawangan Penguatkuasaan bagi tujuan mengaktifkan semula had masa tersebut supaya tuntutan sivil dapat diambil ke atas peminjam dan penjamin.
- c. Fungsi ini berikutan Seksyen 6, Akta Had Masa 1953 (Akta 254) (Pindaan 1 Mei 2013) yang menyatakan tindakan untuk mendapat kembali apa-apa jumlah wang menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis selain daripada penalti atau pelucuthakan atau sejumlah wang sebagai penalti atau pelucuthakan, tidak boleh dibawa selepas tamatnya tempoh 6 tahun daripada tarikh kuasa tindakan itu bermula. Bagaimanapun, Seksyen 26(2), Akta 254, jika apa-apa hak tindakan telah terakru bagi mendapatkan kembali hutang atau wang tuntutan dan orang yang bertanggungjawab terhadap hutang/tuntutan mengakui tuntutan itu atau membuat apa-apa bayaran, hak tindakan itu hendaklah disifatkan sebagai telah terakru pada tarikh bayaran akhir hutang/tuntutan tersebut.
- d. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2014 terdapat 53,994 fail atau 63.5% yang mempunyai tunggakan 6 tahun ke atas berjumlah RM198.29 juta masih belum dikeluarkan LOD seperti jadual berikut:

JADUAL 4.12 : PRESTASI PENGELUARAN LOD OLEH CAWANGAN PENGUATKUASAAN BAGI OGOS 2012 SEHINGGA DISEMBER 2014

TAHUN	JUMLAH FAIL LAYAK LOD (TERKUMPUL) (a)	JUMLAH FAIL YANG TELAH DIKELUARKAN LOD (TERKUMPUL)	TUNGGAKAN (RM Juta)	KUTIPAN (RM Juta)	FAIL BELUM DIKELUARKAN LOD (TERKUMPUL)	
					BILANGAN (b)	(%) (c)=(b)/(a)
2012	33,761	1,709	12.41	0.12	32,052	94.9
2013	49,783	6,675	36.55	0.59	43,108	86.6
2014	85,029	31,035	198.29	2.34	53,994	63.5

Sumber : Data Cawangan Penguatkuasaan Dan Bahagian Pengurusan Maklumat, PTPK

- e. Analisis Audit mendapati Cawangan Penguatkuasaan telah mengeluarkan LOD terhadap 31,035 fail atau 36.5% manakala 53,994 fail atau 63.5% masih belum dikeluarkan LOD berbanding 85,029 fail peminjam yang layak dikeluarkan LOD setakat 31 Disember 2014.
- f. Cawangan Penguatkuasaan memaklumkan bahawa antara cabaran yang dihadapi oleh cawangan ini dalam pengeluaran LOD kepada peminjam adalah seperti berikut:
 - i. Semakan fail-fail peminjam sama ada notis tuntutan telah dikeluarkan atau belum perlu dibuat secara manual.
 - ii. Tiada kemudahan dalam Sistem Pengurusan Pinjaman seperti *profiling history* ataupun *triggering factor* bagi tujuan semakan dan pemantauan bayaran balik pinjaman setelah notis dikeluarkan kepada peminjam.
 - iii. Kekurangan pegawai di Cawangan Penguatkuasaan.
 - iv. Keupayaan mesin mencetak notis LOD juga menjadi faktor kelewatan di mana notis perlu dicetak satu per satu dengan memasukkan nombor akaun peminjam dan bukannya dicetak secara berkumpulan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pengeluaran LOD oleh Cawangan Penguatkuasaan PTPK adalah memuaskan kerana setakat 31 Disember 2014, bilangan peminjam mempunyai tunggakan pinjaman melebihi 6 tahun dan belum dikeluarkan LOD telah berkurang kepada 63.5% berbanding 2 tahun sebelumnya sebanyak 94.9%. Bagaimanapun, urusan pengeluaran LOD wajar diperbaiki lagi kerana ianya elemen penting untuk kutipan balik pinjaman.

Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015

Statistik pengeluaran LOD yang terkini dari bulan Januari 2015 sehingga Mei 2015 adalah kepada 14,099 peminjam dan 28,198 penjamin. Ia melibatkan pinjaman berjumlah RM53.90 juta. Sejumlah RM1.04 juta daripada RM53.90 juta jumlah patut dikutip telah diterima oleh PTPK.

4.4.4.3 Saman Masih Belum Dikeluarkan

- a. Mengikut Manual Prosedur Kerja, Unit Undang-undang perlu mengeluarkan saman kepada peminjam apabila peminjam masih gagal membayar balik pinjaman selepas 14 hari daripada tarikh LOD dikeluarkan. Proses pengeluaran saman melibatkan semakan lejar peminjam untuk tempoh 14 hari bekerja bagi memastikan bayaran dibuat oleh peminjam. Jika bayaran dibuat, fail peminjam akan dipegang oleh Unit Undang-undang bagi memantau trend untuk tempoh 3 bulan berturut-turut. Jika tiada bayaran, tindakan saman akan dikenakan serta-merta. PTPK hanya boleh mengeluarkan saman kepada peminjam selepas 28 hari daripada tarikh LOD.
- b. Semakan Audit terhadap 44 fail peminjam yang telah dikeluarkan LOD setakat 31 Disember 2014 mendapati seramai 13 peminjam telah dikeluarkan saman manakala baki 31 peminjam masih belum dikeluarkan saman. Semakan Audit selanjutnya mendapati seramai 26 daripada 31 peminjam mempunyai saman yang masih belum dikeluarkan antara tempoh 47 hingga 272 hari dengan tunggakan pinjaman berjumlah RM128,083. Selain itu, baki 5 daripada 31 peminjam tidak perlu dikeluarkan saman kerana mempunyai pembayaran balik pinjaman dan sedang dipantau oleh Unit Undang-undang. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.13 : STATUS SAMAN MASIH BELUM DIKELUARKAN BAGI 31 FAIL PEMINJAM SEHINGGA 31 DISEMBER 2014

STATUS SAMAN	BILANGAN PEMINJAM	TEMPOH SAMAN MASIH BELUM DIKELUARKAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2014	TUNGGAKAN PINJAMAN (RM)
Saman Masih Belum Dikeluarkan	26	47 hingga 272 hari	128,083
Saman Tidak Perlu Dikeluarkan	5	TB	23,459
JUMLAH	31		151,542

Sumber: Laporan Penerimaan Fail Peminjam, Unit Undang-undang, PTPK

- c. Antara sebab kewujudan tempoh saman masih belum dikeluarkan adalah seperti berikut:
- Keutamaan diberikan kepada fail-fail peminjam yang menghampiri tempoh had masa 6 tahun dari tarikh mula bayaran balik pinjaman atau tarikh akhir bayaran balik pinjaman.
 - Proses pemantauan bayaran balik peminjam mengambil masa selama 3 bulan atau lebih sebelum tindakan undang-undang diambil bergantung kepada trend pembayaran balik peminjam terutamanya bagi peminjam yang tidak mengikut jadual pembayaran balik.

- iii. Pemfailan saman di Mahkamah Kuala Lumpur dibuat secara atas talian. Kaedah ini hanya membolehkan sebanyak 15 saman sahaja difaiklan dalam 1 hari.
 - iv. Kekurangan pegawai bagi memproses kesemua fail peminjam yang layak bagi pengeluaran saman. Sejak tahun 2012 sehingga 2014, Unit Undang-undang hanya mempunyai seorang pegawai berjawatan tetap sebagai Pembantu Tadbir bagi menguruskan fail-fail peminjam untuk tindakan pengeluaran saman.
- d. Kesan daripada kewujudan tempoh saman masih belum dikeluarkan menyebabkan *backlog* fail peminjam yang masih tidak dikeluarkan saman. Berdasarkan senarai fail peminjam yang menghampiri tempoh had masa 6 tahun dari tarikh mula bayaran balik pinjaman atau tarikh akhir bayaran balik pinjaman sehingga 31 Disember 2014, pihak Audit mendapati sejumlah 2,143 atau 43.3% daripada 4,949 fail peminjam masih belum dikeluarkan saman.

Pada pendapat Audit, kelewatan pengeluaran saman dan *backlog* 2,143 fail peminjam yang masih belum dikeluarkan saman memberi tanggapan PTPK tidak memberi penekanan untuk mengutip balik tunggakan pinjaman. Masalah kekurangan kakitangan wajar diberi perhatian serius untuk mengatasi masalah ini.

Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015 dan 17 September 2015

- i. *Berdasarkan kiraan semula PTPK yang dibuat setakat 31 Disember 2014, terdapat 9,215 orang peminjam perlu dikeluarkan saman. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,884 orang peminjam telah dikeluarkan saman. Sebanyak 2,449 orang peminjam telah membuat bayaran. Baki yang tidak membuat bayaran dan belum dikeluarkan saman adalah sebanyak 3,882 orang peminjam.*
- ii. *Bermula Januari sehingga Mei 2015 sebanyak 545 fail telah dikeluarkan saman menjadikan baki terkini fail yang belum dikeluarkan saman adalah sebanyak 3,337 fail. Tindakan untuk mengeluarkan saman sentiasa diambil oleh Unit Undang-undang dengan kekangan kakitangan sedia ada.*

4.4.5 Pengurusan Aduan

Unit Komunikasi Korporat PTPK menyenggara aduan pelanggan melalui, telefon, khidmat pesanan ringkas (SMS), emel, surat dan borang aduan. Aduan melalui telefon disenggara melalui *Call Centre Management System* (CCMS) dan aduan melalui SMS, emel, surat dan borang aduan disenggara secara manual.

4.4.5.1 Tiada Daftar Lengkap Menjejak Aduan

- Statistik aduan tahun 2011 sehingga 2014 menunjukkan sebanyak 573 aduan diklasifikasikan dalam 8 kategori. Kategori salah guna kuasa dan penyelewengan dengan sejumlah 137 aduan atau 23.9% merupakan aduan tertinggi. Aduan terhadap kualiti perkhidmatan PTPK yang tidak memuaskan mendapat sebanyak 73 aduan atau 12.7% manakala kegagalan penguatkuasaan dijalankan di Penyedia Latihan (PL) dan kekurangan kemudahan awam di PL adalah 55 dan 45 aduan atau 9.6% dan 7.9% masing-masing. Butiran lanjut statistik aduan bagi tahun 2011 sehingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.14 : STATISTIK ADUAN MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2014

BIL.	KATEGORI	TAHUN				JUMLAH	PERATUS (%)
		2011	2012	2013	2014		
1.	Salah guna kuasa/penyelewengan	25	38	50	24	137	23.9
2.	Kualiti perkhidmatan PTPK yang tidak memuaskan termasuk kaunter dan telefon	56	3	9	5	73	12.7
3.	Kegagalan penguatkuasaan di PL	14	15	23	3	55	9.6
4.	Kekurangan kemudahan awam di PL	5	11	7	22	45	7.9
5.	Kegagalan mengikut prosedur ditetapkan berkaitan pinjaman	24	13	0	4	41	7.2
6.	Kelewatan proses pinjaman / bayaran	29	3	1	1	34	5.9
7.	Salah laku anggota awam	0	2	0	3	5	0.9
8.	Pelbagai aduan	117	17	41	8	183	31.9
JUMLAH		270	102	131	70	573	100

Sumber: Statistik Aduan Unit Komunikasi Korporat, PTPK

- Statistik terperinci bagi aduan salah guna kuasa dan penyelewengan menunjukkan aduan mengenai PL meminta yuran tambahan daripada pelatih menerima 35 aduan atau 25.6% manakala aduan nafi sebagai peminjam/penjamin mendapat sebanyak 32 aduan atau 23.4%. Selain itu, aduan terhadap PL tidak memaklumkan PTPK mengenai pemberhentian pelatih

menerima 29 aduan atau 21.2%. Butiran lanjut statistik aduan bagi tahun 2011 sehingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.15 : STATISTIK ADUAN SALAH GUNA KUASA DAN PENYELEWENGAN BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2014

BIL.	ADUAN	TAHUN				JUMLAH	PERATUS (%)
		2011	2012	2013	2014		
1.	PL meminta yuran/bayaran tambahan dari pelatih	8	9	16	2	35	25.6
2.	Nafi sebagai peminjam/penjamin	3	2	20	7	32	23.4
3.	PL tidak maklumkan kepada PTPK tentang pemberhentian pelatih	1	13	5	10	29	21.2
4.	Tuntutan baki pinjaman daripada PL	5	6	2	2	15	10.9
5.	Pemalsuan dokumen pinjaman latihan kemahiran	0	1	4	3	8	5.8
6.	Pelatih membuat bayaran yuran kepada PL dan PL tidak pulangkan kepada PTPK	3	2	3	0	8	5.8
7.	Pemalsuan maklumat	3	4	0	0	7	5.1
8.	Peminjam/Penjamin tidak menerima sebarang dokumen pinjaman dan surat berkaitan PTPK	2	1	0	0	3	2.2
JUMLAH		25	38	50	24	137	100

Sumber: Statistik Aduan Unit Komunikasi Korporat, PTPK

- c. Semakan Audit mendapati Unit Komunikasi Korporat menyelenggara senarai statistik aduan bulanan dan tahunan secara manual. Status aduan dikira selesai sekiranya maklumat aduan telah dihantar kepada Bahagian/Unit PTPK terlibat sama ada melalui surat atau emel. Oleh yang demikian, jejak audit sesuatu aduan tidak dapat dipastikan kerana terputus selepas aduan diserahkan ke Bahagian/Unit berkaitan untuk tindakan. Walaupun Modul Aduan ada dibangunkan dalam Sistem Pengurusan Pinjaman Integrasi (SPPiN) tetapi sistem ini tergendala dan sedang dalam tindakan lanjut PTPK.

Pada pendapat Audit, pengurusan aduan adalah kurang memuaskan kerana tiada daftar lengkap bagi menjak aduan dan tidak dapat dipastikan sama ada aduan telah diselesaikan selepas aduan diserahkan oleh Unit Komunikasi Korporat ke Bahagian/Unit berkenaan untuk tindakan. Modul melalui SPPiN boleh meningkatkan sistem penyampaian PTPK kepada pelanggan menerusi aduan yang diterima.

Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015

Unit Komunikasi Korporat telah menempatkan seorang pembantu tadbir khusus untuk menyemak, membuat susulan dan memantau semua aduan yang telah dihantar ke Bahagian/Cawangan/Unit berkaitan bagi memastikan aduan telah diambil tindakan dan akan dilaporkan dalam Mesyuarat Eksekutif, PTPK.

4.4.5.2 Peminjam Nafi Buat Pinjaman

- a. Urusan permohonan pinjaman diuruskan oleh Penyedia Latihan (PL) yang berdaftar dengan PTPK. PL perlu *key-in* maklumat permohonan peminjam ke Sistem Pengurusan Pinjaman di portal PTPK dalam tempoh 30 hari dari tarikh mula latihan. Pinjaman diluluskan oleh PTPK secara atas talian sekiranya tarikh mula latihan dan had umur peminjam mematuhi syarat pinjaman. Setelah diluluskan oleh PTPK, PL perlu mencetak Surat Tawaran, Borang Penerimaan Tawaran, Borang Perjanjian dan Borang Pengesahan Bayaran. PL perlu memastikan Surat Penerimaan Tawaran dan Borang Perjanjian dilengkapkan oleh peminjam. PL perlu menghantar semua dokumen berkaitan pinjaman tersebut ke PTPK dalam tempoh 30 hari dari tarikh kelulusan pinjaman atas talian.
- b. Semakan Audit terhadap senarai aduan di Unit Komunikasi Korporat mendapati 20 aduan penafian peminjam dan penjamin pada tahun 2013 dan 7 aduan pada tahun 2014. Semakan lanjut terhadap fail aduan bagi tahun 2013 sehingga bulan Mac 2015 mendapati 7 peminjam menafikan pinjaman. Analisis menunjukkan 4 atau 57.1% aduan daripada 7 aduan adalah daripada Kolej Teknologi Prodigy. PTPK seharusnya menjalankan siasatan lanjut terhadap kesahihan kes tersebut dan seterusnya mengambil tindakan jika terdapat salah guna kuasa oleh PL tersebut.

JADUAL 4.16 : SENARAI ADUAN PENAFIAN PINJAMAN BAGI TEMPOH 2013 SEHINGGA MAC 2015

BIL.	NAMA PEMINJAM DAN KAD PENGENALAN	TARIKH ADUAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)	PL/TARIKH DAFTAR PINJAMAN	ADUAN	TINDAKAN PTPK
1.	Mohd Khafizi Bin Yahaya 860814-xx-xxxx	23.05.2013	3,000	Titi Sinar Akademik Sdn. Bhd. 12.05.2004	Tidak memohon pinjaman, penipuan atas slip gaji dan tandatangan dalam perjanjian. Laporan polis dibuat pada 28.5.2007.	<i>Letter of Demand</i> (LOD) telah dikeluarkan kepada peminjam bertarikh 15.05.2015.
2.	Syed Mohd Shahriman Bin Syed Yasin 810130-xx-xxxx	20.11.2014	5,000	Compassia Computer Super Store 14.10.2002	Nafi buat pinjaman dan nafi belajar di kolej berkenaan. Pengenalan diri telah disalah guna oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk pinjaman PTPK. Telah buat laporan polis pada tahun 2004.	Sedang semak dokumen.

BIL.	NAMA PEMINJAM DAN KAD PENGENALAN	TARIKH ADUAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)	PL/TARIKH DAFTAR PINJAMAN	ADUAN	TINDAKAN PTPK
3.	Shanmuganathan A/L Vincent @ Valupillai 700607-xx-xxxx	27.11.2014	14,000	International Institute of Customer Experience & Management 26.08.2014	Nafi buat pinjaman dan nafi belajar di kolej tersebut. Pengenalan diri dan buku bank telah digunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk pinjaman PTPK. Laporan polis bertarikh 10.11.2014.	Hantar surat mohon penjelasan daripada PL bertarikh 24.04.2015.
4.	Suguna A/P Sivanamthan 840327-xx-xxxx	23.02.2015	2,800	Kolej Teknologi Prodigy 12.06.2014	Nafi pinjaman. PL menipu pendaftaran pinjaman ke kolej dan kursus yang berlainan daripada yang sebenar dihadiri peminjam. Laporan polis bertarikh 12.02.2015.	Hantar surat mohon penjelasan daripada PL bertarikh 21.04.2015.
5.	Kogilavani A/P Sandarsiakan 881004-xx-xxxx	23.02.2015	2,800	Kolej Teknologi Prodigy 12.06.2014	Nafi pinjaman. PL menipu pendaftaran pinjaman ke kolej dan kursus yang berlainan daripada yang sebenar dihadiri peminjam.	Hantar surat mohon penjelasan daripada PL bertarikh 21.04.2015.
6.	Sharmini A/P Balaguru 850806-xx-xxxx	23.02.2015	2,800	Kolej Teknologi Prodigy 12.06.2014	Nafi pinjaman. PL menipu pendaftaran pinjaman ke kolej dan kursus yang berlainan daripada yang sebenar dihadiri peminjam.	Hantar surat mohon penjelasan daripada PL bertarikh 21.04.2015.
7.	Sangari A/P Tamil Salvan 860823-xx-xxxx	23.02.2015	2,800	Kolej Teknologi Prodigy 12.06.2014	Nafi pinjaman. PL menipu pendaftaran pinjaman ke kolej dan kursus yang berlainan daripada yang sebenar dihadiri peminjam.	Hantar surat mohon penjelasan daripada PL bertarikh 21.04.2015.
JUMLAH			33,200			

Sumber: Fail Aduan Unit Komunikasi Korporat dan Cawangan Penguatkuasaan

Pada pendapat Audit, terdapat ruang penyalahgunaan kuasa oleh PL kerana permohonan pinjaman diuruskan oleh PL. Sekiranya proses permohonan ini tidak diperbaiki, isu penafian pinjaman boleh meningkat dan boleh menyebabkan pinjaman tidak dapat dikutip seterusnya menyekat peluang kepada peminjam lain.

Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015

Daripada 7 aduan, didapati 5 aduan dinafikan oleh PL sebagai tidak benar. PL telah mengambil langkah-langkah membawa kes ke mahkamah. Manakala 1 kes didapati betul dan PL telah memulangkan balik pinjaman sepenuhnya dan 1 kes lagi LOD telah dikeluarkan. Bahagian Pinjaman Latihan, PTPK telah menambah baik proses semakan dan pengesahan pelatih sebelum dibuat bayaran dengan membuat pengesahan melalui panggilan telefon kepada pelatih dan penjamin sebelum bayaran dilepaskan.

4.4.6 Penemuan Audit Semasa Lawatan Ke Premis Penyedia Latihan

Pihak Audit telah melawat 18 premis PL di Selangor, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Sarawak dari 7 Oktober hingga 4 Disember 2014 dan pada 1 April 2015 dan mendapati perkara seperti berikut:

4.4.6.1 Kesahihan Kehadiran Pelatih Dan Perbezaan Maklumat Tenaga Pengajar

- a. PTPK menggunakan Sistem Pengurusan Pinjaman (SPP) untuk merekodkan maklumat PL. Rekod pelatih bertujuan untuk memberi maklumat asas pelatih dan maklumat pinjaman pelatih. Rekod tenaga pengajar digunakan oleh PTPK untuk menentukan tempoh sah kelayakan tenaga pengajar. Maklumat yang direkodkan secara atas talian oleh PL perlu disahkan oleh PTPK dengan dokumen sokongan yang disyaratkan.
- b. Lawatan Audit pada 7 Oktober 2014 di Yakin Kerjaya Sdn. Bhd. (Pulau Pinang) mendapati hanya 2 pelatih hadir bagi kursus Pramusaji berbanding 19 yang direkod manakala 3 pelatih hadir bagi kursus IT berbanding 38 yang direkod dalam SPP. Mengikut PL, perbezaan bilangan pelatih adalah kerana mereka sedang mengikuti program latihan praktikal IT di Pusat Latihan Yakin Kerjaya, Bukit Mertajam. Bagaimanapun, lawatan ke Pusat Latihan Yakin Kerjaya, Bukit Mertajam pada 8 Oktober 2014 mendapati kursus IT tidak dikendalikan di premis tersebut dan pihak Audit tidak dapat mengesahkan kewujudan pelatih seperti dalam rekod PL.
- c. Cawangan Penguatuasaan PTPK telah menjalankan pemeriksaan secara bersepada bersama Bahagian Penguatuasaan dan Kawal Selia Jabatan Pembangunan Kemahiran, KSM terhadap Penyedia Latihan Yakin Kerjaya Sdn. Bhd. (Pulau Pinang) pada 11 dan 13 November 2014. Pemeriksaan ke atas pelatih yang sedang mengikuti latihan kemahiran di PL mendapati sebilangan pelatih tidak hadir ke program latihan dan PL mempunyai masalah perjalanan kelas kerana ketiadaan tenaga pengajar. Cawangan Penguatuasaan PTPK telah mengesyorkan PL tersebut memulangkan balik yuran pinjaman kepada PTPK sekiranya gagal mencari pengganti tenaga pengajar. Selain itu, arahan pembekuan bayaran pinjaman juga disyorkan terhadap semua peminjam di PL ini. Semakan Audit mendapati arahan pembekuan bayaran pinjaman telah dilaksanakan oleh Cawangan Arah Bayar, Bahagian Pinjaman Latihan PTPK bermula pada 19 November 2014 selepas penerimaan memo permohonan pembekuan daripada Cawangan Penguatuasaan pada tarikh yang sama. Pembekuan bayaran pinjaman ini melibatkan 403 peminjam dengan jumlah

pinjaman RM5.36 juta. Berdasarkan Mesyuarat Penentuan Tindakan Ke Atas Lawatan Pemeriksaan Ke Penyedia Latihan bertarikh 6 Januari 2015, pemberian kuota kepada PL disyor untuk dikurangkan berdasarkan bilangan peminjam yang hadir semasa lawatan dijalankan. Selain itu, mesyuarat bersetuju supaya bayaran pinjaman dilepaskan semula kepada peminjam dengan syarat pegawai PTPK yang bertanggungjawab perlu membuat pengesahan pelatih melalui panggilan telefon. Kegagalan PL mengemukakan nombor telefon pelatih yang dikemas kini akan mengakibatkan arahan bayaran pinjaman dibatalkan. Bagi permohonan baru, pelatih baru akan disahkan latihan di PL tersebut sebelum permohonan diluluskan.

- d. Semakan Audit mendapati wujud perbezaan antara senarai tenaga pengajar di SPP, PTPK dengan carta organisasi di 4 premis PL iaitu Yakin Kerjaya Sdn. Bhd. (Pulau Pinang), Yahos Sdn. Bhd. (Kuching), Kolej SMI Training Centre SEGI (Kuching) dan Kolej A.I.T.C (Kuching). Perbezaan yang dikesan ialah nama tenaga pengajar tersebut aktif di SPP tetapi tiada maklumat terperinci/luput dan tiada maklumat di Carta Organisasi PL atau sebaliknya seperti jadual berikut:

JADUAL 4.17 : PERBEZAAN STATUS TENAGA PENGAJAR DI SPP PTPK BERBANDING DI CARTA ORGANISASI PENYEDIA LATIHAN

BIL.	NAMA PEGAWAI PENILAI	STATUS SENARAI TENAGA PENGAJAR DI SPP PTPK	STATUS MAKLUMAT TERPERINCI TENAGA PENGAJAR DI SPP PTPK	CARTA ORGANISASI PL
1. YAKIN KERJAYA SDN. BHD. (PULAU PINANG)				
1.	Mohanan Reddy A/L Apparaau Binesh Shah	Aktif	Luput	Tiada nama tersebut
2.	Elangeswary A/P Sivaneasan	Aktif	Luput	Tiada nama tersebut
3.	Hamsantanenigathan A/P Muniandy	Aktif	Tiada Maklumat	Tiada nama tersebut
4.	Sugunesen A/L Janarthanan	Aktif	Luput	Tiada nama tersebut
5.	M. Nanthini	Tiada	Tiada Maklumat	Ada
6.	Naim	Tiada	Tiada Maklumat	Ada
7.	Nur Aliza Binti Ahmad Nahar	Tidak Aktif	Luput	Ada
8.	Kavi	Tiada	Tiada Maklumat	Ada
2. YAHOS SDN. BHD. (KUCHING)				
1.	Jomelia	Tiada	Tiada Maklumat	Ada
2.	Heryson	Tiada	Tiada Maklumat	Ada
3.	Alim Busang	Tiada	Tiada Maklumat	Ada
4.	Fauziah	Tiada	Tiada Maklumat	Ada
5.	Philip	Tiada	Tiada Maklumat	Ada

BIL.	NAMA PEGAWAI PENILAI	STATUS SENARAI TENAGA PENGAJAR DI SPP PTPK	STATUS MAKLUMAT TERPERINCI TENAGA PENGAJAR DI SPP PTPK	CARTA ORGANISASI PL
6.	Ali Fainur	Ada	Ada	Tiada
7.	Amirah Saryati	Ada	Ada	Tiada
8.	Bong Jan Fui	Ada	Ada	Tiada
9.	Carolyne Sambai	Ada	Tidak Kemaskini	Tiada
3. KOLEJ SMI TRAINING CENTRE SEGI (KUCHING)				
1.	Novert Sullang Anak Doughlas Sullang	Aktif	Luput	Ada
2.	Norafel Reducto	Aktif	Luput	Ada
3.	Josephine Tipong	Tada Maklumat	Tiada Maklumat	Ada
4.	Harisen Anak Karim	Aktif	Luput	Tiada
5.	Ibrahim Bin Jollkainaini	Aktif	Luput	Tiada
6.	Jeffery Anak Anggai	Aktif	Tiada Maklumat	Tiada
7.	Mohamamd Faisal Bin Ahmad	Aktif	Luput	Tiada
8.	Roystein Emmor Ak Entai	Aktif	Luput	Tiada
4. KOLEJ A.I.T.C (KUCHING)				
1.	Dayangku Suria Awg Kedais	Tiada	Tiada Maklumat	Ada
2.	Siti Faesah binti Jalil	Tiada	Tiada Maklumat	Ada
3.	Sema Ak Singam	Tiada	Tiada Maklumat	Ada
4.	Sabri Ak Mawar	Tiada	Tiada Maklumat	Ada
5.	Diego Hez Ujat	Tiada	Tiada Maklumat	Ada
6.	Marcos Anak Janing	Aktif	Ada	Tiada
7.	Mery Sarina Anak Gohin	Aktif	Ada	Tiada
8.	Natasha Ella Binti Harun	Aktif	Ada	Tiada
9.	Tan Ben Siew	Aktif	Ada	Tiada
10.	Zaidah Binti Morshidi	Aktif	Ada	Tiada

Sumber: Maklumat SPP, PTPK Dan Carta Organisasi Penyedia Latihan

Pada pendapat Audit, ketidakhadiran pelatih dan pengendalian program Kursus IT di premis PL menimbulkan keraguan sama ada pelatih wujud atau tidak menghadiri latihan. Selain itu, maklumat tenaga pengajar yang tidak dikemas kini di SPP juga menimbulkan keraguan atas kelayakan dan kewujudan mereka.

Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015 dan 17 September 2015

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah mengambil tindakan menggantung petaulahan dan pengambilan pelatih di Yakin Kerjaya Sdn. Bhd. mulai Januari 2015. Manakala pengemaskinian maklumat personel di PTPK adalah merupakan tanggungjawab PL memandangkan ia akan memberi implikasi ke atas permohonan pinjaman latihan kemahiran secara atas talian. JPK telah melaksanakan pemantauan Pusat Bertauliahan (PB) yang bermasalah sejak tahun 2013 di seluruh negara. Pemantauan ini dihadiri oleh 2 pegawai JPK. PB yang ingin membuat pindaan personel petaulahan hendaklah mengemukakan permohonan.

4.4.7 Pembangunan Sistem SPPiN Gagal Disiapkan

4.4.7.1 PTPK telah menggunakan Sistem Pengurusan Pinjaman (SPP) untuk merekodkan pendaftaran Penyedia Latihan (PL), permohonan dan arahan bayar pinjaman sejak penubuhannya pada tahun 2006 dan ditambah dengan fungsi *online* untuk PL mulai tahun 2010 bagi permohonan pinjaman. Pada tahun 2012, PTPK telah melantik Teliti Komputers Sdn. Bhd. melalui tender terhad dengan kos RM2.64 juta untuk menyediakan Sistem Pengurusan Pinjaman Integrasi (SPPiN) secara pangkalan data berpusat dan meluaskan modul sedia ada. Skop projek mengandungi perkakasan, perisian dan sistem aplikasi. Tempoh kontrak adalah selama setahun iaitu dari 1 Disember 2012 sehingga 30 November 2013. Lanjutan masa telah diluluskan bagi tempoh 1 Disember 2013 sehingga 17 Mei 2014. Pembekal telah dikenakan *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) dari 18 Mei 2014 sehingga 18 Julai 2014 berjumlah RM9,817 kerana tidak dapat menyiapkan sistem mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

4.4.7.2 PTPK telah menamatkan kontrak pada 18 Julai 2014 melalui surat bertarikh 2 Oktober 2014. Penamatan kontrak ini dibuat oleh PTPK kerana pembekal gagal melepassi ujian *User Acceptance Test* untuk 12 daripada 13 modul SPPiN, tiada integrasi antara modul dan gagal tahap penyediaan skrin antara muka pengguna. Kemajuan projek pada tarikh penamatan kontrak ialah 86% dan bayaran diluluskan berjumlah RM2.02 juta iaitu 76.6% daripada kos projek dan jaminan bank berjumlah RM131,836 telah dituntut oleh PTPK sebagai ganti rugi pada 19 Mei 2015. Maklumat lanjut kos dan bayaran projek SPPiN adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.18 : MAKLUMAT KOS DAN BAYARAN PEROLEHAN SPPiN

BIL.	ITEM	KOS (RM)	BAYARAN (RM)	BAKI (RM)	CATATAN
1.	Perkakasan (Server)	279,945	279,945	0	Bayaran secara berperingkat selepas ujian dan ditauliahkan dan seperti Jadual Bayaran Dokumen Kontrak.
2.	Lesen Perisian	433,650	433,650	0	Bayaran secara berperingkat selepas ujian dan ditauliahkan dan seperti Jadual Bayaran Dokumen Kontrak.
3.	Aplikasi Sistem	1,546,189	975,713	570,475	Wang Pendahuluan Projek selaras Surat Pekeliling Bil. 10/2002 dan Jadual Bayaran Dokumen Kontrak.
4.	<i>Project Management Organization (PMO)</i>	361,940	314,888	47,052	Bayaran pengurusan projek mengikut Jadual Bayaran Dokumen Kontrak.
5	Latihan (untuk perkakasan)	15,000	15,000	0	Latihan kepada pegawai Bahagian Pengurusan Maklumat seperti dalam Jadual Bayaran Dokumen Kontrak.
JUMLAH		2,636,724	2,019,196	617,528	

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, PTPK

4.4.7.3 Semakan lanjut mendapati sejumlah RM975,713 atau 63.1% daripada RM1.55 juta kos pembangunan aplikasi telah dibayar kepada pembekal. Oleh itu, sejumlah RM1.29 juta atau 67.5% daripada RM1.91 juta telah dibayar untuk pembangunan aplikasi. Bagaimanapun, 12 daripada 13 modul gagal berfungsi mengikut keperluan pengguna. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.19 : MAKLUMAT KOS DAN BAYARAN PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI

BIL.	ITEM	KOS (RM)	BAYARAN (RM)	BAKI (RM)	CATATAN
1.	APLIKASI SISTEM				
1.1	<i>Upon Resource Mobilization 1 Sign Off</i>	154,619	154,619	0	Wang Pendahuluan Projek selaras Surat Pekeliling Bil. 10/2002 dan Jadual Bayaran Dokumen Kontrak.
1.2	<i>Upon Resource Mobilization 2 Sign Off Pendahuluan</i>	154,619	154,619	0	Wang Pendahuluan Projek selaras Surat Pekeliling Bil. 10/2002 dan Jadual Bayaran Dokumen Kontrak.
1.3	<i>Upon User Requirement Specification (URS) Sign Off</i>	231,928	231,928	0	Pembayaran selepas semakan dan tandatangan persetujuan pihak pengguna pada dokumen URS.
1.4	<i>Upon Functional Requirement Specification (FRS) Sign Off</i>	154,619	154,619	0	Pembayaran selepas semakan dan tandatangan persetujuan pihak pengguna pada dokumen FRS.
1.5	<i>Upon Provisional Acceptance Test (PAT) Sign Off</i> . PAT-Dokumen skrip pengujian terperinci setiap modul.	231,928	231,928	0	Pembayaran selepas semakan dan tandatangan persetujuan pihak pengguna pada dokumen PAT.
1.6	<i>Upon User Acceptance Test (UAT) Sign Off</i>	463,857	36,000	427,857	Pembayaran selepas semakan dan tandatangan persetujuan pihak pengguna pada dokumen UAT untuk 1 daripada 13 modul.
1.7	<i>Upon Final Acceptance Test (FAT) Sign Off</i>	154,619	12,000	142,619	Pembayaran selepas semakan dan tandatangan persetujuan pihak pengguna pada dokumen FAT untuk 1 daripada 13 modul.
JUMLAH		1,546,189	975,713	570,476	

BIL.	ITEM	KOS (RM)	BAYARAN (RM)	BAKI (RM)	CATATAN			
2.	PROJECT MANAGEMENT ORGANIZATION (PMO)							
2.1	<i>Upon Resource Mobilisation 1 Sign Off</i>	36,194	36,194	0	Seperti Kontrak	Jadual	Bayaran	Dokumen
2.2	<i>Upon Resource Mobilisation 2 Sign Off</i>	18,097	18,097	0	Seperti Kontrak	Jadual	Bayaran	Dokumen
2.3	<i>Upon User Requirement Specification (URS) Sign Off</i>	54,291	54,291	0	Seperti Kontrak	Jadual	Bayaran	Dokumen
2.4	<i>Upon Provisional Acceptance Test (PAT) Sign Off.</i>	108,582	108,582	0	Seperti Kontrak	Jadual	Bayaran	Dokumen
2.5	<i>Upon User Acceptance Test (UAT) Sign Off</i>	108,582	97,724	10,858	Pembayaran berdasarkan dokumen UAT yang ditandatangani oleh pihak pengguna.			
	JUMLAH	361,940	314,888	47,052				
	JUMLAH KESELURUHAN	1,908,129	1,290,601	617,528				

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, PTPK

4.4.7.4 Semakan Audit mendapati PTPK tidak menggunakan klaus 21.2 (c) (ii) dalam dokumen kontrak yang menetapkan PTPK boleh mengambil tindakan ke atas pembekal bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami akibat daripada penamatkan kontrak ini dan klaus 21.2 (c) (iii) yang menetapkan PTPK boleh melantik kontraktor lain untuk menyiapkan sistem dan pembekal akan membayar kepada PTPK kos tambahan tersebut sekiranya kontrak belum ditamatkan.

Pada pendapat Audit, berlaku pembaziran kerana 12 daripada 13 modul aplikasi sistem tidak boleh digunakan oleh PTPK yang telah melibatkan perbelanjaan perolehan SPPiN sejumlah RM2.02 juta. PTPK juga tidak menjaga kepentingan Kerajaan kerana tidak menggunakan klaus 21.2 (c) (ii) dan (iii) dalam dokumen kontrak.

Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015

Sistem Pengurusan Pinjaman Berintegrasi (SPPiN) yang terdiri daripada 13 modul telah diujikaji di setiap peringkat seperti yang dijadualkan di dalam Kontrak Perjanjian. PTPK tidak berpuas hati kerana hanya satu modul sahaja yang berfungsi sepenuhnya. PTPK juga berpendapat sekiranya kesemua modul ini diintegrasikan sudah pasti ia tidak dapat berfungsi seperti yang dikehendaki. PTPK menamatkan kontrak setelah mengambilkira perkara berikut:

- i. **PTPK memberi peluang kepada pihak Syarikat untuk membuat pengujian ke atas 3 modul yang masih dibangunkan walaupun arahan pemberhentian telah dikeluarkan dan ia dilakukan pada 18 Ogos 2014.**

Namun, hasil sesi pengujian tersebut sistem masih gagal berfungsi sebagaimana yang diperlukan oleh pengguna sistem.

- ii. Sehubungan itu, satu mesyuarat telah diadakan pada 19 September 2014 dan mesyuarat memutuskan supaya projek ini perlu ditamatkan berkuatkuasa pada 18 Julai 2014.*
- iii. Selepas penamatan dibuat, PTPK telah meneliti tuntutan bayaran berasaskan kepada setakat mana kerja–kerja dilakukan selaras dengan Jadual Bayaran yang termaktub di dalam Dokumen Kontrak Perjanjian.*
- iv. PTPK juga telah mengambil tindakan ke atas Syarikat seperti berikut:*
 - Pengenaan caj Liquidated Ascertained Damages (LAD) sejumlah RM9,817.08 berdasarkan kepada pengiraan yang terdapat di dalam Kontrak Perjanjian*
 - Bon Pelaksanaan berjumlah RM131,836.22 telah dirampas sebagai gantirugi*

Oleh kerana SPPiN telah gagal dibangunkan oleh Syarikat Teliti Computers Sdn. Berhad, PTPK terpaksa membangunkan “sistem sementara” yang dilaksanakan secara dalaman bagi proses–proses kerja yang tergendala di peringkat pengguna yang patut ada dalam Sistem SPPiN. PTPK juga telah membuat keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT PTPK Bil. 2 Tahun 2015 di mana pihak PTPK bersetuju supaya pembangunan sistem menggunakan vendor baru secara sepenuhnya bagi pembangunan Sistem Baru dengan tempoh pelaksanaan yang hendaklah dipercepatkan iaitu antara 6 hingga 9 bulan.

4.4.8 Pemantauan Pengurusan Pinjaman

4.4.8.1 Pemantauan adalah elemen pengurusan yang penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi pada peringkat awal dan membolehkan tindakan diambil dengan segera untuk memperbaiki atau menyelesaiannya. Pemantauan pengurusan pinjaman di PTPK dijalankan oleh 5 jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Induk Pendaftaran Penyedia Latihan, Jawatankuasa Kerja Kajian Semula Kadar Pinjaman PTPK dan Program Baru Untuk Dibiayai, Jawatankuasa Kerja Pendaftaran Penyedia Latihan dan Program Latihan Kemahiran, Jawatankuasa Penentuan Kuota dan Jawatankuasa Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Latihan Kemahiran.

4.4.8.2 Semakan Audit terhadap kekerapan pelaksanaan mesyuarat adalah mengikut keperluan kecuali Jawatankuasa Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Latihan

Kemahiran yang hanya bermesyuarat sekali setahun. Jawatankuasa ini sepatutnya membincangkan perkara berkaitan dengan kutipan bayaran balik pinjaman seperti pembiayaan kursus yang relevan dan memenuhi permintaan pasaran, penyediaan saluran bayaran balik, pemberian insentif, *tracer study*, pelaporan prestasi kutipan bayaran balik bagi tahun sebelum dan semasa serta syor kelulusan hapus kira pinjaman yang berkenaan. Maklumat lanjut kekerapan mesyuarat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.20 : KEKERAPAN MESYUARAT 5 JAWATANKUASA PEMANTAUAN PENGURUSAN PINJAMAN DARI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

BIL.	JENIS MESYUARAT	TERMA RUJUKAN BIL. MESYUARAT	KEKERAPAN MESYUARAT MENGIKUT TAHUN		
			2012 (Bil.)	2013 (Bil.)	2014 (Bil.)
1.	Jawatankuasa Induk Pendaftaran Penyedia Latihan	Mengikut Keperluan	6 kali	6 kali	6 kali
2.	Jawatankuasa Kerja Kajian Semula Kadar Pinjaman PTPK dan Program Baru Untuk Dibiayai	Mengikut Keperluan	6 kali	8 kali	8 kali
3.	Jawatankuasa Kerja Pendaftaran Penyedia Latihan dan Program Latihan Kemahiran	Mengikut Keperluan	6 kali	9 kali	7 kali
4.	Jawatankuasa Penentuan Kuota	Mengikut Keperluan	15 kali	9 kali	12 kali
5.	Jawatankuasa Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Latihan Kemahiran	Mengikut Keperluan	1 kali	1 kali	1 kali

Sumber: Unit Dasar, PTPK

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang diwujudkan oleh PTPK telah dilaksanakan dengan baik kecuali Jawatankuasa Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Latihan Kemahiran yang hanya bermesyuarat setahun sekali berbanding pelbagai perkara berkaitan kutipan bayaran balik yang dipertanggungjawabkan.

Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015

Bagi kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Latihan Kemahiran bersidang, PTPK telah mensasarkan untuk mengadakan mesyuarat ini minimum 3 kali setahun mulai tahun 2015 bagi pemantauan berkala prestasi dan cara peningkatan bayaran balik pinjaman.

4.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan PTPK mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 4.5.1 PTPK hendaklah menetapkan syarat yang lebih ketat bagi mengurangkan peminjam tidak menamatkan latihan selepas mendapat pinjaman.
- 4.5.2 PTPK perlu menyemak semula proses permohonan pinjaman yang diuruskan oleh Penyedia Latihan bagi mengelakkan berlakunya penyalahgunaan kuasa. Cara terbaik ialah dengan membuka permohonan atas talian kepada peminjam.
- 4.5.3 PTPK perlu mengkaji semula sasaran kutipan bagi bayaran balik pinjaman bagi menunjukkan sasaran yang lebih realistik berbanding dengan bayaran yang sepatutnya dikutip.
- 4.5.4 PTPK perlu mengukuhkan Cawangan Bayaran Balik untuk pengeluaran notis dan Unit Undang-undang serta Cawangan Pengukuasaan untuk pengeluaran *Letter of Demand* dan saman bagi mengurangkan backlog fail.
- 4.5.5 Pengurusan aduan perlu ditambah baik dengan penyediaan daftar lengkap bagi menjelak aduan dan dapat memastikan tindakan yang diambil selepas aduan diserahkan oleh Unit Komunikasi Korporat ke Bahagian/Unit berkenaan untuk tindakan lanjut.
- 4.5.6 PTPK hendaklah memantau secara berkala kesahihan pelatih di premis Penyedia Latihan bagi memastikan kewujudan pelatih. PTPK juga perlu memastikan maklumat Penyedia Latihan dalam Sistem Pengurusan Pinjaman dikemas kini oleh Penyedia Latihan secara berkala supaya maklumat yang diberi adalah betul kerana ia digunakan untuk memberi perakuan pendaftaran Penyedia Latihan.
- 4.5.7 PTPK perlu memastikan klausa bayaran dalam perjanjian perolehan aplikasi dikuatkuasakan iaitu hanya modul yang lulus *Final Acceptance Test* sahaja boleh dibayar demi menjaga kepentingan Kerajaan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 3.

5

MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

Pengurusan Pembinaan Dan Penyenggaraan Kompleks Sukan

5.1 LATAR BELAKANG

5.1.1 Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Belia Dan Sukan dan ditubuhkan pada tahun 1972 di bawah Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 serta Akta Majlis Sukan Negara (pindaan 1979). Matlamat penubuhan MSN adalah selaras dengan Dasar Sukan Negara iaitu bertanggungjawab sepenuhnya ke arah penggalakan, pembangunan dan pencapaian cemerlang dalam pertandingan sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

5.1.2 Selaras dengan matlamat penubuhannya, MSN telah diperuntukkan geran pembangunan berjumlah RM57.30 juta di bawah RMKe-8 hingga RMKe-10 bagi tahun 2006 sehingga 2011 untuk melaksanakan 4 projek pembangunan kompleks sukan iaitu Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju, Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin, Menaik Taraf Kompleks MSN Jalan Raja Muda dan Pembinaan Pusat Latihan Menembak Atlet. Projek pembangunan dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan pusat latihan bagi kegunaan atlet menjalani latihan sukan di samping menjadi lokasi kejohanan sukan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

5.1.3 Selain itu, MSN telah memperuntukkan sejumlah RM23.26 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014 di bawah perbelanjaan mengurus untuk menyenggara kompleks sukan bagi memastikan ia berada di tahap yang baik dan selamat digunakan untuk latihan serta pertandingan sukan.

5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pembinaan dan penyenggaraan kompleks sukan dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

5.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen dan rekod yang berkaitan dengan pembinaan dan penyenggaraan kompleks bagi tahun 2011 sehingga 2014. Pemeriksaan fizikal terhadap bangunan kompleks dan temu bual dengan pegawai yang berkaitan juga telah diadakan. Selain itu, soal selidik diedarkan kepada pengguna kompleks sukan untuk mendapat maklum balas mengenai kemudahan di kompleks. *Exit Conference* bersama Ketua Setiausaha Kementerian Belia Dan Sukan, Ketua Pengarah MSN dan Pegawai-pegawai Kanan MSN telah diadakan pada 8 Mei 2015 di pejabat MSN. Lawatan Audit juga telah dibuat ke 8 daripada 10 kompleks sukan MSN seperti jadual berikut:

JADUAL 5.1 : PUSAT LATIHAN/KOMPLEKS SUKAN MSN YANG DILAWATI

BIL.	PUSAT LATIHAN/KOMPLEKS SUKAN	NEGERI/LOKASI	PENGGUNA
1.	Kompleks Majlis Sukan Negara - Pusat Latihan Menembak Atlet - Dry Gimnasium - Gimnasium 1 - Gimnasium 2 - Gimnasium 3	Bukit Jalil, Kuala Lumpur	Atlet
2.	Kompleks Sukan Taman Keramat	Keramat, Kuala Lumpur	Atlet dan Orang Awam
3.	Kompleks MSN Jalan Raja Muda	Kampong Baru, Kuala Lumpur	Belum Beroperasi
4.	Kompleks MSN Wangsa Maju	Kuala Lumpur	Atlet dan Orang Awam
5.	Kompleks Sukan Pagoh	Johor	Atlet dan Orang Awam
6.	Kompleks Saujana Asahan	Melaka	Orang Awam
7.	Kompleks MSN Kuala Rompin	Pahang	Atlet dan Orang Awam
8.	Kompleks Sukan Perahu Layar Kebangsaan	Langkawi, Kedah	Atlet

Sumber: Maklumat Pembangunan Dan Penyenggaraan, Bahagian Harta Dan Kemudahan

5.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 dan soal selidik kepuasan pelanggan mendapati kemudahan yang disediakan di kompleks sukan MSN adalah baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan pembinaan dan penyenggaraan kompleks sukan MSN. Antara kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

a. Pengurusan Pembinaan

- i. Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju, Kuala Lumpur, Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin, Pahang dan Projek Pembinaan Pusat Latihan Menembak Atlet, Bukit Jalil Kuala Lumpur bernilai RM24.18 juta lewat disiapkan antara 323 hingga 478 hari.
- ii. Peningkatan kos Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju berjumlah RM8.74 juta atau melebihi 100% akibat perubahan skop kerja selepas penamatan 2 kontraktor antaranya *piling works*, bangunan kemudahan, kolam renang, *external works*, kerja mekanikal dan elektrikal.
- iii. Kontraktor lewat mengemukakan permohonan lanjutan masa (EOT) antara 97 hingga 153 hari bagi Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju. MSN juga lewat memberi kelulusan lanjutan masa antara 56 hingga 106 hari bagi Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju dan Projek Pembinaan Pusat Latihan Menembak Atlet.
- iv. Kelewatan menjelaskan bayaran kemajuan kerja kepada kontraktor bagi Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin antara 32 hingga 68 hari dari tarikh perakuan bayaran interim.

- v. Bangunan Gimnasium 3 yang mengandungi dewan gimnastik, ruang latihan sukan dan ruang pejabat telah siap pada 12 Disember 2007 kecuali Pusat Latihan Menembak Atlet di bangunan tersebut yang hanya disiapkan pada 17 September 2013. Bangunan Gimnasium 3 telah digunakan untuk latihan sukan mulai tahun 2008 tetapi *Certificate of Fitness For Occupation* (CFO) atau *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) belum diperoleh sehingga tarikh pengauditan.
- vi. Kualiti kerja pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju dan menaik taraf Kompleks MSN Jalan Raja Muda kurang memuaskan.

b. Pengurusan Penyenggaraan

- i. Kerosakan pada bangunan dan peralatan di Kompleks Sukan Taman Keramat, Dry Gimnasium, Gimnasium 1, Kompleks MSN Kuala Rompin dan Kompleks Sukan Pagoh telah dibaiki selepas teguran Audit.
- ii. Sebanyak 16 baucar bayaran berjumlah RM143,772 bagi kerja penyenggaraan lewat dijelaskan kepada kontraktor antara 30 hingga 63 hari daripada tarikh dokumen diterima di Bahagian Kewangan MSN.
- iii. Kerja penyenggaraan berjumlah RM41,558 dilaksanakan sebelum pesanan tempatan dikeluarkan.

c. Penggunaan Kemudahan Sukan

- i. Perabot pejabat berjumlah RM148,405 dan peralatan asrama berjumlah RM120,960 yang disediakan oleh MSN di Kompleks MSN Jalan Raja Muda tidak digunakan oleh syarikat Dragon Port Holding Sdn. Berhad.
- ii. Peralatan memasak bernilai RM37,400 di Kompleks MSN Kuala Rompin tidak digunakan sejak ia dibeli pada tahun 2010.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

5.4.1 Prestasi Projek

5.4.1.1 Pada 31 Mei 2005, MSN telah melantik Aspacia Construction & Development Sdn. Berhad bagi melaksanakan Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju, Kuala Lumpur dengan kos berjumlah RM4.58 juta dan tarikh siap kerja pada 16 April 2007. Bagaimanapun, kontraktor ini ditamatkan kontrak pada 1 Ogos 2006 kerana gagal memulakan kerja dalam tempoh 2 minggu dari tarikh milik tapak pada 17 Julai 2006 dan gagal menyerahkan bon pelaksanaan sejumblah RM229,039, polisi tanggungan awam berjumlah RM1 juta, nombor pendaftaran Skim Keselamatan Sosial Pekerja serta polisi insurans kerja berjumlah RM4.58 juta. Syarikat Ikatan Mahir Sdn. Berhad pula dilantik melalui tender terbuka pada tahun

2007 bagi melaksanakan kerja pembinaan dengan kos berjumlah RM11.52 juta. Kontraktor ini telah ditamatkan kontraknya pada 3 Mac 2010 kerana lewat menyiapkan projek dengan kemajuan kerja hanya 50% atau lewat selama 240 hari walaupun telah diberi EOT selama 176 hari. Syarikat Kumpulan Awambina Sdn. Berhad dilantik sebagai kontraktor penyelamat melalui tender terhad pada 1 Jun 2011 dengan kos sejumlah RM13.32 juta. Tempoh projek adalah selama satu tahun dan sepatutnya siap pada 13 Jun 2012.

5.4.1.2 Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin, Pahang telah dilaksanakan oleh Syarikat Vastec Engineering Sdn. Berhad pada bulan September 2007 dengan kos berjumlah RM3.59 juta dan dijangka siap pada 2 Mei 2008. MSN telah mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap pada 9 Disember 2008 dan menamatkan kerja kontraktor secara persetujuan bersama pada 1 Mac 2009. Ini disebabkan kontraktor memohon ditamatkan kontrak memandangkan kontraktor menghadapi masalah kewangan akibat daripada kenaikan harga bahan binaan. Status pelaksanaan projek adalah 88% siap atau lewat selama 286 hari dan sebanyak 3 EOT telah diluluskan selama 271 hari. Pada bulan Ogos 2009, Syarikat Syed Othman Anak Beranak telah dilantik sebagai kontraktor penyelamat melalui tender terbuka dengan kos berjumlah RM1.99 juta.

5.4.1.3 MSN juga telah melantik QSE Construction Sdn. Berhad melalui tender terbuka untuk melaksanakan Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Jalan Raja Muda, Kampong Baru Kuala Lumpur dengan nilai kontrak berjumlah RM12.30 juta. Projek ini dikawal selia oleh Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai Agensi Pelaksana. Projek telah disiapkan pada 3 Ogos 2012 berbanding tarikh siap yang ditetapkan pada 10 Julai 2012 selepas diberi EOT selama 24 hari.

5.4.1.4 Projek Pembinaan Pusat Latihan Menembak Atlet, Bukit Jalil Kuala Lumpur pula bermula pada 19 September 2011 oleh syarikat RuffNTuff Sdn. Berhad dengan kos berjumlah RM8.87 juta. Pelantikan kontraktor adalah melalui tender terbuka dan sepatutnya siap pada 16 September 2012. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 5.2 : PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS SUKAN DAN PUSAT LATIHAN

PERKARA	PROJEK			
	PEMBINAAN KOMPLEKS MSN WANGSA MAJU	MENAIK TARAF KOMPLEKS MSN KUALA ROMPIN	MENAIK TARAF KOMPLEKS MSN JALAN RAJA MUDA	PEMBINAAN PUSAT LATIHAN MENEMBAK ATLET
Kontraktor:				
• Asal	Aspacia Construction & Development Sdn. Berhad	Vastec Engineering Sdn. Berhad	QSE Construction Sdn. Berhad	RuffNTuff Sdn. Berhad
• Kontraktor ke-2	Ikatan Mahir Sdn. Berhad	-	-	-

PERKARA	PROJEK			
	PEMBINAAN KOMPLEKS MSN WANGSA MAJU	MENAIK TARAF KOMPLEKS MSN KUALA ROMPIN	MENAIK TARAF KOMPLEKS MSN JALAN RAJA MUDA	PEMBINAAN PUSAT LATIHAN MENEMBAK ATLET
• Penyelamat	Kumpulan Awambina Sdn. Berhad	Syarikat Syed Othman Anak Beranak	-	-
Kaedah Lantikan Kontraktor				
• Asal	Tender Terbuka	Tender Terbuka	Tender Terbuka	Tender Terbuka
• Kontraktor ke-2	Tender Terbuka	-	-	-
• Penyelamat	Tender Terhad	Tender Terbuka	-	-
Nilai Kontrak				
• Asal	RM4.58 juta	RM3.59 juta	RM12.30 juta	RM8.87 juta
• Kontraktor ke-2	RM11.52 juta	-	-	-
• Penyelamat	RM13.32 juta	RM1.99 juta	-	-
Tempoh Kontrak				
• Asal	39 minggu	34 minggu	18 minggu	48 minggu
• Kontraktor ke-2	62 minggu	-	-	-
• Penyelamat	52 minggu	32 minggu	-	-
Tarikh Milik Tapak				
• Asal	17.07.2006	16.10.2007	11.01.2011	19.09.2011
• Kontraktor ke-2	06.09.2007	-	-	-
• Penyelamat	14.06.2011	20.08.2009	-	-
Tarikh Sepatutnya Siap				
• Asal	16.04.2007	17.06.2008	10.07.2012	16.09.2012
• Kontraktor ke-2	13.11.2008	-	-	-
• Penyelamat	13.06.2012	31.03.2010	-	-
Kemajuan Kerja Sebenar Pada Tarikh Sepatutnya Siap				
• Asal	0%	88%	98.0%	83%
• Kontraktor ke-2	50%	-	-	-
• Penyelamat	75%	-	-	-
Tarikh Siap Sebenar				
• Asal	Kontrak ditamatkan pada 1 Ogos 2006.	Kontrak ditamatkan pada 1 Mac 2009.	03.08.2012	17.09.2013
• Kontraktor ke-2	Kontrak ditamatkan pada 3 Mac 2010.	-	-	-
• Penyelamat	02.05.2013	22.07.2011	-	-
Bilangan EOT Diluluskan				
• Asal	-	3 kali (271 hari)	1 kali (24 hari)	2 kali (248 hari)
• Kontraktor ke-2	3 kali (176 hari)	-	-	-
• Penyelamat	5 kali (294 hari)	2 kali (88 hari)	-	-
Tempoh Kelewatan Projek	323 hari	478 hari	24 hari	366 hari
LAD Dikenakan	RM670,346	RM78,000	-	RM179,605

Sumber: Minit Mesyuarat Tapak Dan Dokumen Kontrak

5.4.1.5 Semakan Audit mendapati Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju, Kuala Lumpur hanya siap pada 2 Mei 2013 iaitu lewat selama 323 hari selepas diberi 5 EOT selama 294 hari. Kontraktor telah dikenakan penalti Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM670,346.

5.4.1.6 Kontraktor penyelamat bagi Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin telah diluluskan sebanyak 2 EOT selama 88 hari dan tarikh tamat EOT kedua adalah pada 28 Jun 2010. Kerja pembinaan telah disiapkan pada 22 Julai 2011 iaitu selepas tarikh tamat EOT dengan kelewatan selama 478 hari berbanding tarikh sepatutnya siap asal pada 31 Mac 2010. Kontraktor telah dikenakan penalti LAD sejumlah RM78,000.

5.4.1.7 Semakan lanjut mendapati kontraktor Projek Pembinaan Pusat Latihan Menembak Atlet, Bukit Jalil telah diluluskan sebanyak 2 EOT selama 248 hari dan tarikh tamat EOT kedua adalah pada 22 Mei 2013. Projek hanya siap pada 17 September 2013 iaitu 178 hari selepas tarikh tamat EOT kedua atau kelewatan selama 369 hari dari tarikh siap asal. Kontraktor telah dikenakan LAD sejumlah RM179,605.

Pada pendapat Audit, pengurusan Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju, Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin dan Pusat Latihan Menembak Atlet adalah kurang memuaskan kerana projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015 Dan 15 September 2015

Semua projek tersebut telah dilaksanakan tanpa melebihi siling peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan. Faktor yang mengakibatkan projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan adalah pengurusan projek oleh pihak kontraktor yang lemah, prestasi perunding tidak mencapai kualiti yang ditetapkan, penelitian, penyemakan dan pembaikan terhadap struktur bangunan yang perlu dilaksanakan akibat projek yang terbengkalai hampir 2 tahun, bencana alam, kenaikan harga barang binaan, pembekal di luar Negara yang tidak dapat membekal peralatan mengikut keperluan kontrak. MSN tidak membayar sebarang tuntutan preliminary kepada kontraktor walaupun EOT diluluskan.

Tindakan yang telah diambil oleh pihak MSN terhadap kelewatan ini adalah menyediakan laporan prestasi perunding dan dihantar kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk tindakan, yuran perunding tidak dibayar sepenuhnya sehingga projek mendapat Perakuan Kelayakan Menduduki (CF) dan akaun projek dimuktamadkan, mengenakan LAD dan mengeluarkan Notis Kelewatan Dan Kemungkiran kepada kontraktor.

i. Kompleks MSN Wangsa Maju

Prestasi kontraktor Ikatan Mahir Sdn. Berhad amat mengecewakan dengan pengurusan kewangan yang lemah dan banyak menimbulkan masalah semasa

projek berjalan. Kontraktor telah diberi amaran secara bersurat dan lisan semasa mesyuarat tapak. Kontraktor telah ditamatkan kontrak pada 3 Mac 2010 oleh Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) peringkat kementerian yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Belia Dan Sukan. JKPS telah melantik kontraktor Kumpulan Awambina Sdn. Berhad sebagai kontraktor penyelamat setelah senarai kontraktor berwibawa diperoleh daripada Jabatan Kerja Raya (JKR). Pada permulaan pelaksanaan projek, kontraktor telah diarahkan untuk melaksanakan pemeriksaan secara menyeluruh terhadap struktur bangunan dan kolam akibat projek terbengkalai selama hampir 2 tahun dan terdapat banyak kerja membaikpulih yang perlu dilaksanakan. Prestasi syarikat mula menurun selepas 5 hingga 6 bulan kerja membaikpulih selesai. Ini disebabkan kontraktor menumpukan sepenuhnya kepada projek agensi lain yang perlu diselesaikan dahulu. Surat amaran berserta amaran lisan di dalam mesyuarat tapak telah diberikan oleh pihak perunding berkaitan kelewatan pihak kontraktor. Bagaimanapun, projek ini dapat disiapkan pada 2 Mei 2013 dan mendapat Sijil Layak Menduduki.

ii. Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin

Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin lewat disiapkan adalah disebabkan berlakunya banjir besar pada tahun 2008 yang menjelaskan perjalanan projek. Prestasi kontraktor Vastec Engineering Sdn. Berhad adalah memuaskan tetapi disebabkan kos bahan binaan meningkat pada tahun 2008, kontraktor tidak mampu meneruskan projek ini dan memohon penamatan kontrak secara persetujuan bersama. Prestasi kontraktor Syed Othman Anak Beranak kurang memuaskan setelah melaksanakan projek selama 6 bulan adalah disebabkan masalah kewangan, pengurusan tapak yang lemah dan kekurangan pekerja di tapak bina. Projek ini telah siap dibina pada 22 Julai 2011 dan mendapat Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) daripada arkitek.

iii. Projek Pembinaan Pusat Latihan Menembak Atlet, Bukit Jalil

Projek lewat disiapkan adalah disebabkan pertukaran sistem sasaran 25 meter daripada manual kepada elektronik. Pertukaran ini berlaku kerana pembekal yang dipilih RIKA (jenama daripada Jerman) tidak dapat membekalkan sistem sasaran 25 meter jenis manual. Ini disebabkan pengilang tidak dapat mengeluarkan alat ganti bagi sistem manual dan masalah ini mungkin tidak dapat diselesaikan dalam tempoh kontrak yang boleh mengakibatkan kerugian kepada MSN. Berdasarkan kepada keperluan pertandingan terkini pada peringkat antarabangsa, sistem elektronik adalah penting disebabkan pertandingan peringkat antarabangsa menggunakan sepenuhnya sistem sasaran elektronik.

5.4.2 Prestasi Kewangan

5.4.2.1 MSN menerima peruntukan RMKe-8 hingga RMKe-10 bagi Kompleks MSN Wangsa Maju berjumlah RM24.80 juta, Kompleks MSN Kuala Rompin berjumlah RM6.10 juta, Kompleks MSN Jalan Raja Muda berjumlah RM15 juta dan Pusat Latihan Menembak Atlet berjumlah RM11.40 juta. Sehingga bulan Disember 2014, perbelanjaan yang dikeluarkan bagi kesemua projek tersebut adalah berjumlah RM49.59 juta atau 86.5%. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 5.3 : PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS SUKAN DAN PUSAT LATIHAN

PROJEK	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
Kompleks MSN Wangsa Maju	24.80	19.53	78.8
Pusat Latihan Menembak Atlet	11.40	11.40	100
Kompleks MSN Jalan Raja Muda	15.00	12.70	84.7
Kompleks MSN Kuala Rompin	6.10	5.96	97.7
JUMLAH	57.30	49.59	86.5

Sumber: Laporan Peruntukan RMKe-9 Dan RMKe-10 Dan Lejar

5.4.2.2 Peningkatan Kos Projek

- Semakan Audit mendapati kos Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju telah meningkat sejumlah RM8.74 juta atau melebihi 100% iaitu daripada RM4.58 juta menjadi RM13.32 juta selepas 2 kontraktor dilantik.
- Pihak Audit mendapati kos projek meningkat sejumlah RM6.94 juta atau melebihi 100% iaitu daripada RM4.58 juta menjadi RM11.52 juta kerana perubahan skop kerja antaranya *piling works*, bangunan kemudahan, kolam renang, *external works*, kerja mekanikal dan elektrikal.
- Semakan lanjut juga mendapati berlaku peningkatan kos projek RM1.80 juta atau 15.6% daripada RM11.52 juta iaitu kos projek kontraktor ke-2 berbanding dengan kos projek kontraktor penyelamat. Ini disebabkan oleh peningkatan kos terhadap *rectification works* sejumlah RM0.31 juta yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor penyelamat. Selain itu, peningkatan kos juga antaranya melibatkan *external works* sejumlah RM1.63 juta dan kerja mekanikal dan elektrikal berjumlah RM848,290. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 5.4 : PERUBAHAN SKOP KERJA ANTARA KONTRAKTOR ASAL DENGAN KONTRAKTOR PENYELAMAT

SKOP KERJA	KOS PROJEK ASAL (RM Juta) (a)	KOS PROJEK KONTRAKTOR KE-2 (RM Juta) (b)	PENINGKATAN KOS (RM Juta) (b - a)	KOS PROJEK KONTRAKTOR PENYELAMAT (RM Juta) (c)	PENINGKATAN / (KURANGAN) KOS (RM Juta) (c - b)
Preliminaries	0.22	0.40	0.18	0.60	0.20
Piling Works	0.11	1.20	1.09	-	(1.20)
Rectification Works	-	-	-	0.31	0.31
Bangunan Kemudahan	0.82	3.04	2.22	3.07	0.03
Astaka	0.37	0.46	0.09	0.28	(0.18)
Kolam Renang	-	0.72	0.72	0.66	(0.06)
External Works	2.37	3.86	1.49	5.49	1.63
Provisional Sums	0.16	0.20	0.04	0.42	0.22
Mekanikal & Elektrikal	0.53	1.64	1.11	2.49	0.85
JUMLAH	4.58	11.52	6.94	13.32	1.80

Sumber: Dokumen Kontrak

Pada pendapat Audit, perancangan projek pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju adalah kurang memuaskan kerana gagal disiapkan mengikut jadual menyebabkan MSN menanggung kenaikan kos projek sejumlah RM8.74 juta. Ini mengakibatkan kos tambahan kepada Kerajaan kerana perlu menyalurkan peruntukan tambahan kepada MSN bagi menampung kenaikan kos projek.

Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015

Skop tambahan merangkumi bangunan kemudahan sukan (2 tingkat) yang terdiri daripada 9 gelanggang badminton, bilik mesyuarat, ruang pejabat, bilik persalinan berserta tandas dan surau, kolam renang dan jogging track. Skop tambahan ini telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan diluluskan dengan kos tambahan sejumlah RM11.7 juta.

5.4.3 Pengurusan Projek Pembinaan

5.4.3.1 Pelanjutan Masa

- Kontraktor boleh diberi EOT berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam kontrak antaranya kelewatan atau kerosakan yang disebabkan oleh perkara luar jangka, cuaca luar biasa dan masalah teknikal. MSN telah meluluskan EOT seperti jadual berikut:

JADUAL 5.5 : KELULUSAN DAN JUSTIFIKASI PELANJUTAN MASA

PROJEK	KONTRAKTOR	EOT				JUSTIFIKASI EOT
		NO. EOT	TARIKH LULUS EOT	TEMPOH EOT (Hari)	TEMPOH TAMAT EOT	
Kompleks MSN Wangsa Maju	Ikatan Mahir Sdn. Berhad	1	09.12.2008	120	13.11.2008 hingga 14.03.2009	<ul style="list-style-type: none"> Penambahan kedalaman kolam renang dan faktor cuaca
		2	19.03.2009	14	14.03.2009 hingga 28.03.2009	<ul style="list-style-type: none"> Tambahan kerja <i>counterfort support structure</i> untuk dinding kolam renang
		3	03.06.2009	42	29.03.2009 hingga 09.05.2009	<ul style="list-style-type: none"> Penambahan <i>piling point</i> Membina <i>rubble wall</i> baru Tambahan <i>plinth</i> di tangki air Astaka
	JUMLAH			176		
	Kumpulan Awambina Sdn. Berhad	1	22.06.2012	105	13.06.2012 hingga 26.09.2012	<ul style="list-style-type: none"> Permukaan lantai sedia ada tidak sekata <i>Waterstop</i> di kolam renang tidak berfungsi dengan baik Pembaikan struktur tiang di Astaka Pembinaan semula struktur tiang <i>High Level Fencing</i> Kerja pembuangan sisa tanah dan sampah di Astaka
		2	04.09.2012	30	26.09.2012 hingga 27.10.2012	<ul style="list-style-type: none"> Tambahan saluran <i>rain water down pipe</i> di bangunan futsal Tambahan <i>railing</i> di bukaan <i>rain water down pipe</i> Tambahan jarak pada <i>fascia metal checking</i> di belakang bangunan kemudahan sukan Pembinaan struktur penahan <i>gabion</i> di cerun Pembinaan tiang konkrit dan dinding bata di pintu pagar utama Pembinaan hentian teksi dan laluan pejalan kaki Kerja-kerja landskap
		3	05.11.2012	17	27.10.2012 hingga 13.11.2012	<ul style="list-style-type: none"> Perubahan struktur dan jenis penutup bumbung wakaf Kerja-kerja landskap
		4	15.04.2013	46	13.11.2012 hingga 29.12.2012	<ul style="list-style-type: none"> Perubahan pintu pagar utama Pemasangan <i>handrail</i> di romp Tambahan jalur cat di bangunan kemudahan sukan Ujian pencahayaan lampu di gelanggang badminton Perubahan kelengkapan di bilik TNB Kerja pembaikan cerun di laluan Astaka Tambahan <i>manhole</i> bagi paip pembetungan Tambahan <i>auto valve chamber</i> kolam renang Tambahan 2 unit alat penyaman udara di kiosk
		5	07.06.2013	96	29.12.2012 hingga 04.04.2013	<ul style="list-style-type: none"> Kerja pembaikan cerun runtuh di laluan Astaka Kerja sambungan bekalan air ke bekalan air sedia ada
	JUMLAH			294		
Kompleks MSN Kuala Rompin	Vastec Engineering Sdn. Berhad	1	26.05.2008	91	17.06.2008 hingga 10.09.2008	<ul style="list-style-type: none"> Disebabkan cuaca (banjir besar/bencana alam dan lewat menerima tapak)

PROJEK	KONTRAKTOR	EOT				JUSTIFIKASI EOT
		NO. EOT	TARIKH LULUS EOT	TEMPOH EOT (Hari)	TEMPOH TAMAT EOT	
Kompleks MSN Jalan Raja Muda		2	05.09.2008	90	10.09.2008 hingga 09.12.2008	<ul style="list-style-type: none"> Kelewatan kemajuan kerja adalah disebabkan oleh keadaan semasa kos bahan binaan yang meningkat Kesusahan mendapatkan bekalan bahan binaan
		3	09.12.2008	90	09.12.2008 hingga 05.03.2009	<ul style="list-style-type: none"> Perubahan kerja kepada Sewerage Treatment Plant (STP) akibat daripada aras Ground Water Table terlalu tinggi dan juga faktor cuaca
	JUMLAH		271			
	Syarikat Syed Othman Anak Beranak	1	24.03.2010	60	31.03.2010 hingga 30.05.2010	<ul style="list-style-type: none"> Perubahan kerja penyambungan paip utama (<i>pipe jacking</i>) di atas arahan JKR Daerah Rompin Perubahan pada kerja membaik pulih bumbung bangunan Blok Utama
		2	01.06.2010	28	31.05.2010 hingga 28.06.2010	<ul style="list-style-type: none"> Membekal dan memasang <i>pump hose reel</i> di dalam bilik <i>pump hydrant</i> serta kelengkapannya Membaikpulih sistem sesalur kumbahan dan tandas yang tidak terkandung di dalam kontrak
	JUMLAH		88			
Pusat Latihan Menembak Atlet	QSE Construction Sdn. Berhad	1	11.07.2012	24	10.07.2012 hingga 03.08.2012	<ul style="list-style-type: none"> Perubahan rasuk di aras 4
	JUMLAH		24			
Wangsa Maju	RuffNTuff Sdn. Berhad	1	23.10.2012	148	16.09.2012 hingga 11.02.2013	<ul style="list-style-type: none"> Kerja pengorekan sisa tanah sedia ada yang tidak boleh pakai dibuang dan diganti dengan tanah import seperti Arahan Jurutera bertarikh 17 November 2011 Kelewatan penamaan <i>Nominated Sub-Contractor</i>
		2	07.03.2013	100	11.02.2013 hingga 22.05.2013	<ul style="list-style-type: none"> Pertukaran Sistem Menembak Elektrikal 25m ke Sistem Menembak Elektronik 25m termasuk Kerja-kerja Pemasangan Dan Pembekalan
	JUMLAH		284			

Sumber: Perakuan Lanjutan Masa

b. Kelewatan Permohonan dan Kelulusan EOT

Berdasarkan kepada Klausula 43 dalam perjanjian, kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis kepada Pegawai Penguasa bagi memohon EOT sekiranya terdapat kelewatan dalam kemajuan kerja. Pegawai Penguasa pula hendaklah meluluskan permohonan tersebut sebelum tarikh siap atau tarikh EOT yang ditetapkan tamat. Semakan Audit mendapati kontraktor lewat mengemukakan permohonan EOT antara 97 dan 153 hari bagi Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju. Maklumat lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 5.6 : PERMOHONAN EOT LEWAT DIKEMUKAKAN

PROJEK	KONTRAKTOR	EOT	TARIKH EOT TAMAT	TARIKH PERMOHONAN BARU	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Kompleks MSN Wangsa Maju	Kumpulan Awambina Sdn. Berhad	Ke-4	13.11.2012	18.02.2013	97
		Ke-5	29.12.2012	30.05.2013	153

Sumber: Surat Permohonan Lanjutan Masa Dan Perakuan Lanjutan Masa

- c. Semakan lanjut mendapati MSN telah lewat memberi kelulusan EOT antara 56 hingga 106 hari daripada tarikh mohon EOT sebelumnya. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 5.7 : KELEWATAN KELULUSAN EOT

PROJEK	KONTRAKTOR	EOT	TARIKH SIAP ASAL/TARIKH MULA EOT	TARIKH TAMAT EOT	TARIKH MOHON EOT (a)	TARIKH KELULUSAN EOT (b)	TEMPOH KELEWATAN KELULUSAN (Hari) (b - a)
Kompleks MSN Wangsa Maju	Kumpulan Awambina Sdn. Berhad	Ke-4	13.11.2012	29.12.2012	18.02.2013	15.04.2013	56
Pusat Latihan Menembak Atlet	RuffNTuff Sdn. Berhad	Pertama	16.09.2012	11.02.2013	09.07.2012	23.10.2012	106

Sumber: Surat Permohonan Lanjutan Masa Dan Perakuan Lanjutan Masa

Pada pendapat Audit, kelewatan permohonan dan kelulusan EOT menunjukkan kontraktor dan MSN tidak peka terhadap syarat kontrak dan peraturan Kerajaan yang perlu dipatuhi.

Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015

Kontraktor bertanggungjawab untuk memohon EOT baru sebelum tarikh tamat EOT seperti yang dinyatakan dalam syarat kontrak. Selain itu, perunding bertanggungjawab untuk mengarahkan kontraktor mengemukakan permohonan EOT, menyemak dan menilai EOT terlebih dahulu sebelum dimuktamadkan serta dicadangkan kepada MSN. Kelemahan pihak perunding juga diakui oleh MSN dalam menilai dan lewat mencadangkan jumlah EOT kepada MSN mengakibatkan kelewatan pengeluaran sijil EOT. Perkara ini juga menjadi faktor kepada prestasi projek MSN yang lewat dilaksanakan. EOT yang diberi kepada semua kontraktor adalah mengikut klausula 43-Pelanjutan Masa dalam Dokumen Kontrak. Pihak perunding juga telah mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) kepada kontraktor selepas tarikh EOT tamat. Ini adalah peraturan Kerajaan yang perlu dipatuhi untuk mengelakkan implikasi kepada kontrak.

5.4.3.2 Pembayaran Kemajuan Kerja Kepada Kontraktor

Mengikut Klausula 47 (b) dalam perjanjian, perakuan bayaran interim perlu dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penilaian kerja dibuat. Klausula 47 (d) dalam

perjanjian pula menyatakan bayaran perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh perakuan interim kerja. Semakan Audit mendapati MSN telah lewat membuat bayaran kemajuan kerja kepada kontraktor bagi Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin antara 31 hingga 66 hari dari tarikh perakuan bayaran interim. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.8 : KELEWATAN PEMBAYARAN KEPADA KONTRAKTOR

KONTRAKTOR	TARIKH PENILAIAN	TARIKH PENGESAHAN	TARIKH PERAKUAN BAYARAN INTERIM	TARIKH BAUCAR	AMAUN (RM)	KELEWATAN (Hari)
Vastec Engineering Sdn. Berhad	20.01.2008	25.01.2008	18.02.2008	09.05.2008	383,698	50
	14.11.2007	27.11.2007	19.12.2007	27.03.2008	68,579	66
Syarikat Syed Othman Anak Beranak	13.05.2010	08.06.2010	23.06.2010	24.08.2010	42,774	31

Sumber: Baucar Bayaran Dan Jadual Pembayaran Kerja

Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015

MSN mengakui kelewatan membuat bayaran kepada kontraktor tersebut. Ini disebabkan oleh MSN perlu membuat semakan terperinci dengan perunding projek yang memerlukan masa sebelum bayaran berkenaan dibuat. Projek yang dijalankan ini merupakan projek yang bermasalah dan kawalan kepada kualiti kerja perlu dipastikan dan disahkan sebelum sesuatu bayaran dibuat. Bagaimanapun, MSN akan memantau dan memastikan perkara ini tidak berulang.

5.4.3.3 Perakuan Kelayakan Menduduki Atau Perakuan Siap Dan Pematuhan

- Kontraktor hendaklah mendapatkan *Certificate of Fitness for Occupation* (CFO) yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) daripada Badan Profesional sebelum sesuatu bangunan dapat diduduki. CCC hanya boleh dikeluarkan setelah semua pihak berkenaan berpuas hati bahawa pembinaan tersebut telah diawasi dan disiapkan mengikut perundangan dan syarat dalam Kelulusan Pelan Bangunan seperti yang ditetapkan oleh PBT. Perakuan CCC hanya berkuat kuasa mulai 13 April 2007 dan keperluan untuk mendapatkan CFO masih dikekalkan bagi pelan bangunan yang telah diluluskan atau telah dikemukakan kepada PBT sebelum CCC berkuat kuasa.
- Semakan Audit mendapati Bangunan Gimnasium 3 yang mengandungi dewan gimnastik, ruang latihan sukan dan ruang pejabat telah siap pada 12 Disember 2007 kecuali Pusat Latihan Menembak Atlet di bangunan tersebut yang hanya disiapkan pada 17 September 2013. Bangunan Gimnasium 3 telah digunakan untuk latihan sukan mulai tahun 2008 tetapi CFO atau CCC belum diperoleh

sehingga tarikh pengauditan. Perkara ini disebabkan kelewatan menyiapkan Pusat Latihan Menembak Atlet dan pintu rintangan api yang tidak memenuhi spesifikasi pihak bomba.

Pada pendapat Audit, kegagalan mendapatkan CFO atau CCC boleh menyebabkan pengguna tidak dilindungi sekiranya berlaku perkara yang di luar jangkaan.

Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015 Dan 15 September 2015

Pemeriksaan tidak rasmi pihak bomba pada bulan Jun 2015 di Gimnasium 3 mendapati sebanyak 3 pintu rintangan api di ruang latihan gimnastik perlu ditukar kerana sistemnya telah rosak. Kelewatan pembaikan adalah disebabkan pintu tersebut diimport dari luar negara. Perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak bomba dan pembaikan dijangka siap sepenuhnya pada akhir bulan September 2015 serta kelulusan daripada pihak bomba dijangka diperoleh pada bulan Oktober 2015. Gimnasium 3 juga telah dikenal pasti untuk dinaik taraf dalam penyediaan venue ke arah Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur.

5.4.4 Kualiti Pembinaan

Berdasarkan syarat kontrak, kontraktor hendaklah dimaklumkan secara bertulis terhadap kecacatan dan ketidak sempurnaan atau kerosakan yang disebabkan oleh bahan, barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati kontrak dalam tempoh tanggungan kecacatan. Kontraktor pula hendaklah membaiki semua kecacatan dan kerosakan dengan perbelanjaannya sendiri. Sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan, MSN berhak meminta pihak lain melakukan kerja pembaikan dan memotong bon pelaksanaan kontrak. Lawatan Audit ke Kompleks MSN Wangsa Maju dan Kompleks MSN Jalan Raja Muda mendapati kualiti pembinaan adalah kurang memuaskan seperti berikut:


5.4.4.1 Kompleks MSN Wangsa Maju

- a. Semakan Audit terhadap Laporan Penilaian Kerja-kerja Pembinaan yang disediakan oleh perunding mendapati kualiti kerja pembinaan kontraktor kedua iaitu Ikatan Mahir Sdn. Berhad kurang memuaskan. Tembok penahan yang dibina tidak mengikut spesifikasi dan berbeza dengan lukisan kontrak. Butiran lanjut seperti gambar berikut:

GAMBAR 5.1
Pembinaan Tembok Penahan Tidak Mengikut Spesifikasi Dan Berbeza Dengan Lukisan Kontrak



Lokasi : Tembok Belakang Bangunan
Tarikh : 17 Jun 2009
Sumber : Laporan Penilaian Kerja-kerja Pembinaan



Lokasi : Tembok Belakang Bangunan
Tarikh : 17 Jun 2009
Sumber : Laporan Penilaian Kerja-kerja Pembinaan

- b. Semakan lanjut mendapati MSN telah melantik Kumpulan IKRAM Sdn. Berhad sebagai penyemak bebas bagi memastikan tembok penahan di Kompleks MSN Wangsa Maju yang direka bentuk selamat dibina dan berfungsi dengan baik. Skop kerja yang terlibat adalah memeriksa kestabilan dan ketahanan tembok, memeriksa dan membuat kajian tanah pada tembok penahan dan mengemukakan konsep reka bentuk kerja pembalik tembok penahan. MSN juga telah membayar sejumlah RM74,626 pada 25 Februari 2011 kepada Kumpulan IKRAM Sdn. Berhad.
- c. Kumpulan IKRAM Sdn. Berhad telah mengeluarkan laporan kepada MSN pada bulan Mac 2010 dan mencadangkan 3 jenis kerja pembalik yang melibatkan kos antara RM440,000 hingga RM480,000. Bagaimanapun, cadangan tersebut tidak dilaksanakan oleh MSN kerana melibatkan penambahan kos pembalik tembok penahan.
- d. Semakan Audit mendapati MSN telah mengarahkan kontraktor penyelamat iaitu Kumpulan Awambina Sdn. Berhad untuk merobohkan dan membina semula tembok penahan tersebut yang hanya melibatkan kos sejumlah RM183,368 dan telah disiapkan dalam tempoh kontrak.
- e. Lawatan Audit pada 17 November 2014 di Kompleks MSN Wangsa Maju mendapati kualiti kerja pembinaan kontraktor penyelamat adalah kurang memuaskan. Projek pembinaan siap pada 2 Mei 2013 dan Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat pada 2 Mei 2014 dan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan telah dikeluarkan pada 19 Ogos 2014. Bagaimanapun selepas teguran Audit, kerja membaik pulih telah dilaksanakan oleh kontraktor penyelamat. Butiran lanjut seperti gambar berikut:

GAMBAR 5.2
Sump Retak Dan Dipenuhi Sampah



Lokasi : Persekutuan Bangunan
Tarikh : 17 November 2014

GAMBAR 5.4
Longkang Perimeter Retak



Lokasi : Persekutuan Bangunan
Tarikh : 17 November 2014

GAMBAR 5.6
*Laluan Salur Air
Berada Di Atas Papan Agihan*



Lokasi : Bilik Pengawal Keselamatan
Tarikh : 17 November 2014

GAMBAR 5.3
Sump Telah Dibaiki Dan Dibersihkan



Lokasi : Persekutuan Bangunan
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.5
Longkang Perimeter Telah Dibaiki



Lokasi : Persekutuan Bangunan
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.7
*Laluan Salur Air
Telah Dialihkan Ke Luar Bangunan*



Lokasi : Bilik Pengawal Keselamatan
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.8
Tin Cat Disimpan
Di Bilik Tangki Air Bomba



Lokasi : Bilik Tangki Air Bomba
Tarikh : 17 November 2014

GAMBAR 5.10
Paip Air Tidak Ditanda Arah Aliran Air
Masuk Dan Keluar



Lokasi : Bilik Tangki Air Bomba
Tarikh : 17 November 2014

GAMBAR 5.12
Paip Air Tidak Disokong Dengan Bracket



Lokasi : Bilik Tangki Air, Aras Bawah
Tarikh : 17 November 2014

GAMBAR 5.9
Bilik Tangki Air
Bomba Telah Dibersihkan



Lokasi : Bilik Tangki Air Bomba
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.11
Paip Air Telah Ditanda Arah Aliran Air
Masuk Dan Keluar



Lokasi : Bilik Tangki Air Bomba
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.13
Paip Air Telah Disokong Dengan Bracket




Lokasi : Bilik Tangki Air, Aras Bawah
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.14
Paip Air Tidak Disokong Dengan Bracket



Lokasi : Astaka
Tarikh : 17 November 2014

GAMBAR 5.15
Paip Air Telah Disokong Dengan Bracket



Lokasi : Astaka
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.16
Notis Dilarang Masuk Dan Bahaya Tidak Dilekatkan Dipintu



Lokasi : Bilik Suis Gelanggang Badminton
Tarikh : 17 November 2014

GAMBAR 5.17
Notis Dilarang Masuk Dan Bahaya Telah Dilekatkan Dipintu




Lokasi : Bilik Suis Gelanggang Badminton
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.18
Paip Dipasang Di Luar Dinding



Lokasi : Tandas Wanita
Tarikh : 17 November 2014

GAMBAR 5.19
Paip Telah Diganti




Lokasi : Tandas Wanita
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.20
Kedudukan Air Terminal Rendah



Lokasi : Astaka
Tarikh : 17 November 2014

GAMBAR 5.21
Kedudukan Air Terminal Dibaiki



Lokasi : Astaka
Tarikh : 20 April 2015



GAMBAR 5.22
Tembok Penahan Telah **Bulging**

Lokasi : Persekutuan Bangunan
Tarikh : 17 November 2014

Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015 Dan 15 September 2015

Berdasarkan kenyataan perunding Mekanikal Dan Elektrikal, pemasangan Air Terminal (Lightning Arrestor) adalah mengikut spesifikasi dan pelan terperinci dalam kontrak iaitu bersaiz 457.20 milimeter panjang dan berdiameter 15.88 milimeter. MSN telah membaik pulih tembok penahan tersebut pada 17 Jun 2015.

5.4.4.2 Kompleks MSN Jalan Raja Muda

- MSN telah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja bagi Pembinaan Kompleks MSN Jalan Raja Muda pada 3 Ogos 2012 dan Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah mulai 4 Ogos 2012 hingga 3 Ogos 2013. Semakan Audit mendapati pembinaan di bangunan asrama, anak tangga 2, 3 dan 4 telah dibina tidak mengikut spesifikasi lukisan arkitek serta Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UUKBS) Tahun 1984. Ketinggian anak tangga 2, 3 dan 4 melebihi 180mm iaitu ukuran maksimum yang ditetapkan. Selain itu, tinggi dan lebar anak tangga juga dibina dengan ukuran yang tidak seragam. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 5.9 : PEMBINAAN ANAK TANGGA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

LOKASI	CATATAN
KETINGGIAN ANAK TANGGA (RISER)	
Tangga 2	<ul style="list-style-type: none"> Sebanyak 13 anak tangga melebihi ukuran maksima dengan perbezaan 6mm. Anak tangga tidak seragam antara tangga tertinggi dan terendah sehingga 17mm.
Tangga 3	<ul style="list-style-type: none"> Sebanyak 39 anak tangga melebihi ukuran maksima dengan perbezaan 9mm. Anak tangga tidak seragam antara tangga tertinggi dan terendah sehingga 24mm.
Tangga 4	<ul style="list-style-type: none"> Sebanyak 57 anak tangga melebihi ukuran maksima dengan perbezaan 10mm. Anak tangga tidak seragam antara tangga tertinggi dan terendah sehingga 18mm.
KELEBARAN ANAK TANGGA (THREAD)	
Tangga 2	<ul style="list-style-type: none"> Perbezaan kelebaran daripada kelebaran purata anak tangga sehingga 10mm
Tangga 3	<ul style="list-style-type: none"> Perbezaan kelebaran daripada kelebaran purata anak tangga sehingga 17mm
Tangga 4	<ul style="list-style-type: none"> Perbezaan kelebaran daripada kelebaran purata anak tangga sehingga 13mm

Sumber : Surat Arkitek RSB Bertarikh 8 Julai 2014

- b. Pada bulan Mac 2014, JKR Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKR WPKL) telah mengarahkan kontraktor menjalankan kerja pembaikan anak tangga tersebut berdasarkan kepada ukuran *tolerance* (+)(-) 5mm iaitu bersamaan 2.77% perbezaan mengikut kehendak UUKBS 1984. Bagaimanapun, sehingga pengauditan pada bulan Disember 2014 kerja pembaikan masih belum disiapkan. Oleh itu, Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dan Perakuan Siap Kerja Dan Pematuhan tidak dapat dikeluarkan.

Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 15 September 2015

Kerja pembaikan tangga oleh pihak ketiga akan dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak Jabatan Kerja Raya bermula pada akhir bulan September 2015.

5.4.5 Penyenggaraan Dan Pembaikan Kompleks Sukan

- 5.4.5.1 Penyenggaraan kompleks sukan MSN meliputi bidang kerja sivil, mekanikal dan elektrikal yang dilaksanakan secara berkala serta mengikut keperluan. Penyenggaraan bagi kerja pembersihan dan pembaikan kecil dilaksanakan oleh kakitangan MSN. Penyenggaraan lain dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik secara pembelian terus, sebut harga atau tender mengikut jenis kerja penyenggaraan. Pada tahun 2012 sehingga 2014, MSN telah memperuntukkan sejumlah RM17 juta di bawah perbelanjaan mengurus untuk penyenggaraan kompleks sukan MSN.

5.4.5.2 Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2014, sejumlah RM22.86 juta telah dibelanjakan iaitu melebihi sejumlah RM5.86 juta atau 34.5% daripada peruntukan asal. Oleh itu, MSN telah menerima peruntukan tambahan berjumlah RM6.26 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014 untuk menampung perbelanjaan penyenggaraan tersebut. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 5.10 : PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PENYENGGARAAN KOMPLEKS SUKAN MSN

TAHUN	PERUNTUKAN			PERBELANJAAN	
	ASAL (RM Juta)	TAMBAHAN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	RM Juta	%
2012	5.55	0.84	6.39	6.28	98.3
2013	5.09	2.12	7.21	7.20	99.9
2014	6.36	3.30	9.66	9.38	97.1
JUMLAH	17.00	6.26	23.26	22.86	98.3

Sumber : Laporan Peruntukan, Bahagian Kewangan

5.4.5.3 Selain itu, semakan Audit juga mendapati penyenggaraan berkala yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik adalah kerja penyenggaraan padang, sistem rawatan air kumbahan, peralatan merempuh halangan dan kolam renang di kompleks sukan. Kerja penyenggaraan yang telah disempurnakan disahkan oleh penyelia kompleks sukan berkenaan sebelum bayaran dijelaskan oleh ibu pejabat MSN. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 5.11 : PENYENGGARAAN BERKALA DI KOMPLEKS SUKAN MSN

KOMPLEKS SUKAN MSN	KONTRAKTOR	JENIS PENYENGGARAAN	TEMPOH KONTRAK (TAHUN)	NILAI KONTRAK (RM)
Taman Keramat	Obo Bena Enterprise	Kerja penyenggaraan padang memanah.	2	197,520
	Genting Karisma	Kerja penyenggaraan sistem rawatan air kumbahan, tandas asrama dan kantin.	2	132,000
Saujana Asahan	MNI Warisan	Kerja penyenggaraan padang bola sepak.	2	134,400
	PJ Bumi Berhad	Kerja penyenggaraan sistem rawatan air kumbahan dan grese trap di kantin.	1	18,720
	Redtma Recreation Sport Center	Kerja penyenggaraan peralatan sirkit merempuh halangan dan aktiviti tali (menara peralatan).	1	9,996
Kuala Rompin	Clean Sewer & Services	Kerja penyenggaraan sistem kumbahan.	2	180,000
Pagoh	Boyo Enterprise	Kerja penyenggaraan padang bola sepak.	2	168,000
	Clean Sewer & Services	Kerja penyenggaraan sistem rawatan air kumbahan, tandas lelaki/wanita dan tetamu khas.	2	132,000
Wangsa Maju	Aquatech Pools Sdn. Berhad	Kerja penyenggaraan kolam renang (<i>swimming pool internal-pool cleaning and vacuuming, pool filtration and chemical treatment system-operation and maintenance</i>)	2	199,200
JUMLAH				1,171,836

Sumber: Fail Penyenggaraan Kompleks Sukan MSN

a. Kompleks Sukan Taman Keramat

- i. Kompleks Sukan Taman Keramat, Kuala Lumpur berkeluasan 55,080 meter persegi telah siap dibina pada tahun 1996 dengan kos berjumlah RM5.83 juta. Kemudahan yang disediakan di kompleks ini antaranya adalah padang memanah, dewan serba guna, dewan tinju, gelanggang badminton, sepak takraw, tenis, surau dan astaka. Kompleks sukan ini digunakan oleh atlet untuk menjalani latihan sukan dan menjadi lokasi pertandingan sukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, kemudahan yang disediakan juga disewakan kepada orang awam. Bilangan pengguna kemudahan di Kompleks Sukan Taman Keramat bagi acara dan latihan sukan dari tahun 2012 sehingga 2014 seperti jadual berikut:

JADUAL 5.12 : BILANGAN PENGGUNA DI KOMPLEKS SUKAN TAMAN KERAMAT

TAHUN	BILANGAN PENGGUNA
2012	7,574
2013	28,691
2014	47,862
JUMLAH	84,127

Sumber: Data Penggunaan Kompleks MSN, Cawangan Harta Dan Kemudahan

- ii. Lawatan Audit ke Kompleks Sukan Taman Keramat pada 29 Oktober 2014 dan 19 November 2014 mendapati kerosakan pada pagar, gelanggang tenis, lantai dewan dan pintu. Penyelia Kompleks Sukan Taman Keramat telah melaporkan kerosakan tersebut kepada Bahagian Harta Dan Kemudahan MSN dan pembaikan telah dilaksanakan selepas teguran Audit. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 5.13 : KEROSAKAN KEMUDAHAN DI KOMPLEKS SUKAN TAMAN KERAMAT

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	TARIKH LAPORAN KEROSAKAN	STATUS SETAKAT 20 APRIL 2015
Persekutuan Kawasan	• Pagar rosak (Rujuk gambar 5.23 dan gambar 5.25).	29.10.2014	Selesai dibaiki (Rujuk gambar 5.24 dan gambar 5.26).
Gelanggang Tenis	• Permukaan gelanggang tenis rosak dan pecah (Rujuk gambar 5.27)	26.09.2014	Selesai dibaiki (Rujuk gambar 5.28).
Dewan Sepak Takraw	<ul style="list-style-type: none"> • Lantai parquet tercabut dan rosak (Rujuk gambar 5.29). • Rangka pintu tandas reput dan rosak (Rujuk gambar 5.31) 	15.10.2014 02.10.2014	Selesai dibaiki (Rujukan gambar 5.30). Selesai dibaiki (Rujukan gambar 5.32).
Asrama	• Rangka pintu tandas asrama rosak (Rujuk gambar 5.33)	02.10.2014	Selesai dibaiki (Rujukan gambar 5.34).
Surau	• Rangka pintu surau rosak (Rujuk gambar 5.35)	02.10.2014	Selesai dibaiki (Rujukan gambar 5.36).
Dewan Tinju	<ul style="list-style-type: none"> • Lantai parquet rosak akibat anai-anai (Rujuk gambar 5.37) • Kesan anai-anai di dinding (Rujuk gambar 5.39) • Rangka pintu tandas rosak (Rujuk gambar 5.41) 	24.09.2014 02.09.2014 02.10.2014	Selesai dibaiki (Rujukan gambar 5.38 dan gambar 5.40). Selesai dibaiki (Rujukan gambar 5.42).

Sumber : Jabatan Audit Negara – Lawatan Fizikal Dan Laporan Kerosakan MSN

GAMBAR 5.23
Pagar Di Pintu Utama Rosak



Lokasi : Pagar Sebelah Pintu Masuk Utama Kompleks
Tarikh : 19 November 2014

GAMBAR 5.24
Pagar Di Pintu Utama Diganti



Lokasi : Pagar Sebelah Pintu Masuk Utama Kompleks
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.25
Pagar Di Pintu Utama Rosak



Lokasi : Pagar Sebelah Pintu Masuk Utama Kompleks
Tarikh : 19 November 2014

GAMBAR 5.26
Pagar Di Pintu Utama Diganti




Lokasi : Pagar Sebelah Pintu Masuk Utama Kompleks
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.27
Permukaan Lantai Gelanggang Tenis Rosak Dan Pecah



Lokasi : Gelanggang Tenis
Tarikh : 19 November 2014

GAMBAR 5.28
Permukaan Lantai Gelanggang Tenis Telah Dibaiki/Disenggara



Lokasi : Gelanggang Tenis
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.29
Lantai Parquet Rosak



Lokasi : Dewan Sepak Takraw
Tarikh : 29 Oktober 2014

GAMBAR 5.30
Lantai Parquet Diganti



Lokasi : Dewan Sepak Takraw
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.31
Rangka Pintu Tandas Reput Dan Rosak




Lokasi : Tandas , Dewan Sepak Takraw
Tarikh : 29 Oktober 2014

GAMBAR 5.32
Rangka Pintu Tandas Diganti



Lokasi : Tandas, Dewan Sepak Takraw
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.33
Rangka Pintu Tandas Rosak



Lokasi : Tandas, Asrama
Tarikh : 29 Oktober 2014

GAMBAR 5.34
Rangka Pintu Tandas Diganti




Lokasi : Tandas, Asrama
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.35
Rangka Pintu Surau Rosak



Lokasi : Surau
Tarikh : 19 November 2014

GAMBAR 5.36
Rangka Pintu Surau Diganti



Lokasi : Surau
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.37
Lantai Parquet Rosak Akibat Anai-Anai




Lokasi : Dewan Tinju
Tarikh : 29 Oktober 2014

GAMBAR 5.38
Lantai Parquet Diganti



Lokasi : Dewan Tinju
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.39
Kesan Anai-Anai Di Dinding



Lokasi : Dewan Tinju
Tarikh : 29 Oktober 2014

GAMBAR 5.40
Kesan Anai-Anai Di Bersihkan



Lokasi : Dewan Tinju
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.41
Rangka Pintu Tandas Rosak



Lokasi : Tandas, Dewan Tinju
Tarikh : 29 Oktober 2014

GAMBAR 5.42
Rangka Pintu Tandas Diganti



Lokasi : Tandas, Dewan Tinju
Tarikh : 20 April 2015

b. Dry Gimnasium


- Dry Gimnasium yang terletak di Kompleks MSN, Bukit Jalil, Kuala Lumpur dibina pada tahun 2006 dengan kos berjumlah RM2.70 juta. Kemudahan yang disediakan di Dry Gimnasium adalah 8 unit papan anjal, 6 unit *trampoline pit* dan seunit *diving pit form*. Semua kemudahan tersebut disediakan untuk atlet menjalani latihan sukan jenis akuatik terjun.
- Lawatan Audit ke Dry Gimnasium pada 2 November 2014 mendapati bumbung dewan gimnasium telah pecah dan *isolation* bumbung rosak. MSN memaklumkan laporan kerosakan telah dibuat pada bulan September 2014. Bagaimanapun selepas teguran Audit, semua kerosakan tersebut telah dibaiki. Kerosakan dan pembaikan bumbung adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 5.43
Bumbung Dewan Gimnasium Pecah



Lokasi : Dewan Gimnasium
Tarikh : 2 November 2014

GAMBAR 5.44
Bumbung Dewan Gimnasium Diganti



Lokasi : Dewan Gimnasium
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.45
Isolation Bumbung Rosak



Lokasi : Bumbung Dewan Gimnasium
Tarikh : 2 November 2014

GAMBAR 5.46
Isolation Bumbung Telah Dibuang




Lokasi : Bumbung Dewan Gimnasium
Tarikh : 20 April 2015

c. Gimnasium 1

- i. Gimnasium 1 terletak di Kompleks MSN Bukit Jalil, Kuala Lumpur telah siap dibina pada tahun 1998 dengan kos berjumlah RM4.50 juta. Gimnasium 1 digunakan oleh atlet untuk menjalani latihan sukan. Antara kemudahan yang disediakan adalah 4 gelanggang sepak takraw, 4 gelanggang badminton, 4 gelanggang karate, pejabat pentadbiran, stor memanah, bilik persalinan lelaki dan wanita serta surau.
- ii. Lawatan Audit ke Gimnasium 1 pada 18 November 2014 mendapati keadaan bilik *router* tidak kemas dan dipenuhi dengan barang-barang yang tidak sepatutnya. Selain itu, ruang memasak, tandas dan kiosk terbiar serta rosak tanpa penyenggaraan. Bagaimanapun selepas teguran Audit, bilik *router* telah dibersihkan dan semua kerosakan tersebut telah dibaiki. Butiran lanjut seperti gambar berikut:

GAMBAR 5.47
Barang Lupus Disimpan Dalam Bilik Router




Lokasi : Gimnasium 1
Tarikh : 18 November 2014

GAMBAR 5.48
Keadaan Bilik Router Yang Telah Dibersihkan



Lokasi : Gimnasium 1
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.49
Ruang Memasak Tidak Diselenggara
Dengan Baik



Lokasi : Gimnasium 1
Tarikh : 18 November 2014

GAMBAR 5.50
Keadaan Ruang Memasak Yang Telah
Diselenggara



Lokasi : Gimnasium 1
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.51
Siling Telah Reput



Lokasi : Tandas, Gimnasium 1
Tarikh : 18 November 2014

GAMBAR 5.52
Keadaan Siling Yang Telah Diganti




Lokasi : Tandas, Gimnasium 1
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.53
Sinki Tidak Digunakan



Lokasi : Kiosk, Gimnasium 1
Tarikh : 18 November 2014

GAMBAR 5.54
Keadaan Sinki Yang Telah Dibersih Dan
Digunakan



Lokasi : Kiosk, Gimnasium 1
Tarikh : 20 April 2015

d. Kompleks MSN Kuala Rompin

- i. Kompleks MSN Kuala Rompin, Pahang mempunyai kawasan seluas 21,250 meter persegi telah siap dinaik taraf pada tahun 2011 dengan kos berjumlah RM5.59 juta. Kemudahan yang disediakan di pusat ini antaranya adalah dewan utama, dewan pelbagai, peralatan angkat berat, gimnasium rakyat, dewan makan, asrama dan gelanggang sepak takraw. Kompleks ini digunakan oleh atlet dan orang awam untuk menjalani latihan sukan angkat berat, mengadakan kejohanan sukan seperti badminton, sepak takraw dan bola tampar. Jumlah penggunaan Kompleks MSN Kuala Rompin mengikut jam bagi tahun 2012 sehingga 2014 seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.14: JUMLAH PENGGUNAAN KOMPLEKS
MSN KUALA ROMPIN**

TAHUN	JUMLAH PENGGUNAAN (Jam)
2012	1,436
2013	5,364
2014	5,670
JUMLAH	12,470

Sumber: Data Penggunaan Kompleks MSN, Cawangan Harta Dan Kemudahan

- ii. Lawatan Audit pada 2 Disember 2014 di Kompleks MSN Kuala Rompin, Pahang mendapati pagar perimeter tidak dipasang *bracing*, dinding longkang bata telah terdedah akibat mendapan tanah dan longkang tidak dibina seperti di Lukisan Siap Bina. Selain itu, saluran air hujan di asrama lelaki tidak dipasang *bracket*, saluran paip air yang tidak ditanam dan terdapat kesan resapan air pada permukaan dinding serta kemasan *skirting* lantai telah tertanggal. Kerosakan juga berlaku di asrama perempuan. Bagaimanapun selepas teguran Audit, semua kerosakan tersebut telah dibaiki. Butiran lanjut seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 5.15 : KERJA PEMBINAAN YANG KURANG KUALITI

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL
Persekutuan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Dinding longkang bata telah terdedah akibat mendapan tanah (Rujuk gambar 5.55)
Asrama Lelaki	<ul style="list-style-type: none"> • Saluran air hujan tidak dipasang dengan <i>bracket</i> (Rujuk gambar 5.57). • Terdapat saluran paip air yang tidak ditanam (Rujuk gambar 5.59). • Kesan resapan air pada permukaan dinding dan kemasan <i>skirting</i> lantai telah tanggal (Rujuk gambar 5.61).
Asrama Perempuan	<ul style="list-style-type: none"> • Kesan resapan air pada permukaan dinding luar (Rujuk gambar 5.63).

Sumber : Jabatan Audit Negara – Lawatan Fizikal

GAMBAR 5.55
Dinding Longkang Batu Telah Terdedah
Akibat Mendapan Tanah




Lokasi : Persekutuan Bangunan
Tarikh : 2 Disember 2014

GAMBAR 5.56
Keadaan Dinding Longkang Batu Telah
Dibaiki



Lokasi : Persekutuan Bangunan
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.57
Saluran Air Hujan Tidak Dipasang Bracket



Lokasi : Asrama Lelaki
Tarikh : 2 Disember 2014

GAMBAR 5.58
Saluran Air Hujan Telah Dipasang Bracket



Lokasi : Asrama Lelaki
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.59
Saluran Paip Air Yang Tidak Ditanam



Lokasi : Asrama Lelaki
Tarikh : 2 Disember 2014

GAMBAR 5.60
Saluran Paip Air Telah Ditanam




Lokasi : Asrama Lelaki
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.61
Resapan Air Pada Permukaan Dinding Dan Kemasan Skirting Lantai Tanggal



Lokasi : Asrama Lelaki
Tarikh : 2 Disember 2014

GAMBAR 5.62
Kemasan Skirting Lantai Telah Dibaiki



Lokasi : Asrama Lelaki
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.63
Kesan Resapan Air Pada Permukaan Dinding Luar



Lokasi : Asrama Perempuan
Tarikh : 2 Disember 2014

GAMBAR 5.64
Kerosakan Telah Dibaiki



Lokasi : Asrama Perempuan
Tarikh : 20 April 2015

e. Kompleks Sukan Pagoh

- i. Kompleks Sukan Pagoh, Johor berkeluasan 10 ekar telah dibina pada tahun 2001 dengan kos projek berjumlah RM3.50 juta. Kemudahan yang disediakan di kompleks ini antaranya adalah gelanggang badminton, sepak takraw, futsal dan dewan serbaguna. Kompleks sukan ini disewakan kepada orang awam untuk menjalani latihan sukan, mengadakan pertandingan sukan peringkat sekolah dan daerah serta program kemasyarakatan. Jumlah penggunaan Kompleks Sukan Pagoh mengikut jam bagi tahun 2012 sehingga 2014 seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.16 : JUMLAH PENGGUNAAN KOMPLEKS
SUKAN PAGOH**

TAHUN	JUMLAH PENGGUNAAN (Jam)
2012	2,308
2013	934
2014	821
JUMLAH	4,063

Sumber: Data Penggunaan Kompleks MSN, Bahagian Harta Dan Kemudahan

- ii. Lawatan Audit ke Kompleks Sukan Pagoh pada 7 Disember 2014 mendapati gelanggang sepak takraw dan gelanggang futsal telah rosak. Pegawai MSN memaklumkan tindakan pembaikan tidak dibuat dengan segera kerana gelanggang tersebut kurang digunakan disebabkan kurang permintaan daripada pengguna. Bagaimanapun, kerosakan tersebut telah dilaporkan kepada Bahagian Harta Dan Kemudahan pada bulan November 2014 untuk tindakan pembaikan. Kontraktor telah dipelawa untuk membuat lawatan ke gelanggang sepak takraw dan gelanggang futsal untuk menentukan kos pembaikan secara sebut harga. Kerja pembaikan telah siap sepenuhnya pada bulan April 2015 selepas teguran Audit seperti gambar berikut:

GAMBAR 5.65


Lantai Gelanggang Sepak Takraw Rosak



Lokasi : Gelanggang Sepak Takraw
Tarikh : 7 Disember 2014

GAMBAR 5.66

Lantai Gelanggang Sepak Takraw Dalam Proses Pembinaan



Lokasi : Gelanggang Sepak Takraw
Tarikh : 20 April 2015

GAMBAR 5.67
Lantai Gelanggang Futsal Rosak



Lokasi : Gelanggang Futsal
Tarikh : 7 Disember 2014

GAMBAR 5.68
Keadaan Lantai Gelanggang Futsal yang Telah Dibaiki



Lokasi : Gelanggang Futsal
Tarikh : 20 April 2015

5.4.5.4 Kelewatan Bayaran Kerja Penyenggaraan

- Merujuk kepada perkara 4.30 Arahan Kewangan MSN, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan semua bil dan tuntutan yang diterima oleh jabatan disemak, diperakui dan dihantar segera ke cawangan kewangan. Semua bil tuntutan hendaklah dibayar dengan segera, tidak lewat dari 14 hari dari tarikh ia diterima kecuali berlaku pelarasan dengan syarat-syarat perjanjian atau kontrak mengikut mana yang berkenaan.
- Semakan Audit mendapati 16 baucar bayaran berjumlah RM143,772 bagi kerja menyenggara, mengecat, membaik kerosakan, mengganti peralatan dan pembersihan di Pusat Rakan Sukan Dungun, Kompleks Saujana Asahan, Kompleks Sukan Pagoh, Kompleks MSN Kuala Rompin, Kompleks MSN Wangsa Maju dan Kompleks Sukan Taman Keramat lewat dibayar antara 30 hingga 63 hari dari tarikh dokumen diterima oleh Bahagian Kewangan MSN. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 5.17 : KELEWATAN BAYARAN KERJA PENYENGGARAAN

BIL.	NAMA PEMBEKAL	TARIKH BAYARAN	TARIKH TERIMA DOKUMEN	JUMLAH KELEWATAN (Hari)	BUTIRAN	AMAUN (RM)
1.	Shapuri Enterprise	28.01.2014	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat	Kerja memasang 3 bendera jenis <i>chrome</i> , memasang <i>awning</i> di pondok jaga, membaik pulih tingkat aluminium serta menukar <i>vertical blind</i> dan mengecat penutup longkang Kompleks Sukan MSN Dungun.	9,850
2.	MBI Perkasa Services Sdn. Berhad	29.05.2014	17.04.2014	42	Kerja senggara lampu dan penyaman udara di Kompleks Sukan MSN Dungun.	9,686
3.	A. Rahman Bin Ahmad	25.09.2013	26.07.2013	61	Kerja mengecat semula <i>cubs</i> dan <i>parking bays</i> di Kompleks Sukan MSN Dungun.	8,230
4.	Tuan Rambai Enterprise	24.09.2014	25.08.2014	30	Kerja pemasangan kabinet di pejabat Kompleks Sukan MSN Taman Lagenda Asahan.	9,972

2014 LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3

BIL.	NAMA PEMBEKAL	TARIKH BAYARAN	TARIKH TERIMA DOKUMEN	JUMLAH KELEWATAN (Hari)	BUTIRAN	AMAUN (RM)
5.	Pretty Combination Centre	17.10.2013	30.08.2013	48	Membekal barang-barang sivil di Kompleks Sukan MSN Taman Lagenda Asahan.	9,891
6.	ZBH Suri	17.10.2013	26.08.2013	52	Membekal cat untuk <i>divider</i> jalan, membaik pulih dan mengecat tangki air di Kompleks Sukan MSN Taman Lagenda Asahan.	9,270
7.	AZH Puncak Bakti Enterprise	24.09.2013	26.07.2013	60	Membekal barang peralatan mekanikal dan bateri, membuka dan memasang <i>flex rubber joint</i> di rumah pam, membekal dan memasang <i>industrial blower</i> di dewan utama Kompleks Sukan MSN Taman Lagenda Asahan.	8,883
8.	Mezan Construction & Enterprise	27.09.2013	26.07.2013	63	Kerja pemasangan jaring di atas bumbung bangunan pentadbiran di Kompleks Sukan MSN Taman Lagenda Asahan.	7,300
9.	Clean Sewers & Services	24.09.2014	25.08.2014	30	Kerja membaiki <i>blower motor</i> di Kompleks MSN Kuala Rompin	9,200
10.	Aziz Saripan	23.02.2012	16.07.2014	30	Kerja cat <i>divider</i> jalan, membekal dan memasang <i>box up</i> dan logo Kementerian Belia Dan Sukan di Kompleks Sukan MSN Wangsa Maju.	9,990
11.	Awan Sepadu Enterprise	24.09.2014	25.08.2014	30	Kerja membaik pulih kolam renang di Kompleks Sukan MSN Wangsa Maju serta kerja-kerja yang berkaitan.	950
12.	Jiwa Bina Elektrik Sdn. Berhad	11.11.2013	10.10.2013	32	Membekal suis SSB di blok asrama Kompleks Sukan MSN Taman Keramat untuk MSN dan menaik taraf pendawaian elektrik di dewan latihan gimnastik.	19,500
13.	H'fiz Enterprise	12.12.2013	01.11.2013	41	Kerja tambahan bagi baik pulih dan ubah suai tandas di Kompleks Sukan Taman Keramat.	4,980
14.	Cempaka Bakti Enterprise	24.09.2013	26.07.2013	60	Kerja membekal dan menggantikan cermin yang pecah di gelanggang badminton dan bilik tinju di Kompleks Sukan MSN Taman Keramat.	8,520
15.	Aziz Saripan	24.09.2013	24.07.2013	62	Kerja mencuci dan membersihkan keseluruhan 29 <i>tiles</i> menggunakan mesin <i>scrubbing</i> di Kompleks Sukan MSN Taman Keramat.	9,450
16.	Aziz Saripan	24.09.2013	24.07.2013	62	Kerja mencuci keseluruhan gelanggang serta kerja yang berkaitan dengannya di Kompleks Sukan MSN Taman Keramat.	8,100
JUMLAH						143,772

Sumber : Baucar Bayaran

Pada pendapat Audit, bil dan invois yang diterima daripada pembekal hendaklah dijelaskan dengan segera dalam tempoh yang ditetapkan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015

Sebanyak 16 baucar bayaran berjumlah RM143,772 bagi kelewatan antara satu ke dua bulan yang merupakan kerja penyelenggaraan kecil kemudahan MSN. Kelewatan adalah disebabkan oleh proses semakan setiap dokumen yang diserahkan dengan lebih terperinci. Tindakan pemberian telah diambil bagi memastikan kelewatan pembayaran tidak berulang seperti menujuhan Jawatankuasa Bajet & Bayaran MSN yang bermesyuarat pada setiap bulan bagi memantau setiap pembayaran.

5.4.5.5 Pesanan Tempatan Dikeluarkan Selepas Kerja Dilaksanakan

Mengikut Arahan Perbendaharaan 176.1(b) dan (d), menetapkan Pesanan Kerajaan mestilah disediakan dalam 3 salinan pada masa barang-barang dipesan. Selain itu, tindakan mengeluarkan pesanan tempatan terlebih dahulu merupakan kawalan dalaman yang bertujuan untuk memantau pengurusan kewangan agensi, menentukan peruntukan yang sedia ada mencukupi dan juga berperanan sebagai satu jaminan kepada pembekal bahawa MSN komited terhadap pesanan yang dibuat. Semakan Audit mendapati 5 pesanan tempatan berjumlah RM41,558 dikeluarkan antara 24 hingga 67 hari selepas kerja penyenggaraan dimulakan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 5.18 : PESANAN TEMPATAN DIKELUARKAN SELEPAS KERJA DILAKSANAKAN

BIL.	NO. PESANAN/ TARIKH	TARIKH MULA KERJA	BILANGAN HARI SELEPAS KERJA DIMULAKAN	BUTIRAN	AMAUN (RM)
1.	A023654/ 28.05.2012	04.05.2012	24	Kerja membaik pulih bilik A-2-11 di Kompleks Saujana Asahan	4,195
2.	A023656/ 28.05.2012	03.05.2012	25	Kerja penyenggaraan pam penghantaran air kumbahan. Perantaraan 1 dan 2.	9,690
3.	A024585/ 01.11.2012	10.09.2012	50	Membekal dan memasang kabel komputer audio dan peralatan audio di Kompleks Saujana Asahan.	9,583
4.	A023370/ 12.03.2013	04.01.2013	67	Kerja pemasangan pintu jenis <i>tempered glass</i> di pintu masuk dan pejabat bangunan pentadbiran.	8,140
5.	A023538/ 03.05.2012	29.02.2012	64	Kerja pendawaian semula dan menggantikan keseluruhan lampu koridor asrama serta kerja berkaitan.	9,950
JUMLAH					41,558

Sumber : Baucar Bayaran

Pada pendapat Audit, pesanan tempatan yang dikeluarkan selepas kerja dimulakan boleh menyebabkan perbelanjaan tanpa tanggungan peruntukan.

Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015

Pesanan tempatan dikeluarkan selepas kerja dilaksanakan adalah disebabkan oleh kerja tersebut perlu dilaksanakan pada kadar segera.

5.4.6 Penggunaan Kemudahan Sukan

5.4.6.1 Kompleks MSN Jalan Raja Muda

- Kompleks MSN Jalan Raja Muda, Kampong Baru, Kuala Lumpur telah siap dinaik taraf pada bulan Ogos 2012 dengan kos berjumlah RM12.30 juta. Kompleks Sukan ini mempunyai kawasan seluas 20,243 meter persegi dan dilengkapi

dengan kemudahan antaranya padang bola sepak, gimnasium, astaka, asrama, 9 gelanggang badminton, bilik seminar dan kafeteria. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2014, kompleks sukan ini belum beroperasi walaupun telah siap dinaiktaraf pada tahun 2012.

- b. Mesyuarat Khas yang dipengerusikan oleh Pengarah JKR WPKL pada 18 Jun 2014 telah memutuskan bahawa bangunan tersebut boleh digunakan untuk latihan atlet sahaja dan tidak boleh dibuka untuk kegunaan orang awam atau mengadakan kejohanan sukan. Ini disebabkan kerja pembaikan kecacatan tangga asrama masih belum disiapkan dan CCC belum dikeluarkan.
- c. Mesyuarat Pengurusan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MSN pada 7 Julai 2014 telah bersetuju untuk melantik syarikat bagi menguruskan Kompleks MSN Jalan Raja Muda. Oleh itu, MSN telah mengiklankan sebut harga pada 2 September 2014 dan syarikat Dragon Port Holdings Sdn. Berhad telah dilantik pada 17 September 2014 dengan tempoh kontrak selama 3 tahun mulai 1 Oktober 2014 hingga 30 September 2017. Mengikut syarat kontrak, syarikat perlu membayar sewa sejumlah RM20,000 sebulan kepada MSN dan syarikat bertanggungjawab untuk mengurus serta menyenggara Kompleks MSN Jalan Raja Muda. Semakan Audit mendapati kelulusan untuk menyerahkan pengurusan kompleks kepada syarikat tersebut tidak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengurus.
- d. Lawatan Audit pada 28 Oktober 2014 mendapati kelengkapan dan perabot pejabat seperti kabinet, meja bilik seminar, permaidani dan kerusi yang disediakan oleh MSN berjumlah RM148,405 tidak digunakan oleh syarikat. Selain itu, peralatan asrama seperti katil, tilam dan bantal di asrama yang dibeli pada 28 Disember 2012 berjumlah RM120,960 juga tidak digunakan oleh syarikat dan disimpan di stor. Penyelia kompleks memaklumkan syarikat enggan menggunakan peralatan yang telah disediakan dan membuat kerja ubah suai bangunan pejabat, asrama dan kafeteria termasuk menggantikan peralatan yang baru dengan menggunakan peruntukan kewangannya. Maklumat lanjut seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 5.19 : PERABOT DAN PERALATAN YANG TIDAK DIGUNAKAN

BUTIRAN	UNIT	JUMLAH (RM)
Kabinet Pejabat	-	2,340
Permaidani	1	7,300
Meja Bilik Seminar	50	13,000
Kerusi Banquet	130	23,400
Kerusi Plastik	150	5,250

BUTIRAN	UNIT	JUMLAH (RM)
Rak Kasut	36	41,400
Meja dan kelengkapan kafeteria	18	33,775
Kerusi Kayu	30	11,700
Locker Besi	32	10,240
JUMLAH		148,405
Katil	168	82,320
Tilam	168	33,600
Bantal	168	5,040
JUMLAH		120,960
JUMLAH KESELURUHAN		269,365

Sumber : Kertas Kerja Cadangan Perolehan, Baucar Pembayaran

GAMBAR 5.69
Almari Besi Yang Tidak Digunakan



Lokasi : Bilik Persalinan Lelaki
Tarikh : 28 Oktober 2014

GAMBAR 5.70
Tilam Dan Papan Katil Ditempatkan Di Stor



Lokasi : Stor
Tarikh : 28 Oktober 2014



GAMBAR 5.71
Katil Tidak Digunakan

Lokasi : Bilik Asrama
Tarikh : 28 Oktober 2014

Pada pendapat Audit, perolehan kelengkapan dan perabot tidak dirancang dengan teliti kerana sehingga tarikh pengauditan, peralatan yang dibeli

sejumlah RM269,365 tidak digunakan oleh syarikat dan disimpan di stor Kompleks MSN Jalan Raja Muda.

Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015

CF masih belum diterima dan bangunan tidak dapat beroperasi kerana mengambil kira faktor keselamatan pengguna. Keputusan muktamad untuk kompleks tersebut ditadbir oleh syarikat luar dibuat pada tahun 2014. Bagaimanapun, penswastaan ini hanya dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengurus pada 8 April 2015. Penswastaan kompleks kepada syarikat Dragon Port Holdings Sdn. Berhad telah dimeterai pada 17 April 2015 dengan bayaran sewaan bulanan sejumlah RM20,000.

MSN juga memaklumkan perolehan perabot dan peralatan yang tidak digunakan telah dipindahkan ke Kompleks MSN Taman Keramat bagi mengantikan peralatan asrama sedia ada yang telah lama dan uzur.

5.4.6.2 Kompleks MSN Kuala Rompin

a. Peralatan Tidak Digunakan

Pihak Audit mendapati sebanyak 13 unit peralatan dapur di Dewan Makan bernilai RM37,400 tidak digunakan sejak ia dibeli pada tahun 2010. Bagaimanapun, peralatan tersebut berada dalam keadaan baik kecuali seunit dapur bernilai RM6,080 telah berkarat. Penyelia memaklumkan peralatan ini tidak digunakan kerana pembekal makanan yang dilantik membekalkan makanan yang telah siap dimasak ke pusat ini dari semasa ke semasa berdasarkan tempahan. Butiran lanjut seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 5.20 : PERALATAN DAPUR YANG DIBELI TIDAK DIGUNAKAN

BIL.	PERALATAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	AMAUN (RM)
1.	S/S 4 Tier Solid Rack (2000x500x1500mmH)	2	1,750	3,500
2.	S/S 4 Tier Solid Rack (1500x500x1500mmH)	1	1,650	1,650
3.	S/S 4 Door Upright Freezer	1	4,500	4,500
4.	S/S 4 Door Upright Chiller	1	5,500	5,500
5.	S/S Double Bowl Sink Table (1800x750x850mmH)	2	2,180	4,360
6.	S/S 2 Ring Kwali Range	1	3,880	3,880
7.	S/S Utility Trolley	2	1,050	2,100
8.	Deep Fryer	1	4,450	4,450
9.	4 Open Burner + Oven Below	1	6,080	6,080
10.	S/S Rice Cooker Stand c/w Dolly	1	1,380	1,380
JUMLAH		13		37,400

Sumber : Kertas Kerja Perolehan Bekalan/Perkhidmatan

GAMBAR 5.72
Dapur Gas Tidak Digunakan Dan Berkarat



Lokasi : Ruangan Memasak, Kantin
Tarikh : 1 Disember 2014

GAMBAR 5.73
Peti Sejuk Tidak Digunakan



Lokasi : Ruangan Memasak, Kantin
Tarikh : 1 Disember 2014

GAMBAR 5.74
Sink Table Tidak Digunakan



Lokasi : Ruangan Memasak, Kantin
Tarikh : 1 Disember 2014

GAMBAR 5.75
Dapur Tungku Besar Tidak Digunakan



Lokasi : Ruangan Memasak, Kantin
Tarikh : 1 Disember 2014

Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015

Kali terakhir penggunaan peralatan dapur di Dewan Makan adalah pada tahun 2014 oleh syarikat yang dilantik iaitu Sepakat Perkasa Enterprise bagi tempoh 1 Oktober 2013 hingga 30 April 2014. Operator terkini iaitu EIFA Enterprise dari Kuala Rompin dilantik mulai 1 Mei 2014 sehingga 30 April 2016 tidak menggunakan peralatan dapur tersebut kerana makanan yang disajikan kepada atlet telah siap dimasak di restoran sendiri. Bagaimanapun, MSN telah mengambil tindakan memindahkan peralatan dapur tersebut ke Kafeteria Atlet di Bukit Jalil dan UPM, Serdang.

5.4.7 Soal Selidik Kepuasan Pelanggan

5.4.7.1 Satu soal selidik telah dibuat bagi mendapatkan maklum balas daripada atlet dan orang awam terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di 7

kompleks sukan yang dipilih. Soal selidik tersebut merangkumi beberapa bahagian berkaitan pengetahuan responden terhadap kemudahan dan perkhidmatan kompleks dan masalah yang dihadapi semasa mendapatkan perkhidmatan yang telah diterima.


5.4.7.2 Seramai 163 responden yang terdiri daripada atlet elit, atlet pelapis, atlet paralimpik, jurulatih, pelajar universiti, pelajar sekolah, kakitangan awam dan kakitangan swasta telah memberikan maklum balas berkenaan soal selidik tersebut. Analisis Audit mendapati 75% responden berpendapat kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Kompleks MSN Wangsa Maju berada di tahap cemerlang. Antara 50% hingga 76.2% responden berpendapat 6 kompleks sukan MSN adalah di tahap baik. Maklumat lanjut mengenai tahap kepuasan pelanggan di 7 kompleks sukan dan pusat latihan MSN seperti jadual dan carta berikut:

JADUAL 5.21 : MAKLUM BALAS KEPUASAN PELANGGAN

KOMPLEKS	TAHAP KEPUASAN	RESPONDEN		JUMLAH (Bil.)
		BIL.	%	
Kompleks Sukan Taman Keramat	Sederhana	5	21.7	23
	Baik	17	73.9	
	Cemerlang	1	4.4	
Kompleks MSN Wangsa Maju	Sederhana	-	-	16
	Baik	4	25.0	
	Cemerlang	12	75.0	
Kompleks Saujana Asahan	Sederhana	5	20.0	25
	Baik	14	56.0	
	Cemerlang	6	24.0	
Pusat Latihan Menembak Atlet	Sederhana	-	-	26
	Baik	18	69.2	
	Cemerlang	8	30.8	
Kompleks Sukan Perahu Layar Kebangsaan	Sederhana	3	16.7	18
	Baik	9	50.0	
	Cemerlang	6	33.3	
Kompleks MSN Kuala Rompin	Sederhana	10	29.4	34
	Baik	22	64.7	
	Cemerlang	2	5.9	
Kompleks Sukan Pagoh	Sederhana	2	9.5	21
	Baik	16	76.2	
	Cemerlang	3	14.3	
JUMLAH				163

Sumber : Soal Selidik, Jabatan Audit Negara

CARTA 5.1 : TAHAP KEPUASAN PELANGGAN BAGI 7 KOMPLEKS SUKAN



Sumber : Soal Selidik, Jabatan Audit Negara

5.4.7.3 Selain itu, terdapat 43 cadangan yang diberikan oleh pengguna kompleks sukan MSN bagi menambah baik kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 5.22 : CADANGAN PENGGUNA TERHADAP PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN DI KOMPLEKS MSN

KOMPLEKS	CADANGAN PENGGUNA	BILANGAN CADANGAN
Kompleks Sukan Taman Keramat	Menyediakan kemudahan mesin basuh dan ampaian pakaian berbumbung	5
	Menyediakan kemudahan penyaman udara di kafeteria	3
	Menyediakan kemudahan mesin air minuman	3
	Menyediakan kemudahan wifi	2
Kompleks MSN Wangsa Maju	Papan tanda arah perlu ditambah	1
Kompleks Saujana Asahan	Menyediakan pengawal keselamatan di tempat yang kurang selamat	1
	Tingkatkan kebersihan kawasan persekitaran asrama dan tandas	1
	Menyediakan kemudahan tuala mandi	1
	Menyediakan kemudahan mesin air di blok penginapan	1
	Menyediakan kemudahan mesin basuh atau perkhidmatan dobi berbayar	1
Pusat Latihan Menembak Atlet	Menyenggara lampu di lapang sasar 25 meter kerana kurang cerah	1
	Menambah mesin air minuman di lapang sasar	2
	Meja menembak di lapang sasar 25 meter perlu diubah suai mengikut kesesuaian acara	1
	Menyediakan bumbung di laluan tangga naik di lapang sasar 50 meter kerana air hujan memasuki kawasan lapang sasar	1
	Menambah kelengkapan menembak target elektronik	1
Pusat Latihan Perahu Layar Kebangsaan	Menyediakan kemudahan ampaian pakaian berbumbung	1
	Peralatan gim perlu ditambah	1

KOMPLEKS	CADANGAN PENGGUNA	BILANGAN CADANGAN
	Pembesar suara perlu disediakan di surau	1
	Menyediakan kemudahan mesin air minuman	1
Kompleks MSN Kuala Rompin	Menyenggara lampu di gelanggang badminton supaya lebih cerah	2
	Menyediakan kemudahan mesin basuh dan ampaian pakaian berbungung	1
Kompleks Sukan Pagoh	Menyediakan mesin jualan minuman	2
	Menyediakan balapan	2
	Menambah gelanggang futsal	3
	Menyediakan ruang menunggu yang sesuai	4
JUMLAH		43

Sumber: Soal Selidik, Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, kemudahan dan perkhidmatan di 7 Kompleks MSN telah memberi manfaat kepada semua pengguna terutamanya kepada atlet negara bagi meningkatkan prestasi sukan negara.

Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015

Cadangan pengguna di dalam maklum balas soal selidik pihak Audit telah dimasukkan di dalam cadangan naik taraf dan penyenggaraan kompleks MSN 2015 yang telah diluluskan dalam Lembaga Pengurus MSN.

5.4.8 Pemantauan

5.4.8.1 Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal seterusnya mengambil tindakan segera untuk menyelesaiakannya. Pemantauan perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan pengurusan projek Kompleks MSN dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan supaya segala kelemahan dan masalah dapat dikenal pasti dan tindakan boleh diambil dengan segera.

5.4.8.2 Semakan Audit mendapati Cawangan Harta dan Kemudahan memantau perkembangan projek melalui mesyuarat tapak, membuat lawatan dari semasa ke semasa serta berhubung terus dengan perunding dan kontraktor. Pemantauan juga dilaksanakan oleh perunding terhadap projek pembangunan. Selain itu, prestasi projek pembinaan Kompleks MSN telah dibincangkan dalam Jawatankuasa Pembangunan di peringkat Kementerian Belia Dan Sukan. Bahagian Harta dan Kemudahan memantau penyenggaraan kompleks MSN melalui Laporan Kerosakan yang dikemukakan oleh Penyelia kompleks MSN secara berkala.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan projek telah diwujudkan untuk memantau projek ini. Bagaimanapun, pemantauan yang dilaksanakan kurang berkesan berdasarkan prestasi kemajuan projek yang lewat disiapkan, kualiti

kerja pembinaan yang kurang memuaskan dan terdapat kerosakan yang belum diambil tindakan.

Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015 Dan 15 September 2015

Penambahbaikan kepada fungsi dan tugas Bahagian Harta Dan Kemudahan akan sentiasa dibuat supaya kelemahan dalam perancangan serta pemantauan projek dapat diatasi serta ditingkatkan dalam menghasilkan kualiti kerja pembinaan yang terbaik. Pengurusan projek kemudahan sukan juga dipantau dengan menggunakan khidmat perunding swasta yang dilantik oleh MSN. Tindakan yang diambil oleh MSN adalah berdasarkan kepada khidmat nasihat daripada perunding antaranya pengeluaran Sijil Tidak Siap, Arahan Perubahan Kerja Dan Pelanjutan Masa. Pendekatan pelaksanaan projek menggunakan khidmat perunding mungkin ada sedikit perbezaan dengan pendekatan yang diambil oleh Jabatan Kerja Raya dalam pembinaan projek namun ia tetap mematuhi syarat kontrak.

5.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan MSN hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

- 5.5.1 MSN hendaklah memantau kerja kontraktor dan perkhidmatan perunding bagi memastikan kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi, kualiti dan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 5.5.2 MSN hendaklah menguatkusakan kontrak dan mengambil tindakan ke atas kontraktor yang melanggar syarat kontrak.
- 5.5.3 MSN hendaklah memastikan peralatan yang dibeli diguna secara optimum bagi mengelakkan berlaku pembaziran.
- 5.5.4 MSN hendaklah memastikan peraturan dan arahan kewangannya dipatuhi bagi meningkatkan kecekapan dalam proses pembayaran.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 3.

6**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA*****Pengurusan Skim Tanam Semula Dan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil*****6.1 LATAR BELAKANG**

6.1.1 Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah ditubuhkan pada 1 Mei 2000 melalui Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582) di bawah kawal selia Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi. Misi MPOB adalah untuk memacu kemakmuran industri kelapa sawit Malaysia melalui penyelidikan, pembangunan dan perkhidmatan yang cemerlang. Sehubungan itu, peranan utama MPOB adalah untuk menggalakkan dan membangunkan matlamat, dasar dan keutamaan negara bagi kesejahteraan industri kelapa sawit Malaysia. Antara fungsinya adalah seperti berikut:

- a. Melaksanakan dasar dan program pembangunan untuk memastikan daya maju industri kelapa sawit Malaysia;
- b. Mengawal selia, mendaftar, menyelaras dan menggalakkan segala kegiatan yang berhubungan dengan industri kelapa sawit;
- c. Membangun, mempromosi dan mengkomersialkan penemuan penyelidikan serta mengadakan perkhidmatan teknikal, nasihat dan perundingan kepada industri kelapa sawit; dan
- d. Merancang dan melaksanakan program latihan dan pembangunan sumber manusia selaras dengan keperluan industri kelapa sawit.

6.1.2 MPOB menerima peruntukan sejumlah RM930 juta antara tahun 2011 sehingga 2014 untuk membiayai Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) di bawah Projek NKEA Sawit (EPP1). Projek ini dilancarkan pada bulan Januari 2011 bertujuan mempercepatkan penanaman semula pokok sawit tua milik pekebun kecil persendirian. Pada bulan April 2011, peruntukan dipanjangkan kepada Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) kerana sambutan Skim TSSPK kurang menggalakkan. Sehingga 31 Disember 2014, seramai 49,317 pekebun kecil telah diluluskan untuk mendapatkan bantuan Skim TSSPK dan TBSPK. Komponen dan nilai bantuan yang diberikan bagi setiap hektar adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.1 : KOMPONEN DAN NILAI BANTUAN SKIM TSSPK DAN TBSPK

KOMPONEN BANTUAN	SEMENANJUNG MALAYSIA	SABAH DAN SARAWAK
	SETIAP HEKTAR (RM)	
Penyediaan Kawasan	2,500	4,000
Anak Benih dan Baja Fosfat	2,000	2,000
Baja Tahun Pertama dan Bahan Kimia	1,500	1,500
Baja Tahun Kedua	1,500	1,500
JUMLAH	7,500	9,000

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

6.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Skim TSSPK dan TBSPK telah dirancang dan dilaksanakan secara cekap dan teratur serta mencapai objektif ditetapkan.

6.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Skim TSSPK dan TBSPK bagi tahun 2011 sehingga 2014. Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa dan diguna pakai oleh MPOB di ibu pejabat dan 4 cawangan MPOB. Sebanyak 68 sampel telah dipilih iaitu 14 sampel daripada Cawangan Sepang, 17 sampel daripada Cawangan Taiping, 17 sampel daripada Cawangan Muar dan 20 sampel daripada Cawangan Miri. Selain itu, pemeriksaan fizikal ke kebun pekebun kecil telah dijalankan di cawangan tersebut. Temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pekebun kecil dan pegawai yang terlibat. *Exit Conference* telah diadakan pada 1 September 2015 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK). Antara pegawai yang hadir adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Strategik dan Pengurusan) KPPK, Ketua Pengarah MPOB, Pengarah NKEA (Minyak Sawit dan Getah) PEMANDU, Ketua Unit Parlimen dan Kabinet, Kementerian Kewangan Malaysia serta Pegawai Kanan KPPK, PEMANDU dan MPOB.

6.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari dan Mac sehingga Mei 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan Skim TSSPK dan TBSPK adalah memuaskan. Prestasi pencapaian Skim TSSPK adalah memuaskan dengan pencapaian 58.9% manakala prestasi pencapaian Skim TBSPK adalah sangat baik dengan mencapai sasaran sebanyak 115.1% daripada sasaran yang ditetapkan. Antara kelemahan dalam pengurusan Skim TSSPK dan TBSPK adalah seperti berikut:

- i. **Pemprosesan permohonan** sehingga kelulusan jawatankuasa bagi 5 atau 12.8% daripada 39 permohonan Skim TSSPK dan 17 atau 58.6% daripada 29 permohonan Skim TBSPK mengambil masa 7 hingga 21 bulan iaitu **melebihi 6 bulan** yang ditetapkan dalam manual prosedur kerja.
- ii. Sebanyak 17 daripada 68 atau 25% **pembekalan anak benih sawit** mengambil masa 9 hingga 35 bulan iaitu **melebihi tempoh 8 bulan** yang ditetapkan dalam manual prosedur kerja; sebanyak 30 daripada 68 atau 44.1% **pembekalan baja** tahun pertama mengambil **3 hingga 18 bulan** dan **pembekalan bahan kimia** 18 daripada 68 atau 26.5% mengambil masa antara **3 hingga 12 bulan** iaitu melebihi tempoh 2 bulan yang ditetapkan.

- iii. MPOB telah membelanjakan sejumlah RM158,602 untuk tujuan pembangunan, penambahbaikan, penyenggaraan dan perkhidmatan Sistem Pengurusan Skim TSSPK dan TBSPK (SPS) antara tahun 2011 sehingga 2014. Bagaimanapun, **tiada modul untuk mengunci masuk** maklumat pembekalan benih, baja dan bahan kimia bagi setiap peserta. Ini menyebabkan **status terkini penyaluran input pertanian tidak dapat dipantau** secara berkesan. Selain itu, modul lain dalam menu utama seperti laporan, pembayaran penyediaan kawasan, pembayaran bantuan penyenggaraan kebun dan status pembayaran tidak digunakan.
- iv. Pegawai Tunjuk Ajar Sawit (TUNAS) tidak dapat memberi khidmat nasihat dan pemantauan secara berkesan kerana **nisbah pegawai TUNAS** dan pekebun kecil adalah kecil iaitu **1:1,662**.
- v. **Tiada mekanisme untuk menilai outcome** yang dihasilkan daripada Skim TSSPK dan TBSPK seperti kadar peningkatan pendapatan dan hasil pengeluaran sawit pekebun kecil.
- vi. **Tiada pemantauan** dibuat terhadap penyaluran input pertanian bagi memastikan pekebun kecil menerima input pertanian dalam tempoh yang ditetapkan.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

6.4.1 Prestasi Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil Dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil

6.4.1.1 Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK)

- a. Mengikut syarat permohonan Skim TSSPK, pokok sawit yang berumur melebihi 25 tahun kebiasaannya mempunyai hasil yang lebih rendah dan digalakkan untuk ditanam semula. Berdasarkan statistik MPOB, seluas 109,000 hektar pokok sawit tua milik pekebun kecil individu yang tertangguh perlu ditanam semula setakat 31 Disember 2010. Sehubungan itu, Skim TSSPK dilancarkan pada tahun 2011 dengan objektif utama untuk mempercepatkan penanaman semula pokok sawit yang berumur melebihi 25 tahun dan tidak produktif.
- b. Semakan Audit mendapati sasaran yang ditetapkan oleh MPOB bagi tahun 2011 sehingga 2014 adalah seluas 78,400 hektar dan pencapaian adalah 46,161 hektar atau 58.9%. Pencapaian tertinggi adalah di Zon Sabah iaitu 69.1% manakala terendah adalah di Zon Sarawak hanya mencapai 33.3%. Antara sebab pencapaian Skim TSSPK yang rendah adalah pekebun kecil tidak berminat menanam semula pokok sawit yang tua semasa harga minyak sawit tinggi. Prestasi pencapaian Skim TSSPK adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.2 : PENCAPAIAN SKIM TSSPK BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2014

TAHUN/ZON	SASARAN (Hektar)	PENCAPAIAN* (Hektar)	PERATUS (%)
SEMPERATUR JALAN MELAKA			
2011	10,650	8,736	82.0
2012	22,000	12,556	57.1
2013	15,506	5,043	32.5
2014	9,000	5,924	65.8
JUMLAH	57,156	32,259	56.4
SABAH			
2011	4,050	2,409	59.5
2012	2,800	2,916	104.1
2013	7,249	3,265	45.0
2014	5,000	4,598	92.0
JUMLAH	19,099	13,188	69.1
SARAWAK			
2011	300	193	64.3
2012	200	205	102.5
2013	645	316	49.0
2014	1,000	0	0
JUMLAH	2,145	714	33.3
JUMLAH KESELURUHAN	78,400	46,161	58.9

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

(): Keluasan yang telah diluluskan untuk Skim TSSPK*

6.4.1.2 Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK)

- Pada peringkat awal, peruntukan hanya disalurkan untuk Skim TSSPK dan seterusnya dipanjangkan kepada Skim TBSPK mulai bulan April 2011 apabila sambutan Skim TSSPK kurang menggalakkan. Objektif Skim TBSPK adalah meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui pembukaan kawasan baru sawit dan meningkatkan keluasan tanaman sawit serta pengeluaran hasil sawit negara.
- Semakan Audit mendapati sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2011 sehingga 2014 adalah seluas 65,600 hektar dan pencapaian adalah 75,499 hektar atau 115.1%. Skim TBSPK mendapat sambutan yang menggalakkan di Zon Semenanjung Malaysia dan Sarawak iaitu mencapai lebih daripada sasaran yang ditetapkan masing-masing sebanyak 185.5% dan 128.2%. Selain itu, sambutan di Zon Sabah juga memberangsangkan dengan mencapai sebanyak 68.7% daripada sasaran yang ditetapkan seperti jadual berikut:

JADUAL 6.3 : PENCAPAIAN SKIM TBSPK BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2014

TAHUN/ZON	SASARAN (Hektar)	PENCAPAIAN* (Hektar)	PERATUS (%)
SEMPENANJUNG MALAYSIA			
2011	500	372	74.4
2012	1,000	3,798	379.7
2013	1,894	2,443	129.2
2014	2,000	3,393	169.7
JUMLAH	5,394	10,006	185.5
SABAH			
2011	5,000	4,661	93.2
2012	6,000	3,367	56.1
2013	5,646	3,651	64.7
2014	3,000	1,818	60.6
JUMLAH	19,646	13,497	68.7
SARAWAK			
2011	6,000	10,012	168.9
2012	8,000	14,090	176.1
2013	11,560	7,145	61.8
2014	15,000	20,749	138.3
JUMLAH	40,560	51,996	128.2
JUMLAH KESELURUHAN	65,600	75,499	115.1

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

(*): Keluaran yang telah diluluskan untuk Skim TBSPK

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian Skim TSSPK adalah memuaskan dengan pencapaian 58.9% manakala prestasi pencapaian Skim TBSPK adalah sangat baik dengan mencapai sasaran sebanyak 115.1% daripada sasaran yang ditetapkan.

Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 18 September 2015

Sepanjang tahun 2011 hingga 2014, beberapa perubahan dasar telah berlaku yang mempengaruhi pelaksanaan Skim TSSPK dan TBSPK. Antara sebab pencapaian Skim TSSPK rendah adalah seperti berikut:

- i. *Had bantuan maksimum Skim TSSPK adalah tidak melebihi 40.46 hektar. Bagaimanapun mulai 1 November 2013, had bantuan telah diturunkan kepada tidak melebihi 5 hektar setiap pemohon selaras dengan Skim TBSPK.*
- ii. *Syarat nyata guna tanah bagi permohonan Skim TSSPK juga telah diselaraskan sebagaimana Skim TBSPK iaitu untuk pertanian atau*

kelapa sawit sahaja. Dengan yang demikian permohonan mengambil masa untuk menukar syarat nyata tanah.

- iii. Harga sawit yang tinggi pada tahun 2011 sehingga 2014 menyebabkan pekebun kecil menangguhkan untuk menebang dan menanam semula sawit tua.*
- iv. Arahan supaya memberhentikan penerimaan permohonan mulai 8 November 2012 telah merencatkan momentum permohonan yang diterima untuk Skim TSSPK.*

Pihak MPOB turut memaklumkan pelaksanaan Bantuan Penyenggaraan Kebun (BPK) diteruskan kepada pekebun kecil yang layak bagi menggalakkan mereka menyertai Skim TSSPK.

6.4.2 Prestasi Perbelanjaan

6.4.2.1 MPOB telah menerima peruntukan sejumlah RM930 juta daripada kerajaan antara tahun 2011 sehingga 2014 iaitu sejumlah RM457.26 juta bagi Skim TSSPK dan RM472.74 juta bagi Skim TBSPK. Setakat bulan Disember 2014, prestasi perbelanjaan adalah sejumlah RM367.44 juta atau 39.5% iaitu perbelanjaan Skim TSSPK berjumlah RM211.17 juta atau 46.2% dan Skim TBSPK berjumlah RM156.27 juta atau 33.1% manakala baki peruntukan adalah berjumlah RM562.56 juta seperti jadual berikut:

JADUAL 6.4 : PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SKIM TSSPK DAN TBSPK BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2014

SKIM	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN		BAKI	
		(RM Juta)	%	(RM Juta)	%
TSSPK					
2011	106.00	11.80	11.1	94.20	88.9
2012	186.26	67.55	36.3	118.71	63.7
2013	160.00	68.82	43.0	91.18	57.0
2014	5.00	63.00	1,260.0	(58.00)	(1,160.0)
JUMLAH	457.26	211.17	46.2	246.09	53.8
TBSPK					
2011	63.00	13.58	21.5	49.42	78.5
2012	113.94	27.04	23.7	86.90	76.3
2013	292.80	59.67	20.4	233.13	79.6
2014	3.00	55.98	1,866.0	(52.98)	(1,766.0)
JUMLAH	472.74	156.27	33.1	316.47	66.9
JUMLAH KESELURUHAN	930.00	367.44	39.5	562.56	60.5

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

6.4.2.2 Semakan selanjutnya mendapati sejumlah RM146.69 juta atau 26.1% daripada baki peruntukan sejumlah RM562.56 juta merupakan komitmen perbelanjaan input pertanian iaitu anak benih, baja, bahan kimia dan Bantuan Penyenggaraan Kebun (BPK). Komitmen perbelanjaan yang diambil kira adalah berdasarkan pesanan belian yang dikeluarkan. Sehingga 31 Disember 2014, komitmen perbelanjaan Skim TSSPK dan TBSPK untuk input pertanian adalah sejumlah RM138.70 juta dan BPK RM7.99 juta. Baki peruntukan sejumlah RM415.87 juta adalah untuk permohonan baru Skim TSSPK dan TBSPK. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.5 : KOMITMEN PERBELANJAAN SKIM TSSPK DAN TBSPK BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2014

SKIM	INPUT PERTANIAN				BPK (RM)	JUMLAH (RM)
	ANAK BENIH (RM)	BAJA TAHUN 1 (RM)	BAJA TAHUN 2 (RM)	BAHAN KIMIA (RM)		
TSSPK						
2011	242,541	1,104,944	1,641,245	746,496	732,000	4,467,226
2012	5,449,021	1,833,588	2,533,669	2,080,909	4,104,000	16,001,187
2013	10,265,880	2,862,760	3,252,175	3,159,015	2,184,000	21,723,830
2014	8,463,829	144,292	218,444	1,761	972,000	9,800,326
JUMLAH	24,421,271	5,945,584	7,645,533	5,988,181	7,992,000	51,992,569
TBSPK						
2011	19,535,209	8,429,127	3,639,231	1,230,517	-	32,834,084
2012	8,878,031	439,884	-	42,796	-	9,360,711
2013	19,026,619	1,510,368	8,488	376,886	-	20,922,361
2014	31,341,371	10,174	24,402	199,810	-	31,575,757
JUMLAH	78,781,230	10,389,553	3,672,121	1,850,009	0	94,692,913
JUMLAH KESELURUHAN	103,202,501	16,335,137	11,317,654	7,838,190	7,992,000	146,685,482

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015

Prestasi perbelanjaan seperti dilaporkan adalah benar dan bersesuaian dengan pelaksanaan skim yang melibatkan proses pembayaran dibuat secara berperingkat iaitu dalam tempoh 2 hingga 4 tahun yang jangka akan tamat pada tahun 2020. Prestasi perbelanjaan berdasarkan bajet RM930 juta sehingga 27 Ogos 2015 telah meningkat kepada RM447.41 juta (48%) iaitu menghampiri 50% adalah munasabah sebagaimana dijangka.

6.4.3 Prosedur Pengurusan Skim

6.4.3.1 MPOB telah menyediakan manual prosedur kerja bagi Skim TSSPK dan TBSPK untuk melancarkan proses permohonan dan pelaksanaan skim. Semakan

Audit terhadap kedua-dua manual tersebut mendapati prosedur kerja adalah sama. Bagaimanapun, Manual Prosedur Kerja Skim TSSPK tidak menetapkan tempoh bagi proses permohonan dan pelaksanaan skim. Sehubungan itu, pengauditan yang dijalankan adalah berdasarkan kepada Manual Prosedur Kerja Skim TBSPK yang ada menetapkan tempoh pemprosesan permohonan dan pelaksanaan.

6.4.3.2 Semakan selanjutnya terhadap Manual Prosedur Kerja mendapati tiada kesinambungan antara proses permohonan dan penyaluran input pertanian. Manual tidak menetapkan tempoh yang sepatutnya input pertanian seperti anak benih, baja dan bahan kimia dibekal selepas permohonan diluluskan dan tempoh penyediaan kawasan oleh pekebun kecil. Selain itu, manual prosedur kerja tidak mengemas kini proses kerja terhadap permohonan pekebun kecil yang berstatus tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) di Sarawak di mana pengesahan dan verifikasi perlu diperoleh daripada Jabatan Pertanian Sarawak sebelum permohonan diproses.

Pada pendapat Audit, manual prosedur kerja tidak menetapkan tempoh yang sepatutnya input pertanian dibekalkan selepas permohonan diluluskan menyebabkan tempoh masa pembekalan input pertanian tidak konsisten. Selain itu, Manual Prosedur Kerja Skim TSSPK adalah tidak lengkap dengan tempoh pemprosesan dan pelaksanaan menyebabkan prestasi pengurusan Skim TSSPK tidak dapat diukur.

Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015

Tempoh permohonan dan pelaksanaan Skim TSSPK telah ditetapkan sama seperti Skim TBSPK. Kedua-dua Manual Prosedur Kerja (MPK) telah diselaras, disatukan dan digunakan mulai 2 Jun 2015. MPK tersebut telah dikemas kini dan ditambahbaik bagi menentukan kesinambungan antara proses permohonan dan penyaluran input pertanian serta penetapan tempoh sepatutnya input pertanian dibekal. Proses kerja permohonan di Sarawak adalah sama seperti proses kerja permohonan bagi negeri lain kecuali tanah NCR perlu mendapatkan pengesahan daripada Jabatan Pertanian Sarawak.

6.4.4 Prestasi Pelaksanaan

6.4.4.1 Mengikut Manual Prosedur Kerja Skim TBSPK, proses permohonan sehingga penyaluran input pertanian mengambil tempoh masa 18 bulan seperti jadual berikut:

JADUAL 6.6 : TEMPOH PROSES PERMOHONAN SEHINGGA PENYALURAN INPUT PERTANIAN

PROSES	TEMPOH (BULAN)	JUMLAH (BULAN)
PEMOHONAN :		
Permohonan Sehingga Kelulusan	6	12
Keputusan Dimaklumkan Kepada Pekebun Kecil	6	
PENYALURAN INPUT PERTANIAN :		
Perolehan Anak Benih	1	2
Pembekalan Anak Benih	1	
Perolehan Baja Tahun 1	1	2
Pembekalan Baja Tahun 1	1	
Perolehan Bahan Kimia	1	2
Pembekalan Bahan Kimia	1	
JUMLAH		18

Sumber: Manual Prosedur Kerja Skim TBSPK

6.4.4.2 Semakan Audit terhadap 68 sampel permohonan mendapati 24 pemohon atau 35.3% telah selesai disalurkan semua input pertanian manakala 44 pemohon masih belum selesai sehingga bulan Disember 2014. Bagi 24 permohonan yang telah selesai disalurkan semua input pertanian, sebanyak 14 atau 58.3% permohonan mengambil masa antara 20 hingga 39 bulan untuk memproses permohonan sehingga penyaluran semua input pertanian iaitu melebihi 18 bulan yang ditetapkan. Setakat 31 Disember 2014, penyaluran input pertanian bagi 44 permohonan telah mengambil masa melebihi 37 bulan dan masih belum selesai seperti jadual berikut:

JADUAL 6.7 : PEKEBUN KECIL YANG BELUM MENERIMA INPUT PERTANIAN SETAKAT BULAN DISEMBER 2014

STATUS	TEMPOH BULAN SETAKAT DISEMBER 2014 (BILANGAN SAMPEL)			JUMLAH
	0 - 18	19 - 36	37 ke atas	
Belum Terima Anak Benih, Baja dan Bahan Kimia	4	0	0	4
Belum Terima Baja dan Bahan Kimia	10	4	1	15
Belum Terima Anak Benih dan Bahan Kimia	1	1	0	2
Belum Terima Baja	0	2	0	2
Belum Terima Bahan Kimia	5	7	9	21
JUMLAH	20	14	10	44

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

6.4.5 Prestasi Kelulusan Permohonan

6.4.5.1 Setakat tahun 2014, sebanyak 95.3% permohonan telah diluluskan di bawah Skim TSSPK dan TBSPK manakala permohonan yang tidak diluluskan adalah disebabkan tidak memenuhi syarat seperti pemilik tanah melebihi had kelayakan dan tiada sokongan pengesahan bagi tanah tidak bergeran. Selain itu, terdapat juga permohonan yang telah lulus tetapi dibatalkan oleh MPOB disebabkan pekebun kecil tidak membersihkan kawasan dalam tempoh yang ditetapkan dan pemohon menarik diri kerana menerima bantuan daripada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Analisis terhadap 206 sampel permohonan yang tidak diluluskan atau batal di 4 daerah mendapati sebanyak 51.5% disebabkan tidak memenuhi syarat permohonan, 33.9% disebabkan pekebun kecil tarik diri dan 14.6% lain-lain sebab seperti jadual berikut:

JADUAL 6.8 : SEBAB PERMOHONAN TIDAK LULUS/BATAL UNTUK SKIM TSSPK DAN TBSPK BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2014

SEBAB PERMOHONAN TIDAK LULUS/BATAL	DAERAH/NEGERI (BILANGAN SAMPEL)				JUMLAH	
	KUALA KANGSAR, PERAK	SEPANG, SELANGOR	MUAR, JOHOR	MIRI, SARAWAK	BIL.	%
Tidak Memenuhi Syarat Permohonan	22	9	44	31	106	51.5
Tarik Diri	11	2	41	16	70	33.9
Lain-lain (Pekebun Kecil Tidak Membersihkan Kawasan/Tidak Tanam/Menjual Tanah/Tidak Dapat Dihubungi)	12	4	6	8	30	14.6
JUMLAH					206	100

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

6.4.5.2 Berdasarkan Manual Prosedur Kerja Skim TBSPK, proses permohonan dari tarikh menerima borang permohonan diterima sehingga kelulusan jawatankuasa mengambil masa selama 6 bulan. Setiap permohonan yang diterima oleh pejabat cawangan akan disemak oleh Pegawai Tunjuk Ajar Sawit (TUNAS) yang bertanggungjawab bagi kawasan tanah pemohon dan lawatan pemeriksaan kebun diadakan untuk menilai kesesuaian tanah. Permohonan yang layak dan borang lengkap akan dimuat naik ke Sistem Pengurusan Skim untuk kelulusan Jawatankuasa Pelaksana TSSPK di peringkat MPOB atau Jawatankuasa Pemandu TBSPK di peringkat Kementerian.

6.4.5.3 Semakan Audit terhadap 39 sampel Skim TSSPK dan 29 sampel Skim TBSPK mendapati sebanyak 5 atau 12.8% permohonan Skim TSSPK dan 17 atau 58.6% permohonan Skim TBSPK mengambil masa melebihi 6 bulan untuk memproses permohonan sehingga kelulusan jawatankuasa iaitu antara 7 hingga 21 bulan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.9 : TEMPOH MASA KELULUSAN SKIM TSSPK DAN TBSPK BAGI
TAHUN 2011 SEHINGGA 2014**

DAERAH/NEGERI	BILANGAN SAMPEL	TEMPOH* (BULAN)	
		0 - 6	MELEBIHI 6
SKIM TSSPK			
Kuala Kangsar, Perak	10	10	0
Sepang, Selangor	9	9	0
Muar, Johor	11	9	2
Miri, Sarawak	9	6	3
JUMLAH	39	34	5
%	100	87.2	12.8
SKIM TBSPK			
Kuala Kangsar, Perak	7	5	2
Sepang, Selangor	5	4	1
Muar, Johor	6	3	3
Miri, Sarawak	11	0	11
JUMLAH	29	12	17
%	100	41.4	58.6

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

(): Tarikh penerimaan borang permohonan sehingga kelulusan jawatankuasa.*

6.4.5.4 Tempoh masa pemprosesan yang lama adalah disebabkan kekurangan Pegawai TUNAS dan kenderaan di pejabat cawangan MPOB untuk menjalankan pemeriksaan tapak. Berdasarkan sampel Audit, 17.6% atau 12 daripada 68 pemeriksaan tapak mengambil masa antara 4 hingga 13 bulan daripada tarikh permohonan. Selain itu, dokumen permohonan yang tidak lengkap dan kawasan pejabat cawangan MPOB yang tidak dapat mengakses ke Sistem Pengurusan Skim untuk memuat naik permohonan pekebun kecil juga merupakan faktor kelewatan tersebut.

6.4.5.5 Bagi status tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) di Sarawak, pengesahan dan verifikasi perlu diperoleh daripada Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) sebelum permohonan diproses. Setakat bulan Disember 2014, sebanyak 6,774 hektar permohonan Skim TBSPK di Sarawak masih menunggu pengesahan dan verifikasi daripada JPS. Ini menyebabkan permohonan tidak dapat diproses mengikut tempoh yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, prestasi kelulusan permohonan Skim TSSPK adalah baik kerana 87.2% diluluskan dalam tempoh 6 bulan. Bagaimanapun, prestasi kelulusan permohonan Skim TBSPK adalah kurang memuaskan kerana 58.6% melebihi 6 bulan. Tempoh kelulusan permohonan yang lama boleh

menyebabkan kekurangan minat pekebun kecil untuk menanam semula atau tanam baru sawit dan mengalihkan minat terhadap bantuan pertanian lain.

Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015

Kelewatan meluluskan permohonan antaranya disebabkan kelewatan membuat pemeriksaan tapak akibat daripada kekurangan kakitangan dan kemudahan pengangkutan. Selain itu pada tahun 2011, kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu TBSPK hanya diadakan 5 kali disebabkan penglibatan pelbagai agensi, pihak berkuasa negeri dan kementerian lain semasa peringkat awal pelaksanaan Skim TBSPK.

Antara tindakan diambil oleh MPOB seperti berikut:

- a. *Meningkatkan kekerapan mesyuarat melulus permohonan iaitu setiap 2 minggu bagi meluluskan permohonan Skim TSSPK dan satu bulan bagi Skim TBSPK.*
- b. *Kerjasama dengan JPS untuk verifikasi tanah NCR dan mempercepatkan permohonan Skim TBSPK di Sarawak.*
- c. *MPOB telah mengemukakan 164 permohonan jawatan baru kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Bagaimanapun maklum balas daripada JPA pada 26 Mei 2015 meminta MPOB mengkaji semula cadangan. Pada 22 Jun 2015, KPPK mencadangkan MPOB membuat penstrukturran secara dalaman.*
- d. *Pada 18 Ogos 2015, satu bengkel penstrukturran semula Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan (IRED) telah diadakan bagi meningkatkan kecekapan pelaksanaan skim. Beberapa cadangan telah dibuat seperti:*
 - i. *Surat tawaran kerja ditambah baik dari segi faedah dan kemudahan.*
 - ii. *Kelayakan pengambilan Pegawai TUNAS terbuka kepada lepasan SPM/Kursus Operator Mekanisasi Ladang.*
 - iii. *Menempatkan seorang pegawai Teknologi Maklumat sekurang-kurangnya gred F41 ke atas.*
 - iv. *Menambah 11 pegawai pelbagai gred dan penyewaan tambahan 15 kenderaan pacuan 4 roda di Sarawak dan Sabah.*
 - v. *Penurunan kuasa melulus ke peringkat Zon.*

6.4.6 Perolehan Dan Penyaluran Input Pertanian

Input pertanian akan disalurkan kepada pekebun kecil selepas permohonan pekebun kecil diluluskan. Input pertanian yang diberikan kepada pekebun kecil termasuklah anak benih sawit, baja untuk 2 tahun dan bahan kimia atau racun. Semua perolehan input pertanian dilaksanakan di ibu pejabat MPOB.

6.4.6.1 Anak Benih Sawit

- Pada peringkat awal, perolehan anak benih sawit dilaksanakan secara sebut harga yang mengambil masa lama menyebabkan penyaluran anak benih sawit yang kurang cekap. Sehubungan itu, mulai tahun 2012 perolehan anak benih sawit telah dilaksanakan secara rundingan terus oleh panel pembekal dengan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia.
- Berdasarkan skop bantuan skim, anak benih sawit perlu dibekalkan daripada nurseri yang mempunyai *Sijil Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nursery* (CoPN) dan telah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati MPOB telah melantik 53 hingga 67 nurseri antara tahun 2012 sehingga 2014 untuk membekalkan anak benih sawit mengikut zon seperti jadual berikut:

JADUAL 6.10 : NURSERI DILANTIK BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

ZON	2012			2013			2014		
	BIL. NURSERI	BIL. ANAK BENIH (Juta)	NILAI (RM Juta)	BIL. NURSERI	BIL. ANAK BENIH (Juta)	NILAI (RM Juta)	BIL. NURSERI	BIL. ANAK BENIH (Juta)	NILAI (RM Juta)
Semenanjung	31	1.89	21.19	30	1.24	15.03	37	1.40	16.90
Sabah	11	1.15	14.44	16	1.22	17.45	17	0.83	11.91
Sarawak	11	1.32	15.98	21	2.05	29.33	0	0	0
JUMLAH	53	4.36	51.61	67	4.51	61.81	54	2.23	28.81

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

- Semakan selanjutnya mendapati 11 nurseri yang tidak mempunyai Sijil CoPN turut dilantik sebagai panel pembekal anak benih sawit. Antaranya adalah disebabkan kekurangan nurseri yang mempunyai Sijil CoPN bagi menampung permintaan yang tinggi di lokasi tertentu. Nurseri tanpa Sijil CoPN yang telah dilantik adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.11 : NURSERI TANPA SIJIL CoPN

ZON	NURSERI	DAERAH	KUOTA DITAWARKAN OLEH MPOB	
			BIL. ANAK BENIH	NILAI (RM)
Semenanjung	Agriculture Network	Sungai Petani	10,000	123,500
	R & Z Agricultural Nurseries	Hulu Langat	20,000	242,000
	Budi JS Plantation	Rompin	55,000	643,500
	Johor Plant Tech	Air Hitam	27,000	360,000
	Pertubuhan Peladang Negeri Johor	Kluang	30,000	324,000
Sabah	Yun Fook	Keningau	50,000	715,000
	Teraju Hijau	Tawau	100,000	1,430,000
	Jaya Nursery	Ranau	30,000	429,000
	TK Enterprise	Ranau	60,000	858,000
Sarawak	Othman Farm	Betong	30,000	429,000
	U & Me Network	Sibu	20,000	286,000
JUMLAH			432,000	5,840,000

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015

Surat peringatan bertarikh 16 April 2015 telah dikeluarkan kepada panel nurseri yang baru supaya mengemukakan salinan Sijil CoPN atau laporan lawatan CoPN Fasa Pertama. Mereka diberi tempoh selama 3 bulan untuk mendapatkan sijil berkenaan. Sebanyak 3 nurseri telah mendapat Sijil CoPN dan 8 nurseri lagi dalam proses pensijilan.

- d. Pada tahun 2012, tiada perjanjian disediakan bagi kesemua pembekal anak benih sawit yang dilantik bagi kontrak bernilai RM51.61 juta dan hanya Surat Setuju Terima ditandatangani. Pada tahun 2013 pula, semua perjanjian pelantikan bernilai RM61.81 juta telah disediakan dan ditandatangani antara MPOB dan pembekal tetapi perjanjian tersebut tidak dimatikan dengan setem hasil.
- e. Pada tahun 2014, Surat Setuju Terima telah ditandatangani pada bulan Ogos 2014 untuk semua pelantikan pembekal di Zon Semenanjung dan Sabah dengan kontrak bernilai RM28.81 juta. Bagaimanapun, perjanjian masih belum disediakan sehingga tarikh pengauditan pada bulan Januari 2015. Di Zon Sarawak pula, pembekal bagi tahun 2014 masih belum dilantik sejak tamat tempoh perjanjian pada 31 Mac 2014. Semakan Audit mendapati bekalan bagi tahun 2014 masih dibuat oleh 21 pembekal yang telah tamat tempoh perjanjian kerana kuota yang ditawarkan kepada pembekal masih ada baki dan belum habis diambil oleh MPOB. Ini disebabkan mulai 22 April 2013, MPOB telah diarahkan oleh SUK Negeri Sarawak untuk memberhentikan serta merta

pengedaran anak benih di Sarawak kerana isu tanah NCR. Surat permohonan perolehan secara rundingan terus hanya dikemukakan kepada Unit Kewangan MPOB untuk dimajukan kepada Kementerian Kewangan Malaysia pada 20 November 2014 iaitu selepas 8 bulan tamat tempoh perjanjian. Semakan selanjutnya mendapati setakat bulan Januari 2015, kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia belum diterima. Butiran mengenai tempoh perjanjian perolehan anak benih sawit adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.12 : TEMPOH PERJANJIAN PEROLEHAN ANAK BENIH SAWIT

ZON	TEMPOH PERJANJIAN		
	2012	2013	2014
Semenanjung	01.01.2012 – 31.12.2012	01.04.2013 – 31.03.2014	01.08.2014 – 31.07.2015
Sabah	01.01.2012 – 31.12.2012	01.04.2013 – 31.03.2014	01.10.2014 – 30.09.2015
Sarawak	01.01.2012 – 31.12.2012	01.04.2013 – 31.03.2014	Belum Dilantik

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015

MPOB mengambil maklum teguran Audit. Melalui surat bertarikh 16 Mac 2015, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan kaedah rundingan terus bagi perolehan anak benih Zon Sarawak. Surat Tawaran dan Surat Setuju Terima bagi pelantikan panel pembekal anak benih Zon Sarawak telah dikeluarkan pada 1 Mei 2015 untuk tempoh 12 bulan sehingga 30 April 2016.

- f. Mengikut Manual Prosedur Kerja Skim TBSPK, anak benih sawit perlu dibekalkan dalam tempoh 8 bulan daripada tarikh kelulusan jawatankuasa termasuk 2 bulan untuk proses perolehan. Semakan Audit mendapati 17 daripada 68 atau 25% pembekalan anak benih sawit mengambil masa melebihi 8 bulan iaitu antara 9 hingga 35 bulan dan **7 pekebun kecil belum menerima anak benih sawit** sehingga tarikh lawatan audit iaitu 3 daripadanya telah melebihi 8 bulan antara 9 hingga 10 bulan. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.13 : TEMPOH DIAMBIL UNTUK MEMBEKAL ANAK BENIH SAWIT

DAERAH/NEGERI	BILANGAN SAMPEL	TEMPOH* (BULAN)		BELUM TERIMA	
		1 - 8	MELEBIHI 8	BILANGAN	TARIKH LAWATAN AUDIT
Kuala Kangsar, Perak	17	11	5	1	09 – 13.03.2015
Sepang, Selangor	14	11	1	2	02 – 06.03.2015
Muar, Johor	17	10	3	4	05 – 09.04.2015
Miri, Sarawak	20	12	8	0	11 – 15.05.2015
JUMLAH	68	44	17	7	

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

(*): Tarikh kelulusan jawatankuasa sehingga penerimaan anak benih sawit.

- g. Akibat daripada kelewatan penghantaran anak benih sawit, tapak kebun terpaksa dibiarkan tanpa menghasilkan sebarang pendapatan kepada pekebun kecil Skim TBSPK. Keadaan kebun adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.1
Keadaan Kebun Semasa Lawatan Pengesahan Kesesuaian Tapak



Sumber: MPOB Sepang
Lokasi: Kebun Leong Kam Fong, Sepang, Selangor
Tarikh: 11 Feb 2014

GAMBAR 6.2
Keadaan Kebun Yang Dipenuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kebun Leong Kam Fong, Sepang, Selangor
Tarikh: 5 Mac 2015

Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015

Antara punca kelewatan dalam pembekalan anak benih sawit disebabkan pembekuan penghantaran anak benih pada 22 April 2013 berikutan arahan menghentikan sementara pengedaran anak benih di Sarawak sehingga pengesahan tanah NCR diperoleh. Selain itu, peserta lewat memaklumkan penyediaan kawasan, tidak cukup kesediaan stok di nurseri (belum cukup umur 10 – 14 bulan) dan kelewatan pengeluaran pesanan belian (PO) anak benih kepada panel juga menyebabkan kelewatan pembekalan. Bagi mengatasi masalah tersebut, antara tindakan yang diambil oleh MPOB adalah seperti berikut:

- i. *Pekebun kecil diberi tempoh 3 bulan untuk menyediakan kawasan, jika gagal surat amaran dikeluarkan dan pekebun diberi tempoh lanjutan 2 bulan untuk menyelesaikan kerja tersebut. Sekiranya gagal, peserta akan dicadang untuk dibatalkan.*
- ii. *'Outsource' anak benih dari nurseri bukan panel yang mempunyai stok anak benih. Pegawai Zon telah membuat lawatan bagi memastikan anak benih yang akan diambil berkualiti dan subur.*
- iii. *Pekebun kecil yang telah siap kawasan dibenarkan memohon untuk membeli sendiri anak benih.*

iv. Mulai bulan Jun 2015, Penyelaras TUNAS Zon Sarawak dibenarkan mengeluarkan surat arahan kerja kepada pembekal anak benih bagi kes yang memerlukan bekalan anak benih dengan segera dan diikuti pengeluaran PO. Perkara ini akan diperluaskan ke zon lain jika didapati dapat mempercepatkan pengeluaran PO.

6.4.6.2 Baja

- Pembajaan adalah di antara faktor penting yang menyumbang kepada pencapaian hasil buah tandan segar yang tinggi. Kebun yang dibaja secukupnya dapat meningkatkan hasil berbanding dengan kebun yang tidak dibaja dengan sempurna. Jenis baja yang diberikan kepada pekebun kecil adalah ditentukan oleh Jawatankuasa Penentuan Baja berdasarkan jenis tanah kebun. Mengikut skop bantuan Skim TSSPK dan TBSPK, baja diberikan pada tahun pertama dan kedua. Berdasarkan Manual Prosedur Kerja Skim TBSPK, proses penyaluran baja dilaksanakan selepas permohonan diluluskan. Bagaimanapun, MPOB memaklumkan perolehan baja akan dilaksanakan selepas anak benih diterima dan ditanam oleh pekebun kecil bagi mengelakkan perolehan baja yang berlebihan dan berlaku pembaziran sebelum anak benih diterima. Perolehan baja dilaksanakan oleh Unit Perolehan, ibu pejabat MPOB secara sebut harga melalui sistem e-perolehan (Sistem SENNEGO). Proses penyediaan sebut harga sehingga pembekalan baja dan pembayaran mengambil masa 60 hari (2 bulan).
- Semakan Audit mendapati 30 daripada 68 atau 44.1% pembekalan baja tahun pertama mengambil masa melebihi 2 bulan iaitu antara 3 hingga 18 bulan daripada tarikh penerimaan anak benih sawit dan **33 pekebun kecil belum menerima baja** sehingga tarikh lawatan Audit iaitu 18 daripadanya telah melebihi 2 bulan antara 3 hingga 28 bulan. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.16 : TEMPOH DIAMBIL UNTUK MEMBEKAL BAJA TAHUN PERTAMA


DAERAH/NEGERI	BILANGAN SAMPEL	TEMPOH* (BULAN)		BELUM TERIMA	
		0 - 2	MELEBIHI 2	BILANGAN	TARIKH LAWATAN AUDIT
Kuala Kangsar, Perak	17	4	6	7	09 – 13.03.2015
Sepang, Selangor	14	0	1	13	02 – 06.03.2015
Muar, Johor	17	1	6	10	05 – 09.04.2015
Miri, Sarawak	20	0	17	3	11 – 15.05.2015
JUMLAH	68	5	30	33	

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

(*): Tarikh penerimaan anak benih sawit sehingga penerimaan baja.


- c. Antara kelewatan pembekalan baja adalah disebabkan pekebun kecil tidak memaklumkan kawasan telah sedia atau telah siap tanam, penangguhan penyediaan kawasan oleh pekebun kecil, pekebun kecil tidak dapat atau sukar dihubungi oleh Pegawai TUNAS dan pembekal gagal melaksanakan pembekalan.
- d. Berdasarkan Amalan Pertanian Baik, kekerapan membaja adalah tidak kurang daripada 2 kali setahun. Bagaimanapun, terdapat pekebun kecil yang masih belum menerima baja walaupun anak benih sawit telah ditanam melebihi 12 bulan. Ini menyebabkan pusingan pembajaan tidak dapat dilaksanakan oleh pekebun kecil seperti yang disyorkan dan seterusnya memberi impak kepada hasil buah tandan segar. Keadaan pokok yang belum dibaja adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.3
Keadaan Pokok Yang Belum Dibaja



Lokasi: Kebun Yap Hock Ong, Sepang, Selangor
Tarikh: 4 Mac 2015

GAMBAR 6.4
Keadaan Pokok Yang Kurang Baja



Lokasi: Kebun Aching Anak Ugak, Miri, Sarawak
Tarikh: 13 Mei 2015

Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015

Sebanyak 73% Skim TSSPK dan 80% Skim TBSPK daripada senarai sampel rawak pekebun kecil yang dilaporkan telah menerima baja. Antara tindakan telah diambil adalah mengadakan perbincangan dengan syarikat pembekal baja untuk mengatasi masalah pembekalan. Penambahan jenis baja dan pembekal dibuat dari semasa ke semasa. Sehingga kini, terdapat sebanyak 58 pembekal baja yang melibatkan 6 jenis baja.

6.4.6.3 Bahan Kimia

- a. Bahan kimia digunakan untuk mengawal musuh perosak tanaman sawit supaya kebun sawit bebas daripada serangan serangga perosak, hidup subur dan seterusnya mengeluarkan hasil yang tinggi. Pekebun kecil Skim TSSPK dan TBSPK akan dibekalkan racun perosak atau rumpai bagi memastikan kebun dijaga mengikut Amalan Pertanian Baik. Racun rumpai diperlukan untuk kerja pembersihan rumpai di sekeliling pangkal pokok sawit dan lorong tanaman manakala racun serangga disembur ke pokok bagi mengawal dan mengelakkan serangan perosak. Bahan kimia Blocus merupakan bahan kimia yang mengawal serangan kumbang badak yang merosakkan pokok sawit muda. Racun ini hanya diberikan kepada pekebun kecil Skim TSSPK manakala racun rumpai iaitu Basta 15 diberikan kepada pekebun kecil Skim TSSPK dan TBSPK.
- b. Perolehan bahan kimia akan dilaksanakan selepas benih diterima dan ditanam oleh pekebun kecil bagi mengelakkan perolehan bahan kimia yang berlebihan dan berlaku pembaziran sebelum anak benih diterima. Perolehan input bahan kimia dilaksanakan oleh Unit Perolehan, ibu pejabat MPOB secara sebut harga melalui Sistem SENENGO. Proses kerja perolehan bahan kimia dari penyediaan sebut harga sehingga pembekalan dan bayaran mengambil masa 60 hari (2 bulan).
- c. Semakan Audit mendapati pekebun kecil belum menerima bahan kimia walaupun anak benih sawit telah diterima dan ditanam melebihi 12 bulan. Analisis Audit mendapati 18 daripada 68 atau 26.5% pembekalan bahan kimia mengambil masa melebihi 2 bulan iaitu antara 3 hingga 12 bulan dan **41 atau 60.3% pekebun kecil belum menerima bahan kimia** sehingga tarikh lawatan Audit di mana 32 daripadanya telah melebihi 2 bulan iaitu antara 3 hingga 38 bulan. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.17 : TEMPOH DIAMBIL UNTUK MEMBEKAL BAHAN KIMIA

DAERAH/NEGERI	BILANGAN SAMPEL	TEMPOH* (BULAN)		BELUM TERIMA	
		0 - 2	MELEBIHI 2	BILANGAN	TARIKH LAWATAN AUDIT
Kuala Kangsar, Perak	17	3	6	8	09 – 13.03.2015
Sepang, Selangor	14	2	1	11	02 – 06.03.2015
Muar, Johor	17	4	2	11	05 – 09.04.2015
Miri, Sarawak	20	0	9	11	11 – 15.05.2015
JUMLAH	68	9	18	41	

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

(*): Tarikh penerimaan anak benih sawit sehingga penerimaan bahan kimia.

- d. Kelewatan penghantaran bahan kimia boleh menyebabkan kebun kembali dipenuhi semak samun dan pokok sawit muda diserang serangga perosak dan seterusnya menjadikan hasil pengeluaran sawit. Keadaan kebun yang belum menerima bahan kimia adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.5
Keadaan Daun Pokok Sawit Muda Yang Diserang Serangga Perosak



Lokasi: Kebun Sia Cheng San, Muar, Johor
Tarikh: 7 April 2015



GAMBAR 6.6
Keadaan Daun Pokok Sawit Muda Yang Diserang Serangga Perosak

Lokasi: Kebun Er Sang, Sepang, Selangor
Tarikh: 4 Mac 2015

- e. MPOB memaklumkan kelewatan membekal bahan kimia adalah disebabkan MPOB merancang dan menyusun pekebun kecil menerima input daripada pembekal berhampiran bagi menjimat kos pengangkutan. Bagi mengatasi masalah tersebut, MPOB telah merancang untuk melaksanakan Sistem Baucar bagi pengedaran racun rumpai dan perosak. Pekebun kecil boleh menuntut racun rumpai dan perosak daripada pembekal berdasarkan baucar. Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) akan dilantik secara rundingan terus sebagai pembekal racun rumpai dan perosak. Kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia telah diperoleh pada 2 Disember 2014 dengan anggaran kos sejumlah RM14 juta untuk tempoh setahun. Bagaimanapun, pelantikan NAFAS belum dibuat sehingga tarikh pengauditan pada bulan Mei 2015 walaupun kelulusan telah diterima pada bulan Disember 2014.

Pada pendapat Audit, pengurusan penyaluran input pertanian adalah kurang memuaskan kerana penyaluran anak benih sawit, baja dan bahan kimia melebihi tempoh yang ditetapkan. Kelewatan ini menjelaskan pencapaian objektif skim yang bertujuan mempercepatkan penanaman semula pokok sawit tua dan meningkatkan keluasan tanaman sawit milik pekebun kecil persendirian.

Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015

Seramai 37 atau 90% daripada jumlah pekebun kecil yang belum menerima bahan kimia sehingga tarikh lawatan Audit adalah disebabkan penangguhan pembekalan bahan kimia sehingga Sistem Baucar yang jangka dilaksanakan pada bulan Januari 2016. Sejumlah RM14 juta telah diperuntukkan untuk pembekalan bahan kimia seperti mana perjanjian di antara pihak MPOB dengan pembekal bagi pelaksanaan Sistem Baucar. Pada masa kini, perolehan input akan dibuat menggunakan Sistem SENNEGO (Semenanjung) dan sebut harga manual (Sabah dan Sarawak) bagi memastikan bahan kimia dapat dibekalkan kepada pekebun kecil.

6.4.7 Penyenggaraan Kebun

- 6.4.7.1 Berdasarkan Amalan Pertanian Baik, pekebun kecil perlu mengawal keliling pokok sawit daripada rumpai dan anak kayu serta mengamalkan integrasi tanaman kontan yang sesuai. Lawatan ke kebun pekebun kecil di Selangor, Johor, Perak dan Sarawak mendapati ada kebun telah disenggara dengan baik manakala ada kebun yang tidak disenggara dengan baik menyebabkan kebun dipenuhi dengan semak samun seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.7
Keadaan Kebun Disenggara Dengan Baik



Lokasi: Kebun Bata Anak Lasah, Miri, Sarawak
Tarikh: 12 Mei 2015

GAMBAR 6.8
Pokok Kelapa Sawit Yang Telah Mengeluarkan Hasil



Lokasi: Kebun Bata Anak Lasah, Miri, Sarawak
Tarikh: 12 Mei 2015

GAMBAR 6.9
Keadaan Kebun Disenggara Dengan Baik



Lokasi: Kebun Yahaya Semaon, Kuala Kangsar, Perak
Tarikh: 11 Mac 2015

GAMBAR 6.10
Pokok Kelapa Sawit Yang Telah Mengeluarkan Hasil



Lokasi: Kebun Yahaya Semaon, Kuala Kangsar, Perak
Tarikh: 11 Mac 2015

GAMBAR 6.11
Keadaan Kebun Dipenuhi Semak Samun



Lokasi: Kebun Syaipul Zaiham, Kuala Kangsar, Perak
Tarikh: 12 Mac 2015

GAMBAR 6.12
Keadaan Kebun Dipenuhi Semak Samun



Lokasi: Kebun Jimmy AK Anong, Miri, Sarawak
Tarikh: 14 Mei 2015

GAMBAR 6.13
Keadaan Kebun Dipenuhi Semak Samun



Lokasi: Kebun Sharipuddin Bin Mohd Yusof, Kuala Kangsar, Perak
Tarikh: 12 Mac 2015

GAMBAR 6.14
Keadaan Kebun Dipenuhi Semak Samun



Lokasi: Kebun Ahmad Bin Ab. Rahman, Muar, Johor
Tarikh: 7 April 2015

6.4.7.2 Kawasan kebun telah berintegrasi dengan tanaman kontan seperti pisang dan nanas pada peringkat awal penanaman di mana sawit belum mengeluarkan hasil. Lawatan Audit mendapati tanaman kontan tersebut tidak disusun mengikut jarak yang sesuai dan terlalu rapat dengan pokok sawit di daerah Muar, Johor. Ini boleh memberi kesan kepada pertumbuhan anak pokok sawit dan seterusnya memberi kesan kepada pengeluaran hasil sawit. Keadaan kebun adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.15
Tanaman Kontan Yang Rapat Dengan Pokok Sawit



Lokasi: Kebun Tussin bin Mian, Muar, Johor
Tarikh: 8 April 2015

GAMBAR 6.16
Tanaman Kontan Yang Rapat Dengan Pokok Sawit



Lokasi: Kebun Sia Cheng Yong, Muar, Johor
Tarikh: 7 April 2015

Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015

Peserta Skim TSSPK dan TBSPK telah diberikan khidmat nasihat berkenaan Amalan Pertanian Baik (GAP) yang disyorkan oleh Pegawai TUNAS. Ini termasuklah mengajar cara merumpai, pembajaan, kawalan penyakit dan pemangkasan yang betul serta cara integrasi tanaman kontan dengan sawit. Selain daripada tunjuk ajar lisan, edaran risalah berkaitan GAP turut diberikan. Lawatan kebun yang berkala juga dibuat oleh Pegawai TUNAS berdasarkan permintaan pekebun.

6.4.8 Sistem Pengurusan Skim Tidak Digunakan Secara Optimum

6.4.8.1 Pada tahun 2011, MPOB telah membangunkan Sistem Pengurusan Skim (SPS) TSSPK dan TBSPK bertujuan memudahkan pemantauan status pelaksanaan skim dari semasa ke semasa di peringkat ibu pejabat dan cawangan, memudahkan rekod perbelanjaan dibuat terhadap setiap pekebun kecil dan menambah baik sistem penyimpanan data. Sistem ini merangkumi maklumat pemohon dan kebun, status lawatan kebun, kelulusan, penyediaan kawasan, pembekalan anak benih sawit, baja dan bahan kimia. SPS mula digunakan pada tahun 2011 bagi Skim TSSPK dan Skim TBSPK pada tahun 2012.

6.4.8.2 Semakan Audit mendapati SPS telah dibangunkan oleh vendor yang dilantik secara pembelian terus oleh MPOB iaitu Object Expression Sdn. Berhad dengan kos berjumlah RM49,900 pada 2 Mac 2011. *Source code* telah diserahkan kepada MPOB pada 3 Mei 2011. Bagaimanapun, kertas cadangan pembangunan SPS tidak disediakan dengan lengkap seperti kos penyenggaraan SPS, syarat penyerahan *source code* dan tempoh jangka siap pembangunan SPS. Selain itu, Surat Setuju Terima dan perjanjian pelantikan tidak disediakan.

6.4.8.3 Semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa kontrak formal hendaklah diadakan walaupun nilai perolehan kurang daripada RM50,000. Semakan Audit mendapati vendor yang dilantik telah melaksanakan kerja penyenggaraan SPS secara bulanan mulai tahun 2013. Jumlah perbelanjaan untuk kerja penyenggaraan setakat bulan Disember 2014 adalah RM46,800. Bagaimanapun, perjanjian terhadap kerja penyenggaraan SPS tidak disediakan dan ditandatangani untuk menjamin kepentingan kedua-dua pihak.

6.4.8.4 Semakan selanjutnya mendapati selain perbelanjaan pembangunan dan penyenggaraan SPS, MPOB juga menambah baik sistem dengan kos berjumlah RM53,900 dan kos perkhidmatan berjumlah RM 8,002 bagi tempoh 2012 sehingga

2014. Jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan SPS setakat bulan Disember 2014 adalah berjumlah RM158,602 seperti jadual berikut:

JADUAL 6.18 : KOS MEMBANGUNKAN SPS SETAKAT DISEMBER 2014

JENIS KOS	AMAUN (RM)
Membangun SPS	49,900
Penyenggaraan	46,800
Penambahbaikan	53,900
Perkhidmatan	8,002
JUMLAH	158,602

Sumber: Unit Kewangan dan Perolehan

6.4.8.5 Semakan terhadap SPS mendapatkan maklumat pekebun kecil, status lawatan kebun dan keputusan jawatankuasa telah dimasukkan ke dalam SPS. Bagaimanapun, tiada modul untuk mengunci masuk maklumat pembekalan benih, baja dan bahan kimia bagi setiap peserta. Ini menyebabkan status terkini penyaluran input pertanian tidak dapat dipantau secara berkesan.

6.4.8.6 Selain itu, modul lain dalam menu utama seperti laporan, pembayaran penyediaan kawasan dan pembayaran BPK serta status pembayaran tidak digunakan. Laporan pembayaran hanya dapat dijana bagi tahun 2011 dan 2012 seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.17



Sumber: SPS TBSPK

GAMBAR 6.18
Menu Pembayaran Penyediaan Kawasan Tidak Digunakan



Sumber: SPS TBSPK

6.4.8.7 Pihak Audit menghadapi kesukaran mendapatkan maklumat pekebun kecil yang kemas kini sehingga 31 Disember 2014 bagi kedua-dua skim. Ini disebabkan rekod pembekalan input pertanian diselenggara oleh Unit TSSPK dan TBSPK secara berasingan dan tiada *master list* disediakan dari kelulusan sehingga pembekalan input pertanian.

Pada pendapat Audit, penggunaan SPS untuk memudahkan pengurusan Skim TSSPK dan TBSPK adalah kurang memuaskan kerana maklumat pekebun kecil tidak kemas kini dan sebahagian modul tidak digunakan.

Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015

MPOB mengambil maklum terhadap teguran Audit dan dalam peringkat akhir mengadakan perjanjian dengan vendor SPS. Selain itu, modul lain dalam menu utama SPS seperti laporan, pembayaran penyediaan kawasan dan pembayaran BPK serta status pembayaran telah digunakan dan laporan pembayaran TSSPK telah dapat dijana sehingga tahun 2013 dan 2014.

Buat masa ini, sistem penyimpanan maklumat pekebun kecil disimpan secara berasingan iaitu SPS hanya menyimpan setakat kelulusan manakala maklumat pembayaran disimpan di Sistem Perakaunan Century dan maklumat perolehan disimpan di Sistem e-Perolehan (SENNEGO). Integrasi maklumat antara SPS, Sistem Perakaunan Century dan SENNEGO adalah untuk mewujudkan akaun lejar

individu pemohon di mana maklumat permohonan sehingga pembekalan input pertanian kepada setiap pemohon dapat diperolehi. Proses integrasi maklumat telah mula dijalankan pada 12 Mei 2015. Sementara itu, penggunaan master list factsheet (Microsoft Excel) akan terus digunakan sehingga proses integrasi ketiga-tiga sistem berkenaan selesai sebelum 31 Disember 2015.

6.4.9 Khidmat Nasihat Pegawai Tunjuk Ajar Sawit

6.4.9.1 Pegawai Tunjuk Ajar Sawit (TUNAS) adalah pegawai di lapangan yang berhubung secara langsung dengan pekebun kecil dalam memproses permohonan dengan menjalankan pemeriksaan tapak. Selain itu, Pegawai TUNAS juga memberikan tunjuk ajar serta khidmat nasihat penanaman dan penyenggaraan sawit mengikut Amalan Pertanian Baik MPOB.

6.4.9.2 Semakan Audit mendapati Pegawai TUNAS tidak dapat memberi tumpuan dan tunjuk ajar secara berkesan kepada pekebun kecil. Ini adalah disebabkan nisbah Pegawai TUNAS dan pekebun kecil adalah 1:1,662. Sebanyak 69.8% atau 250 daripada 358 pegawai TUNAS adalah lantikan kontrak yang menyebabkan pertukaran pegawai yang kerap. Selain itu, hanya sebuah kenderaan pacuan 4 roda dibekalkan kepada setiap pejabat cawangan menyebabkan aktiviti pemantauan Skim TSSPK dan TBSPK sukar dilaksanakan secara cekap dan berkesan. Sebanyak 4 pejabat cawangan telah dipilih secara rawak untuk menganalisis nisbah pegawai TUNAS dan pekebun kecil seperti jadual berikut:

JADUAL 6.19 : PEGAWAI TUNAS DAN PEKEBUN KECIL DI PEJABAT CAWANGAN YANG DILAWATI

PEJABAT CAWANGAN	BILANGAN PEKEBUN KECIL	BILANGAN PEGAWAI TUNAS		NISBAH PEGAWAI TUNAS:PEKEBUN KECIL	BILANGAN KENDERAAN
		TETAP	KONTRAK		
Taiping, Perak	13,547	5	1	1 : 2,258	1
MPOB/UKM, Selangor	2,033	3	0	1 : 678	1
Muar, Johor	818	1	3	1 : 204	1
Miri, Sarawak	11,867	1	3	1 : 2,967	1
JUMLAH	28,265	10	7	1 : 1,662	

Sumber: Pejabat Cawangan MPOB

Pada pendapat Audit, khidmat nasihat dan pemantauan oleh Pegawai TUNAS adalah kurang memuaskan kerana nisbah Pegawai TUNAS yang kecil, kerap bertukar dan kekurangan kenderaan pacuan 4 roda. Ini menyebabkan aktiviti khidmat nasihat dan pemantauan sukar dilaksanakan secara cekap dan berkesan.

Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015

Permohonan jawatan Pegawai TUNAS tambahan seramai 164 orang bagi mengurangkan nisbah Pegawai TUNAS kepada pekebun kecil telah dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Kementerian. Bagaimanapun, permohonan ini telah dikaji semula. Bengkel Penstrukturkan Semula Bahagian IRED telah diadakan pada 18 Ogos 2015. Antara cadangan telah dibuat adalah seperti maklum balas di perenggan 6.4.5.5(d). Resolusi bengkel akan dikemukakan kepada pihak pengurusan MPOB untuk pertimbangan selanjutnya.

6.4.10 Tiada Mekanisme Menilai *Outcome* Daripada Skim TSSPK dan TBSPK

6.4.10.1 Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012 menyatakan pencapaian program/projek ditakrifkan sebagai kejayaan menyempurnakan program/projek mengikut piawaian yang ditetapkan dari segi spesifikasi kerja, tempoh masa, kos dan kualiti *output* tetapi turut mencakupi *outcome* atau impak yang dihasilkan terhadap golongan sasar. MPOB telah menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) untuk pelaksanaan Skim TSSPK dan TBSPK iaitu menetapkan sasaran jumlah keluasan tanam semula dan tanam baru sawit yang perlu dicapai bagi setiap tahun. *Outcome* yang ditetapkan adalah meningkatkan pendapatan pekebun kecil dengan meningkatkan produktiviti pekebun kecil dengan purata hasil buah tandan segar 22 tan/hektar/tahun pada tahun 2020.

6.4.10.2 Semakan Audit mendapati KPI Skim TSSPK dan TBSPK ada dinilai dari semasa ke semasa melalui jumlah keluasan yang telah diluluskan oleh MPOB. Bagaimanapun, tiada mekanisme untuk menilai *outcome* yang dihasilkan daripada skim seperti kadar peningkatan pendapatan dan hasil pengeluaran sawit pekebun kecil. Semakan selanjutnya mendapati Buku Rekod Ladang merupakan salah satu mekanisme untuk merekod dan menilai *outcome* yang dihasilkan daripada skim. Bagaimanapun, Buku Rekod Ladang tidak diedarkan kepada semua pekebun kecil Skim TSSPK dan TBSPK. Ini disebabkan Skim TSSPK dan TBSPK mula dilaksanakan pada tahun 2011 dan hasil pengeluaran sawit hanya dapat dinilai selepas 3 tahun pokok sawit ditanam.

Pada pendapat Audit, walaupun Skim TSSPK dan TBSPK akan tamat pada tahun 2020, adalah wajar penilaian *preliminary outcome* dijalankan memandangkan ia penting untuk menilai tahap pencapaian objektif dan kejayaan Skim TSSPK dan TBSPK dalam membantu pekebun kecil meningkatkan pendapatan dan hasil pengeluaran sawit.

Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015

Satu kajian awal bertajuk “Preliminary Evaluation on 1st Year FFB Yield Among TSSPK Participants” sedang dilaksanakan untuk menilai outcome mengenai hasil tahun pertama buah tandan segar dan pendapatan Skim TSSPK dan TBSPK. Kajian yang lain yang berkaitan akan dicadangkan sebagai projek penyelidikan oleh Pegawai Penyelidik IRED untuk pertimbangan Programme Advisory Committee 2016. Selain itu, Jawatankuasa Kerja Pasukan Kajian Penilaian Outcome Projek EPP1 telah ditubuh dan diluluskan penubuhannya pada 22 Julai 2014.

6.4.11 Pemantauan

6.4.11.1 Pemantauan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pengurusan Skim TSSPK dan TBSPK dilaksanakan dengan cekap dan berkesan supaya kelemahan dan masalah di peringkat awal dikenal pasti dan pembetulan dibuat dengan segera. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan MPOB telah mewujudkan mekanisme pemantauan melalui jawatankuasa seperti jadual berikut:

JADUAL 6.20 : JAWATANKUASA SKIM TSSPK DAN TBSPK

BIL.	NAMA	FUNGSI	PENGERUSI
1.	NKEA Palm Oil & Rubber Steering Committee	Menentukan dasar dan polisi	YB Menteri KPPK
2.	Jawatankuasa Pelaksana NKEA	Memantau pelaksanaan NKEA EPP 1 – EPP 8	Ketua Pengarah MPOB
3.	Jawatankuasa Pemandu TBSPK	Merancang, mengurus, menilai, menimbang, meluluskan permohonan dan pelaksanaan TBSPK	Setiausaha Bahagian Kemajuan Industri Sawit dan Sago, KPPK
4.	Jawatankuasa Pelaksana TSSPK	Menimbang dan meluluskan permohonan TSSPK, bayaran penyediaan kawasan, Bantuan Penyelenggaraan Kebun dan merancang pelaksanaan EPP1.	Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

6.4.11.2 Semakan Audit mendapati kekerapan mesyuarat jawatankuasa adalah berdasarkan keperluan. Sebanyak 40 mesyuarat Jawatankuasa Pemandu TBSPK dan 91 mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana TSSPK telah diadakan antara tahun 2011 sehingga 2014 seperti jadual berikut:

JADUAL 6.21 : BILANGAN MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA TSSPK DAN PEMANDU TBSPK

TAHUN	BILANGAN MESYUARAT	
	JAWATANKUASA PELAKSANA TSSPK	JAWATANKUASA PEMANDU TBSPK
2011	30	5
2012	24	12
2013	18	11
2014	19	12
JUMLAH	91	40

Sumber: Bahagian Penyelidikan Integrasi & Pengembangan (IRED)

6.4.11.3 Antara agenda mesyuarat adalah menimbang dan meluluskan permohonan serta tuntutan bayaran. Semakan selanjutnya mendapati pemantauan terhadap permohonan dan tuntutan bayaran telah dilaksanakan dengan baik berserta gambar sebagai bukti. Bagaimanapun, tiada agenda mesyuarat untuk membincangkan status kemajuan penyaluran input pertanian di peringkat Jawatankuasa Pelaksana TSSPK dan Jawatankuasa Pemandu TBSPK. Sehubungan itu, tiada pemantauan terhadap penyaluran input pertanian di peringkat jawatankuasa bagi memastikan input pertanian disalurkan kepada pekebun kecil dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan Skim TSSPK dan TBSPK adalah memuaskan. Bagaimanapun, pemantauan terhadap penyaluran input pertanian adalah kurang berkesan kerana berlaku kelewatan dalam menyalurkan input pertanian kepada pekebun kecil.

Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015

Pemantauan penyaluran input pertanian telah dibuat di peringkat cawangan dan Ibu Pejabat melalui penyelaras pengkalan data mengikut seksyen masing-masing. Pemantauan juga telah dibuat melalui mesyuarat khas seperti mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Anak Benih, Baja dan Racun, mesyuarat Penentuan Baja TSSPK dan TBSPK mesyuarat bersama panel pembekal anak benih, mesyuarat bersama pembekal baja dan mesyuarat bersama Comerce Dot Com.

6.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan MPOB mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

6.5.1 MPOB hendaklah memastikan pemprosesan kelulusan permohonan dan pembekalan anak benih, baja dan bahan kimia dilaksanakan menepati tempoh yang ditetapkan dalam Manual Prosedur Kerja supaya keberkesanan skim boleh dicapai.

6.5.2 MPOB hendaklah meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan penyaluran input pertanian bagi memastikan Skim TSSPK dan TBSPK dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan. Antaranya adalah memastikan pangkalan data dikemas kini dan menggunakan SPS secara optimum.

6.5.3 MPOB perlu menetapkan mekanisme untuk menilai *outcome* atau impak yang dihasilkan oleh Skim TSSPK dan TBSPK terhadap golongan sasar.

6.5.4 MPOB hendaklah mengkaji semula nisbah Pegawai TUNAS dengan bilangan pekebun kecil supaya khidmat nasihat, proses permohonan dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 3.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

7

PENDAHULUAN

7.1 Akta Audit 1957, Seksyen 5(1)(d) memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Agensi Kerajaan sekiranya mendapat perintah daripada Yang di-Pertuan Agong. Sehubungan itu, satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 telah diwartakan pada 30 Oktober 2013 bagi membolehkan Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan. Sehingga kini, 323 syarikat subsidiari dan syarikat sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan (BBP) telah diwartakan untuk diaudit oleh Ketua Audit Negara.

7.2 Objektif penubuhan syarikat subsidiari BBP adalah untuk melaksanakan pelbagai aktiviti seperti perniagaan, pelaburan dan sosioekonomi. Pelaksanaan penubuhannya adalah bagi mendapat keuntungan dan pulangan yang munasabah serta memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada orang awam.

7.3 Penyata kewangan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari BBP diaudit oleh juruaudit yang dilantik selaras dengan kehendak Akta Syarikat 1965.

8

PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI

8.1 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai tahap prestasi kewangan syarikat dan menentukan sama ada pelaburan BBP dalam syarikat tersebut diuruskan dengan teratur dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

8.2 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

8.2.1 Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak penyata kewangan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari BBP (syarikat subsidiari) bagi tahun kewangan 2010 sehingga 2014. Analisis data kewangan telah dijalankan untuk menilai prestasi kewangan syarikat subsidiari di mana BBP mempunyai ekuiti lebih daripada 50%. Syarikat subsidiari ini terdiri daripada pelbagai sektor seperti perladangan, perhotelan, pendidikan, konsultan, harta tanah, pelaburan, pelancongan, kewangan, perkilangan dan sektor lain. Analisis data kewangan telah dijalankan berdasarkan data yang diperoleh daripada penyata kewangan yang beraudit bagi tahun kewangan 2010 sehingga 2014

meliputi prestasi kewangan, pembayaran dividen, cukai dan zakat serta status syarikat subsidiari. Setakat bulan Julai 2015, sebanyak 127 penyata kewangan syarikat subsidiari daripada 31 BBP telah diterima bagi tempoh 5 tahun tersebut. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.1 : PENYATA KEWANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP YANG DITERIMA BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2014

SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	
1. BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)	2. BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)
i. Commerce Agro Venture Sdn. Berhad ii. Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Berhad iii. Danamodal Nasional Berhad	i. Permodalan BSN Berhad ii. Prudential BSN Takaful Berhad
3. LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)	4. PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (IRDA)
i. CIDB-e Construct Service Sdn. Berhad ii. CIDB Holdings Sdn. Berhad iii. Akademi Binaan Malaysia (Selangor) Sdn. Berhad iv. Akademi Binaan Malaysia (Utara) Sdn. Berhad v. Akademi Binaan Malaysia (Terengganu) Sdn. Berhad vi. Akademi Binaan Malaysia (Sabah) Sdn. Berhad vii. Akademi Binaan Malaysia (Sarawak) Sdn. Berhad viii. Akademi Binaan Malaysia (Johor) Sdn. Berhad ix. ABM Management Services Sdn. Berhad	i. Prisma Harta Sdn. Berhad
5. LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)	6. LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (KETENGAH)
i. KEDA Agrobiz Sdn. Berhad ii. KEDA Holdings Sdn. Berhad iii. KEDA Properties And Management Sdn. Berhad iv. KEDA Resort And Holidays Sdn. Berhad	i. Ketengah Holdings Sdn. Berhad ii. Ketengah Perwira Sdn. Berhad iii. Ketengah Properties Sdn Berhad iv. Kolej Ketengah Sdn. Berhad v. Kuari Pondok Limau Sdn Berhad vi. Nikaniaga Travel & Tour Sdn. Berhad vii. Surada Jaya Sdn. Berhad viii. Tasik Puteri Integrated Farm (M) Sdn. Berhad ix. Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad
7. PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA (KRAFTANGAN)	8. KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)
i. Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Berhad ii. KRAF Holding Sdn. Berhad	i. Affordable Homes Sdn. Berhad ii. Kwasa Properties Sdn. Berhad iii. PPNK-Harta Sdn. Berhad iv. YTR Harta Sdn. Berhad v. Kwasa Land Sdn. Berhad
9. PERBADANAN LABUAN	10. LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)
i. LDA (Labuan) Holdings Sdn. Berhad	i. Irat Properties Sdn. Berhad ii. Pembinaan Perwira Harta Sdn. Berhad iii. Power Cables Malaysia Sdn. Berhad iv. Boustead Reit Managers Sdn. Berhad v. Irat Hotels & Resorts Sdn. Berhad vi. Usahasama PPHM – Juwana Sdn. Berhad
11. LEMBAGA TABUNG HAJI (LTH)	12. MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)
i. TH Travel & Services Sdn. Berhad	i. Kolej Sains Perubatan Antarabangsa Pusrawi Sdn. Berhad
13. MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)	14. INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
i. Institut Infotech MARA Sdn. Berhad ii. British Malaysia Institute Sdn. Berhad iii. FIT Centre Sdn. Berhad iv. Giatmara Sdn. Berhad v. Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad vi. Malaysia France Institute Sdn. Berhad vii. UNIKL (MIAT) Sdn. Berhad viii. Unikl Resources Sdn. Berhad	i. Marditech Corporation Sdn. Berhad ii. Mscape Management Sdn. Berhad iii. MAEPS Management Sdn. Berhad

SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	
ix. Pusat Pembangunan Reka Bentuk Sdn. Berhad x. Mara Incorporated Sdn. Berhad xi. Universiti Teknikal MARA Sdn. Berhad xii. KPTM Corporation Sdn. Berhad xiii. PMB Assets Sdn. Berhad xiv. PMB Consulting Sdn. Berhad xv. ASM Investment Services Sdn. Berhad xvi. ASM Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad xvii. Glocal Link Sdn. Berhad xviii. P.C.M Sdn. Berhad xix. Rural Capital Sdn. Berhad xx. MARA Excellent Ventures Sdn. Berhad	
15. PERBADANAN PUTRAJAYA (PPI) i. Pj Hotels & Resorts Sdn. Berhad ii. Syarikat Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad iii. Marina Putrajaya Sdn. Berhad	16. PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA) i. Espek Plantations Sdn. Berhad ii. Permodalan RISDA Berhad iii. Protac Insurance Brokers Sdn. Berhad iv. RISDA Fleet Sdn. Berhad v. RISDA Semaian dan Lanskap Sdn. Berhad vi. RISDA Plantations Sdn. Berhad vii. RISDA Wood Sdn. Berhad viii. RISDA Security And Services Sdn. Berhad ix. PRB Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad x. Kolej RISDA Sdn. Berhad xi. RISDA Bina Sdn. Berhad xii. ESPEK Sdn. Berhad xiii. ESPEK Livestock Sdn. Berhad
17. UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) i. UKM Holding Sdn. Berhad ii. UKM Pakarunding Sdn. Berhad iii. UKM Technology Sdn Berhad iv. UNIPEQ Sdn. Berhad	18. UNIVERSITI MALAYA (UM) i. UM Holdings Sdn. Berhad ii. UM Plantations Sdn. Berhad iii. UM Specialist Centre Sdn. Berhad iv. UM-PKNS Innotech Park Sdn. Berhad
19. UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) i. UMP Holdings Sdn. Berhad ii. UMP Consultancy & Training Sdn. Berhad iii. UMP Green Technology Sdn Berhad	20. UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT) i. UMT Jaya Holdings Sdn. Berhad
21. UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS) i. Unimas Holdings Sdn. Berhad	22. UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) i. UPM Consultancy & Services Sdn Berhad ii. UPM Education & Training Sdn Berhad iii. UPM Holdings Sdn Berhad
23. UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) i. UPSI Holdings Sdn. Berhad	24. UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) i. USIM Tijarah Holdings Sdn. Berhad
25. UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM) i. UTEM Holdings Sdn. Berhad	26. UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) i. Usains Holding Sdn. Berhad ii. Usains Tech Services Sdn. Berhad iii. Usains Tech Capital Sdn. Berhad iv. Usains Infotech Sdn. Berhad v. Usains Bio-Engineering Sdn. Berhad vi. Sanggar Sains Sdn. Berhad
27. UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) i. Global Technology Innovation & Management Sdn. Berhad ii. Sparkle Precision Sdn. Berhad iii. Uni- Technologies Sdn. Berhad iv. UTM Souvenir Shop Sdn. Berhad v. Phyto Biznet Sdn. Berhad	28. UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA i. UiTM Hospitality Management Sevices Sdn. Berhad ii. UiTM Document Services Sdn. Berhad iii. UiTM Holdings Sdn. Berhad
29. YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YAPEIM) i. Akademi Pengurusan YaPEIM Sdn. Berhad ii. Darul Sasaran (M) Sdn. Berhad iii. Institut Penyelidikan dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad iv. Perbadanan Infaq YaPEIM Sdn. Berhad	30. LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR) i. KESEDAR Dagang Sdn. Berhad ii. KESEDAR Inn Sdn. Berhad iii. KESEDAR Perkilangan Sdn. Berhad

SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	
v. Permodalan YaPEIM Sdn. Berhad vi. Pusat Perkhidmatan Usahawan YaPEIM Sdn. Berhad	
31. <u>LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN (Labuan FSA)</u> i. Pristine Era Sdn. Berhad ii. LOFSA Incorporated Sdn. Berhad	

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Nota: Analisis dibuat berdasarkan penyata kewangan yang lengkap diterima bagi tahun 2010 sehingga 2014

8.3 PENEMUAN AUDIT

Analisis Audit telah dijalankan dengan menggunakan data penyata kewangan syarikat subsidiari bagi tahun kewangan 2010 sehingga 2014. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i. Analisis bagi 5 tahun berturut-turut mendapati 28 syarikat subsidiari menunjukkan peningkatan pendapatan; 8 syarikat tidak menjana pendapatan; 62 syarikat mencatatkan keuntungan; 7 syarikat mengalami kerugian; 30 syarikat menunjukkan peningkatan aset; 6 syarikat mengalami penurunan aset; 3 syarikat menunjukkan penurunan liabiliti; 19 syarikat mengalami peningkatan liabiliti; 54 syarikat menunjukkan peningkatan dana pemegang saham; 3 syarikat menunjukkan penurunan dana; 11 syarikat menunjukkan ketidakcukupan dana; 62 syarikat menunjukkan nisbah pulangan atas ekuiti (ROE) positif dan 7 syarikat menunjukkan ROE negatif.
- ii. Sebanyak 30 syarikat subsidiari telah membayar dividen kepada Badan/Syarikat Induk pada tahun 2014; 14 syarikat telah membayar dividen 5 tahun berturut-turut dan 33 syarikat telah memperoleh keuntungan 5 tahun berturut-turut tetapi tidak membayar dividen kepada Badan/Syarikat Induk.
- iii. Pada tahun 2014, sebuah syarikat telah dibubarkan, 14 syarikat dalam tindakan pembubaruan dan 30 syarikat berstatus tidak aktif kerana tidak beroperasi, operasi dihentikan dan dorman.

Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

8.3.1 Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari Secara Keseluruhan

8.3.1.1 Pendapatan Syarikat Subsidiari

- a. Pada tahun 2014, pendapatan bagi 127 syarikat subsidiari adalah berjumlah RM5.11 bilion yang menunjukkan peningkatan sejumlah RM2.10 bilion atau 69.8% berbanding RM3.01 bilion pada tahun 2013. Antara syarikat subsidiari yang menunjukkan peningkatan pendapatan pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah syarikat subsidiari KWSP, MARA, LTH, BNM, UM, CIDB, YAPEIM, MAIWP, USM,

PPj, UiTM, Perbadanan Labuan, UTM, UKM, UNIMAS, KEDA, LABUAN FSA, BSN, IRDA, UTEM, USIM dan UMT. Syarikat subsidiari KWSP menjana pendapatan tertinggi pada tahun 2014 iaitu sejumlah RM2.02 bilion atau 39.5% dan menunjukkan peningkatan pendapatan sejumlah RM1.91 bilion atau 1,752.5% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Syarikat subsidiari di bawah RISDA, LTAT, KESEDAR, UPM, UMP, MARDI, KETENGAH, KRAFTANGAN dan UPSI menunjukkan penurunan pendapatan pada tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:


JADUAL 8.2 : PENDAPATAN SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI MENGIKUT BBP BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 SEHINGGA 2014

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	KWSP	61.94	75.99	85.35	108.92	2,017.71
2.	MARA	703.89	643.30	943.90	1,019.44	1,048.03
3.	RISDA	771.54	839.91	814.41	741.75	716.47
4.	LTH	226.20	253.86	250.95	268.09	290.80
5.	BNM	164.47	142.25	131.37	8.58	137.94
6.	LTAT	237.72	216.09	196.26	170.39	106.77
7.	UM	62.63	73.87	83.44	95.80	105.63
8.	CIDB	57.68	58.29	59.06	72.71	96.63
9.	KESEDAR	113.97	125.55	106.85	97.55	85.78
10.	YAPEIM	15.25	24.12	23.24	41.06	65.04
11.	MAIWP	3.35	7.52	20.69	39.67	59.69
12.	UPM	26.88	43.23	47.81	51.51	49.01
13.	USM	40.48	36.07	37.24	33.26	38.72
14.	UMP	20.52	21.14	38.24	40.55	35.18
15.	MARDI	29.28	20.13	35.24	35.62	32.60
16.	KETENGAH	41.94	53.23	39.43	34.93	31.36
17.	PPj	19.90	23.89	17.22	15.99	29.82
18.	UiTM	19.01	25.08	23.73	20.33	28.50
19.	PERBADANAN LABUAN	9.54	9.52	10.30	22.97	24.12
20.	UKM	17.01	13.33	15.27	10.11	23.20
21.	UTM	17.22	14.74	28.67	16.87	17.85
22.	KRAFTANGAN	15.48	16.42	15.98	15.94	14.15
23.	UNIMAS	13.82	9.71	11.34	9.98	14.14
24.	KEDA	0.00	5.26	7.31	8.38	10.60
25.	LABUAN FSA	6.60	7.23	9.85	7.13	7.76
26.	UPSI	0.00	1.40	4.06	9.36	6.97
27.	BSN	2.99	3.18	4.58	4.77	5.07

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
28.	IRDA	0.00	0.00	0.63	3.20	4.65
29.	UTEM	1.52	2.57	2.19	8.54	0.96
30.	USIM	0.23	1.45	1.25	0.84	0.93
31.	UMT	0.00	0.13	1.73	0.49	0.85
JUMLAH		2,701.06	2,768.46	3,067.59	3,014.73	5,106.93

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

CARTA 8.1 : PENDAPATAN SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI MENGIKUT BBP BAGI TAHUN KEWANGAN 2014



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Analisis Audit mendapati sebanyak 28 syarikat subsidiari telah mencatat peningkatan pendapatan setiap tahun. Pendapatan yang diperoleh oleh syarikat subsidiari tersebut adalah berjumlah RM756.27 juta pada tahun 2013 meningkat sejumlah RM2,117.32 juta atau 280% kepada RM2,873.59 juta pada tahun 2014. Sebanyak 6 syarikat subsidiari tidak menjana sebarang pendapatan bagi 5 tahun berterusan manakala masing-masing 1 syarikat subsidiari tidak menjana pendapatan bagi tahun 2010 sehingga 2013 dan 2012 sehingga 2014 disebabkan syarikat tersebut berstatus tidak aktif. Kedudukan syarikat subsidiari yang memperoleh peningkatan pendapatan dan tidak menjana pendapatan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 8.3 : SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI YANG MEMPEROLEH
PENINGKATAN PENDAPATAN DAN TIDAK MENJANA PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 SEHINGGA 2014**

BIL.	SYARIKAT YANG MEMPEROLEH PENINGKATAN PENDAPATAN	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Kwasa Land Sdn. Berhad	0.00	0.03	0.52	3.19	1,978.67
2.	Giatmara Sdn. Berhad	117.57	129.36	177.60	243.71	297.80
3.	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad	99.02	105.43	107.05	144.02	157.01
4.	UM Specialist Centre Sdn. Berhad	62.17	72.03	81.54	92.52	104.01
5.	Kolej Sains Perubatan Antarabangsa Pusrawi Sdn. Berhad	3.35	7.52	20.69	39.67	59.69
6.	P.C.M Sdn. Berhad	38.79	43.25	49.04	52.54	56.01
7.	UMP Holdings Sdn. Berhad	16.01	19.17	28.60	28.63	29.52
8.	MAEPS Management Sdn. Berhad	10.90	13.87	22.37	25.25	27.10
9.	UPM Education & Training Sdn. Berhad	10.49	18.03	21.56	22.60	23.10
10.	Rural Capital Sdn. Berhad	0.00	0.00	0.00	12.03	19.08
11.	Kolej RISDA Sdn. Berhad	10.87	11.05	12.56	14.12	16.78
12.	Akademi Binaan Malaysia (Utara) Sdn. Berhad	9.09	10.41	10.49	14.36	15.04
13.	Institut Penyelidikan dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad	3.81	4.96	7.82	11.49	14.62
14.	CIDB Holdings Sdn. Berhad	3.59	3.59	3.95	7.25	13.63
15.	Permodalan RISDA Berhad	5.45	6.10	7.41	9.40	12.35
16.	MARA Excellent Ventures Sdn. Berhad	0.00	0.00	1.83	6.70	10.67
17.	UPM Holdings Sdn. Berhad	1.89	4.58	4.93	5.52	5.69
18.	KEDA Agrobiz Sdn. Berhad	0.00	3.37	3.90	5.19	5.57
19.	Marina Putrajaya Sdn. Berhad	0.23	0.42	0.52	1.50	5.45
20.	Prisma Harta Sdn. Berhad	0.00	0.00	0.63	3.20	4.65
21.	Permodalan BSN Berhad	2.58	2.63	3.72	3.78	3.94
22.	KEDA Resort And Holidays Sdn. Berhad	0.00	0.87	2.17	2.35	2.75
23.	Akademi Pengurusan YaPEIM Sdn. Berhad	0.96	1.01	1.79	2.17	2.73
24.	Protac Insurance Brokers Sdn. Berhad	1.47	1.48	1.53	2.12	2.39
25.	KEDA Properties And Management Sdn. Berhad	0.00	0.08	0.22	0.54	2.06
26.	UMP Green Technology Sdn. Berhad	0.10	0.12	0.49	1.15	1.88
27.	Prudential BSN Takaful Berhad	0.41	0.54	0.86	0.99	1.12
28.	UM Plantations Sdn. Berhad	0.07	0.09	0.21	0.28	0.28
JUMLAH		398.82	459.99	574.00	756.27	2,873.59

BIL.	SYARIKAT TIDAK MENJANA PENDAPATAN	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Tasik Puteri Integrated Farm (M) Sdn. Berhad	0	0	0	0	0
2.	Pembinaan Perwira Harta Sdn. Berhad	0	0	0	0	0
3.	Usahasama PPHM – Juwana Sdn. Berhad	0	0	0	0	0
4.	PMB Assets Sdn. Berhad	0	0	0	0	0
5.	ASM Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad	0	0	0	0	0
6.	Usains Bio-Engineering Sdn. Berhad	0	0	0	0	0
7.	UNIKL (MIAT) Sdn. Berhad	0.01	0.01	0	0	0
8.	PMB Consulting Sdn. Berhad	0	0	0	0	0.11
JUMLAH		0.01	0.01	0	0	0.11

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

8.3.1.2 Keuntungan Selepas Cukai

- a. Pada keseluruhannya, keuntungan selepas cukai bagi 127 syarikat subsidiari pada tahun 2014 adalah berjumlah RM365.74 juta. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM161.58 juta atau 79.1% berbanding sejumlah RM204.16 juta pada tahun 2013. Syarikat subsidiari BNM, RISDA, MARA, KETENGAH dan LTAT menyumbang kepada keuntungan yang lebih tinggi berbanding BBP lain pada tahun 2014 iaitu 36.1%, 16.9%, 15.6%, 4.3% dan 3.9% masing-masing. Keuntungan/(kerugian) syarikat subsidiari mengikut BBP adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.4 : KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI MENGIKUT BBP BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 SEHINGGA 2014

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	BNM	5.89	(0.39)	(6.92)	1.91	131.87
2.	RISDA	13.45	20.29	25.48	24.78	61.85
3.	MARA	40.12	29.15	61.71	66.91	57.13
4.	KETENGAH	26.44	30.00	21.27	18.03	15.59
5.	LTAT	17.28	13.61	27.06	3.73	14.34
6.	UMP	7.82	10.04	14.28	14.24	14.14
7.	LTH	15.01	13.35	3.38	9.77	11.70
8.	KWSP	38.06	51.55	38.13	41.62	9.07
9.	MAIWP	(0.99)	(0.89)	2.55	6.53	8.34
10.	YAPEIM	2.33	8.75	4.58	3.66	7.17
11.	UPM	2.17	4.79	5.01	6.47	6.99
12.	CIDB	3.02	1.74	1.68	3.04	6.93
13.	UiTM	1.54	2.26	(0.58)	(0.41)	4.94

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
14.	UKM	0.54	(1.71)	(0.23)	(1.38)	4.06
15.	IRDA	0.00	(0.00)	(0.12)	1.02	2.55
16.	KESEDAR	1.61	1.84	1.90	1.56	1.58
17.	MARDI	(3.10)	(3.81)	0.99	(2.06)	1.56
18.	USM	4.57	5.13	8.39	0.33	1.56
19.	PPj	(2.02)	(1.10)	(0.48)	(2.39)	1.40
20.	UM	0.11	(0.84)	1.35	1.64	0.87
21.	PERBADANAN LABUAN	0.25	0.14	0.33	0.46	0.73
22.	UPSI	(0.10)	0.55	1.66	2.65	0.67
23.	BSN	0.29	0.13	0.46	0.26	0.24
24.	UTM	1.14	0.18	0.44	0.58	0.23
25.	UTEM	0.07	0.18	(0.02)	0.20	0.22
26.	KEDA	(0.05)	0.31	0.17	0.16	0.17
27.	LABUAN FSA	0.58	(0.45)	1.00	0.04	0.14
28.	UMT	(0.01)	(0.08)	0.09	(0.09)	0.06
29.	UNIMAS	0.63	0.03	0.12	0.95	0.05
30.	USIM	0.06	0.06	(0.05)	(0.12)	(0.00)
31.	KRAFTANGAN	0.42	(0.00)	0.16	0.07	(0.41)
JUMLAH		177.13	184.81	213.79	204.16	365.74

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Semakan lanjut mendapati sebanyak 62 syarikat subsidiari memperoleh keuntungan selepas cukai dan sebanyak 7 syarikat mengalami kerugian bagi 5 tahun berturut-turut. Pada tahun 2014, keuntungan selepas cukai bagi syarikat subsidiari tersebut adalah berjumlah RM323.31 juta dan syarikat yang mengalami kerugian adalah berjumlah RM2.16 juta. Antara punca syarikat subsidiari mengalami kerugian adalah penurunan pendapatan, peningkatan perbelanjaan operasi dan syarikat berstatus tidak aktif. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.5 : SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI YANG MEMPEROLEH KEUNTUNGAN(KERUGIAN) BAGI 5 TAHUN BERTURUT-TURUT BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 SEHINGGA 2014

BIL.	SYARIKAT YANG MEMPEROLEH KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Danamodal Nasional Berhad	0.13	0.14	0.13	0.12	134.78
2.	Permodalan RISDA Berhad	2.30	2.35	2.53	2.95	37.79
3.	Irat Hotels & Resorts Sdn. Berhad	7.16	6.33	21.76	8.34	20.77

2014 LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3

BIL.	SYARIKAT YANG MEMPEROLEH KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
4.	Universiti Teknikal MARA Sdn. Berhad	22.38	7.51	8.96	11.43	16.78
5.	UMP Holdings Sdn. Berhad	7.91	9.98	13.76	13.30	14.82
6.	Ketengah Perwira Sdn. Berhad	20.33	27.01	13.38	12.89	11.94
7.	TH Travel & Services Sdn. Berhad	15.01	13.35	3.38	9.77	11.70
8.	Permodalan YaPEIM Sdn. Berhad	0.78	6.57	3.25	1.78	8.18
9.	Pusat Pembangunan Reka Bentuk Sdn. Berhad	6.66	2.25	6.44	5.19	7.62
10.	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad	4.13	1.02	1.11	6.72	7.28
11.	ESPEK Sdn. Berhad	3.20	7.11	9.07	4.11	4.36
12.	UNIKL (MIAT) Sdn. Berhad	3.33	3.89	1.19	4.99	3.91
13.	RISDA Semaian dan Lanskap Sdn. Berhad	0.22	1.84	3.84	4.05	3.42
14.	Ketengah Holdings Sdn. Berhad	5.54	2.65	7.44	4.03	3.22
15.	RISDA Plantations Sdn. Berhad	3.35	8.46	3.75	1.98	3.21
16.	British Malaysia Institute Sdn. Berhad	2.51	3.56	2.86	2.34	3.18
17.	UPM Education & Training Sdn. Berhad	1.21	2.63	2.29	2.52	3.18
18.	UPM Holdings Sdn. Berhad	0.79	1.37	1.47	2.21	2.51
19.	CIDB Holdings Sdn. Berhad	0.18	0.19	0.40	0.80	2.41
20.	Espek Plantations Sdn. Berhad	2.37	2.01	2.15	1.79	1.81
21.	RISDA Security Services Sdn. Berhad	0.53	0.71	1.54	1.75	1.59
22.	MAEPS Management Sdn. Berhad	0.42	0.58	0.82	0.45	1.45
23.	Usains Holding Sdn. Berhad	1.18	1.40	7.75	1.14	1.42
24.	UPM Consultancy & Services Sdn. Berhad	0.18	0.80	1.26	1.75	1.31
25.	P.C.M Sdn. Berhad	2.92	3.94	1.92	1.47	1.16
26.	Giatmara Sdn. Berhad	0.23	5.20	0.25	0.38	1.08
27.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	0.74	1.09	1.39	0.64	1.00
28.	Kolej RISDA Sdn. Berhad	0.86	0.85	0.64	0.87	0.96
29.	Akademi Binaan Malaysia (Sabah) Sdn. Berhad	0.23	0.29	0.20	0.58	0.91
30.	ESPEK Livestock Sdn. Berhad	0.38	0.29	0.65	1.84	0.89
31.	Akademi Binaan Malaysia (Johor) Sdn. Berhad	0.36	0.51	0.13	0.67	0.77
32.	Akademi Binaan Malaysia (Selangor) Sdn. Berhad	0.16	0.18	0.21	0.71	0.74
33.	LDA (Labuan) Holdings Sdn. Berhad	0.25	0.14	0.33	0.46	0.73
34.	Mara Incorporated Sdn. Berhad	1.00	3.95	35.92	25.33	0.73
35.	Usains Tech Services Sdn. Berhad	0.39	0.76	0.54	0.60	0.73
36.	Akademi Binaan Malaysia (Utara) Sdn. Berhad	0.33	0.39	0.94	0.32	0.66
37.	Uni-Technologies Sdn. Berhad	0.38	0.29	0.40	0.50	0.59
38.	Akademi Binaan Malaysia (Sarawak) Sdn. Berhad	0.14	0.12	0.10	0.25	0.52
39.	Protac Insurance Brokers Sdn. Berhad	0.13	0.18	0.08	0.33	0.47
40.	Institut Penyelidikan dan Perundingan YaPEIM	0.45	0.54	0.22	0.24	0.40

BIL.	SYARIKAT YANG MEMPEROLEH KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
	Sdn. Berhad					
41.	KESEDAR Perkilangan Sdn. Berhad	0.24	0.41	0.41	0.76	0.36
42.	Pusat Perkhidmatan Usahawan YaPEIM Sdn. Berhad	0.27	0.41	0.30	0.47	0.31
43.	Akademi Pengurusan YaPEIM Sdn. Berhad	0.25	0.17	0.40	0.44	0.28
44.	Perbadanan Infaq YaPEIM Sdn. Berhad	0.33	0.29	0.21	0.26	0.25
45.	Permodalan BSN Berhad	0.28	0.11	0.44	0.24	0.22
46.	KESEDAR Inn Sdn. Berhad	0.63	0.34	0.10	0.16	0.21
47.	ABM Management Services Sdn. Berhad	0.04	0.04	0.11	0.09	0.12
48.	Kuari Pondok Limau Sdn. Berhad	0.22	0.00	0.01	0.02	0.10
49.	Ketengah Properties Sdn. Berhad	0.11	0.24	0.17	0.75	0.07
50.	Irat Properties Sdn. Berhad	0.13	0.24	0.26	0.42	0.07
51.	UNIPEQ Sdn. Berhad	0.11	0.15	0.13	0.03	0.07
52.	Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad	0.21	0.17	0.24	0.03	0.06
53.	Unimas Holdings Sdn. Berhad	0.63	0.03	0.12	0.95	0.05
54.	Kwasa Properties Sdn. Berhad	33.65	50.46	37.14	41.58	0.04
55.	UM Plantations Sdn. Berhad	0.01	0.00	0.00	0.06	0.03
56.	Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Berhad	27.96	0.04	0.04	0.02	0.02
57.	Prudential BSN Takaful Berhad	0.01	0.02	0.02	0.03	0.02
58.	Surada Jaya Sdn. Berhad	0.04	0.05	0.08	0.01	0.02
59.	Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Berhad	0.27	0.21	0.10	0.07	0.02
60.	UiTM Hospitality Management Sevices Sdn. Berhad	0.68	0.24	0.00	0.24	0.01
61.	YTR Harta Sdn. Berhad	2.59	3.23	3.87	4.63	0.00
62.	LOFSA Incorporated Sdn. Berhad	0.00	0.00	1.00	0.00	0.00
JUMLAH		189.41	189.28	209.60	192.85	323.31

BIL.	SYARIKAT YANG MENGALAMI KERUGIAN SELEPAS CUKAI	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Pembinaan Perwira Harta Sdn. Berhad	(0.02)	(0.15)	(0.02)	(0.20)	(0.60)
2.	Institut Infotech MARA Sdn. Berhad	(0.14)	(1.32)	(0.22)	(0.11)	(0.26)
3.	UniKL (MIAT) Sdn. Berhad	(0.09)	(0.09)	(0.10)	(0.09)	(0.22)
4.	Pj Hotels & Resorts Sdn. Berhad	(1.98)	(1.22)	(0.64)	(1.34)	(1.01)
5.	PRB Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad	(0.05)	(0.05)	(0.07)	(0.07)	(0.07)
6.	Usains Bio-Engineering Sdn. Berhad	(0.00)	(0.00)	(0.00)	(0.00)	(0.00)
7.	Tasik Puteri Integrated (M) Sdn. Berhad	(0.03)	(0.01)	(0.01)	(0.00)	(0.00)
JUMLAH		(2.31)	(2.84)	(1.06)	(1.81)	(2.16)

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

8.3.1.3 Pegangan Aset

a. Aset yang dipegang oleh syarikat subsidiari merupakan aset tetap dan semasa yang terdiri daripada harta tanah dan peralatan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu, inventori, penghutang, tunai dan simpanan tetap. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan pegangan aset bagi 4 tahun berturut-turut dari tahun 2010 sehingga 2013 iaitu daripada RM6.84 bilion kepada RM11.67 bilion manakala berlaku penurunan pegangan aset pada tahun 2014 sejumlah RM492 juta kepada RM11.18 bilion berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ketara adalah pada tahun 2012 iaitu meningkat sejumlah RM3.53 bilion atau 48.6% berbanding tahun 2011. Pada tahun 2014, sejumlah RM4.14 bilion atau 37% daripada aset tersebut dimiliki oleh syarikat subsidiari BNM dan sejumlah RM2.71 bilion atau 24.2% dimiliki oleh syarikat subsidiari KWSP. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.6 : PEGANGAN ASET SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI MENGIKUT BBP BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 SEHINGGA 2014

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	BNM	3,306.97	3,221.86	3,982.26	4,102.89	4,139.90
2.	KWSP	712.10	699.28	3,155.19	3,377.92	2,711.05
3.	MARA	675.47	895.92	1,198.64	1,583.83	1,601.86
4.	RISDA	507.77	639.85	595.11	631.75	652.18
5.	LTAT	699.53	649.75	617.11	617.64	621.26
6.	UMP	160.12	242.70	244.37	243.64	269.19
7.	KETENGAH	167.08	195.84	212.66	222.64	229.13
8.	UM	54.99	133.39	134.40	143.02	146.50
9.	LTH	77.25	86.01	86.60	109.58	139.93
10.	YAPEIM	124.73	130.46	130.52	166.48	127.68
11.	CIDB	70.26	67.32	72.83	84.11	110.93
12.	KESEDAR	57.32	61.01	71.08	77.34	70.55
13.	UPM	26.81	33.06	44.71	48.14	59.59
14.	USM	46.26	44.43	45.19	50.33	53.99
15.	MAIWP	3.13	9.85	14.34	25.72	36.35
16.	UNIMAS	26.93	26.45	36.18	33.17	27.64
17.	UKM	22.59	22.01	22.83	21.66	23.58
18.	PPj	4.85	4.48	4.98	11.26	23.47
19.	UiTM	21.44	23.55	23.92	22.82	22.75
20.	KEDA	3.53	4.43	5.64	6.79	19.97
21.	UTM	10.54	11.07	16.09	18.15	17.35
22.	BSN	14.48	14.70	15.42	15.92	16.54

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
23.	MARDI	18.55	13.27	15.85	14.08	16.47
24.	KRAFTANGAN	14.29	13.03	13.76	13.09	11.79
25.	LABUAN FSA	9.06	9.00	8.54	6.66	7.34
26.	IRDA	0.00	0.00	2.24	5.95	6.56
27.	UPSI	0.18	1.17	3.02	6.02	6.41
28.	UTEM	1.40	1.26	12.28	5.24	4.58
29.	PERBADANAN LABUAN	1.89	1.91	2.37	5.95	4.18
30.	USIM	0.35	0.53	0.46	0.55	1.44
31.	UMT	0.59	0.51	0.65	0.70	0.88
JUMLAH		6,840.46	7,258.10	10,789.24	11,673.04	11,181.04

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Semakan lanjut mendapati sebanyak 30 syarikat subsidiari telah menunjukkan peningkatan aset manakala sebanyak 6 syarikat subsidiari mengalami penurunan pegangan aset untuk 5 tahun berturut-turut. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.7 : SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN DAN PENURUNAN PEGANGAN ASET BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 SEHINGGA 2014

BIL.	SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN ASET	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Danamodal Nasional Berhad	3,100.50	3,100.64	3,868.25	3,987.27	4,122.05
2.	Kwasa Land Sdn. Berhad	0.00	11.09	2,398.57	2,514.90	2,669.45
3.	Universiti Teknikal MARA Sdn. Berhad	225.30	239.58	254.76	318.68	360.63
4.	TH Travel & Services Sdn. Berhad	77.25	86.01	86.60	109.58	139.93
5.	Ketengah Perwira Sdn. Berhad	91.40	116.35	121.65	126.88	132.04
6.	RISDA Semaian dan Lanskap Sdn. Berhad	46.69	50.63	75.62	110.15	123.86
7.	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad	57.08	63.51	65.59	109.96	110.16
8.	Malaysia France Institute Sdn. Berhad	86.48	90.34	91.43	96.46	100.36
9.	Ketengah Holdings Sdn. Berhad	59.80	62.13	72.38	73.50	80.19
10.	P.C.M Sdn. Berhad	42.05	47.91	51.21	54.33	65.27
11.	Usains Holding Sdn. Berhad	27.89	30.85	37.07	40.96	42.41
12.	Kolej Sains Perubatan Antarabangsa Pusrawi Sdn. Berhad	3.13	9.85	14.34	25.72	36.35
13.	Pusat Pembangunan Reka Bentuk Sdn. Berhad	9.90	12.04	18.69	23.95	32.13
14.	Kolej RISDA Sdn. Berhad	11.95	26.22	27.55	28.69	31.01
15.	UPM Holdings Sdn. Berhad	6.68	9.21	16.34	16.53	24.32

BIL.	SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN ASET	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
16.	Institut Penyelidikan dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad	4.09	4.96	7.82	15.64	22.84
17.	UPM Consultancy & Services Sdn. Berhad	7.54	9.93	15.28	15.43	16.86
18.	Marina Putrajaya Sdn. Berhad	0.58	0.64	0.94	2.94	12.64
19.	MARA Excellent Ventures Sdn. Berhad	0.00	0.77	2.22	10.35	12.08
20.	Usains Tech Services Sdn. Berhad	4.16	5.27	5.31	7.08	8.80
21.	Prisma Harta Sdn. Berhad	0.00	0.00	2.24	5.95	6.56
22.	UPSI Holdings Sdn. Berhad	0.18	1.17	3.02	6.02	6.41
23.	Syarikat Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad	1.10	1.13	1.26	5.49	6.06
24.	Pusat Perkhidmatan Usahawan YaPEIM Sdn. Berhad	2.51	3.61	4.08	4.69	5.65
25.	KEDA Agrobiz Sdn. Berhad	0.26	2.23	2.46	2.77	3.34
26.	KESEDAR Inn Sdn. Berhad	2.37	2.39	2.47	2.77	2.90
27.	Kolej Ketengah Sdn. Berhad	0.62	0.75	1.19	1.48	2.04
28.	Prudential BSN Takaful Berhad	0.55	0.75	1.05	1.42	1.74
29.	KEDA Resort And Holidays Sdn. Berhad	0.26	0.52	1.25	1.58	1.72
30.	Usains Tech Capital Sdn. Berhad	0.03	0.24	0.93	1.00	1.29
JUMLAH		3,870.35	3,990.72	7,251.57	7,722.17	8,181.09

BIL.	SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN ASET	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	CIDB-e Construct Service Sdn. Berhad	9.30	7.54	6.04	5.04	4.85
2.	Pembinaan Perwira Harta Sdn. Berhad	1.49	1.49	1.48	1.48	1.48
3.	KRAF Holding Sdn. Berhad	1.85	1.69	1.65	1.60	1.24
4.	Institut Infotech MARA Sdn. Berhad	3.09	1.58	1.36	1.15	0.92
5.	UNIKL (MIAT) Sdn. Berhad	0.80	0.71	0.62	0.54	0.48
6.	Usahasama PPHM – Juwana Sdn. Berhad	0.26	0.26	0.26	0.26	0.26
JUMLAH		16.79	13.27	11.41	10.07	9.23

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

8.3.1.4 Liabiliti Syarikat Subsidiari

- a. Liabiliti semasa dan jangka panjang syarikat subsidiari antaranya adalah overdraf, pembiutang, deposit, pendahuluan, pinjaman, amaun terhutang kepada Badan Induk dan cukai. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan liabiliti bagi 4 tahun berturut-turut dari tahun 2010 sehingga 2013 bagi 127 syarikat subsidiari iaitu daripada RM2.32 bilion kepada RM5.70 bilion. Pada tahun 2014, liabiliti syarikat ini telah menurun sejumlah RM0.51 bilion atau 8.9% kepada

RM5.19 bilion berbanding tahun sebelum. Syarikat subsidiari KWSP mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM2.68 bilion atau 51.6% dan diikuti oleh syarikat subsidiari MARA berjumlah RM0.73 bilion atau 14.1%. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.8 : LIABILITI SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI MENGIKUT BBP BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 SEHINGGA 2014

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	KWSP	546.61	528.21	2,988.05	3,178.54	2,680.81
2.	MARA	239.13	420.31	511.43	706.25	727.42
3.	LTAT	546.45	491.96	444.56	443.07	432.35
4.	RISDA	293.56	407.50	423.54	448.30	430.23
5.	UMP	151.28	226.28	212.67	197.69	268.25
6.	YAPEIM	125.08	123.05	117.97	149.54	111.03
7.	UM	39.04	119.31	99.72	98.40	94.96
8.	BNM	150.58	150.45	150.29	150.10	55.24
9.	CIDB	15.63	12.00	16.72	25.80	48.41
10.	LTH	12.58	11.75	12.03	25.24	47.38
11.	KETENGAH	32.32	35.95	40.91	49.55	46.90
12.	KESEDAR	28.85	30.79	38.02	41.15	34.71
13.	UPM	23.04	24.51	32.14	30.10	33.51
14.	USM	34.23	27.64	25.59	30.78	32.89
15.	UNIMAS	24.38	23.88	33.48	29.98	24.41
16.	PPj	3.04	2.89	3.14	11.50	20.82
17.	KEDA	0.80	1.99	4.19	5.47	16.01
18.	MAIWP	0.62	3.85	5.78	9.68	15.64
19.	UKM	11.38	12.87	13.93	14.14	12.51
20.	UTM	6.07	6.75	11.42	13.11	12.34
21.	LABUAN FSA	14.56	14.94	13.49	11.57	12.11
22.	MARDI	9.33	7.86	9.45	9.73	11.00
23.	UPSI	0.02	0.46	0.65	1.00	7.24
24.	UiTM	3.74	3.59	4.68	4.14	4.27
25.	UTEM	0.56	11.60	4.36	3.48	3.48
26.	KRAFTANGAN	4.62	3.43	4.08	3.37	2.49
27.	IRDA	0.00	0.00	2.36	5.05	2.11
28.	BSN	1.18	13.71	1.47	1.70	2.08
29.	PERBADANAN LABUAN	0.56	0.45	0.58	3.70	1.20
30.	USIM	0.15	0.28	0.26	0.47	1.06

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
31.	UMT	0.00	0.00	0.05	0.19	0.31
	JUMLAH	2,319.39	2,718.26	5,227.01	5,702.79	5,193.17

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Semakan lanjut mendapati liabiliti bagi 19 syarikat subsidiari telah meningkat manakala 3 syarikat iaitu LOFSA Incorporated Sdn. Berhad, Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad dan CIDB-e Construct Service Sdn. Berhad menunjukkan penurunan untuk 5 tahun berturut-turut. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.9 : SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI YAN MENUNJUKKAN PENINGKATAN DAN PENURUNAN LIABILITI BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 SEHINGGA 2014

BIL.	SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN LIABILITI	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Kwasa Land Sdn. Berhad	0.00	5.33	2,400.79	2,522.11	2,636.09
2.	Universiti Teknikal MARA Sdn. Berhad	141.61	148.43	155.52	193.55	233.25
3.	RISDA Semaian dan Lanskap Sdn. Berhad	10.40	42.55	63.70	94.46	105.15
4.	UM Specialist Centre Sdn. Berhad	19.66	19.90	22.66	23.63	24.30
5.	Kolej Sains Perubatan Antarabangsa Pusrawi Sdn. Berhad	0.62	3.85	5.78	9.68	15.64
6.	PMB Assets Sdn. Berhad	0.00	0.00	0.00	0.00	11.63
7.	UPSI Holdings Sdn. Berhad	0.02	0.46	0.65	1.00	7.24
8.	Nikaniaga Travel & Tour Sdn. Berhad	2.76	3.57	3.92	4.94	4.98
9.	MARA Excellent Ventures Sdn. Berhad	0.03	0.03	0.24	0.83	4.28
10.	Pembinaan Perwira Harta Sdn. Berhad	2.81	2.95	2.96	3.16	3.75
11.	KEDA Agrobiz Sdn. Berhad	0.01	1.85	2.03	2.61	3.16
12.	UiTM Document Services Sdn. Berhad	0.51	0.69	0.79	0.80	2.47
13.	Prudential BSN Takaful Berhad	0.44	0.63	0.90	1.25	1.55
14.	KEDA Resort And Holidays Sdn. Berhad	0.01	0.02	0.89	1.21	1.28
15.	UMT Jaya Holdings Sdn. Berhad	0.00	0.00	0.05	0.19	0.31
16.	UniKL (MIAT) Sdn. Berhad	0.09	0.09	0.09	0.09	0.26
17.	PMB Consulting Sdn. Berhad	0.00	0.00	0.00	0.00	0.26
18.	Institut Penyelidikan dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad	0.02	0.03	0.03	0.03	0.03

BIL.	SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN LIABILITI	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
19.	Danamodal Nasional Berhad	0.01	0.01	0.01	0.01	0.01
	JUMLAH	179.00	230.39	2,661.01	2,859.55	3,055.64

BIL.	SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN LIABILITI	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	LOFSA Incorporated Sdn. Berhad	4.00	4.00	4.00	4.00	4.00
2.	Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad	1.63	1.59	1.46	1.37	1.03
3.	CIDB-e Construct Service Sdn. Berhad	3.27	1.04	0.43	0.31	0.12
	JUMLAH	8.90	6.63	5.89	5.68	5.15

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

8.3.1.5 Dana Pemegang Saham

a. Dana Pemegang Saham merangkumi modal yang dibayar oleh pemegang saham dan keuntungan/(kerugian) terkumpul syarikat. Prestasi sesebuah syarikat dianggap baik sekiranya berjaya meningkatkan dana pemegang saham secara berterusan. Analisis Audit mendapati sebanyak 54 syarikat subsidiari menunjukkan peningkatan dana pemegang saham secara berturut-turut bagi tahun kewangan 2010 sehingga 2014 manakala 3 syarikat subsidiari mengalami penurunan dana. Baki dana pemegang saham pada tahun 2014 bagi 54 syarikat subsidiari tersebut berjumlah RM5.67 bilion meningkat sejumrah RM0.32 bilion atau 6% berbanding RM5.35 bilion pada tahun 2013. Dana pemegang saham bagi 3 syarikat subsidiari pula menurun sejumrah RM6.25 juta atau 18.4% kepada RM27.71 juta berbanding RM33.96 juta pada tahun 2013. Pada tahun 2014, Danamodal Nasional Berhad mencatatkan dana pemegang saham tertinggi berjumlah RM4.12 bilion diikuti oleh Ketengah Holdings Sdn. Berhad berjumlah RM219.26 juta dan Irat Hotels & Resorts Sdn. Berhad berjumlah RM151.33 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.10 : SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN DANA PEMEGANG SAHAM BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 SEHINGGA 2014

BIL.	SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN DANA	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Danamodal Nasional Berhad	3,599.64	3,739.15	3,868.24	3,987.26	4,122.04
2.	Ketengah Holdings Sdn. Berhad	148.10	180.72	200.19	212.18	219.26
3.	Irat Hotels & Resorts Sdn. Berhad	75.44	81.77	122.22	130.56	151.33
4.	Ketengah Perwira Sdn. Berhad	82.35	105.08	110.98	116.22	137.31

2014 LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3

BIL.	SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN DANA	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
5.	Universiti Teknikal MARA Sdn. Berhad	77.89	83.96	91.97	117.49	127.38
6.	TH Travel & Services Sdn. Berhad	63.97	73.57	74.59	84.35	92.55
7.	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad	39.46	46.48	51.67	76.24	88.30
8.	RISDA Plantations Sdn. Berhad	63.76	71.66	74.66	75.89	78.10
9.	UMP Holdings Sdn. Berhad	8.74	16.27	31.03	44.33	59.15
10.	ESPEK Sdn. Berhad	26.81	33.17	39.17	41.78	56.14
11.	Glocal Link Sdn. Berhad	1.07	2.24	53.97	54.80	56.13
12.	Permodalan RISDA Berhad	39.83	39.95	42.62	45.62	49.06
13.	Pusat Pembangunan Reka Bentuk Sdn. Berhad	9.28	11.53	17.98	23.17	30.79
14.	Irat Properties Sdn. Berhad	29.84	30.08	30.34	30.76	30.76
15.	Kolej RISDA Sdn. Berhad	9.49	24.34	24.89	25.54	26.84
16.	P.C.M Sdn. Berhad	21.12	24.06	24.98	25.85	26.41
17.	UPM Holdings Sdn. Berhad	1.83	3.20	3.67	4.88	26.20
18.	KESEDAR Perkilangan Sdn. Berhad	23.84	24.24	24.65	25.42	25.78
19.	CIDB Holdings Sdn. Berhad	22.68	22.73	22.99	23.64	25.67
20.	Malaysia France Institute Sdn. Berhad	9.71	13.59	14.79	19.78	23.69
21.	British Malaysia Institute Sdn. Berhad	9.76	13.32	16.18	18.52	21.70
22.	Kolej Sains Perubatan Antarabangsa Pusrawi Sdn. Berhad	2.51	6.00	8.56	14.96	20.71
23.	Usains Holding Sdn. Berhad	8.44	9.53	16.19	17.00	20.20
24.	Giatmara Sdn. Berhad	0.90	13.63	13.88	14.26	19.99
25.	RISDA Semaian dan Lanskap Sdn. Berhad	6.29	8.08	11.92	15.68	18.71
26.	UPM Education & Training Sdn. Berhad	1.41	4.04	6.32	8.84	12.01
27.	Espek Plantations Sdn. Berhad	5.69	7.70	9.25	10.45	11.66
28.	RISDA Security Services Sdn. Berhad	5.71	6.43	7.39	9.29	10.69
29.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	5.08	6.18	7.57	8.06	8.87
30.	Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Berhad	7.97	8.11	8.14	8.17	8.17
31.	FIT Centre Sdn. Berhad	1.28	5.63	5.91	5.94	6.01
32.	UPSI Holdings Sdn. Berhad	0.16	0.71	2.37	5.02	5.69
33.	UniKL Resources Sdn. Berhad	(0.41)	0.77	0.77	4.74	5.27
34.	UPM Consultancy & Services Sdn. Berhad	0.43	1.32	2.58	4.33	4.95
35.	Akademi Binaan Malaysia (Sabah) Sdn. Berhad	3.38	3.52	3.67	4.07	4.83
36.	UiTM Hospitality Management Services Sdn. Berhad	4.20	4.20	4.20	4.45	4.45
37.	Unimas Holdings Sdn. Berhad	2.55	2.57	2.69	3.19	3.24
38.	Uni- Technologies Sdn. Berhad	1.97	2.30	2.56	2.86	3.20
39.	Usains Tech Services Sdn. Berhad	0.56	1.32	1.86	2.47	3.19
40.	Institut Penyelidikan dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad	0.69	1.23	1.56	2.74	3.14

BIL.	SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN DANA	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
41.	MAEPS Management Sdn. Berhad	(0.19)	0.39	1.20	1.65	3.11
42.	LDA (Labuan) Holdings Sdn. Berhad	1.33	1.47	1.79	2.25	2.98
43.	Akademi Binaan Malaysia (Sarawak) Sdn. Berhad	1.49	1.60	1.70	1.91	2.39
44.	KEDA Holdings Sdn. Berhad	1.98	2.06	2.12	2.15	2.24
45.	Marina Putrajaya Sdn. Berhad	0.46	0.59	0.80	1.10	2.08
46.	Usains Tech Capital Sdn. Berhad	(0.03)	0.05	0.62	0.92	1.26
47.	KESEDAR Inn Sdn. Berhad	0.64	0.73	0.84	0.98	1.19
48.	KEDA Properties And Management Sdn. Berhad	0.24	0.25	1.05	1.10	1.11
49.	Perbadanan Infaq YaPEIM Sdn. Berhad	0.08	0.37	0.52	0.72	0.80
50.	UNIPEQ Sdn. Berhad	0.35	0.50	0.63	0.66	0.73
51.	ABM Management Services Sdn. Berhad	0.19	0.23	0.34	0.42	0.55
52.	KEDA Resort And Holidays Sdn. Berhad	0.24	0.34	0.36	0.37	0.44
53.	Prudential BSN Takaful Berhad	0.10	0.12	0.15	0.17	0.19
54.	UM Plantations Sdn. Berhad	0.01	0.01	0.01	0.07	0.10
JUMLAH		4,430.31	4,743.09	5,071.30	5,345.27	5,668.74

BIL.	SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN DANA	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Power Cables Malaysia Sdn. Berhad	65.84	63.78	37.83	32.38	26.61
2.	Institut Infotech MARA Sdn. Berhad	2.79	1.47	1.25	1.14	0.88
3.	UniKL (MIAT) Sdn. Berhad	0.72	0.63	0.53	0.44	0.22
JUMLAH		69.35	65.88	39.61	33.96	27.71

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Analisis lanjut mendapati sebanyak 11 syarikat telah mengalami defisit dana pemegang saham bagi tempoh 5 tahun berturut-turut. Jumlah defisit dana bagi syarikat yang terlibat telah meningkat daripada RM68.48 juta pada tahun 2010 kepada RM82.08 juta pada tahun 2014. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.11 : SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI YANG MEMPUNYAI DEFISIT DANA PEMEGANG SAHAM BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 SEHINGGA 2014

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Commerce Agro Venture Sdn. Berhad	(28.72)	(29.29)	(28.72)	(34.61)	(37.53)
2.	Usahasama PPHM – Juwana Sdn. Berhad	(18.65)	(18.66)	(18.67)	(18.68)	(18.63)

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
3.	Pj Hotels & Resorts Sdn. Berhad	(3.30)	(4.52)	(5.16)	(6.50)	(7.51)
4.	Pristine Era Sdn. Berhad	(5.66)	(5.95)	(5.95)	(5.96)	(2.92)
5.	PPNK-Harta Sdn. Berhad	(2.97)	(3.19)	(3.13)	(3.62)	(4.00)
6.	Kuari Pondok Limau Sdn. Berhad	(2.87)	(2.87)	(2.86)	(2.84)	(4.68)
7.	Pembinaan Perwira Harta Sdn. Berhad	(1.32)	(1.46)	(1.48)	(1.68)	(2.27)
8.	Darul Sasaran (M) Sdn. Berhad	(2.98)	(2.21)	(2.01)	(1.54)	(3.79)
9.	Tasik Puteri Integrated (M) Sdn. Berhad	(1.83)	(0.52)	(0.53)	(0.53)	(0.53)
10.	UTM Souvenir Shop Sdn. Berhad	(0.16)	(0.11)	(0.08)	(0.09)	(0.19)
11.	Usains Bio-Engineering Sdn. Berhad	(0.02)	(0.03)	(0.03)	(0.03)	(0.03)
JUMLAH		(68.48)	(68.81)	(68.62)	(76.08)	(82.08)

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

8.3.1.6 Pulangan Atas Ekuiti

- a. Pulangan Atas Ekuiti (ROE) mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati sebanyak 62 syarikat menunjukkan ROE yang positif bagi 5 tahun berturut-turut manakala sebanyak 7 syarikat menunjukkan ROE yang negatif untuk tempoh yang sama. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.12 : PULANGAN ATAS EKUITI SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 SEHINGGA 2014

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI YANG MENUNJUKKAN ROE POSITIF	TAHUN				
		2010 (%)	2011 (%)	2012 (%)	2013 (%)	2014 (%)
1.	Malaysia France Institute Sdn. Berhad	166,642,700.0	194,284,150.0	59,706,850.0	249,560,750.0	195,521,700.0
2.	UM Plantations Sdn. Berhad	6.4	3.9	1.4	55.9	1,704,750.0
3.	MAEPS Management Sdn. Berhad	13,853,500.0	19,345,900.0	27,193,700.0	8,954.3	29,063.2
4.	Kwasa Properties Sdn. Berhad	13,459.2	20,185.2	14,856.0	16,631.2	17,945.6
5.	Danamodal Nasinal Berhad	4.5	4.7	4.3	4.0	4,492.5
6.	UPM Education & Training Sdn. Berhad	1,207.9	2,631.0	2,286.1	2,516.2	3,176.0
7.	British Malaysia Institute Sdn. Berhad	1,256.6	1,779.6	1,431.1	1,168.3	1,590.4
8.	UPM Consultancy & Services Sdn. Berhad	179.0	795.6	1,255.9	1,749.1	1,305.8
9.	UMP Holdings Sdn. Berhad	395.7	499.2	687.9	665.1	740.9
10.	Institut Penyelidikan dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad	814.1	989.9	394.4	441.2	719.9
11.	Permodalan RISDA Berhad	27.4	27.9	30.2	35.1	449.9
12.	UPM Holdings Sdn. Berhad	78.7	136.5	147.3	220.9	250.9

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI YANG MENUNJUKKAN ROE POSITIF	TAHUN				
		2010 (%)	2011 (%)	2012 (%)	2013 (%)	2014 (%)
13.	TH Travel & Services Sdn. Berhad	300.3	266.9	67.5	195.4	234.0
14.	Perbadanan Infaq YaPEIM Sdn. Berhad	259.4	230.3	164.6	201.2	197.7
15.	Akademi Binaan Malaysia (Sabah) Sdn. Berhad	46.8	57.9	39.4	115.6	181.7
16.	Irat Hotels & Resorts Sdn. Berhad	50.1	44.3	152.3	58.4	145.3
17.	Usains Tech Services Sdn. Berhad	389,874.0	758,473.0	108.4	120.2	145.2
18.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad	106.2	156.3	198.6	90.9	143.1
19.	Akademi Binaan Malaysia (Utara) Sdn. Berhad	65.3	78.0	187.9	64.0	131.7
20.	Pusat Pembangunan Reka Bentuk Sdn. Berhad	99.5	33.6	96.2	77.5	113.8
21.	Akademi Pengurusan YaPEIM Sdn. Berhad	100.5	68.7	159.8	175.0	113.7
22.	Giatmara Sdn. Berhad	11,383,350.0	260,040,100.0	25.2	38.4	108.4
23.	RISDA Semaian dan Lanskap Sdn. Berhad	5.5	46.0	95.9	101.2	85.6
24.	ABM Management Services Sdn. Berhad	26.7	25.4	72.0	58.1	82.8
25.	Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Berhad	99.9	144.4	136.0	60.8	81.0
26.	LDA (Labuan) Holdings Sdn. Berhad	25.4	13.6	32.7	45.8	72.8
27.	Permodalan YaPEIM Sdn. Berhad	5.9	49.6	24.5	13.4	61.7
28.	Universiti Teknikal MARA Sdn. Berhad	149.2	50.0	59.7	38.1	55.9
29.	Akademi Binaan Malaysia (Sarawak) Sdn. Berhad	13.8	12.4	9.7	25.4	52.4
30.	Akademi Binaan Malaysia (Johor) Sdn. Berhad	23.7	34.3	8.9	44.6	51.3
31.	Protac Insurance Brokers Sdn. Berhad	22.3	30.1	13.9	44.2	46.7
32.	Ketengah Perwira Sdn. Berhad	71.3	94.8	47.0	45.2	41.9
33.	RISDA Plantations Sdn. Berhad	33.5	84.6	37.5	19.8	32.1
34.	Pusat Perkhidmatan Usahawan YaPEIM Sdn. Berhad	27.3	40.9	30.2	47.5	30.8
35.	Espek Plantations Sdn. Berhad	39.5	33.4	35.9	29.9	30.1
36.	Usains Holding Sdn. Berhad	23.6	28.0	155.0	22.7	28.4
37.	UNIPEQ Sdn. Berhad	44.1	58.4	53.0	11.3	27.2
38.	Uni- Technologies Sdn. Berhad	16.7	12.8	17.2	21.8	25.5
39.	ESPEK Sdn. Berhad	16.0	35.6	45.4	20.5	21.8
40.	Prudential BSN Takaful Berhad	13.9	19.7	22.7	28.3	19.3
41.	KESEDAR Inn Sdn. Berhad	56.8	30.6	9.5	14.8	19.1
42.	Akademi Binaan Malaysia (Selangor) Sdn. Berhad	3.8	4.4	5.2	17.2	18.0
43.	ESPEK Livestock Sdn. Berhad	6.8	5.3	11.9	33.4	16.2
44.	RISDA Security Services Sdn. Berhad	5.3	7.1	15.4	17.5	15.9
45.	Ketengah Properties Sdn. Berhad	25.0	53.2	37.1	166.2	15.1
46.	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad	20.6	3.7	3.5	13.4	14.3
47.	CIDB Holdings Sdn. Berhad	0.9	1.0	2.1	4.2	12.6

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI YANG MENUNJUKKAN ROE POSITIF	TAHUN				
		2010 (%)	2011 (%)	2012 (%)	2013 (%)	2014 (%)
48.	Permodalan BSN Berhad	13.8	5.7	21.8	11.8	11.1
49.	Ketengah Holdings Sdn. Berhad	14.9	7.1	20.0	10.8	8.6
50.	Kolej RISDA Sdn. Berhad	81.8	5.6	4.2	5.7	6.0
51.	P.C.M Sdn. Berhad	14.6	19.7	9.6	7.4	5.8
52.	Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad	20.8	17.2	23.9	3.2	5.6
53.	Unimas Holdings Sdn. Berhad	62.9	2.7	11.5	94.8	4.9
54.	Surada Jaya Sdn. Berhad	8.3	10.4	15.8	2.6	4.6
55.	YTR Harta Sdn. Berhad	1.7	2.1	2.5	3.0	3.6
56.	Kuari Pondok Limau Sdn. Berhad	7.7	0.2	0.2	0.7	3.5
57.	KESEDAR Perkilangan Sdn. Berhad	1.4	2.4	2.4	4.5	2.2
58.	Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Berhad	3.8	3.0	1.4	0.9	0.3
59.	Mara Incorporated Sdn. Berhad	1.0	3.9	17.9	8.4	0.2
60.	LOFSA Incorporated Sdn. Berhad	185.7	30.7	32,004.3	0.0	0.2
61.	Irat Properties Sdn. Berhad	0.2	0.4	0.4	0.7	0.1
62.	UiTM Hospitality Management Services Sdn. Berhad	15.8	5.6	0.1	5.6	0.1

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MENUNJUKKAN ROE NEGATIF	TAHUN				
		2010 (%)	2011 (%)	2012 (%)	2013 (%)	2014 (%)
1.	UniKL (MIAT) Sdn. Berhad	(4,483,600.0)	(4,383,950.0)	(4,907,250.0)	(4,262,750.0)	(11,165,000.0)
2.	PRB Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad	(2,471,000.0)	(2,614,750.0)	(3,613,650.0)	(3,529,700.0)	(3,276,250.0)
3.	Usains Bio-Engineering Sdn. Berhad	(138,000.0)	(136,700.0)	(140,150.0)	(143,600.0)	(142,650.0)
4.	Institut Infotech MARA Sdn. Berhad	(70.3)	(660.1)	(108.0)	(56.0)	(127.6)
5.	Pembinaan Perwira Harta Sdn. Berhad	(3.5)	(24.5)	(2.5)	(32.8)	(99.7)
6.	Pj Hotels & Resorts Sdn. Berhad	(39.6)	(24.5)	(12.9)	(26.7)	(20.2)
7.	Tasik Puteri Integrated (M) Sdn. Berhad	(0.3)	(0.1)	(0.1)	(0.0)	(0.1)

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Analisis Audit mendapati Malaysian France Institute mencatatkan pulangan atas ekuiti tertinggi dengan 195,521,700% pada tahun 2014 dan diikuti oleh UM Plantations Sdn. Berhad dengan 1,704,750%.

8.3.1.7 Pembayaran Dividen Kepada Badan/Syarikat Induk

- a. Bayaran dividen sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan selepas cukai setiap tahun perlu dibayar kepada Kerajaan dan syarikat induk sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan meningkat bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa

menjejasikan kedudukan kewangan syarikat. Berdasarkan penyata kewangan tahun 2014, didapati 30 syarikat subsidiari telah membayar dividen kepada Badan/Syarikat Induk berjumlah RM64.63 juta. Pada tahun 2014, Kwasa Properties Sdn. Berhad telah membayar dividen tertinggi sejumlah RM40 juta diikuti oleh Ketengah Perwira Sdn. Berhad berjumlah RM7.13 juta, TH Travel & Services Sdn. Berhad berjumlah RM3.50 juta dan ESPEK Sdn. Berhad berjumlah RM2 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.13 : BAYARAN DIVIDEN OLEH SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI KEPADA BADAN/ SYARIKAT INDUK BAGI TAHUN 2014

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI	DIVIDEN (RM Juta)
1.	Kwasa Properties Sdn. Berhad	40.00
2.	Ketengah Perwira Sdn. Berhad	7.13
3.	TH Travel & Services Sdn. Berhad	3.50
4.	ESPEK Sdn. Berhad	2.00
5.	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad	1.88
6.	Ketengah Holdings	1.86
7.	ASM Investment Services Sdn. Berhad	1.00
8.	RISDA Plantations Sdn. Berhad	1.00
9.	Akademi Binaan Malaysia (Selangor) Sdn. Berhad	0.66
10.	P.C.M Sdn. Berhad	0.60
11.	Espek Plantations Sdn. Berhad	0.60
12.	ESPEK Livestock Sdn. Berhad.	0.55
13.	UKM Holding Sdn. Berhad	0.50
14.	Universiti Teknikal MARA Sdn. Berhad	0.45
15.	RISDA Semaian dan Lanskap Sdn. Berhad	0.40
16.	Kolej RISDA Sdn. Berhad	0.40
17.	CIDB Holdings Sdn. Berhad	0.38
18.	Usains Holding Sdn. Berhad	0.38
19.	Mara Incorporated Sdn. Berhad	0.29
20.	MARA Excellent Ventures Sdn. Berhad.	0.26
21.	Akademi Binaan Malaysia (Johor) Sdn. Berhad	0.23
22.	Akademi Binaan Malaysia (Terengganu) Sdn. Berhad	0.15
23.	Akademi Binaan Malaysia (Sabah) Sdn. Berhad	0.13
24.	RISDA Bina Sdn. Berhad	0.12
25.	Akademi Binaan Malaysia (Utara) Sdn. Berhad	0.05
26.	Akademi Binaan Malaysia (Sarawak) Sdn. Berhad	0.04
27.	Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Berhad	0.02
28.	Protac Insurance Brokers Sdn. Berhad	0.02

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI	DIVIDEN (RM Juta)
29.	RISDA Fleet Sdn. Berhad	0.02
30.	Pusat Pembangunan Reka Bentuk Sdn. Berhad.	0.01
JUMLAH		64.63

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Sebanyak 14 syarikat subsidiari telah membayar dividen kepada Badan/Syarikat Induk secara berterusan selama 5 tahun seperti jadual berikut:

JADUAL 8.14 : BAYARAN DIVIDEN OLEH SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI KEPADA BADAN/SYARIKAT INDUK BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 SEHINGGA 2014

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Ketengah Perwira Sdn. Berhad	4.28	7.48	7.65	7.13	7.13
2.	ESPEK Sdn. Berhad	0.75	0.75	0.75	1.50	2.00
3.	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad	0.75	1.50	0.41	0.15	1.88
4.	Ketengah Holdings Sdn. Berhad	1.86	1.86	2.98	1.86	1.86
5.	RISDA Plantations Sdn. Berhad	0.56	0.56	0.75	0.75	1.00
6.	P.C.M Sdn. Berhad	1.00	1.00	1.00	0.60	0.60
7.	ESPEK Livestock Sdn. Berhad	0.41	0.41	0.55	0.55	0.55
8.	CIDB Holdings Sdn. Berhad	0.14	0.14	0.14	0.29	0.38
9.	Usains Holding Sdn. Berhad	0.23	0.38	0.38	0.38	0.38
10.	Akademi Binaan Malaysia (Johor) Sdn. Berhad	0.28	0.27	0.11	0.23	0.23
11.	Akademi Binaan Malaysia (Sabah) Sdn. Berhad	0.15	0.15	0.08	0.15	0.13
12.	Akademi Binaan Malaysia (Utara) Sdn. Berhad	0.09	0.06	0.08	0.09	0.05
13.	Akademi Binaan Malaysia (Sarawak) Sdn. Berhad	0.02	0.02	0.02	0.04	0.04
14.	Protac Insurance Brokers Sdn. Berhad	0.09	0.09	0.09	0.02	0.02

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- c. Analisis Audit mendapati sebanyak 33 syarikat subsidiari tidak mengisytiharkan bayaran dividen walaupun memperoleh keuntungan bagi tempoh 5 tahun berturut-turut. Antara sebab dividen tidak dibayar adalah kerana keuntungan tersebut digunakan untuk pengembangan perniagaan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.15 : SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI YANG MEMPEROLEH KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI TIDAK MEMBAYAR DIVIDEN KEPADA BADAN/SYARIKAT INDUK BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 SEHINGGA 2014

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Danamodal Nasional Berhad	0.13	0.14	0.13	0.12	134.78
2.	Irat Hotels & Resorts Sdn. Berhad	7.16	6.33	21.76	8.34	20.77
3.	UMP Holdings Sdn. Berhad	7.91	9.98	13.76	13.30	14.82
4.	Permodalan YaPEIM Sdn. Berhad	0.78	6.57	3.25	1.78	8.18
5.	UNIKL (MIAT) Sdn. Berhad	3.33	3.89	1.19	4.99	3.91
6.	British Malaysia Institute Sdn. Berhad	2.51	3.56	2.86	2.34	3.18
7.	UPM Education & Training Sdn, Berhad	1.21	2.63	2.29	2.52	3.18
8.	UPM Holdings Sdn, Berhad	0.79	1.37	1.47	2.21	2.51
9.	RISDA Security Services Sdn. Berhad	0.53	0.71	1.54	1.75	1.59
10.	MAEPS Management Sdn. Berhad	0.42	0.58	0.82	0.45	1.45
11.	UPM Consultancy & Services Sdn, Berhad	0.18	0.80	1.26	1.75	1.31
12.	Giatmara Sdn. Berhad	0.23	5.20	0.25	0.38	1.08
13.	LDA (Labuan) Holdings Sdn. Berhad	0.25	0.14	0.33	0.46	0.73
14.	Usains Tech Services Sdn. Berhad	0.39	0.76	0.54	0.60	0.73
15.	Uni-Technologies Sdn. Berhad	0.38	0.29	0.40	0.50	0.59
16.	Institut Penyelidikan dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad	0.45	0.54	0.22	0.24	0.40
17.	Pusat Perkhidmatan Usahawan YaPEIM Sdn. Berhad	0.27	0.41	0.30	0.47	0.31
18.	Akademi Pengurusan YaPEIM Sdn. Berhad	0.25	0.17	0.40	0.44	0.28
19.	Perbadanan Infaq YaPEIM Sdn. Berhad	0.33	0.29	0.21	0.26	0.25
20.	Permodalan BSN Berhad	0.28	0.11	0.44	0.24	0.22
21.	KESEDAR Inn Sdn. Berhad	0.63	0.34	0.10	0.16	0.21
22.	ABM Management Services Sdn. Berhad	0.04	0.04	0.11	0.09	0.12
23.	Kuari Pondok Limau Sdn. Berhad	0.22	0.00	0.01	0.02	0.10
24.	Ketengah Properties Sdn. Berhad	0.11	0.24	0.17	0.75	0.07
25.	Irat Properties Sdn. Berhad	0.13	0.24	0.26	0.42	0.07
26.	UNIPEQ Sdn. Berhad	0.11	0.15	0.13	0.03	0.07
27.	Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad	0.21	0.17	0.24	0.03	0.06
28.	UM Plantations Sdn. Berhad	0.01	0.00	0.00	0.06	0.03
29.	Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Berhad	27.96	0.04	0.04	0.02	0.02
30.	Prudential BSN Takaful Berhad	0.01	0.02	0.02	0.03	0.02
31.	Surada Jaya Sdn. Berhad	0.04	0.05	0.08	0.01	0.02
32.	UiTM Hospitality Management Sevices Sdn. Berhad	0.68	0.24	0.00	0.24	0.01
33.	YTR Harta Sdn. Berhad	2.59	3.23	3.87	4.63	0.00

Sumber: *Penyata Kewangan Syarikat*

8.3.1.8 Pembayaran Cukai Dan Zakat

a. Analisis Audit mendapati pembayaran cukai dan zakat pada tahun 2014 menurun sejumlah RM0.01 juta atau 0.02% kepada RM54.09 juta berbanding RM54.10 juta pada tahun 2013. Syarikat subsidiari MARA membayar cukai dan zakat tertinggi pada tahun 2014 berjumlah RM17.47 juta atau 32.3% daripada jumlah keseluruhan cukai dan zakat. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.16 : CUKAI DAN ZAKAT YANG DIBAYAR OLEH SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI MENGIKUT BBP BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 SEHINGGA 2014

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	MARA	5.32	5.77	3.57	13.70	17.47
2.	RISDA	10.18	8.59	8.70	8.72	11.99
3.	LTH	5.82	4.66	1.33	4.53	5.35
4.	MAIWP	0.00	0.00	0.00	2.12	3.84
5.	LTAT	12.89	7.05	3.27	9.98	2.80
6.	UPM	0.69	1.65	1.89	2.32	2.33
7.	KWSP	1.98	2.64	2.79	3.12	1.87
8.	YAPEIM	0.19	0.36	0.47	0.38	1.40
9.	CIDB	1.34	1.24	0.93	1.70	1.24
10.	USM	0.66	0.85	1.01	0.79	0.83
11.	UPSI	0.00	0.14	0.09	0.83	0.75
12.	MARDI	0.17	(0.01)	0.37	0.46	0.59
13.	KETENGAH	5.53	6.97	4.78	3.34	0.55
14.	KESEDAR	0.45	0.61	0.89	0.66	0.54
15.	UNIMAS	(0.32)	(0.20)	(0.17)	0.39	0.51
16.	PPj	0.00	0.00	0.00	0.08	0.42
17.	UM	(0.23)	0.44	(0.48)	(0.45)	0.34
18.	BNM	0.04	0.02	0.42	0.36	0.33
19.	PERBADANAN LABUAN	0.00	0.14	0.12	0.22	0.26
20.	UKM	0.56	0.25	0.47	0.10	0.22
21.	BSN	0.15	0.06	0.17	0.16	0.20
22.	UTM	0.11	0.12	0.15	0.19	0.10
23.	UMP	2.48	2.52	0.13	0.28	0.07
24.	UTEM	0.00	0.05	0.00	0.07	0.07
25.	UiTM	0.54	0.68	0.04	0.12	0.04
26.	KRAFTANGAN	0.13	0.11	0.06	0.04	0.02
27.	USIM	0.01	0.01	0.00	0.00	0.01
28.	IRDA	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
29.	UMT	(0.00)	(0.00)	(0.01)	0.00	0.00
30.	LABUAN FSA	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
31.	KEDA	0.00	(0.09)	(0.17)	(0.11)	(0.05)
JUMLAH		48.69	44.63	30.82	54.10	54.09

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Analisis lanjut mendapati sebanyak 51 syarikat subsidiari telah membayar cukai dan zakat kepada Kerajaan bagi tempoh 5 tahun berturut-turut. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.17 : SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI YANG MEMBAYAR CUKAI DAN ZAKAT BAGI TAHUN KEWANGAN 2010 SEHINGGA 2014

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Universiti Teknikal MARA Sdn. Berhad	1.54	0.39	1.00	1.57	6.16
2.	TH Travel & Services Sdn. Berhad	5.82	4.66	1.33	4.53	5.35
3.	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad	1.70	2.07	0.07	3.62	3.71
4.	Power Cables Malaysia Sdn. Berhad	2.41	2.25	1.51	1.84	1.83
5.	RISDA Semaian dan Lanskap Sdn. Berhad	0.95	0.89	2.27	2.24	1.71
6.	RISDA Bina Sdn. Berhad	0.00	0.00	0.00	0.01	1.60
7.	Mara Incorporated Sdn. Berhad	0.11	0.05	0.81	3.35	1.50
8.	ESPEK Sdn. Berhad	1.76	4.26	2.17	0.96	1.43
9.	UPM Education & Training Sdn. Berhad	0.41	0.91	0.77	0.99	1.12
10.	RISDA Plantations Sdn. Berhad	4.71	2.08	2.92	1.67	1.10
11.	Espek Plantations Sdn. Berhad	0.89	0.88	0.93	1.10	0.98
12.	UPM Holdings Sdn. Berhad	0.23	0.52	0.70	0.71	0.98
13.	Irat Hotels & Resorts Sdn. Berhad	10.22	4.33	1.36	7.86	0.94
14.	P.C.M Sdn. Berhad	1.34	0.81	0.88	0.97	0.68
15.	ESPEK Livestock Sdn. Berhad.	0.48	0.29	0.21	0.46	0.61
16.	Usains Holding Sdn. Berhad	0.43	0.38	0.75	0.45	0.61
17.	Akademi Binaan Malaysia (Johor) Sdn. Berhad	0.16	0.17	0.15	0.36	0.37
18.	Kolej RISDA Sdn. Berhad	0.28	0.18	0.44	0.32	0.37
19.	Ketengah Perwira Sdn. Berhad	5.31	6.65	4.26	2.88	0.36
20.	Commerce Agro Venture Sdn. Berhad	0.04	0.02	0.42	0.36	0.33
21.	Akademi Binaan Malaysia (Sabah) Sdn. Berhad	0.10	0.11	0.07	0.19	0.33
22.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad.	0.11	0.41	0.57	0.40	0.32
23.	LDA (Labuan) Holdings Sdn. Berhad.	0.00	0.14	0.12	0.22	0.26
24.	UPM Consultancy & Services Sdn. Berhad	0.05	0.22	0.42	0.62	0.23
25.	Akademi Binaan Malaysia (Sarawak) Sdn. Berhad	0.00	0.06	0.06	0.10	0.22

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI	TAHUN				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
26.	Usains Tech Services Sdn. Berhad	0.09	0.27	0.22	0.33	0.22
27.	Institut Penyelidikan dan Perundingan YaPEIM Sdn. Berhad	0.08	0.18	0.10	0.11	0.21
28.	Akademi Binaan Malaysia (Utara) Sdn. Berhad	0.18	0.35	0.37	0.72	0.20
29.	Protac Insurance Brokers Sdn. Berhad	0.12	0.06	0.01	0.10	0.20
30.	Permodalan BSN Berhad	0.14	0.05	0.16	0.15	0.19
31.	Pusat Perkhidmatan Usahawan YaPEIM Sdn. Berhad	0.11	0.13	0.16	0.03	0.14
32.	KESEDAR Perkilangan Sdn. Berhad.	0.15	0.16	0.16	0.07	0.12
33.	Nikaniaga Travel & Tour Sdn. Berhad	0.14	0.09	0.11	0.15	0.11
34.	KESEDAR Inn Sdn. Berhad.	0.18	0.05	0.16	0.18	0.10
35.	UKM Holding Sdn. Berhad	0.18	0.02	0.01	0.09	0.09
36.	UNIPEQ Sdn. Berhad.	0.04	0.02	0.08	0.01	0.08
37.	UTEM Holdings Sdn. Berhad	0.00	0.05	0.00	0.07	0.07
38.	ABM Management Services Sdn. Berhad	0.01	0.01	0.05	0.03	0.05
39.	Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad.	0.08	0.16	0.24	0.02	0.04
40.	Phyto Biznet Sdn. Berhad	0.02	0.02	0.00	0.04	0.04
41.	Ketengah Properties Sdn. Berhad	0.00	0.04	0.11	0.26	0.03
42.	Irat Properties Sdn. Berhad	0.02	0.02	0.02	0.02	0.03
43.	Malaysia France Institute Sdn. Berhad	0.16	0.15	0.22	0.14	0.03
44.	Global Technology Innovation & Management Sdn. Berhad	0.09	0.03	0.01	0.02	0.03
45.	Uni- Technologies Sdn. Berhad	0.01	0.05	0.12	0.12	0.03
46.	Prudential BSN Takaful Berhad	0.01	0.01	0.01	0.01	0.02
47.	Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Berhad	0.11	0.09	0.04	0.04	0.02
48.	CIDB Holdings Sdn. Berhad	0.24	0.34	0.18	0.22	0.01
49.	Boustead Reit Managers Sdn. Berhad	0.25	0.45	0.38	0.25	0.01
50.	KRAF Holding Sdn. Berhad.	0.03	0.03	0.01	0.00	0.00
51.	YTR Harta Sdn. Berhad	1.88	2.54	2.47	2.76	0.00
JUMLAH		43.37	38.10	29.59	43.72	35.17

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

8.3.1.9 Syarikat Tidak Aktif Dan Dalam Tindakan Pembubaran

- Analisis Audit mendapati pada tahun 2014, sebuah syarikat telah dibubarkan, 14 syarikat dalam tindakan pembubaran dan 30 syarikat berstatus tidak aktif kerana tidak beroperasi, operasi dihentikan dan dorman. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.18 : SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BERSTATUS TIDAK AKTIF PADA TAHUN 2014

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	BADAN INDUK	TARIKH PENUBUHAN	STATUS
1.	Mayban Venture Capital Co.Sdn. Berhad	BNM	TM	Telah bubar pada 30.09.2014.
2.	LADA Langkawi (H) Sdn. Berhad	LADA	10.02.1992	Dalam tindakan pembubaran.
3.	Digital Transmission Systems Sdn. Berhad	LTH	11.07.1991	Dalam tindakan pembubaran.
4.	Integrated Telecommunication Technology Sdn. Berhad	LTH	02.04.1994	Dalam tindakan pembubaran.
5.	Teem Business Solutions Sdn. Berhad	LTH	31.03.1995	Dalam tindakan pembubaran.
6.	Darul Sasaran (M) Sdn. Berhad	YAPEIM	27.08.1993	Dalam tindakan pembubaran.
7.	Perbadanan Pembangunan Wakaf (M) Sdn. Berhad	YAPEIM	TM	Dalam tindakan pembubaran.
8.	Pempena Executive Taxi Service Sdn. Berhad	LPPM	18.09.2006	Dalam tindakan pembubaran.
9.	Pempena Limousine & Taxi Services Sdn. Berhad	LPPM	27.09.2006	Dalam tindakan pembubaran.
10.	Pempena Sdn. Berhad	LPPM	21.01.1976	Dalam tindakan pembubaran.
11.	IAM Sdn. Berhad	MIA	08.03.1991	Dalam tindakan pembubaran.
12.	YPM Trading & Marketing Sdn. Berhad	YPM	09.12.2009	Dalam tindakan pembubaran.
13.	CIDB Events Management Sdn. Berhad	CIDB	20.12.1993	Dalam tindakan pembubaran.
14.	Steel Frames & Truss Technology Sdn. Berhad	CIDB	25.01.2002	Dalam tindakan pembubaran.
15.	Commerce Agro Venture Sdn. Berhad	BNM	12.07.2005	Dalam tindakan pembubaran.
16.	BERNAMA Berhad	BERNAMA	30.12.1996	Tidak beroperasi.
17.	Tasik Puteri Integrated Farm (M) Sdn. Berhad	KETENGAH	02.10.1998	Tidak beroperasi.
18.	Segamat Inland Port Sdn. Berhad	LPK	29.09.1997	Tidak beroperasi.
19.	Lambaiyan Maya Sdn. Berhad	LPPM	12.01.2005	Tidak beroperasi.
20.	Viva Orient MM2H Sdn. Berhad	LPPM	28.04.2006	Tidak beroperasi.
21.	Syarikat Perindustrian dan Perniagaan MADA Sdn. Berhad	MADA	12.12.1972	Tidak beroperasi.
22.	PRB Nominees (Tempatan) Sdn. Berhad	RISDA	24.09.1996	Tidak beroperasi.
23.	RISDA Wood Sdn. Berhad	RISDA	02.09.1996	Tidak beroperasi.
24.	Usains Bio-Engineering Sdn. Berhad	USM	07.12.2011	Tidak beroperasi.
25.	Pembinaan Perwira Harta Sdn. Berhad	LTAT	14.03.1986	Tidak beroperasi.
26.	Usahasama PPHM-Juwana Sdn. Berhad	LTAT	24.12.2002	Tidak beroperasi.
27.	Minds Technology Sdn. Berhad	UKM	23.02.2010	Tidak beroperasi sejak tahun 2013.
28.	Ugreenitech Sdn. Berhad	UKM	09.03.2011	Tidak beroperasi sejak tahun 2013.
29.	Barracafe Sdn. Berhad	LKIM	05.03.1997	Tidak beroperasi sejak tahun 2012.
30.	Majuikan Fish Protech Sdn. Berhad	LKIM	13.03.1997	Tidak beroperasi sejak tahun 2012.
31.	THC International Sdn. Berhad	LTH	26.04.1997	Tidak beroperasi sejak tahun 2009.
32.	Majuikan Engineering & Maritime Sdn. Berhad	LKIM	03.04.1995	Tidak beroperasi sejak bulan September 2013.
33.	Majuikan Forwarding Sdn. Berhad	LKIM	29.11.1994	Tidak beroperasi sejak bulan September 2013.
34.	Asas Ombak Sdn. Berhad	LKIM	06.04.1995	Tidak beroperasi sejak bulan Februari 2014
35.	Institut Infotech MARA Sdn. Berhad	MARA	19.02.1980	Tidak beroperasi sejak 31 Disember 2006.

BIL.	SYARIKAT/SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI BBP	BADAN INDUK	TARIKH PENUBUHAN	STATUS
36.	UlinkIn Tech Sdn. Berhad	UMS	11.06.2007	Operasi dihentikan.
37.	British Malaysia Institute Sdn. Berhad	MARA	12.07.1993	Dormant.
38.	Malaysia France Institute Sdn. Berhad	MARA	22.02.1995	Dormant.
39.	UiTM Farmasi Sdn. Berhad	UiTM	05.10.2010	Belum beroperasi sejak ditubuhkan.
40.	Altus Technology Sdn. Berhad	UKM	07.03.2011	Belum beroperasi sejak ditubuhkan.
41.	Biotech Diagnostic Sdn. Berhad	UKM	12.08.2010	Belum beroperasi sejak ditubuhkan.
42.	Kievision Technology Sdn. Berhad	UKM	17.03.2011	Belum beroperasi sejak ditubuhkan.
43.	Tela Technology Sdn. Berhad	UKM	22.04.2011	Belum beroperasi sejak ditubuhkan.
44.	Vlearning Sdn. Berhad	UKM	17.03.2011	Belum beroperasi sejak ditubuhkan.
45.	USM Enterprise Sdn. Berhad	USM	17.08.2005	Belum beroperasi sejak ditubuhkan.

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Dan e-Info SSM

9

PEMANTAUAN TERHADAP SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SUB-SUBSIDIARI OLEH KEMENTERIAN DAN BADAN/SYARIKAT INDUK

9.1 Kementerian, Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat Induk berkenaan bertanggungjawab memantau pelaburan Kerajaan dalam syarikat subsidiari dan sub-subsidiari dengan melaksanakan perkara berikut:

- a. Memastikan pelaburan Kerajaan terpelihara dan memberi pulangan yang munasabah.
- b. Meluluskan pelantikan Pengurus/Ahli Lembaga Pengarah/Ketua Eksekutif, struktur gaji, bayaran elau Pengurus dan Ahli Lembaga Pengarah, bayaran bonus dan dividen.
- c. Menilai kedudukan kewangan dan pelan perniagaan syarikat.
- d. Mengkaji, menggubal dan menetapkan dasar Kerajaan berkaitan dengan pengurusan syarikat.

9.2 Sehubungan itu, Kementerian, Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat Induk berkenaan perlu melaksanakan tanggungjawabnya berpandukan kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Akta Syarikat 1965; Tatacara dan Tata Urus Syarikat/Undang-undang Tubuh syarikat berkenaan dan Pekeliling Perbendaharaan serta Surat Arahan Perbendaharaan berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

10**PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI**

10.1 Pengauditan pengurusan terhadap syarikat subsidiari telah dilaksanakan untuk menilai sama ada:

- Prestasi kewangan syarikat subsidiari memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.
- Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap, teratur, dan berhemat selaras dengan objektif yang ditetapkan.
- Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.
- Pengurusan syarikat subsidiari telah dipantau oleh Badan/Syarikat Induk selaras dengan objektif syarikat yang ditetapkan.

10.2 Senarai 12 syarikat subsidiari yang telah dipilih untuk pengauditan pengurusan sepanjang tahun 2014 dan dilaporkan mengikut siri seperti berikut:

**JADUAL 10.1 : PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT
SUBSIDIARI PADA TAHUN 2014**

SIRI	SYARIKAT
1	i. ESPEK Sdn. Berhad ii. ESPEK Livestock Sdn. Berhad iii. ESPEK Plantation Sdn. Berhad
2	i. ABM (Selangor) Sdn. Berhad ii. ABM (Terengganu) Sdn. Berhad iii. ABM (Johor) Sdn. Berhad iv. ABM (Utara) Sdn. Berhad v. ABM (Sarawak) Sdn. Berhad vi. ABM (Sabah) Sdn. Berhad vii. Kolej RISDA Sdn. Berhad viii. RISDA Bina Sdn. Berhad
3	i. UKM Technology Sdn. Berhad

10.3 Hasil pengauditan telah dibincang dengan pihak pengurusan syarikat subsidiari yang terlibat selepas pengauditan selesai dijalankan. Ketua Pegawai Eksekutif syarikat berkenaan juga telah dimaklumkan mengenai perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan. Maklum balas yang diterima daripada syarikat subsidiari telah diambil kira dalam laporan ini. Perkara yang diperhatikan adalah seperti di **perenggan 11**.


11

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Pengurusan Syarikat UKM Technology Sdn. Berhad

11.1 LATAR BELAKANG

11.1.1 UKM Technology Sdn. Berhad (UKMTech) ditubuhkan pada 28 Mei 2009 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM1 juta. UKMTech adalah merupakan syarikat pemindahan teknologi milik penuh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Aktiviti utama UKMTech adalah mengurus projek penyelidikan inovasi serta mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan UKM ke pasaran global. Setakat bulan Disember 2014, UKMTech telah terlibat dengan 49 projek inovasi. Pada awalnya, UKMTech mempunyai 25 Syarikat Terbitan Universiti (STU) yang terdiri daripada 15 STU yang diurus oleh UKMTech dan 10 STU yang dikelola bersama dengan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) di bawah Program Simbiosis UKM-MTDC. Bagaimanapun pada tahun 2012, Syarikat K Eco Tourism Sdn. Berhad telah diletakkan di bawah UKM Holdings Sdn. Berhad dan UKM E Biz Sdn. Berhad telah ditutup pada tahun 2013. STU yang dimiliki oleh UKMTech adalah seperti carta berikut:

CARTA 11.1 : SENARAI STU DIMILIKI OLEH UKMTECH



11.1.2 UKMTech mempunyai 5 ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada 3 wakil UKM dan 2 wakil bebas. Pengurusan UKMTech diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang bertaraf kontrak dan dibantu oleh 6 kakitangan berjawatan tetap dan 6 kakitangan kontrak. Senarai ahli Lembaga Pengarah UKMTech adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.1 : AHLI LEMBAGA PENGARAH UKMTECH SETAKAT BULAN NOVEMBER 2014

NAMA	TARIKH LANTIKAN	CATATAN
Prof. Dato' Dr. Mazlin bin Mokhtar	26.02.2014	Pengerusi
Dato' Hj. Mohd Rasid bin Mohd Fadzil	31.12.2009	Bendahari UKM
Encik Abdullah bin Abd Hamid	31.12.2009	Wakil Bebas (Mantan Pengarah, Khazanah Nasional Berhad)
Dato' Nasri bin Nasrun	14.05.2010	Wakil Bebas (Pengerusi Eksekutif & Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Syarikat Setegap Venture)
Encik Kamarol Zaman bin Abdul Rahman	03.01.2011	Wakil UKM (Entrepreneur in Residence)

Sumber : Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah UKMTech

11.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan UKMTech telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

11.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2009 sehingga bulan November 2014. Semakan Audit telah dibuat terhadap fail, dokumen dan rekod berkaitan serta pemeriksaan aset. Selain itu, temu bual dan lawatan juga telah dibuat ke tapak projek Cilibangi di UKM, Bangi. *Exit Conference* telah diadakan pada 7 Mei 2015 di UKM dan dihadiri oleh Setiausaha Bahagian Kanan, Pengurusan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi), UKM; Ketua Pegawai Eksekutif UKMTech serta lain-lain pegawai yang berkenaan.

11.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2014 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti UKMTech adalah tidak memuaskan. UKMTech mengalami kerugian bersih selama 5 tahun berturut-turut. Sehingga 31 Disember 2013, UKMTech mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM3.08 juta melebihi modal berbayar syarikat. Bagaimanapun, pengurusan kewangan dan

tadbir urus korporat adalah memuaskan. Antara penemuan dalam pengurusan syarikat ini adalah seperti berikut:

- a. UKMTech bergantung sepenuhnya kepada geran daripada UKM untuk menampung perbelanjaan operasinya.

b. Prestasi Pengkomersialan

- i. Tiga projek yang dikomersialkan iaitu *The Development of Compact Food For Athletes And Service Men (ProBar)*, *Intelligent Project Management System For Small and Medium Enterprise (SME)* dan *Development of Non-Invasive Vascular Risk Prediction (NIVAR)* tidak memberi sebarang pulangan kepada syarikat walaupun telah disiapkan pada tahun 2011 dengan kos projek RM186,000. Dua produk dengan kos projek RM150,000 yang dikomersialkan melalui syarikat A1 Meditech Sdn. Berhad dan Biotech Diagnostics Sdn. Berhad juga tidak menjana sebarang pulangan.
- ii. Tiga projek yang dikomersialkan sendiri oleh UKMTech dan 6 projek melalui STU telah berjaya menjana pendapatan sejumlah RM1.49 juta. Bagi projek Cilibangi, *JetP* dan *Casemix* menunjukkan pulangan yang baik dan dapat menampung kos pembiayaan penyelidikan.
- iii. Sepuluh projek yang telah disiapkan pada tahun 2012 dan 2013 dengan kos berjumlah RM1.03 juta belum dapat dikomersialkan.
- iv. Strategi dan pelan perniagaan yang disediakan adalah dalam bentuk gambar rajah dan graf yang agak sukar untuk difahami. UKMTech juga tidak dapat memastikan sama ada *Key Milestones* dan *Roadmap* yang disediakan telah dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

c. Syarikat Terbitan Universiti Di Bawah UKMTech

- i. Prestasi kewangan terhadap 13 STU adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.2 : PRESTASI KEWANGAN STU DI BAWAH UKMTECH

STU	PRESTASI
1. My C.R.O Sdn. Berhad 2. Casemix Solutions Sdn. Berhad 3. Serotech Sdn. Berhad 4. Kievision Technology Sdn. Berhad	STU yang mengalami kerugian berterusan bagi tahun 2012 sehingga 30 September 2014.
1. Compleo Technology Sdn. Berhad 2. Valde Technology Sdn. Berhad 3. Refrex Sdn. Berhad	STU yang menunjukkan penurunan keuntungan dari tahun 2012 sehingga 2014.

STU	PRESTASI
1. Minds Technology Sdn. Berhad 2. Biotech Diagnostics Sdn. Berhad 3. UGreentech Sdn. Berhad 4. VLearning Sdn. Berhad 5. Altus Technology Sdn. Berhad 6. Tela Technology Sdn. Berhad	STU yang berjaya mendapat keuntungan pada tahun 2014.

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

- ii. Secara keseluruhannya, 4 STU di bawah UKMTech mencatat kerugian berterusan bagi tahun 2012 sehingga 30 September 2014. Kerugian ini disebabkan jumlah perbelanjaan adalah melebihi pendapatan syarikat antara 12.6% hingga 137.5%. Selain itu, 3 STU mengalami penurunan keuntungan dari tahun 2012 sehingga 2014 dan 6 STU berjaya mendapat keuntungan pada tahun 2014.
- iii. 6 STU tidak menjana sebarang pendapatan daripada aktiviti utamanya sejak penubuhannya antara tahun 2010 dan 2011. Sumber pendapatan lain tidak dapat menampung kos operasi syarikat menyebabkan syarikat mengalami kerugian berterusan.
- iv. UKMTech tidak menyediakan laporan kewangan projek yang menunjukkan secara terperinci butiran pendapatan dan perbelanjaan setiap projek yang menyebabkan berlakunya perbelanjaan melebihi pendapatan.

d. Syarikat Terbitan Universiti Di Bawah Program Simbiosis UKM-MTDC

- i. Setakat bulan Disember 2014, pelaksanaan *spin-off* bagi STU masih belum disempurnakan.
- ii. Kesemua STU menunjukkan peningkatan di dalam kerugian terkumpul setiap tahun. Hanya 2 STU iaitu PV & T Technologies Sdn. Berhad dan NX Photonics Sdn. Berhad berjaya mendapat pendapatan operasi bagi tahun 2013. Bagaimanapun, kos operasi Syarikat PV & T Technologies Sdn. Berhad pada tahun 2013 adalah 119.3% lebih tinggi berbanding pendapatan operasi pada tahun tersebut. Bagi Syarikat NX Photonics Sdn. Berhad, kos operasi melebihi pendapatan operasi adalah sebanyak 304.9% pada tahun 2013.
- iii. Lapan STU tidak menjana pendapatan operasi sejak penubuhannya pada tahun 2010 antaranya disebabkan produk yang dihasilkan tidak menepati kehendak pasaran dari segi teknologi dan kualiti.
- e. Pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah tidak disusuli secara bertulis bagi menerangkan peranan, tanggungjawab dan saraan yang mereka layak terima. Elaun menghadiri mesyuarat mereka juga tidak dibentangkan dalam Mesyuarat Agong. UKMTech tidak menjalankan penilaian

keberkesanan terhadap Ahli Lembaga Pengarahnya semenjak penubuhan syarikat.

- f. Peraturan kewangan yang disediakan tidak memperincikan panduan tempoh bayaran dan pengeluaran resit. Polisi pengurusan kredit tidak disediakan menyebabkan jumlah penghutang UKMTech setakat bulan Oktober 2014 adalah berjumlah RM237,078. Sejumlah RM67,860 telah dihapus kira pada bulan Disember 2013.

Penjelasan lanjut terhadap perkara yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

11.4.1 Prestasi Kewangan


Analisis trend dan nisbah terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2009 sehingga 2013 telah dilaksanakan untuk menilai prestasi kewangan syarikat. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan UKMTech adalah seperti jadual dan carta berikut:

JADUAL 11.3 : PRESTASI KEWANGAN UKMTECH BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013

BUTIRAN	TAHUN				
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Pendapatan (Termasuk pendapatan lain)	187,029	277,568	228,662	1,863,479	2,005,914
Perbelanjaan (Pentadbiran dan Operasi)	218,496	1,030,292	2,465,658	1,924,688	2,001,540
Kerugian Bersih Tahun Semasa	(27,119)	(752,724)	(2,236,996)	(61,209)	(1,792)
Kerugian Terkumpul	(27,119)	(779,843)	(3,016,839)	(3,078,048)	(3,079,840)


Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

CARTA 11.2: PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UKMTECH BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013



Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

CARTA 11.3: KERUGIAN DAN KERUGIAN TERKUMPUL UKMTECH BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013



Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

11.4.1.1 Analisis Trend

- a. Pada tahun 2009 sehingga 2013, UKMTech mencatatkan kerugian bersih bagi tempoh 5 tahun berturut-turut. Kerugian bersih dari tahun 2009 sehingga tahun 2011 menunjukkan peningkatan daripada RM27,119 kepada RM2.24 juta disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan pentadbiran sejumlah RM2.47 juta yang terdiri daripada kos seperti gaji pekerja, perbelanjaan tiket kapal terbang, sumbangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sebagainya. Bermula tahun 2011, kos pentadbiran UKMTech meningkat antaranya disebabkan UKMTech terpaksa menanggung kos pentadbiran syarikat subsidiari yang masih di bawah bimbingan UKMTech. Bagaimanapun, kerugian ini telah menurun kepada RM61,209 pada tahun 2012 dan RM1,792 pada tahun 2013 disebabkan daripada penerimaan geran bagi menampung perbelanjaan tahun semasa. Kerugian terkumpul bagi tahun 2009 sehingga 2013 menunjukkan trend peningkatan kesan daripada kerugian bersih yang dialami syarikat bagi tempoh tersebut. Sehingga 31 Disember 2013, **UKMTech mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM3.08 juta melebihi modal berbayar syarikat berjumlah RM1 juta.**
- b. Pendapatan utama UKMTech terdiri daripada yuran pengurusan, royalti logo UKM, bayaran inkubator dan lain-lain pendapatan seperti yuran perkhidmatan, yuran konsultasi dan yuran perlesenan. Selain itu, UKMTech juga mempunyai pendapatan daripada operasi lain seperti faedah simpanan, faedah simpanan tetap, geran inovasi dari UKM dan lain-lain pendapatan antaranya terdiri daripada pulangan bayaran. Pada tahun 2010 sehingga 2013, pendapatan utama UKMTech menunjukkan trend turun naik. Pada tahun 2011, pendapatan UKMTech mengalami penurunan sejumlah RM60,927 atau 24.3% berbanding tahun 2010 disebabkan oleh penurunan pendapatan royalti, kesan daripada penurunan permintaan terhadap penggunaan logo UKM oleh syarikat luar. Bagaimanapun, pendapatan UKMTech telah meningkat sejumlah RM0.57 juta atau 302.6% pada tahun 2012 kepada RM0.76 juta akibat daripada peningkatan pendapatan royalti, peningkatan lain-lain pendapatan serta peningkatan pendapatan yuran pengurusan, kesan daripada pertambahan projek yang diuruskan dan pertambahan syarikat subsidiari. Bagi tahun 2013, jumlah pendapatan menurun sejumlah RM0.19 juta atau 24.7% kepada RM0.58 juta disebabkan oleh penurunan pendapatan royalti serta lain-lain pendapatan.
- c. Bagi pendapatan operasi lain, pendapatan yang diperoleh menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2009 sehingga 2013. Pada tahun 2009, sumber pendapatan operasi lain UKMTech berjumlah RM2,029 dan pendapatan ini telah meningkat kepada RM1.43 juta pada tahun 2013 disebabkan oleh pemberian geran daripada UKM. Pada tahun 2012, berlaku peningkatan di dalam lain-lain

pendapatan kerana terdapat pulangan bayaran daripada lebihan emolumen pekerja. Sehingga tahun 2014, UKMTech menerima sejumlah RM6.5 juta Geran Pembangunan STU untuk perbelanjaan STU peringkat pra-komersial dan komersial serta sejumlah RM4.25 juta Dana Inovasi bagi membiayai 49 projek inovasi yang terpilih. Secara umumnya pendapatan geran adalah melebihi pendapatan aktiviti utama UKMTech. Pendapatan bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.4 : PENDAPATAN UKMTECH BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013

HASIL	TAHUN				
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Pendapatan Utama					
Yuran pengurusan	-	87,435	81,462	412,936	402,730
Bayaran Inkubator	-	-	-	-	42,240
Royalti - UKM Logo	-	163,299	10,000	102,000	2,000
Modal Permulaan	185,000	-	-	-	-
Lain-lain	-	-	98,345	249,227	128,730
JUMLAH	185,000	250,734	189,807	764,163	575,700
Pendapatan Operasi Lain					
Faedah Simpanan	2,029	26,434	13,846	11,148	8,986
Faedah Simpanan Tetap	-	-	24,997	22,979	11,574
Geran	-	-	-	782,615	1,393,711
Penalti gaji	-	-	-	10,309	4,900
Lain-lain pendapatan	-	400	12	272,265	11,042
JUMLAH	2,029	26,834	38,855	1,099,316	1,430,213
JUMLAH KESELURUHAN	187,029	277,568	228,662	1,863,479	2,005,913

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- d. Perbelanjaan operasi UKMTech meliputi komisen jualan, promosi, eluan projek, kos royalti dan lain-lain perbelanjaan operasi. Bagi tahun 2009 sehingga 2011, hanya kos promosi yang ditanggung oleh UKMTech berjumlah RM7,400 kerana syarikat baru ditubuhkan dan aktiviti bermula pada tahun 2011. Selain itu, terdapat juga perbelanjaan pentadbiran yang terdiri daripada gaji pekerja, tiket kapal terbang, sumbangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sebagainya. Pada tahun 2011, perbelanjaan pentadbiran UKMTech meningkat sejumrah RM1.44 juta atau 141% berbanding tahun 2010 antaranya disebabkan UKMTech terpaksa menanggung kos pentadbiran syarikat subsidiari. Bagi tahun 2012, perbelanjaan operasi UKMTech telah meningkat kepada RM0.19 juta disebabkan peningkatan kos royalti serta terdapat beberapa kos baru seperti eluan projek dan lain-lain perbelanjaan yang ditanggung oleh UKMTech bagi menguruskan projek inovasi yang bermula pada tahun tersebut. Pada tahun 2013,

perbelanjaan operasi menurun kepada RM0.05 juta atau 72% disebabkan projek yang diuruskan adalah dalam pelaksanaan seperti jadual berikut:

JADUAL 11.5 : PERBELANJAAN UKMTECH BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013

PERBELANJAAN	TAHUN				
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Perbelanjaan Operasi					
Komisen jualan	-	-	-	750	-
Kos royalti	-	-	-	133,840	700
Elaun projek	-	-	-	4,680	-
Kos promosi	-	7,400	-	16,165	43,222
Lain-lain perbelanjaan	-	-	-	38,096	10,203
JUMLAH	-	7,400	-	193,531	54,125
Perbelanjaan Pentadbiran					
Pentadbiran	218,421	1,022,892	2,465,658	1,731,157	1,825,555
Kos kewangan	75	-	-	-	-
Lain-lain perbelanjaan	-	-	-	-	121,860
JUMLAH	218,496	1,022,892	2,465,658	1,731,157	1,947,415
JUMLAH KESELURUHAN	218,496	1,030,292	2,465,658	1,924,688	2,001,540

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

11.4.1.2 Analisis Nisbah Kewangan

Nisbah Semasa, Margin Untung Bersih dan Pulangan Atas Ekuiti berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.6 : ANALISIS NISBAH KEWANGAN BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013

BUTIRAN	TAHUN				
	2009	2010	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	22.53 : 1	14.91 : 1	0.54 : 1	8.81 : 1	15.96 : 1
Margin Untung Bersih (%)	(14.5)	(271.2)	(978.3)	(3.3)	(0.1)
Pulangan Atas Aset (%)	(1.3)	(23.5)	(85.0)	(1.9)	(0.04)
Pulangan Atas Ekuiti (%)	(2.7)	(75.3)	(223.7)	(6.1)	(0.2)

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa menunjukkan kemampuan sesebuah syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai keairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Analisis Audit mendapati

Nisbah Semasa bagi tahun 2011 adalah kurang daripada 2. Ini berlaku kerana liabiliti semasa UKMTech adalah tinggi berbanding dengan aset semasa syarikat. Peningkatan liabiliti semasa pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh kesilapan mengakaunkan geran yang akan diterima ke dalam liabiliti semasa yang sepatutnya diakaunkan ke dalam akaun geran di bawah liabiliti jangka panjang. Bagaimanapun pada tahun 2012, kesilapan ini telah dibuat pelaras dan kesannya penurunan yang ketara bagi liabiliti semasa. Bagi tahun 2009, 2010, 2012 dan 2013, Nisbah Semasa UKMTech adalah lebih daripada 2 dan ini menunjukkan UKMTech mampu untuk menjelaskan hutang jangka pendeknya.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperoleh. Margin Untung Bersih UKMTech bernilai negatif bagi tempoh 5 tahun berturut-turut disebabkan kerugian yang dialami dari tahun 2009 sehingga 2013. Bagaimanapun, Margin Untung Bersih UKMTech menunjukkan peningkatan daripada negatif 978.3% pada tahun 2011 kepada negatif 0.1% pada tahun 2013.

c. Pulangan Atas Aset

Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik keupayaan syarikat untuk menjana pendapatan. Pulangan Atas Aset UKMTech adalah tidak memuaskan kerana menunjukkan peratusan yang negatif bagi 5 tahun berturut-turut disebabkan kerugian yang dialami. Pada tahun 2009, Pulangan Atas Aset adalah negatif 1.3% dan telah menurun pada tahun 2011 kepada negatif 85%. Bagaimanapun, pada tahun 2012, Pulangan Atas Aset telah meningkat kepada negatif 1.9% dan negatif 0.04% pada tahun 2013. Peningkatan Pulangan Atas Aset adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah aset yang terdiri daripada baki tunai dan pengurangan kerugian bersih pada tahun semasa.

d. Pulangan Atas Ekuiti

Pulangan Atas Ekuiti bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas modal syarikat iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi pelaburan yang dibuat. Pada umumnya, semakin tinggi peratusan Pulangan Atas Ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menjana keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Pulangan Atas Ekuiti UKMTech tidak memuaskan kerana peratusan pulangan adalah negatif bagi 5 tahun berturut-turut.

Bagi tahun 2009 sehingga 2011, Pulangan Atas Ekuiti UKMTech menunjukkan penurunan iaitu dari negatif 2.7% pada tahun 2009 kepada negatif 223.7% pada tahun 2011 disebabkan peningkatan kerugian bersih yang dialami. Bagaimanapun pada tahun 2012, Pulangan Atas Ekuiti UKMTech menunjukkan peningkatan iaitu negatif 6.1% seterusnya negatif 0.2% bagi tahun 2013.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan UKMTech bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah tidak memuaskan. UKMTech telah mengalami kerugian bersih selama 5 tahun berturut-turut dari tahun 2009 sehingga 2013. Sehingga 31 Disember 2013, UKMTech telah mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM3.08 juta melebihi modal berbayar syarikat sejumlah RM1 juta.

Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015

Prestasi kewangan tahun 2009 sehingga 2013 belum menunjukkan keuntungan operasi namun telah menunjukkan peningkatan bermula tahun kewangan 2012. Ini kerana pengurusan baru UKMTech dengan bantuan dan nasihat juruaudit kewangan telah berjaya mengesan ralat rekod perbelanjaan dana yang belum dipadankan dengan geran yang diterima dari tahun 2009. Ini menyebabkan rekod kewangan menunjukkan UKMTECH kerugian dari tahun ke tahun. Pelarasan tahun-tahun lepas telah dibuat dalam tahun 2014. Hasilnya, UKMTECH telah berjaya mengurangkan kerugian terkumpul sebanyak 83% kepada RM519,563 bagi tahun kewangan 2014. Tindakan penambahbaikan dibuat dengan memastikan perbelanjaan geran pembangunan dan pengkomersialan direkodkan ke tahun semasa.

11.4.2 Pengurusan Aktiviti

Mulai tahun 2011, UKMTech bergiat aktif sebagai syarikat pemindahan teknologi untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan UKM ke pasaran global. Pengkomersialan produk inovasi dan harta intelek dibuat antaranya melalui penyerahan hak, melesenkan kepada syarikat pihak ketiga, lesen kepada STU, menubuhkan STU baru atau syarikat usaha sama. UKMTech akan bertindak sebagai pemberi lesen bagi pihak UKM dan menjadi wakil UKM sebagai pemegang saham dalam syarikat bagi STU atau syarikat usaha sama universiti. Bagi projek inovasi, Pusat Inovasi Kolaboratif (PIK), UKM dan UKMTech akan menjalankan pemilihan teknologi yang hendak dikomersialkan berdasarkan kepada *due diligence* yang dilaksanakan.

11.4.2.1 Prestasi Pengkomersialan

- a. Setakat bulan Disember 2014, sebanyak 24 atau 49% daripada 49 projek inovasi telah disiapkan manakala 25 projek masih di peringkat penyelidikan dan pembangunan. Sebanyak 14 projek daripada 24 projek yang disiapkan telah dikomersialkan. Prestasi 49 projek inovasi adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.7 : PRSTASI PENGKOMERSIALAN PROJEK INOVASI

STATUS PROJEK	BILANGAN PROJEK	SETAKAT OKTOBER 2014	
		KOS PERBELANJAAN (RM)	PENDAPATAN DIJANA (RM)
Siap Dan Dikomersial (Berjaya Menjana Pendapatan)	9	636,224	1,486,767
Siap Dan Dikomersial (Belum Menjana Pendapatan)	5	336,000	-
Siap Dan Belum Komersial	10	1,035,060	-
Belum Siap	25	2,056,795	-
JUMLAH	49	4,064,079	1,486,767

Sumber: Bahagian Operasi, UKMTech

- b. Semakan Audit mendapati 3 projek yang dikomersialkan iaitu *The Development of Compact Food For Athletes And Service Men (ProBar)*, *Intelligent Project Management System For Small and Medium Enterprise (SME)* dan *Development of Non-Invasive Vascular Risk Prediction (NIVAR)* tidak memberi sebarang pulangan kepada syarikat walaupun telah disiapkan pada tahun 2011 dengan kos projek RM186,000. Seterusnya bagi 2 projek dengan kos projek RM150,000 yang dikomersialkan melalui syarikat A1 Meditech Sdn. Berhad dan Biotech Diagnostics Sdn. Berhad juga tidak menjana sebarang pulangan. Bagi 3 projek yang dikomersialkan sendiri oleh UKMTech dan 6 projek melalui STU, telah berjaya menjana pendapatan sejumlah RM1.49 juta. Bagi projek Cilibangi, JetP dan Casemix menunjukkan pulangan yang baik dan dapat menampung kos pembiayaan penyelidikan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 11.8 : SENARAI PROJEK YANG DIKOMERSIALKAN DAN PULANGAN YANG DIPEROLEHI BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2014

TARIKH SIAP PROJEK	KETERANGAN PROJEK	KOS PROJEK YANG DILULUSKAN (RM)	PENDAPATAN SETAKAT OKTOBER 2014 (RM)	CATATAN
DIKOMERSIALKAN MELALUI LESEN KEPADA SYARIKAT LUAR				
30.06.2011	<i>The Development of Compact Food For Athletes And Service Men (ProBar)</i>	80,000	0	Usaha promosi untuk pengkomersialan gagal mendapat penerimaan pasaran.
31.08.2011	<i>Intelligent Project Management System For Small and Medium Enterprise (SME)</i>	53,000	0	Usaha promosi untuk pengkomersialan gagal mendapat penerimaan pasaran.

TARIKH SIAP PROJEK	KETERANGAN PROJEK	KOS PROJEK YANG DILULUSKAN (RM)	PENDAPATAN SETAKAT OKTOBER 2014 (RM)	CATATAN
DIKOMERSIALKAN OLEH UKMTECH				
30.06.2011	<i>Development of Non-Invasive Vascular Risk Prediction (NIVAR)</i>	53,000	0	Dibangunkan semula (R&D) berdasarkan kepada maklum balas pasaran. Prototype baru kini dalam proses pengujian.
31.05.2012	<i>Development of UKM-MECC for Human Chondrocyte Culture and Cartilage Formation: Towards Clinical Application</i>	78,000	60,600	-
30.06. 2012	<i>Development of Synthesizing Wax Ester Based on Palm Oil For Toner Application</i>	42,114	12,170	Rakan komersial adalah Jadi Imaging Technology Sdn. Berhad
30.09.2013	<i>Development of Aturcara LISp for Busana CAD</i>	60,500	1,800	Jualan produk kepada pelanggan individu
DIKOMERSIALKAN MELALUI PENUBUHAN STU				
28.02.2011	<i>Biodiagnostic Kit Used for the laboratory diagnosis of Clostridium difficile – Associated Diarrhoea</i>	70,000.00	0	Biotech Diagnostics Sdn. Berhad Tahun Ditubuhkan : 2010
31.08.2011	<i>Improvement of BRIM Pelvic Binder External Pelvic Stabiliser for Pre-commercialisation</i>	94,000	40,120	Compleo Technology Sdn. Berhad Tahun Ditubuhkan : 2011
30.10.2011	<i>Online version of reading tools to detect child reading performance and progress, Learning Disabilities And Eye Problems (KieVision)</i>	78,350	30,000	Kievision Technology Sdn. Berhad Tahun Ditubuhkan : 2011
19.11.2011	<i>Full Text Electronic Journal (JetP)</i>	100,000	264,859	Refrex Sdn. Berhad Tahun Ditubuhkan : 2011
19.12.2011	<i>Development of my-grouper: software to enhance efficiency and quality of services in healthcare system</i>	50,000	890,318	Casemix Solution Sdn. Berhad Tahun Ditubuhkan : 2011
31.12.2011	A 1 BOD	80,000	0	A1 Meditech Sdn. Berhad Tahun Ditubuhkan : 2010
31.01.2012	<i>Pre commercially competitive production of Cilibangi</i>	97,100	176,900	Serotech Sdn. Berhad Tahun Ditubuhkan : 2011
19.04.2012	<i>Testing potentially of some registered rice variants to release as new plant variety</i>	36,160	10,000	Serotech Sdn. Berhad Tahun Ditubuhkan : 2011
JUMLAH		972,224	1,486,767	

Sumber: Bahagian Operasi, UKMTech

Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015

Produk The Development of Compact Food For Athletes And Service Men (ProBar) telah berjaya mendapat syarikat luar untuk dilesenkan teknologi dengan syarat (condition precedent) mendapat dana pembangunan dan pengkomersialan.

Perlesenan tidak dapat diteruskan kerana syarikat tersebut tidak berjaya mendapatkan dana yang dipersetujui. Oleh yang demikian, UKMTECH sedang dalam usaha mengkomersialkan sendiri dengan mengenalpasti dana daripada agensi seperti Cradle Fund, MTDC dan Teraju bagi meneruskan pemindahan teknologi dan pengkomersialan projek ini.

Projek Intelligent Project Management System For Small and Medium Enterprise (SME-EZUrus) berjaya dikomersialkan pada 31 Disember 2013 dengan IP baru menggunakan nama EZ Monitor. Produk ini dilesenkan kepada syarikat Possible Technologies Sdn. Berhad selaku product integrator dan digunakan untuk salah satu sistem pemantauan di Perbadanan Putrajaya.

Projek Development of Non-Invasive Vascular Risk Prediction (NIVAR) baru sahaja berjaya dilesenkan kepada syarikat BioCore (M) Sdn Bhd pada bulan Ogos 2015.

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 10 projek yang telah disiapkan pada tahun 2012 dan 2013 dengan kos berjumlah RM1.03 juta belum dapat dikomersialkan. Antaranya disebabkan oleh teknologi sesuatu produk tidak dapat diterima oleh pasaran, persaingan harga pasaran yang sengit, produk tiada daya tarikan dan memerlukan penyelidikan lanjut terhadap produk yang dihasilkan seperti jadual berikut:

JADUAL 11.9 : SENARAI PROJEK YANG TELAH SIAP BELUM DIKOMERSIALKAN

KETERANGAN PROJEK	TARIKH SIAP PROJEK	KOS PROJEK (RM)	SEBAB BELUM DIKOMERSIALKAN
<i>Development of Production of Vegetable Oil-Based Polyurethane Polyols</i> (Projek dibiayai bersama dengan dana dari luar)	30.03.2012	143,000	Menunggu keputusan permohonan dana luar.
<i>A Polymer Optical Fiber Based (POF) Splitter (Low Cost Hand Made 1XN</i>	31.05.2012	75,000	Teknologi POF tidak mempunyai potensi yang baik yang boleh diterima oleh pasaran. Seterusnya pengguna belum didekah dengan teknologi ini juga merupakan cabaran untuk mengkomersialkannya.
<i>Development of Asean Breast Cancer Chip (ABCC) for early detection and Screening of BRCA-1 and BRCA-2 mutations in Asian Population.</i> (Projek dibiayai bersama dengan dana dari luar)	30.06.2012	136,860	Teknologi ini memerlukan kajian klinikal yang lebih lanjut bagi membuktikan keberkesanannya dan ia akan mengambil masa.
<i>Development of Production of Direct Methanol Fuel Cell Education Kits (DMFC Kits)</i>	31.03.2013	99,200	Memerlukan dana untuk mengkomersialkan produk ini.

KETERANGAN PROJEK	TARIKH SIAP PROJEK	KOS PROJEK (RM)	SEBAB BELUM DIKOMERSIALKAN
<i>Development of Preparation of a Multipurpose Industrial Coagulant/Flocculant from Waste Activated Bleaching Earth (wABE) for waste water treatment and Cells Biomass Recovery</i>	31.03.2013	100,000	<ul style="list-style-type: none"> • Memerlukan ujian lanjutan terhadap skala yang lebih besar. Setakat ini ujian dibuat secara di makmal sahaja. • Persaingan harga jualan yang sengit dari negara luar.
<i>Development of Prototyping of RFID Reader Antenna for Commercial Product and Market Testing</i>	31.03.2013	98,000	Memerlukan ujian dibuat terhadap skala yang lebih besar.
<i>Development of Prototype Implementation of Automatic Recyclable Objects Sorting System (Autosort's)</i>	31.05.2013	94,000	<i>Autosort's</i> tidak mempunyai daya tarikan dipasarkan. Industri kitar semula di Malaysia masih bergantung pada tenaga buruh untuk membuat pengasingan barang terpakai.
<i>Development of Optical Fetal Heart Rate Detection Systems for Pre-Commercialization and Clinical Trial</i>	31.07.2013	91,000	Memerlukan rangkaian pengedara antarabangsa yang mantap memandangkan pasaran domestik adalah terhad.
<i>Development Phenolic Resin (PR) Made from Liquified Oil Palm Empty Fruit Bunch (EFB) Fibre for the Prototype Products of Moulded PR and PR Adhesives</i>	31.08.2013	100,000	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber EFB yang terhad. • Ujian lanjut perlu dibuat terhadap qualiti produk oleh badan yang bertanggungjawab seperti SIRIM. • Menentukan kadar harga jualan yang bersesuaian.
<i>Development of The Production of High Throughput Device Based (UKM-AKOX) on dry reagent array for determination of Antioxidant.</i>	31.12.2013	98,000	Perbincangan lanjut untuk program pengkomersialan di bawah MOSTI.
JUMLAH		1,035,060	

Sumber: Bahagian Operasi, UKMTech

Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015

UKMTech telah menyertai lebih 25 acara dan pameran dalam dan luar negara bagi mempromosikan produk dan harta inteleknya antara bulan Jun 2011 sehingga Disember 2014. UKMTech telah menerima pelbagai maklum balas hasil daripada aktiviti promosi ini dan telah menghantar sampel produk termasuk ke luar negara bagi tujuan mendapatkan minat syarikat-syarikat ini terhadap produk UKM. Projek ini juga telah menerima suntikan dana daripada agensi kerajaan bagi tujuan pembinaan beta prototaip dan dana pre-komersial.

- d. Semakan Audit mendapati UKMTech ada menyediakan *Key Milestones* dan *Roadmap* yang menggariskan strategi syarikat bermula dari penubuhannya pada tahun 2009 sehingga 2015. Ia juga merangkumi peringkat pelan pengkomersialan iaitu penubuhan STU hingga hasil dari R&D yang dilaksanakan dapat komersialkan. Bagaimanapun, strategi dan pelan perniagaan yang disediakan adalah dalam bentuk gambar rajah dan graf yang agak sukar untuk difahami. Pihak UKMTech juga tidak dapat memastikan sama ada *Key Milestones* dan

Roadmap yang disediakan telah dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015

Key Milestones dan Roadmap akan dimasukkan ke dalam Rancangan Pengkomersialan Teknologi dan Rancangan Perniagaan baru yang dijangka siap pada 30 November 2015.

Pada pendapat Audit, prestasi pengkomersialan produk inovasi oleh UKMTech adalah kurang memuaskan kerana 10 daripada 24 projek telah siap belum dikomersialkan. Manakala 5 daripada 14 projek yang dikomersialkan tidak menjana sebarang pulangan. Selain itu, UKMTech tidak menyediakan pelan komersial produk inovasi yang komprehensif bagi menentukan tempoh masa untuk mengkomersialkan produk inovasi walaupun telah disiapkan dalam tahun 2012 dan 2013.

Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 7 Mei 2015 Dan 17 September 2015

Produk ProBar dan SME diletakkan dalam status Simpan Dalam Perhatian (KIV) di mana UKMTech tidak membiayai pembangunan atau promosi khusus terhadap produk tersebut tetapi akan mempromosi secara berkumpulan di dalam ekspo dan jaringan bersama industri. UKMTech akan memberi tumpuan khusus apabila ada permintaan industri. Justifikasi ini dibuat kerana usaha promosi untuk pengkomersialan sebelum ini gagal mendapat penerimaan pasaran. Produk NIVAR dibangunkan semula (R&D) berdasarkan kepada maklum balas pasaran. Prototype baru kini dalam proses pengujian.

Produk yang dikomersialkan oleh A1 Meditech Sdn. Berhad tidak mendapat sambutan pasaran. Produk ini dipilih dan dibiayai oleh MTDC. Produk Diagnostic Kits yang dikomersialkan oleh Biotech Diagnostics Sdn. Berhad tidak dapat mencapai tahap pre-production untuk tujuan pengeluaran dan penjualan atas beberapa kesulitan teknikal. Produk ini dipilih dan dibiayai oleh Cradle Fund. Syarikat A1 Meditech dan Biotech Diagnostics telah diasingkan daripada kumpulan UKMTech.

UKMTech dalam rangka menyiapkan Technology Commercialisation Pelan (TCP) yang akan menjadi modul komprehensif sebagai template untuk UKMTech dan PIK mengkaji pasaran, menilai potensi dan merancang pengkomersialan. Modul TCP ini dibangunkan oleh UKMTech bersama pakar dari universiti dan industri. Sasaran

tempoh pengkomersialan akan ditetapkan berdasarkan TCP. TCP akan disediakan khusus untuk setiap produk atau anak syarikat. Strategi dan pelan perniagaan yang komprehensif akan disediakan berdasarkan TCP. Pelan perniagaan ini akan dikaji secara berkala terutama dari segi kewangan dan operasi untuk memastikan keberkesanan serta mengikut sasaran yang ditetapkan.

Berdasarkan kepada prestasi keseluruhan operasi, kekangan teknikal dan kewangan serta pendapat Audit dan nasihat dari KSU Kementerian Pengajian Tinggi, UKMTech dan UKM bersetuju untuk menyediakan Strategi dan pelan pengkomersilan baru. UKMTech bersama entiti Penyelidikan dan Inovasi UKM serta pengurusan strategik UKM telah mengadakan beberapa siri perbincangan yang akan disusuli dengan pembentangan kepada Lembaga Pengarah UKMTech dan pengurusan tertinggi (MPU) UKM. Terkini, UKMTech dalam proses menyiapkan rancangan di peringkat teknologi dan anak syarikat yang akan dinilai dan dimasukkan ke dalam Rancangan Perniagaan Induk UKMTech yang dijangka selesai pada 30 November 2015.

11.4.2.2 Penubuhan Syarikat Terbitan Universiti

Mulai tahun 2009, UKMTech telah menujuhkan 25 Syarikat Terbitan Universiti (STU) untuk mengkomersialkan produk inovasi dan harta intelek. Sebanyak 15 STU yang diurus oleh UKMTech dan 10 STU yang dikelola bersama dengan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) di bawah Program Simbiosis UKM-MTDC seperti jadual berikut:

JADUAL 11.10 : MAKLUMAT PENUBUHAN SYARIKAT TERBITAN UNIVERSITI

NAMA SYARIKAT	TAHUN DITUBUHKAN	AKTIVITI
STU DI BAWAH UKMTECH		
My C.R.O Sdn. Berhad	2009	Perniagaan bioteknologi, farmaseutikal dan penyelidikan klinikal
K Eco Tourism Sdn. Berhad		Pelancongan
UKM EBiz Sdn. Berhad		Syarikat usahasama membangunkan perisian e-Bisnes dengan sebuah syarikat ICT dari Hong Kong
Biotech Diagnostics Sdn. Berhad	2010	Penyelidikan dan pembangunan serta jualan dan pemasaran Bio Diagnostik Kit
Minds Technology Sdn. Berhad		Perniagaan produk pendidikan multimedia dan projek pengurusan perisian
Altus Technology Sdn. Berhad		Usaha penyelidikan dan pembangunan dan pengkomersialan harta intelek
Compleo Technology Sdn. Berhad		Perniagaan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan dan pengkomersialan harta intelek
Serotech Sdn. Berhad	2011	Perniagaan pembangunan pertanian
UGreentech Sdn. Berhad		Perniagaan produk teknologi hijau memberi tumpuan kepada sel bahan api, solar dan tenaga angin
Kievision Technology Sdn. Berhad		Pembekal alat bantuan pembelajaran dan pembelajaran upaya penyelesaian

NAMA SYARIKAT	TAHUN DITUBUHKAN	AKTIVITI
Valde Technology Sdn. Berhad		Pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan dan harta intelek
Vlearning Sdn. Berhad		Pembangunan perniagaan maya dan serba boleh perisian kursus pembelajaran atau alat pendidikan
Casemix Solutions Sdn. Berhad		Pembangunan perisian, perundingan dan latihan
Tela Technology Sdn. Berhad		Usaha penyelidikan dan pembangunan dan pengkomersialan harta intelek
Refrex Sdn. Berhad		Pembangunan perisian
STU DI BAWAH PROGRAM SIMBIOSIS UKM-MTDC		
A1 Meditech Sdn. Berhad	2010	Penyediaan dan pembekalan A1- Bod, peralatan perubatan lain dan teknologi lain yang berkaitan
Cell Tissue Technology Sdn. Berhad		Pembuatan penggantian kulit untuk tujuan rawatan perubatan dan sewa makmal
Food Protech Sdn. Berhad		Penyediaan produk, perkhidmatan dan perundingan yang berkaitan dengan teknologi makanan dan minuman
Gas Sensor Sdn. Berhad		Penyediaan dan pembekalan produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan karbon monoksida dan teknologi lain yang berkaitan
Greenxs Sdn. Berhad		Penyediaan dan produk, perkhidmatan dan perundingan dalam produk hijau teknologi, reka bentuk inovatif, karya seni kreatif, reka bentuk multimedia dan reka bentuk infrastruktur
HCA Products Sdn. Berhad		Penyediaan dan Produk, perkhidmatan dan perundingan dalam USE hijau teknologi, reka bentuk inovatif, karya seni kreatif, reka bentuk multimedia dan reka bentuk infrastruktur
Icon Pharma Sdn. Berhad		Penyediaan produk, perkhidmatan dan perundingan berkaitan dengan Nata de Coco berdasarkan Hidrogel dan teknologi lain yang berkaitan
Nxphotonics Sdn. Berhad		Bekalan plastik Serat Optik dan Sistem Automobil Permohonan dan teknologi lain yang berkaitan
PV & T Technologies Sdn. Berhad		Penyediaan produk, perkhidmatan dan perundingan kepada voltan foto dan teknologi haba
Solare Sdn. Berhad		Penyediaan produk, perkhidmatan dan perundingan berkaitan dengan pengawal caj solar dan teknologi lain yang berkaitan

Sumber: Penyata Kewangan STU

a. Syarikat Terbitan Universiti Di Bawah UKMTech

Pada asalnya, UKMTech mempunyai 15 STU. Bagaimanapun pada tahun 2012, pengurusan Syarikat K Eco Tourism Sdn. Berhad (K Eco Tourism) dipindahkan kepada UKM Holdings Sdn. Berhad disebabkan aktiviti perniagaan K Eco Tourism tidak melibatkan teknologi. Selain itu, pada tahun 2013 Syarikat UKM E Biz Sdn. Berhad telah ditutup kerana masalah teknologi dan pasaran. Analisis prestasi kewangan STU di bawah UKMTech adalah seperti berikut:

- Pendapatan STU terdiri daripada pendapatan hasil aktiviti utama syarikat dan pendapatan lain antaranya kursus atau latihan yang dianjurkan. Semakan Audit mendapati semua 13 STU menjana pendapatan. Bagaimanapun, jumlah pendapatan yang diperoleh tidak dapat menampung perbelanjaan syarikat seperti jadual berikut:

JADUAL 11.11 : PRESTASI KEWANGAN STU BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA BULAN SEPTEMBER 2014

STU/ MODAL BERBAYAR	PENDAPATAN			JUMLAH (RM)	PERBELANJAAN			JUMLAH (RM)	UNTUNG/(RUGI) BERSIH		
	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)		2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)		2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
STU YANG MENGALAMI KERUGIAN BERTERUSAN SETIAP TAHUN											
My C.R.O /RM500,000	19,210	435,784	266	455,260	200,562	517,165	363,461	1,081,188	(181,352)	(81,381)	(363,195)
Casemix Solutions /RM10,000	110,723	494,425	241,604	846,752	113,278	495,827	344,152	953,257	(2,555)	(1,402)	(102,548)
Serotech /RM10,000	187,665	216,452	68,013	472,130	210,118	263,719	167,676	641,513	(22,453)	(47,267)	(99,663)
Kievision Technology /RM2	5,135	6,954	7,418	19,507	12,426	13,054	9,886	35,366	(7,291)	(6,100)	(2,468)
STU YANG BERJAYA MENDAPAT KEUNTUNGAN PADA TAHUN 2014											
Minds Technology /RM2	91,568	8,328	61,611	161,507	103,226	12,643	8,883	124,752	(11,658)	(4,315)	52,728
UGreentech /RM10,000	500,230	125,283	75,522	701,035	500,564	140,077	19,252	659,893	(334)	(14,794)	56,270
Biotech Diagnostics /RM100	10,080	23,343	4,774	38,197	17,474	24,473	3,244	45,191	(7,394)	(1,130)	1,530
Altus Technology /RM2	2,792	5,296	10,008	18,096	9,582	11,396	9,871	30,849	(6,790)	(6,100)	137
VLearning /RM2	3,301	4,998	9,994	18,293	8,631	10,772	7,175	26,578	(5,330)	(5,774)	2,819
Tela Technology /RM2	3,301	4,786	7,855	15,942	8,631	10,660	7,225	26,516	(5,330)	(5,874)	630
STU YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN KEUNTUNGAN											
Compleo Technology /RM10,000	44,500	20,255	11,931	76,686	35,128	24,089	33,826	93,043	9,372	(3,834)	(21,895)
Valde Technology /RM2	146,422	144,648	42,164	333,234	134,054	145,395	66,122	345,571	12,368	(747)	(23,958)
Refrex /RM10,000	99,993	271,661	42,037	413,691	60,780	218,055	145,460	424,295	39,213	53,606	(103,423)
MODAL BERBAYAR RM550,112	1,224,920	1,762,213	583,197	3,570,330	1,414,454	1,887,325	1,186,233	4,488,012	(189,534)	(125,112)	(603,036)

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Nota: #1 Pendapatan termasuk pendapatan lain

#2 Perbelanjaan terdiri daripada kos jualan, cukai, belanja pentadbiran dan belanja operasi lain

#3 Management Account 2014 – Setakat 20 September 2014

- ii. Semakan Audit mendapati 4 STU mencatat kerugian berterusan bagi tahun 2012 sehingga 30 September 2014 iaitu syarikat My C.R.O, Casemix Solutions, Serotech dan Kievision Technology. Kerugian ini disebabkan jumlah perbelanjaan adalah melebihi pendapatan antara 12.6% hingga 137.5%. Seterusnya, 6 STU mendapat keuntungan pada tahun 2014 iaitu syarikat Minds Technology, Altus Technology, VLearning, Tela Technology, UGreentech dan Biotech Diagnostics adalah disebabkan jumlah pendapatan melebihi perbelanjaan. Di samping itu, bagi syarikat Minds Technology, Altus Technology, VLearning dan Tela Technology pada tahun tersebut juga terdapat peningkatan di dalam pendapatan lain. Tiga STU mengalami penurunan keuntungan dari tahun 2012 sehingga 2014 iaitu syarikat Compleo

Technology, Valde Technology dan Refrex Sdn. Berhad disebabkan penurunan di dalam pendapatan aktiviti utama dan pendapatan lain.

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati 6 STU tidak menjana sebarang pendapatan daripada aktiviti utamanya iaitu Syarikat Minds Technology Sdn. Berhad, Biotech Diagnostics Sdn. Berhad, Kievision Technology Sdn. Berhad, VLearning Sdn. Berhad, Altus Technology Sdn. Berhad dan Tela Technology Sdn. Berhad. Sumber pendapatan lain tidak dapat menampung kos operasi syarikat menyebabkan syarikat mengalami kerugian berterusan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 11.12 : PENDAPATAN AKTIVITI UTAMA DAN PENDAPATAN LAIN BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

STU	PENDAPATAN AKTIVITI UTAMA			JUMLAH (RM)	PENDAPATAN LAIN			JUMLAH (RM)	JUMLAH PENDAPATAN			JUMLAH (RM)
	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)		2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)		2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	
Minds Technology Sdn Berhad	0	0	0	0	91,568	8,328	61,611	161,507	91,568	8,328	61,611	161,507
Biotech Diagnostics Sdn Berhad	0	0	0	0	10,080	23,343	4,774	38,197	10,080	23,343	4,774	38,197
Kievision Technology Sdn Berhad	0	0	0	0	5,135	6,954	7,418	19,507	5,135	6,954	7,418	19,507
VLearning Sdn Berhad	0	0	0	0	3,301	4,998	9,994	18,293	3,301	4,998	9,994	18,293
Altus Technology Sdn Berhad	0	0	0	0	2,792	5,296	10,008	18,096	2,792	5,296	10,008	18,096
Tela Technology Sdn Berhad	0	0	0	0	3,301	4,786	7,855	15,942	3,301	4,786	7,855	15,942
Casemix Solutions Sdn Berhad	103,331	491,370	236,490	831,191	7,392	1,318	5,082	13,792	110,723	492,688	241,572	844,983
UGreentech Sdn Berhad	195,035	2,397	210	197,642	305,195	114,886	75,312	495,393	500,230	117,283	75,522	693,035
Serotech Sdn Berhad	59,329	50,557	36,014	145,900	128,336	165,895	31,999	326,230	187,665	216,452	68,013	472,130
My C.R.O Sdn Berhad	15,650	33,071	0	48,721	3,560	402,713	266	406,539	19,210	435,784	266	455,260
Refrex Sdn Berhad	60,007	166,602	38,250	264,859	39,986	105,059	3,787	148,832	99,993	271,661	42,037	413,691
Valde Technology Sdn Berhad	79,450	0	0	79,450	66,972	144,648	42,069	253,689	146,422	144,648	42,069	333,139
Compleo Technology Sdn Berhad	23,620	12,000	0	35,620	20,880	6,255	11,931	39,066	44,500	18,255	11,931	74,686

Sumber: Penyata Kewangan STU

- iv. UKMTech tidak menyediakan laporan kewangan projek yang menunjukkan secara terperinci butiran pendapatan dan perbelanjaan setiap projek yang menyebabkan berlakunya perbelanjaan melebihi pendapatan.

Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015

Laporan kewangan yang dibuat pada tahun awal meneroka operasi pemindahan teknologi dan pengkomersialan tidak begitu tepat dan lengkap kerana banyak faktor yang belum dikenal pasti yang menjadikan kelancaran pembangunan, bajet dan keberhasilan projek awal ini. UKMTech akan menyediakan laporan kewangan projek yang lebih terperinci berdasarkan Technology Commercialisation Plan (TCP) yang baru yang dijangka akan selesai pada 30 Mac 2016.

b. Syarikat Terbitan Universiti Di Bawah Program Simbiosis UKM-MTDC

- i. Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) telah dilantik oleh Kerajaan untuk mengurus dan mentadbir dana pengkomersialan bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan oleh universiti dan institusi pengajian tinggi di Malaysia. MTDC telah menawarkan untuk membiayai 10 projek inovasi yang dikendalikan oleh UKM. Bagi tujuan tersebut, UKMTech menubuhkan 10 STU dan setiap STU menerima geran antara RM1.94 juta sehingga RM2 juta daripada MTDC seperti jadual berikut:

JADUAL 11.13 : GERAN DARIPADA MTDC

SYARIKAT SUBSIDIARI	DANA MTDC (RM Juta)	BIDANG KAJIAN
A1 Meditech Sdn. Berhad	2.00	<i>Commercialisation of Patient Transfer Device – A1BOD</i>
Food Protech Sdn. Berhad	2.00	<i>Commercialisation of Technology in Producing Chocolate and Confectionery Product</i>
GreenXS Sdn. Berhad	2.00	<i>Commercialisation of ecsCUBE-Smart City Kiosk</i>
Icon Pharma Sdn. Berhad	2.00	<i>Commercialisation of Nata De Coco Based Hydrogel As An Advance Wound Dressing</i>
PV & T Technologies Sdn. Berhad	2.00	<i>Commercialisation of Solar Dryer for Agriculture and Marine Products</i>
Cell Tissue Technology Sdn. Berhad	2.00	<i>Commercialisation of MyDerm – Autologous Bilayer Tissue Engineered Human Skin</i>
Gas Sensor Sdn. Berhad	2.00	<i>Commercialisation of Carbon Monoxide Sensor</i>
SolarGE Sdn. Berhad	1.96	<i>Commercialisation of Solar Charger Controller</i>
NXPhotonics Sdn. Berhad	1.94	<i>Commercialisation of Plastic Optical Fiber (POF) Coupler</i>
HCA Products Sdn. Berhad	2.00	<i>Commercialisation of Roselle Into Weight Loss & Supplement Products</i>
JUMLAH	19.90	

Sumber: Penyata Kewangan STU dan Fail Projek

- ii. Menurut perjanjian antara MTDC dengan STU, tempoh perjanjian adalah selama 2 tahun dari tarikh perjanjian ditandatangani iaitu sehingga 31 Oktober 2013. Pada tarikh tersebut syarikat sepatusnya telah menjadi *spin-off companies* yang bebas, berdikari dan berjaya meraih keuntungan apabila

dikomersialkan. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan setakat bulan Disember 2014, pelaksanaan *spin-off* bagi syarikat berkenaan masih belum disempurnakan.

- iii. Semakan Audit terhadap penyata kewangan tahun 2012 dan 2013 bagi syarikat di bawah Program Simbiosis UKM-MTDC mendapati kesemua STU menunjukkan peningkatan di dalam kerugian terkumpul setiap tahun. Hanya 2 STU iaitu PV & T Technologies Sdn. Berhad dan NX Photonics Sdn. Berhad berjaya mendapat pendapatan operasi bagi tahun 2013. Bagaimanapun, kos operasi Syarikat PV & T Technologies Sdn. Berhad pada tahun 2013 adalah 119.3% lebih tinggi berbanding pendapatan operasi pada tahun tersebut. Bagi Syarikat NX Photonics Sdn. Berhad, kos operasi melebihi pendapatan operasi adalah sebanyak 304.9% pada tahun 2013. Selain itu, 8 STU tidak menjana pendapatan operasi antaranya disebabkan produk yang dihasilkan tidak menepati kehendak pasaran dari segi teknologi dan kualiti. Prestasi kewangan STU di bawah Program Simbiosis UKM-MTDC adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.14 : PRESTASI KEWANGAN STU DI BAWAH PROGRAM SIMBIOSIS UKM-MTDC BAGI TAHUN 2012 DAN 2013

STU	PENDAPATAN OPERASI (RM)		KOS OPERASI (RM)		PENDAPATAN LAIN (RM)		KERUGIAN BERSIH (RM)		KERUGIAN TERKUMPUL (RM)	
	2012	2013	2012	2013	2012	2013	2012	2013	2012	2013
PV & T Technologies Sdn. Berhad	-	272,610	77,962	597,744	7,880	130,596	(70,082)	(194,538)	(77,826)	(272,364)
NX Photonics Sdn. Berhad	-	75,792	83,240	306,926	25,801	107,495	(57,439)	(123,639)	(63,107)	(186,746)
GreenXS Sdn. Berhad	-	-	260,377	82,088	257,704	3,479	(2,673)	(78,831)	(8,517)	(87,348)
Cell Tissue Technology Sdn. Berhad	-	-	149,961	42,772	123,904	6,985	(26,507)	(35,787)	(33,801)	(69,588)
Icon Pharma Sdn. Berhad	-	-	116,328	46,367	98,105	6,043	(18,223)	(40,324)	(23,906)	(64,230)
SolarGE Sdn. Berhad	-	-	129,967	47,806	124,240	4,544	(5,727)	(43,262)	(11,370)	(54,632)
A1 Meditech Sdn. Berhad	-	-	106,160	123,872	76,131	112,883	(30,029)	(10,989)	(38,546)	(49,535)
Food Protech Sdn. Berhad	-	-	76,532	190,695	76,894	160,652	(362)	(30,043)	(5,660)	(35,703)
Gas Sensor Sdn. Berhad	-	-	173,218	272,832	167,480	263,072	(5,738)	(9,760)	(11,406)	(21,166)
HCA Products Sdn. Berhad	-	-	71,101	8,418	70,840	6,321	(261)	(2,097)	(5,929)	(8,026)

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat UKM-MTDC

Nota: Kedudukan Kewangan Tahun 2014 tidak dapat disemak kerana pengurusan kewangan telah diambil alih oleh MTDC

Pada pendapat Audit, objektif penubuhan syarikat subsidiari untuk mengkomersialkan hasil inovasi atau harta intelek tidak tercapai memandangkan STU tersebut mengalami kerugian berterusan dan terdapat syarikat yang tidak menjana sebarang hasil daripada aktiviti utamanya.

Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 7 Mei 2015 Dan 17 September 2015

Daripada 10 anak syarikat ini, 3 syarikat telah ditutup pada tahun 2014 iaitu Minds Technology Sdn. Berhad, Vlearning Sdn. Berhad dan Tela Technologies Sdn. Berhad. Manakala Serotech Sdn. Berhad telah diasingkan (spin-off). Seterusnya Biotech Diagnostic masih dalam proses diasingkan.

Sebanyak 5 lagi syarikat dalam proses penilaian dan perancangan untuk re-startup berdasarkan teknologi yang baru iaitu:

- i. My CRO Sdn. Berhad
- ii. Ugreentech Sdn. Berhad
- iii. Altus Technology Sdn. Berhad
- iv. Kievision Technology Sdn. Berhad
- v. Valde Technology Sdn. Berhad

Penutupan dan pengasingan (spin-off) Syarikat Terbitan Universiti (STU) telah dilaksanakan secara berperingkat sejak 2013. Ini adalah hasil rasionalisasi yang dibincang oleh Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, UKMTECH mengalami kesukaran untuk menutup kesemua STU yang mengalami kerugian kerana faktor potensi masih ada untuk dibangunkan dengan IP tambahan atau IP baru. Demikian juga, usaha pengasingan beberapa syarikat yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah juga mengalami kesulitan untuk mendapat pengganti pengarah dan pengurusan baru yang sanggup menyedia modal dan mengambil risiko bersama produk dan pengurusan sedia ada.

Secara keseluruhan, UKMTECH akan meneruskan usaha penutupan dan pengasingan ini berdasarkan kepada rancangan perniagaan terkini setiap STU yang ada. Sebahagian STU ini sudah menyiapkan rancangan perniagaan baru. Dijangkakan pada 30 November 2015, akan dikeluarkan senarai akhir STU yang akan diteruskan dalam Rancangan Perniagaan Dan Bajet Tahun 2016.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti UKMTech adalah tidak memuaskan kerana 10 daripada 24 projek yang telah siap belum dikomersialkan dan 5 daripada 14 projek yang telah dikomersialkan tidak menjana sebarang pendapatan. Selain itu, 10 daripada 13 syarikat subsidiari

yang diurus UKMTech juga mengalami peningkatan kerugian terkumpul yang berterusan.

11.4.3 Tadbir Urus Korporat

Amalan tadbir urus yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan reputasi syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat bagi memastikan kualiti serta integriti organisasi. Secara keseluruhannya, tadbir urus UKMTech adalah memuaskan. Semakan Audit terhadap pengurusan tadbir urus korporat mendapati perkara berikut:

- a. Pelantikan pengerusi UKMTech tidak dibuat secara bertulis bagi menjelaskan peranan, tanggungjawab dan saraan yang layak diterima.
- b. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dibuat melalui resolusi Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, pelantikan tersebut tidak disusuli secara bertulis bagi menjelaskan peranan, tanggungjawab dan saraan yang mereka layak terima.
- c. Elaun menghadiri mesyuarat Pengerusi dan Ahli Lembaga tidak dibentangkan dalam Mesyuarat Agong.
- d. Penilaian keberkesaan tidak dilakukan terhadap ahli Lembaga Pengarah bagi memastikan setiap Lembaga Pengarah yang dilantik menjalankan tanggungjawabnya di dalam meningkatkan prestasi syarikat.

Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015

Selepas teguran Audit, keperluan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah secara bertulis telah dimaklumkan kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah serta pengurusan UKM pada 26 Mei 2015 melalui “Endorsement Through Circulation: Paper UKMTSB 1/2015”. Saraan akan berdasarkan saraan diperuntukkan selama ini seperti yang disahkan semasa Mesyuarat Agong 30 Jun 2015. Peranan dan tanggungjawab adalah seperti yang dipersetujui dalam resolusi Lembaga Pengarah.

Elaun menghadiri mesyuarat telah di bentang dalam Mesyuarat Agong terkini pada 30 Jun 2015. Ini termasuk pengesahan semula elaun tersebut pada tahun-tahun sebelumnya. Penilaian keberkesaan ahli Lembaga Pengarah akan dirujuk kepada peranan dan tanggung jawab yang telah dipersetujui dalam resolusi Lembaga Pengarah.

11.4.4 Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat memastikan aset syarikat diurus dengan teratur, mengelakkan penyelewengan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan bagi membolehkan maklumat kewangan dapat disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan UKMTech adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat perkara yang diperhatikan seperti berikut:

11.4.4.1 Peraturan Kewangan Dan Perakaunan

- a. UKMTech ada menyediakan Prosedur Kewangan yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2013. Kandungan prosedur tersebut antaranya meliputi peraturan kewangan seperti panduan perolehan dan urusan perakaunan syarikat, tugas dan tanggungjawab pengurusan kewangan, penyediaan bajet, terimaan, bayaran, pengendalian panjar wang runcit dan urusan akaun bank.
- b. Semakan Audit mendapati peraturan berkaitan pembayaran dan penerimaan tidak dibuat secara terperinci dari segi panduan tempoh bayaran yang perlu dibuat bagi invois yang lengkap dan pengeluaran resit supaya pengurusan kewangan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015

UKMTech akan merujuk amalan dan nasihat pakar UKM dan penasihat industri untuk memperkemas peraturan kewangan dan perakaunan.

11.4.4.2 Pengurusan Kawalan Kredit

- a. Penghutang UKMTech setakat bulan Oktober 2014 adalah berjumlah RM237,078. Penghutang yang melebihi 5 bulan adalah berjumlah RM167,207 atau 70.5% daripada jumlah hutang. Penghutang luar yang terdiri daripada pembekal dan penerima lesen merupakan penghutang tertinggi melebihi 5 bulan iaitu berjumlah RM111,750. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.15 : JUMLAH PENGHUTANG UKMTECH SETAKAT BULAN OKTOBER 2014

PENGHUTANG	< 2 BULAN (RM)	3 – 4 BULAN (RM)	> 5 BULAN (RM)	JUMLAH (RM)
Penghutang Luar	4,170	4,500	111,750	120,570
UKM	47,821	5,380	40,448	93,649
STU	-	8,000	12,209	21,209
Individu	-	-	2,800	2,800
JUMLAH	51,991	17,880	167,207	237,078
%	22	7.5	70.5	100

Sumber: Laporan Pengurusan UKMTech

- b. Semakan Audit mendapati tiada polisi pengurusan kredit disediakan oleh UKMTech yang menerangkan secara terperinci antaranya tempoh kredit yang dibenarkan kepada penghutang, tatacara pungutan hutang bagi hutang yang melebihi tempoh had kredit, kaedah menyampaikan notis kepada penghutang, pegawai yang bertanggungjawab melaksanakannya dan sebagainya. Ini telah menyebabkan hutang sejumlah RM67,860 gagal dikutip dan telah dihapus kira pada bulan Disember 2013.

Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015

UKMTech akan merujuk amalan dan nasihat pakar UKM dan penasihat industri untuk mengkaji, merancang dan melaksana tindakan untuk memperbaiki pengurusan hutang khususnya hutang berkaitan caj dan fi dalam kumpulan syarikat terbitan dan pelesen teknologi yang gagal mencapai sasaran pengkomersialan dan tidak mampu membayar caj dan fi berkaitan perkhidmatan inkubator dan perjanjian perlesenan.

UKMTech akan merujuk amalan dan nasihat pakar UKM dan penasihat industri untuk menyediakan peraturan pembayaran dan penerimaan serta pengurusan kredit yang lebih terperinci.

11.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan pertimbangan diberikan kepada perkara berikut bagi meningkatkan prestasi pengurusan syarikat:

11.5.1 UKMTech perlu memastikan produk atau teknologi penyelidikan dan inovasi yang hendak dikomersialkan bercirikan keuntungan, penjanaan pendapatan yang cepat, penglibatan industri dan penyelidikan berorientasikan pasaran.

11.5.2 UKMTech perlu menyediakan laporan kewangan projek yang menunjukkan secara terperinci jumlah pendapatan dan perbelanjaan setiap projek bagi memantau prestasi kewangan. Selain itu, UKMTech perlu menetapkan sasaran tempoh bagi mengkomersialkan sesuatu produk inovasi atau harta intelek yang telah disiapkan.

11.5.3 UKMTech perlu segera menutup STU yang mengalami kerugian dan tidak aktif.

11.5.4 UKMTech perlu menyediakan Strategi dan pelan pengkomersialan produk inovasi dan harta intelek secara komprehensif bagi memastikan kejayaan pengkomersialan.

11.5.5 UKMTech hendaklah menyediakan peraturan pembayaran dan penerimaan yang lebih terperinci supaya pengurusan kewangan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

11.5.6 UKMTech hendaklah menyediakan prosedur kredit bagi memastikan kutipan dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur serta tunggakan hutang dapat dikurangkan seterusnya dapat mengelakkan hutang dihapus kira.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 3.



BAHAGIAN III

KEDUDUKAN TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL
OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN/
SYARIKAT SUBSIDIARI TERHADAP SYOR YANG
DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2014
(SIRI 1 DAN 2) SETAKAT 8 OKTOBER 2015

BAHAGIAN III

KEDUDUKAN TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN/SYARIKAT SUBSIDIARI TERHADAP SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2014 (SIRI 1 DAN 2) SETAKAT 8 OKTOBER 2015

12. PENDAHULUAN

Pada tahun 2013, Jabatan Audit Negara telah melancarkan Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara (AG's Dashboard) yang berperanan untuk memantau tindakan pembetulan telah diambil oleh Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat Subsidiari terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Secara keseluruhannya, Jabatan Audit Negara berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil oleh pihak berkenaan terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2010 sehingga 2014 (Siri 1 dan 2). Setakat 8 Oktober 2015, pihak Audit mendapati bagi tahun 2010 daripada 5 isu yang sedang atau belum diambil tindakan sebanyak 2 (40%) telah diselesaikan, bagi tahun 2011 daripada 14 isu sebanyak 4 (28.6%) telah diselesaikan, bagi tahun 2012 daripada 15 isu sebanyak 10 (66.7%) telah diselesaikan manakala bagi tahun 2013 daripada 134 isu yang dibangkitkan sebanyak 115 (85.8%) telah diambil tindakan oleh Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat Subsidiari berkenaan. Bagi tahun 2014 Siri 1 dan 2 pula, sebanyak 55 (42.3%) isu telah diambil tindakan berbanding 130 isu yang dibangkitkan. Sehubungan ini, Badan Berkanun Persekutuan dan Syarikat Subsidiari yang terlibat adalah digesa untuk mengambil tindakan segera/susulan bagi memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dengan melaksanakan syor yang telah diberi oleh pihak Audit.

13. TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014 SIRI 1 DAN 2

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
LKAN 2014 SIRI 1		
1. PENGURUSAN SYARIKAT ESPEK LIVESTOCK SDN. BERHAD.		
7.4.2.1(c)	Kadar kelahiran lembu integrasi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 34.8% bagi tahun 2012 dan 38.4% bagi tahun 2013 berbanding kadar yang ditetapkan oleh RISDA adalah 60%. Kelahiran bagi tahun 2011 sehingga 2013	Bagi meningkatkan kadar kelahiran, tindakan yang telah dan sedang diambil adalah memindahkan pejantan antara ladang supaya mengikut nisbah 1:20, selain membeli pejantan baru dan memeterai kerjasama dengan agensi

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	juga didapati tidak mencapai sasaran kelahiran yang ditetapkan oleh ELSB.	MARDI untuk pembekalan pejantan serta melaksanakan permanian berhadas (A.I). Prestasi kelahiran setakat September 2015 adalah 25.87%. Kadar kelahiran tahun 2014 adalah sebanyak 40%.
7.4.2.3(a-c)	<p>Projek Lembu RISDA (PLR)</p> <p>Kadar kelahiran lembu untuk Projek Lembu RISDA (PLR) bagi tahun 2010 sehingga 2012 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Peratus kelahiran bagi tahun 2010 adalah sebanyak 33.3% berbanding sasaran 45%. Bagi tahun 2011 dan 2012, peratus kelahiran adalah 40.3% dan 44% masing-masing berbanding 60% sasaran yang ditetapkan. Kematian pejantan pada tahun 2010 adalah 5.8% berbanding kadar yang ditetapkan iaitu kurang dari 5% setahun.</p>	Bagi meningkatkan kadar kelahiran, tindakan yang telah diambil adalah memindahkan pejantan antara ladang supaya mengikut nisbah 1:20 selain membeli pejantan baru dan memeterai kerjasama dua hala dengan agensi MARDI untuk membekalkan pejantan serta melaksanakan permanian berhadas (A.I). Prestasi kelahiran setakat September 2015 adalah 25.87% manakala kematian pejantan adalah 0%. Kadar kelahiran pula yang dicatatkan pada tahun 2014 adalah 40% manakala kematian pejantan adalah sebanyak 0.5%.

LKAN 2014 SIRI 2

1. PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA - Pengurusan Program Akuakultur		
2.4.1.2(a)(iv)	<p>Prestasi Program Akuakultur Syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad</p> <p>Syarikat POSB tidak mematuhi sepenuhnya skop pembiayaan bagi Fasa 3 pada tahun 2012 iaitu syarikat tidak melaksanakan perolehan tanah dan Pembinaan Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan di Sungai Menghulu, Langkawi.</p>	Pejabat Tanah Daerah Langkawi telah menerima dokumen-dokumen dari NCIA dan sedang menyediakan kertas pengurusan untuk dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk diluluskan. NCIA menjangka mendapat kelulusan 6 bulan dari sekarang.
2.4.1.2(b)(iii)	<p>Prestasi Program Akuakultur Syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad (AFISB)</p> <p>Pihak Audit mendapati hanya 4 daripada 28 kolam yang dibina digunakan untuk menternak udang. Baki 6 kolam dalam</p>	NCIA telah mengenal pasti teknologi untuk mengatasi penyakit EMS dari Thailand dan telah mendapatkan kelulusan dari pihak pengurusan untuk mengendalikan latihan pada 17-22 September 2015. Seramai 5 calon usahawan akuakultur telah dihantar ke

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	proses penyediaan kolam untuk kemasukan benih udang, 15 kolam lagi tidak digunakan atas faktor kitaran rehat (<i>break cycle</i>) untuk rawatan penyakit <i>Early Mortality Syndrome</i> (EMS) dan 3 kolam lagi mengandungi mineral besi yang tinggi dalam tanah menyebabkan kolam tidak sesuai untuk penternakan udang putih.	Thailand bagi mempelajari kaedah-kaedah penternakan udang putih di sana yang mana kaedah-kaedah tersebut telah terbukti menghasilkan minima 80% kadar hidup (<i>survival rate</i>) per kitaran. Setakat 12 Oktober 2015, 5 kolam sedang beroperasi dan dijangka akan dituai pada awal Disember 2015.
2.4.1.2(b)(iv)	Lawatan Audit pada 14 Oktober 2014 ke kilang pemprosesan mendapati semua kemudahan infrastruktur dan peralatan adalah lengkap dan berkeadaan baik tetapi tidak beroperasi. Pihak Audit dimaklumkan operasi kilang dihentikan mulai bulan Ogos 2014 kerana kekurangan hasil dari kolam.	AFISB telah memulakan perbincangan dengan Syarikat Trapia Sdn. Bhd. (anak syarikat SADC) berkaitan terma kerjasama dan aliran tunai yang lengkap untuk dipersetujui oleh NCIA. Kilang pemprosesan dijangka beroperasi pada bulan Disember 2015.
2.4.1.2(c)(ii)	<p>Prestasi Program Akuakultur Syarikat E-Arowana Trading Sdn. Berhad</p> <p>Syarikat EATSB telah membeli sebanyak 70 ekor induk Malaysian dan Indonesian Golden Arowana bernilai RM600,000 pada tahun 2011 bagi kolam ternakan di Bukit Merah manakala 140 ekor induk Indonesian Golden Arowana bernilai RM1.12 juta pada tahun 2013 bagi kolam ternakan di Sungai Tengas. Lawatan Audit pada 13 Oktober 2014 mendapati syarikat EATSB menternak induk ikan kelisa dengan purata 20 ekor setiap kolam untuk pembiakan. Bagaimanapun, tiada pembiakan ikan kelisa di Bukit Merah dan Sungai Tengas setakat bulan Oktober 2014 walaupun tempoh pembiakan secara semula jadi adalah sekali setahun.</p>	Pada 19 Ogos 2015 satu lawatan tapak telah dilakukan dan Ikan Kelisa telah mula membiak dan telah menghasilkan 14 anak. Pihak EATSB percaya bahawa jumlah ini akan meningkat dalam masa terdekat. Berdasarkan kepada piawaian industri, setiap pasang induk boleh menghasilkan anak sebanyak 30-60 ekor. Memandangkan musim pembiakan adalah bermula dari bulan Ogos hingga Oktober pada setiap tahun, pemantauan berterusan dilakukan oleh NCIA. Bagi pembayaran semula, pihak NCIA telah menghantar peringatan pertama pada 30 Julai 2015. Setelah tiada maklum balas daripada EATSB, NCIA telah menghantar peringatan kedua pada 1 September 2015.
2.4.1.2(d)(iii)	<p>Prestasi Program Akuakultur Syarikat ANAZA Sdn. Berhad</p> <p>Syarikat ANAZA gagal mematuhi syarat yang ditetapkan oleh NCIA supaya mengemukakan Lesen Dudukan</p>	Surat penyerahan sangkar telah diterima oleh NCIA dan lawatan susulan telah dibuat oleh Bahagian Pertanian dan Bioteknologi pada 26 Ogos 2015. Hasil lawatan telah mendapati 178 sangkar masih di dalam keadaan yang baik tetapi

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	Sementara (TOL), Permit Sistem Kultur Laut, pertukaran hak pemilikan sangkar dan menyumbangkan 2.5% atas hasil jualan kasar kepada NCIA dan tiada penamatan perjanjian dilaksanakan oleh NCIA. Hasil tuaian pertama Syarikat ANAZA sebanyak 0.73 tan metrik tetapi tidak dapat disahkan kerana tiada rekod jualan dikemukakan.	memerlukan sedikit pembaikan. Bahagian Pertanian dan Bioteknologi telah mencadangkan kepada pihak pengurusan NCIA untuk melantik syarikat peneraju yang baru. Kelulusan daripada pihak pengurusan NCIA dijangka akan diperolehi selewat-lewatnya pada bulan Disember 2015.
2.4.1.2(d)(iv)	Lawatan Audit pada 21 Oktober 2014 mendapati PTISM masih beroperasi tetapi telah diusahakan oleh syarikat lain tanpa perjanjian rasmi bersama NCIA. Syarikat tersebut telah menternak udang karang, ikan kerapu dan ikan air masin di Penarak, Langkawi.	Setakat 17 Ogos 2015 dinyatakan bahawa isu ini tidak timbul semasa perbincangan dengan Pengarah ANAZA. Satu surat telah diterima daripada ANAZA untuk menyerah kembali sangkar kepada NCIA pada 1 Jun 2015. Satu perbincangan dengan Bahagian Perundungan telah diadakan dan pihak NCIA telah membuat pemeriksaan keadaan sangkar tersebut pada 13 Julai 2015. NCIA kini sedang merangka langkah-langkah untuk mencadangkan penerimaan sangkar tersebut. Berdasarkan maklum balas pada 15 Oktober 2015, permohonan telah diterima oleh NCIA dan lawatan susulan telah dibuat oleh Bahagian Pertanian dan Bioteknologi. Bahagian Pertanian dan Bioteknologi juga telah mengenal pasti satu syarikat untuk menghidupkan semula projek ini. Kelulusan daripada pihak pengurusan NCIA dijangka akan diperolehi selewat-lewatnya Disember 2015.
2.4.1.2(e)(iii)	Prestasi Program Akuakultur Syarikat Hannan Corporation Sdn. Berhad Lawatan Audit pada 13 Oktober 2014 di Syarikat HCSB mendapati hanya 35 atau 25% daripada 140 kolam di Selinsing dan 7 atau 4.2% daripada 168 kolam di Pulau Gula yang diternak dengan udang putih.	NCIA masih menunggu maklum balas dari pihak Jabatan Penilaian Harta untuk nilai harga tanah yang dijangka diberikan sebelum penghujung Oktober 2015.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
2.4.2.2	<p>Penunjuk Prestasi Utama Tidak Selaras Dengan Objektif Program</p> <p>KPI yang ditetapkan oleh NCIA tidak boleh mengukur prestasi syarikat seperti pengeluaran hasil sangkar/kolam dan kilang, bilangan peladang kontrak dan usahawan akua. Selain itu, NCIA juga tidak menetapkan KPI untuk pelaksanaan program ini selaras dengan objektif program seperti jumlah peningkatan pendapatan penduduk, bilangan penduduk setempat yang akan mendapat pekerjaan dan bilangan usahawan yang dapat diwujudkan.</p>	Sasaran KPI yang terperinci telah dicadangkan sebagai sebahagian program pemulihan untuk kelulusan pihak pengurusan NCIA. Sasaran tersebut akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Bersama setiap program pada akhir bulan November 2015.
2.4.2.3	Program Akuakultur Sungai Menghulu Fasa 3 yang dilaksanakan di bawah C&C Lab tidak mencapai KPI ditetapkan seperti bilangan sangkar yang dibina, hasil pengeluaran setahun, bilangan pekerja dan jumlah bot yang akan dibeli. KPI bagi Program Ikan Hiasan di Sungai Tengas yang juga dilaksanakan di bawah C&C Lab tidak mencapai KPI yang ditetapkan merangkumi bilangan kolam, hasil pengeluaran setahun dan bilangan penternak.	Sasaran KPI yang terperinci telah dicadangkan sebagai sebahagian program pemulihan untuk kelulusan pihak pengurusan NCIA. Sasaran tersebut akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Bersama setiap program pada akhir bulan November 2015.
2.4.2.4	KPI syarikat AFISB untuk pengeluaran udang sebanyak 10 tan metrik sebulan atau 380 tan metrik bagi tempoh bulan September 2011 sehingga Oktober 2014 adalah tidak tercapai. Jumlah pengeluaran sebenar bagi tempoh tersebut adalah sebanyak 226.92 tan metrik atau 59.7%.	Sasaran KPI yang terperinci telah dicadangkan sebagai sebahagian program pemulihan untuk kelulusan pihak pengurusan NCIA. Sasaran tersebut akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Bersama setiap program pada akhir bulan November 2015.
2.4.3.1(a)	<p>Perancangan Program Yang Lemah - Asas Penetapan Jumlah Pembiayaan Dan Kadar Bayaran Balik</p> <p>NCIA tidak mewujudkan garis panduan yang merangkumi kaedah agihan dan kadar bayaran balik pembiayaan. Ini</p>	Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (PBPKU) telah meluluskan Polisi dan Prosedur (P&P) NCIA termasuk P&P NEM pada 24 Jun 2015.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	menyebabkan perbezaan kadar pembayaran balik.	
2.4.3.2(b)	<p>Perancangan Program Yang Lemah - Kadar Sumbangan Berdasarkan Jualan Kasar</p> <p>NCIA tidak mempunyai garis panduan atau polisi dalam ketetapan kadar sumbangan atas jualan kasar yang konsisten bagi syarikat pelaksana. Ini menyebabkan perbezaan kadar sumbangan kepada NCIA dan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian berbeza di antara syarikat pelaksana.</p>	Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (PBPKU) telah meluluskan Polisi dan Prosedur (P&P) NCIA termasuk P&P NEM pada 24 Jun 2015.
2.4.3.2(c)	NCIA hanya menerima sumbangan sejumlah RM66,629 daripada syarikat POSB dan syarikat AFISB sehingga tahun 2014 manakala tiada bayaran sumbangan diterima daripada Syarikat ANAZA dan Syarikat EATSB. Bagi Syarikat ANAZA, tiada tindakan kutipan dibuat oleh NCIA. Syarikat EATSB pula masih belum mempunyai sebarang hasil jualan daripada ikan yang diternak sejak tahun 2011 walaupun pada amnya ikan kelisa boleh membik secara semulajadi sekali dalam setahun.	Jabatan Kewangan telah mengeluarkan notis peringatan ketiga pada 6 Oktober 2015.
2.4.3.3(d)	<p>Perancangan Program Yang Lemah - Pemilihan Syarikat Pelaksana</p> <p>Sebanyak 5 daripada 8 dokumen perjanjian syarikat terlibat telah ditandatangani sebelum <i>New Engagement Model</i> (NEM) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012. Pihak Audit dimaklumkan NCIA tidak menggunakan pakai prosedur perolehan Kerajaan dalam pemilihan 5 syarikat pelaksana Program Akuakultur kerana perlu mempercepatkan pelaksanaan program dan mengurangkan karenah birokrasi.</p>	Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (PBPKU) telah meluluskan Polisi dan Prosedur (P&P) NCIA termasuk P&P NEM pada 24 Jun 2015.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	Ulasan Audit Terhadap Maklum Balas NCIA: Walaupun NCIA diminta untuk melaksanakan program/projek yang diluluskan dengan segera, peruntukan yang disalurkan sejumlah RM79.60 juta perlu menghasilkan <i>outcome</i> dan mencapai objektif yang ditetapkan.	
2.4.3.3(c)	NCIA tidak mempunyai asas dan prosedur perolehan yang khusus untuk pemilihan syarikat pelaksana.	Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (PBPKU) telah meluluskan Polisi dan Prosedur (P&P) NCIA termasuk P&P NEM pada 24 Jun 2015.
2.4.4.1(b)	<p>Pematuhan Syarat Perjanjian - Syarat Terdahulu Perjanjian (<i>Condition Precedent</i>) Tidak Dipatuhi</p> <p>Sebanyak 5 daripada 8 dokumen perjanjian mempunyai syarat terdahulu yang perlu dipatuhi. Perjanjian tersebut melibatkan Program Akuakultur Sungai Menghulu (PASM) Fasa 1 dan 3, Program Akuakultur Sungai Kerang (PASK), E-AROWANA dan Program Akuakultur Selingsing Perak (PASP). Semua syarat terdahulu yang ditetapkan dalam perjanjian telah dipatuhi oleh syarikat pelaksana kecuali Syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad (POSB) untuk program PASM dan Syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad (AFISB) untuk program PASK.</p>	Satu mesyuarat telah diadakan pada 9 September 2015 dengan pihak Jabatan Penilaian Perkhidmatan dan Harta (JPPH) Daerah Taiping untuk mengenal pasti kriteria-kriteria untuk melantik Jurukur Tanah serta Perunding Perancang Bandar. Selain itu pelantikan akan dibuat melalui kaedah tender terhad. Mesyuarat susulan telah dicadangkan pada minggu kedua bulan Oktober 2015.
2.4.4.2(b)	<p>Pematuhan Syarat Perjanjian - Proses Permohonan Hak Milik Tidak Dilaksanakan</p> <p>Pejabat Daerah Dan Tanah Larut, Matang dan Selama belum mengeluarkan hak milik tanah di Sungai Kerang kepada NCIA kerana NCIA masih belum mengemukakan pelan susun atur yang diluluskan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa. Oleh itu, NCIA tidak mematuhi kehendak syarat terdahulu perjanjian walaupun</p>	Satu mesyuarat telah diadakan pada 9 September 2015 dengan pihak Jabatan Penilaian Perkhidmatan dan Harta (JPPH) Daerah Taiping untuk mengenal pasti kriteria-kriteria untuk melantik melantik Jurukur Tanah serta Perunding Perancang Bandar. Selain itu pelantikan akan dibuat melalui kaedah tender terhad. Mesyuarat susulan telah dicadangkan pada minggu kedua bulan Oktober 2015.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>syarikat AFISB telah mengusahakan tanah tersebut.</p> <p>Ulasan Terhadap Maklum Balas NCIA: Sebarang pindaan terhadap syarat perjanjian hendaklah dibuat secara bertulis dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak untuk menjaga kepentingan kerajaan.</p>	
2.4.4.3(b)	<p>Pematuhan Syarat Perjanjian - Model Kerja Tidak Dapat Dilaksanakan Sepenuhnya</p> <p>Syarikat HCSB masih belum melaksanakan model kerja ini kerana beberapa masalah yang dihadapi oleh syarikat. Syarikat AFISB tidak menggunakan model kerja peladang kontrak seperti yang ditetapkan dalam perjanjian sebaliknya telah melantik peserta kolam yang diberi gaji pokok dan bonus mengikut keuntungan pengeluaran kolam. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan persetujuan pertukaran model kerja kerana tidak diminitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bersama.</p>	<p>NCIA telah mengenal pasti teknologi untuk mengatasi penyakit EMS dari Thailand dan telah mendapatkan kelulusan dari pihak pengurusan untuk mengendalikan latihan pada 17-22 September 2015. Seramai 5 calon usahawan akuakultur telah dihantar ke Thailand bagi mempelajari kaedah-kaedah penternakan udang putih di sana yang mana kaedah-kaedah tersebut telah terbukti menghasilkan minima 80% kadar hidup (<i>survival rate</i>) per kitaran.</p>
2.4.4.3(c)	<p>Syarikat AFISB telah mengeluarkan surat lantikan kepada 6 peserta projek ternakan udang berkuat kuasa mulai 2 Mei 2012 dan dipersetujui melalui Mesyuarat Jawatankuasa Bersama. Bagaimanapun, laporan gaji bulan Oktober 2014 menunjukkan hanya 4 peserta kolam yang masih mengusahakan ternakan udang. Model kerja yang dilaksanakan tidak menyumbang kepada produktiviti kilangnya kerana hasil tuaian udang tidak memuaskan. Selain itu, Syarikat AFISB menanggung kerugian disebabkan pelaburan dan kos operasi yang tinggi serta masih belum berupaya untuk</p>	<p>NCIA telah mengenal pasti teknologi untuk mengatasi penyakit EMS dari Thailand dan telah mendapatkan kelulusan dari pihak pengurusan untuk mengendalikan latihan pada 17-22 September 2015. Seramai 5 calon usahawan akuakultur telah dihantar ke Thailand bagi mempelajari kaedah-kaedah penternakan udang putih di sana yang mana kaedah-kaedah tersebut telah terbukti menghasilkan minima 80% kadar hidup (<i>survival rate</i>) per kitaran.</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	membuat pembayaran balik pembiayaan kepada NCIA.	
2.4.4.4(a)(ii)	<p>Pematuhan Syarat Perjanjian - Hak Pemilikan Dan Insurans Terhadap Kemudahan Serta Peralatan Tidak Menepati Terma Perjanjian Syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad</p> <p>Syarikat POSB telah membina sebuah Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan bagi Fasa 1 bernilai RM900,000 tetapi hak pemilikan pusat tersebut bukan milik NCIA kerana geran tanah belum diperoleh. Selain itu, pusat ini tidak diinsuranskan seperti yang ditetapkan dalam klaus 5.10 perjanjian PASM Fasa 1.</p>	Selepas beberapa siri perbincangan dengan Pejabat Tanah Langkawi, NCIA disarankan untuk mengemukakan permohonan baru. NCIA perlu melantik jurukur tanah untuk mendapatkan koordinat kawasan dipohon. NCIA telah menyediakan kertas pengurusan bagi pelantikan jurukur tanah dan telah mendapat kelulusan dari pihak pengurusan. Pada masa sekarang NCIA sedang menjalankan proses pelantikan jurukur tanah.
2.4.5.1 dan 2.4.5.2	<p>Pembayaran Balik Pembiayaan Tidak Dikutip</p> <p>Sehingga 31 Disember 2014, bayaran balik yang perlu dikutip adalah sejumlah RM10.82 juta iaitu tunggakan bayaran balik tahun 2013 sejumlah RM5.12 juta dan tahun 2014 sejumlah RM5.70 juta. NCIA telah mengeluarkan Nota Debit untuk mengutip semula pembiayaan tersebut tetapi disusuli Nota Kredit pada penghujung tahun apabila tiada bayaran balik diterima. Selain itu, tiada tindakan susulan dibuat oleh NCIA untuk mendapatkan semula jumlah pembiayaan.</p> <p>Ulasan Audit Terhadap Maklum Balas NCIA: Pada pendapat Audit, perjanjian yang ditandatangani telah mengikat syarikat pelaksana untuk membayar balik pembiayaan kepada NCIA mengikut jumlah dan tempoh yang ditetapkan.</p>	Jabatan Kewangan telah mengeluarkan notis peringatan ketiga pada 6 Oktober 2015.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
2.4.6.2	<p>Pembinaan Bangunan Di Tanah TOL</p> <p>Lawatan Audit ke Selinsing pada 13 Oktober 2014 mendapati syarikat HCSB telah membina bangunan pentadbiran, makmal, surau dan kantin di atas tanah TOL. Syarikat HCSB telah memohon kelulusan daripada pejabat tanah untuk membina bangunan kekal di kawasan tersebut tetapi kelulusan mengenainya masih belum diperoleh. Sekiranya pembinaan dibuat tanpa kelulusan, NCIA akan mengalami kerugian kerana telah membuat pembayaran TOL sejumlah RM366,000 untuk tempoh 10 tahun dan projek akan gagal sekiranya lesen dibatalkan.</p>	<p>NCIA dalam proses mengadakan perbincangan dengan Pejabat Tanah dan Galian Kerian dan Perak serta UPEN Perak untuk penukaran khas bagi permohonan syarat TOL pada 7 Oktober 2015.</p>
2.4.8.1(a) dan 2.4.8.1(b)	<p>Kemudahan Dan Peralatan Tidak Digunakan Secara Optimum - Penggunaan Kemudahan Kolam Dan Sangkar</p> <p>Lawatan Audit ke setiap lokasi program pada bulan Oktober 2014 mendapati syarikat HCSB hanya membina 168 daripada 360 kolam di Pulau Gula. Penggunaan kolam dan sangkar bagi 3 syarikat lain adalah di antara 4.2% hingga 41.7%. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan penggunaan sangkar milik Syarikat ANAZA kerana telah diusahakan oleh syarikat lain. Butiran lanjut adalah seperti jadual 2.14. Penggunaan kolam dan sangkar yang tidak optimum telah menjelaskan pengeluaran dan hasil jualan. Ini menyebabkan syarikat tidak dapat membuat sumbangan dan pembayaran balik pembiayaan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.</p>	<p>HCSB TNB KL sedang berhubung dengan Jabatan Penilaian Harta untuk menilai harga tanah. ANAZA Satu (1) surat telah diterima daripada ANAZA untuk menyerah kembali sangkar kepada NCIA pada 1 Jun 2015. Satu (1) perbincangan dengan Bahagian Perundungan telah diadakan dan pihak NCIA telah membuat pemeriksaan keadaan sangkar tersebut pada 13 Julai 2015. NCIA kini sedang merangka langkah-langkah untuk mencadangkan penerimaan sangkar tersebut.</p> <p>Setakat 8 Oktober 2015, permohonan telah diterima oleh NCIA dan lawatan susulan telah dibuat oleh Bahagian Pertanian dan Bioteknologi. Bahagian Pertanian dan Bioteknologi juga telah mengenal pasti satu syarikat untuk menghidupkan semula projek ini.</p>
2.4.8.2(b) dan 2.4.8.2(c)	<p>Kemudahan Dan Peralatan Tidak Digunakan Secara Optimum - Penggunaan Kemudahan Dan Peralatan</p>	<p>AFISB sedang dalam perbincangan dengan Syarikat Trapia Sdn. Bhd. (anak syarikat SADC) berkaitan terma</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>Kemudahan pemprosesan di Syarikat AFISB dilengkapi peralatan dan berkeadaan baik tetapi tidak digunakan. Operasi kemudahan pemprosesan ini telah dihentikan sementara waktu mulai bulan Ogos 2014 kerana kekurangan pengeluaran hasil daripada kolam. Bagaimanapun, peralatan tersebut telah disenggara dengan baik untuk mengelak daripada pengumpulan habuk dan dimasuki serangga yang boleh merosakkan peralatan. Antara peralatan tersebut adalah seperti gambar 2.20 dan 2.21. Penggunaan 4 jenis tangki seperti tangki penetasan, tangki makanan hidup, tangki induk dan tangki takungan yang dibina oleh Syarikat POSB dengan menggunakan pembiayaan NCIA sejumlah RM1.13 juta adalah di antara 4.4% hingga 45%.</p>	<p>kerjasama dan aliran tunai yang lengkap untuk dipersetujui oleh NCIA. Kilang pemprosesan dijangka beroperasi secara berperingkat bermula pada bulan Disember 2015.</p>
2.4.9.1 dan 2.4.9.2	<p>Kawalan Biosekuriti dan Pensijilan Akuakultur Yang Tidak Memuaskan</p> <p>Lawatan Audit ke program akuakultur pada bulan Oktober 2014 mendapati Syarikat POSB dan EATSB tidak menyediakan kawalan biosekuriti. Selain itu, hanya Syarikat AFISB yang memperoleh sijil Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM) yang telah dikenakan semula sebagai Malaysian Good Agricultural Practices (MyGAP) yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia sementara 4 syarikat yang lain tidak mempunyai sebarang pengiktirafan.</p>	<p>Satu program MyGAP untuk negeri Perlis dan Kedah telah dijalankan pada 8 hingga 9 September 2015 yang lepas. Program ini telah memberi kesedaran kepada peserta-peserta mengenai isu-isu semasa biosekuriti. NCIA sedang menyusun semua maklum balas untuk mengurangkan kesan masalah-masalah berkaitan biosekuriti.</p>
2.4.11.1	<p>Pengesahan Kemampuan Syarikat Pelaksana Mengeluarkan Dana Sendiri Untuk Melaksanakan Program Tidak Dilakukan</p> <p>Perjanjian di antara NCIA dan syarikat pelaksana menetapkan bahawa sejumlah</p>	<p>NCIA telah merangka pelan pemulihan dan akan dibentangkan kepada pihak pengurusan untuk diluluskan. Pelan-pelan pemulihan dijangka akan diluluskan pada akhir November 2015. NCIA akan terus memantau prestasi syarikat-syarikat berkenaan agar menunjukkan</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>RM328.80 juta atau 80.5% daripada RM408.40 juta akan dibiayai oleh syarikat pelaksana untuk menubuhkan, memulakan, melaksanakan dan menyenggara ternakan akuakultur. NCIA telah membiayai sejumlah RM79.60 juta atau 19.5% untuk pelaksanaan program akuakultur ini. Butiran lanjut adalah seperti jadual 2.17. Prestasi kewangan 2 syarikat pelaksana adalah kurang memuaskan kerana telah mengalami kerugian terkumpul melebihi modal saham untuk tahun 2013. Selain itu, kertas cadangan pembangunan program tidak dikemukakan kepada pihak Audit bagi mengesahkan kos keseluruhan projek sejumlah RM408.40 juta.</p>	<p>peningkatan yang menggalakkan.</p>
2.4.12.5	<p>Pemantauan</p> <p>Lawatan fizikal oleh Bahagian Pertanian Dan Bioteknologi secara berkala selepas keseluruhan pembayaran pembiayaan dibuat tidak didokumenkan. NCIA juga tidak mewujudkan prosedur pemantauan.</p>	<p>Setakat 17 Ogos 2015, pemantauan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. POSB - Perbicaraan mahkamah akan diadakan pada 30 Ogos, 1 dan 2 September 2015. Tindakan susulan akan ditentukan selepas keputusan mahkamah diterima. ii. ANAZA - Satu surat telah diterima daripada ANAZA untuk menyerah kembali sangkar kepada NCIA pada 1 Jun 2015. Satu perbincangan dengan Bahagian Perundungan telah diadakan dan pihak NCIA telah membuat pemeriksaan keadaan sangkar tersebut pada 13 Julai 2015. NCIA kini sedang merangka langkah-langkah untuk mencadangkan penerimaan sangkar tersebut. iii. HCSB TNB KL - Sedang berhubung dengan Jabatan Penilaian Harta untuk menilai harga tanah. iv. HCSB dan AFISB - SOP untuk memperkenalkan sistem ini telah didapati dan kedua-dua HCSB dan

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
		<p>AFISB telah bersetuju untuk bekerjasama bagi melaksanakan sistem ini dengan menggunakan sebanyak 5 buah kolam. 4 orang peserta dari HCSB dan seorang peserta dari AFISB telah dikenal pasti sebagai Aquapreneur. Permulaan sistem pada 5 buah kolam ini di HCSB dan AFISB telah ditetapkan pada minggu keempat bulan Ogos 2015.</p> <p>Maklum balas berkaitan prosedur pemantauan ianya tidak dinyatakan oleh NCIA.</p> <p>Setakat 8 Oktober 2015 pula, perbicaraan POSB telah ditetapkan pada 17-19 November 2015 dan permohonan telah diterima oleh NCIA dari ANAZA dan lawatan susulan telah dibuat oleh Bahagian Pertanian dan Bioteknologi. Bahagian Pertanian dan Bioteknologi juga telah mengenal pasti satu syarikat untuk menghidupkan semula projek ini.</p>
2. UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA - Pengurusan Perolehan		
3.4.1.2	<p>Perolehan Yang Dipecah Kecil Perolehan bagi 6 projek pembinaan di Kem Kongkoi berjumlah RM2.49 juta telah dipecah kecil secara sebut harga yang diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Universiti. Perolehan ini sepatutnya dibuat secara tender melalui Lembaga Perolehan B.</p> <p>Ulasan Audit Terhadap Maklum Balas UPNM: Semakan Audit mendapati majlis perasmian Kem Kongkoi ini masih belum dilaksanakan sehingga bulan April 2015.</p>	<p>Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) telah diadakan pada 29 Mei 2015 iaitu selepas teguran audit diterima bagi mendapatkan kelulusan terhadap Projek Pembinaan Kem Kongkoi yang dilaksanakan secara sebut harga pada tahun 2014. Selain itu, Garis Panduan Penggunaan Wang Rizab Universiti telah diwujudkan dan diluluskan dalam Mesyuarat LPU bertarikh 29 Mei 2015 dan berkuat kuasa mulai 1 November 2013 yang mana memperuntukkan bahawa sebarang pengecualian daripada prosedur perolehan semasa perlu kelulusan LPU. Ini adalah termasuk</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
		Perolehan Secara Rundingan Terus dan kerja-kerja segera. Dimaklumkan juga bahawa projek pembangunan Kem Kongkoi yang bermula pada bulan April 2014 dengan menggunakan wang rizab UPNM telah pun siap sepenuhnya.
3.4.3.1(a)	<p>Projek Pembinaan Bangunan Yang Mengandungi Klinik, Kedai Cenderamata dan Bilik Jurulatih</p> <p>Pada 14 Ogos 2014, Jawatankuasa Sebut Harga telah melantik syarikat M Tech Intergrated bagi Projek Pembinaan Bangunan Yang Mengandungi Klinik, Kedai Cenderamata, Bilik Jurulatih, Peningkatan Sistem Bekalan Air Dan Tandas Untuk Tapak Perkhemahan Kadet Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Kem Kongkoi bernilai RM496,800. Bagaimanapun, projek pembinaan telah dilaksanakan sebelum pemilihan dan pelantikan kontraktor dibuat.</p> <p>Ulasan Audit Terhadap Maklum Balas UPNM: Walaupun Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Universiti telah meluluskan pemilihan kontraktor pada 14 Ogos 2014, bangunan telah dibina pada bulan Mei dan Jun 2014.</p>	Surat peringatan telah dikeluarkan kepada pegawai yang berkenaan pada 17 April 2015. Selain itu, Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah ditubuhkan untuk menyiasat perkara ini.
3.4.3.1(b)	<p>Kerja-Kerja Menyediakan Fasiliti Dan Kemudahan Untuk Lapang Sasar <i>International Pistol Shooting Centre (IPSC)</i> Di Kem Kongkoi</p> <p>Sebut harga bagi Kerja Projek Pembinaan Fasiliti Dan Kemudahan Untuk Lapang Sasar IPSC Di Kem Kongkoi yang sedang dijalankan telah dibatalkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Universiti Bil. 8/2014 bertarikh 9 Oktober 2014. Ini kerana Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pembangunan Bil. 3/2014 bertarikh</p>	Surat peringatan telah dikeluarkan kepada pegawai yang berkenaan pada 17 April 2015. Selain itu, Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah ditubuhkan untuk menyiasat perkara ini.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>26 Ogos 2014 telah memutuskan kerja berkenaan dilaksanakan sebagai kerja segera untuk Majlis Perasmian <i>Tropicalisation Testing Centre</i>. (Sehingga tarikh lawatan Audit pada 2 April 2015, majlis perasmian belum dilaksanakan). Permohonan untuk bayaran terus bagi projek segera yang bernilai RM305,000 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Universiti pada 26 Februari 2015 kepada kontraktor yang membina IPSC Range. Bagaimanapun, surat tawaran kepada kontraktor tersebut tidak dikeluarkan oleh UPNM walaupun kerja telah siap dan sehingga 3 April 2015 bayaran belum dibuat. Lawatan Audit pada 2 April 2015 mendapati projek berkenaan telah siap.</p>	
3.4.3.4	<p>Sijil Siap Kerja Telah Dikeluarkan Walaupun Kerja Pengubahsuaian Sedang Dilaksanakan</p> <p>Kerja ubah suai pejabat komandan dan pentadbiran Kem Kongkoi yang merupakan sebahagian kerja bagi projek ini telah disahkan siap sebanyak 75% berdasarkan Perakuan Bayaran Kemajuan No. 1. Bayaran berjumlah RM35,250 daripada RM47,000 telah dibuat pada 10 Julai 2014. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 1 Oktober 2014 mendapati kerja pengubahsuaian sedang dilaksanakan walaupun CPC telah dikeluarkan pada 25 Julai 2014. Lawatan Audit pada 24 Mac 2015 mendapati kerja pengubahsuaian telah selesai dijalankan oleh kontraktor.</p>	<p>Sijil Siap Kerja (CPC) dikeluarkan untuk kerja utama yang telah siap iaitu menyiapkan Parade Square dengan harga kontrak RM496,175.00. Manakala bagi kerja ubah suai hanya berjumlah RM47,000 dari harga keseluruhan kontrak. Pembayaran kepada pihak kontraktor sehingga bulan Mei 2015 masih berbaki sebanyak RM99,626.25. Keperluan ini merupakan keperluan segera untuk Latihan Tunas Wira (melibatkan 481 orang Pegawai Kadet UPNM dan 33 orang Jurulatih) yang perlu dijalankan mulai 14 hingga 27 Jun 2014. Selain itu, Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah ditubuhkan untuk menyiasat perkara ini.</p>
3.4.3.5	<p>Tiada Kelulusan Daripada Pihak Berkuastra Tempatan Untuk Membangunkan Kawasan</p> <p>UPNM tidak membuat permohonan kebenaran merancang bagi Projek</p>	<p>UPNM telah berbincang dengan pihak Yang Dipertua Majlis Daerah Jelebu pada 28 April 2015 bagi memurnikan proses permohonan Kebenaran Merancang projek pembangunan Kem Kongkoi. Hasil daripada perbincangan tersebut, MDJ</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	Pembinaan di Kem Kongkoi kepada Majlis Daerah Jelebu (MDJ). Pengesahan yang diperoleh daripada MDJ pada 13 Januari 2015 menyatakan MDJ tidak menerima permohonan atau meluluskan Permohonan Kebenaran Merancang bagi projek ini.	bersetuju untuk memberikan kerjasama dalam membantu UPNM memohon kebenaran merancang untuk pembangunan Kem Kongkoi tanpa dikenakan sebarang tindakan undang-undang. Permohonan tersebut hendaklah dibuat dengan menggunakan perunding Arkitek Perancang Bertauliah yang akan dilantik oleh UPNM.
3.4.4	<p>Pelupusan Peralatan Hak Milik Akademi Tentera Malaysia Masih Belum Dilaksanakan</p> <p>Lawatan Audit pada 11 Disember 2014 mendapati peralatan yang tidak boleh digunakan masih belum dilupuskan. Pihak Audit dimaklumkan peralatan tersebut merupakan hak milik Akademi Tentera Malaysia (ATMA) dan UPNM tidak mempunyai kuasa untuk melupuskan peralatan tersebut. UPNM telah mengambil tindakan untuk mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertahanan sejak tahun 2012 dan menghantar surat susulan bagi pelaksanaan pelupusan aset ATMA. Bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2014, aset tersebut masih belum dilupuskan kerana tiada persetujuan dan keputusan bertulis daripada Kementerian Pertahanan.</p>	Isu pindahan aset ATMA adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF). MINDEF telah meluluskan pelupusan aset alih Akademi Tentera Malaysia (ATMA) secara pindahan kepada UPNM melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berdasarkan surat No. Rujukan: KP(WANG)154/2/528Jil.2(33) bertarikh 30 April 2015. Seterusnya, KPM perlu mendapatkan kelulusan permohonan pelupusan aset alih ATMA secara pindahan kepada UPNM daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). KPM akan memaklumkan kelulusan daripada MOF bagi membolehkan UPNM melaksanakan proses pendaftaran aset alih ATMA yang masih dalam keadaan baik dan proses pelupusan aset alih ATMA yang telah rosak dan usang.
3. UNIVERSITI SAINS MALAYSIA - Pengurusan Perolehan		
4.4.1.2	<p>Perolehan Tidak Mengikut Tatacara</p> <p>Perolehan bernilai RM826,220 di Kampus Induk, RM80,000 di Kampus Kejuruteraan dan RM343,353 di Kampus Kesihatan bagi tahun 2012 sehingga bulan Oktober 2014 yang sepatutnya dibuat secara sebut harga telah dipecahkecilkan secara</p>	Maklum balas pada 24 April 2015, perolehan item yang sama dibuat disebabkan beberapa faktor seperti kursus adalah berbeza tarikh dan kumpulan, jenis alat yang berlainan fungsi, tujuan penyeragaman, perbezaan spesifikasi alat, perbezaan dos ubat, skop kerja yang berbeza, kerosakan alat,

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>pembelian terus. Butiran lanjut adalah seperti Jadual 1 hingga Jadual 3.b. Perolehan bernilai RM1.98 juta di Kampus Induk dan RM0.59 juta di Kampus Kesihatan yang sepatutnya dibuat secara tender telah dipecahkecilkan secara sebut harga.</p>	<p>penyebut harga terendah dan memenuhi perincian, bagi tujuan memudahkan pemantauan dan kawalan risiko, memberi peluang kepada lebih ramai kontraktor dan melancarkan kerja. Bagaimanapun, USM mengambil maklum terhadap saranan Audit untuk penambahbaikan perancangan dalam pengurusan perolehan di masa hadapan. USM akan merancang perolehan universiti secara sistematik dengan mewujudkan panel pembekal yang akan dilaksanakan mulai bulan Mei 2015, memperkenalkan konsep <i>Just In Time</i> dan mengkaji semula serta menambah baik Sistem Kewangan USM.</p>
4.4.2.1	<p>Kelewatan Pembekalan</p> <p>Perolehan seunit <i>Autoclave</i> bernilai RM1.28 juta di Pusat Penyelidikan Dan Perkhidmatan Haiwan, Kampus Kesihatan yang dibuat secara tender lewat dibekalkan. Peralatan tersebut sepatutnya siap dibekalkan dan dipasang pada 20 Disember 2013. Bagaimanapun, ia gagal disiapkan walaupun lanjutan masa (EOT) telah diberikan sehingga 10 Jun 2014 dengan tempoh kelewatan selama 161 hari. Sehingga tarikh pengauditan dijalankan, peralatan siap dipasang setakat 70% dan tiada permohonan EOT kedua dibuat. Semakan lanjut mendapati syarat kontrak yang menetapkan tempoh lewat dibekalkan tertakluk kepada maksimum 100 hari kelewatan adalah tidak menjamin kepentingan USM. Berdasarkan perkiraan Audit denda lewat yang boleh dikenakan untuk tempoh 100 hari adalah berjumlah RM320,550.</p>	<p>Maklum balas pada 24 April 2015, penghantaran <i>Autoclave</i> telah dibuat pada 18 September 2014. Bagaimanapun, proses pemasangan alatan belum disempurnakan sepenuhnya sehingga tarikh pengauditan dijalankan dan ini menyebabkan alatan tidak boleh ditauliahkan untuk tujuan pembayaran. Oleh itu, denda lewat akan dikenakan kepada pembekal berjumlah RM320,550 semasa proses pembayaran. Berdasarkan Penasihat Undang-undang USM, kontrak pembekalan ini akan disemak segera bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara. USM turut memperkemaskan kriteria pemilihan pembekal dari segi keupayaan menyempurnakan bekalan.</p>
4.4.4.1	<p>Peralatan Tidak Digunakan</p> <p>Lawatan Audit di 6 Pusat Tanggungjawab (PTJ) mendapati 9 peralatan bernilai</p>	<p>Maklum balas pada 24 April 2015, tindakan bagi menggunakan bekalan/peralatan adalah seperti membeli peralatan baru bagi mengatasi <i>storage</i></p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	RM686,635 tidak digunakan antara 148 sehingga 576 hari dari tarikh penerimaan peralatan.	data rakaman <i>overload</i> , mengagihkan <i>safety shoes</i> kepada pegawai USM, menggunakan sepenuhnya peralatan, menempatkan dan memasang peralatan di PTJ lain dan memulakan program atau kursus supaya makmal dapat digunakan. Peralatan <i>Non-Human Primate Cages</i> akan digunakan bagi projek penyelidikan di USM.
4. UNIVERSITI MALAYA - Pengurusan Perolehan		
5.4.3.1(d)(ii)	Projek Pembinaan Tidak Siap Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa bertanggungjawab menimbang dan meluluskan permohonan lanjutan masa daripada kontraktor. Kontraktor telah diluluskan 6 lanjutan masa menjadikan jumlah keseluruhan lanjutan masa selama 529 hari atau 115.5% berbanding tempoh siap asal selama 458 hari. Bagaimanapun, projek ini masih tidak dapat disiapkan sehingga tarikh pengauditan pada 31 Disember 2014 iaitu kelewatan selama 306 hari dari tarikh akhir kelulusan lanjutan masa ke-6.	Projek pembangunan ini telah siap pada awal Mei 2015 dan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC - <i>Certificate of Practical Completion</i>) telah dikeluarkan pada 5 Mei 2015. Surat makluman juga telah dikemukakan kepada Fakulti Kejuruteraan pada 18 Mei 2015 bagi membenarkan kerja-kerja pemasangan peralatan dijalankan.
5.4.3.2(b)(i) dan (ii)	Peralatan Makmal Belum Dipasang, Diuji Dan Ditauliah Pada bulan Jun 2014, UM telah menerima sebanyak 4 kontena mengandungi peralatan biomekanik, prostetik dan ortotik manakala 3 lagi kontena pada bulan Disember 2014. Bagaimanapun, peralatan import yang bernilai RM4.25 juta tersebut tidak dapat dipasang kerana UM tidak dapat menyediakan tempat disebabkan projek pembinaan bangunan bengkel dan makmal belum siap. Perbincangan antara UM dengan syarikat pembekal telah memutuskan supaya peralatan yang masih	Maklum balas pada 6 Ogos 2015, hasil susulan dengan Sektor Audit Badan Berkanun, isu ini dapat diselesaikan sehingga pelajar/kakitangan menggunakan peralatan tersebut. Kesemua peralatan biomekanik dan prostetik telah dikeluarkan daripada kontena dan diletak dan dipasang pada lokasi-lokasi yang telah ditetapkan. Ujilari telah dilaksanakan untuk semua peralatan kecuali peralatan <i>Biosculptor</i> dan <i>Shoe Maker Machine</i> yang akan diujilari oleh pakar daripada US dan German pada Oktober 2015. Jangkaan selesai untuk kesemua peralatan kecuali <i>Biosculptor</i>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>dalam kontena ditempatkan dalam kawasan UM bagi mengurangkan kos penyewaan gudang di Pelabuhan Klang. Ini kerana UM telah dikenakan caj perkhidmatan gudang sejumlah RM284,000 untuk menyimpan peralatan. UM juga perlu menanggung kos penyewaan kontena sejumlah RM16,100 sebulan bermula pada bulan November 2014. Mengikut pengiraan Audit, kos penyewaan kontena sehingga bulan Mei 2015 dianggarkan berjumlah RM112,700. Syarikat pembekal juga mengenakan kos tambahan sejumlah RM20,000 untuk menampung peningkatan kos bahan binaan semasa pemasangan peralatan di bangunan bengkel dan makmal yang dijangka siap pada bulan Mei 2015.</p> <p>Lawatan Audit bersama pegawai UM selepas mesyuarat <i>exit conference</i> pada 20 April 2015 mendapati 2 daripada 7 kontena hanya menyimpan meja dan rak, 3 kontena menyimpan peralatan biomekanik, prostetik dan ortotik dan 2 lagi kontena tidak dibuka. Penyimpanan meja dan rak dalam 2 kontena telah melibatkan anggaran perbelanjaan sejumlah RM113,343 bagi penyewaan gudang di Pelabuhan Klang (bulan Jun sehingga Oktober 2014) dan penyewaan kontena. Perbelanjaan ini dapat dielakkan jika UM dapat menempatkan meja dan rak di bilik atau dewan yang kosong. Keadaan kontena adalah seperti gambar yang dilampirkan.</p>	<p>dan <i>Shoe Maker Machine</i> pada Oktober 2015.</p>
5.4.3.2(b)(iii) dan (iv)	<p>Pemeriksaan fizikal secara terperinci dan mengikut spesifikasi masih belum dilakukan terhadap peralatan biomekanik, prostetik dan ortotik yang bernilai RM4.25 juta. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan kontena telah dibuka pada</p>	<p>Setakat 17 Ogos 2015, kesemua peralatan biomekanik dan prostetik telah dikeluarkan daripada kontena dan diletak serta dipasang pada lokasi-lokasi yang telah ditetapkan. Ujilari telah dilaksanakan untuk semua peralatan kecuali peralatan</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>bulan November 2014 bagi mengesahkan kewujudan peralatan. Pegawai kewangan Fakulti Kejuruteraan yang tidak mempunyai kelulusan teknikal telah mengesahkan bahawa peralatan yang diterima adalah mengikut spesifikasi bagi tujuan pembayaran. UM telah menjelaskan pembayaran sebanyak 70% daripada harga kontrak berjumlah RM2.97 juta pada 22 Julai 2014 dan 28 Oktober 2014 kepada syarikat pembekal walaupun peralatan biomekanik, prostetik dan ortotik masih belum dipasang, diuji dan ditauliah dengan memuaskan. Pembayaran sebanyak 70% telah dibuat berdasarkan permohonan daripada syarikat pembekal dan mengambil kira pandangan Penasihat Undang-undang UM yang menyatakan peralatan tersebut tidak dapat dipasang kerana UM lewat menyiapkan bangunan makmal. Semakan lanjut mendapati perjanjian pembekalan peralatan biomekanik, prostetik dan ortotik telah tamat pada 2 Februari 2015 dan tiada perjanjian baru dibuat.</p>	<p><i>Biosculptor</i> dan <i>Shoe Maker Machine</i> yang akan diujilari oleh pakar daripada US dan German pada Oktober 2015. Jangkaan selesai untuk kesemua peralatan kecuali <i>Biosculptor</i> dan <i>Shoe Maker Machine</i> pada Oktober 2015.</p>
5.4.4.1	<p>Peralatan Tidak Digunakan Secara Optimum</p> <p>Pemeriksaan Audit di Fakulti Kejuruteraan mendapati 6 peralatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran tidak digunakan kerana pegawai bertanggungjawab tidak lagi berkhidmat di UM dan tiada keperluan dalam bidang penyelidikan semasa pengauditan dijalankan.</p>	<p>Setakat 17 Ogos 2015, berdasarkan perjumpaan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) dengan Pegawai Aset PTJ pada 10 Julai 2015 dan surat tindakan yang perlu diambil bertarikh 15 Julai 2015, Pegawai Aset PTJ perlu memastikan buku log penggunaan disediakan dan disemak. Pemeriksaan rekod akan dijalankan pada 1 September 2015.</p>
5.4.4.2(b)	<p>Pemeriksaan Aset Tidak Dijalankan</p> <p>Pemeriksaan fizikal dijalankan di 3 Fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains dan Fakulti Pergigian dengan menggunakan senarai aset yang</p>	<p>Setakat 23 April 2015, UM telah mengambil tindakan pelupusan terhadap peralatan rosak yang tidak ekonomi dibaiki dan membaiki peralatan yang rosak supaya boleh digunakan semula. Jawatankuasa Pelupusan Harta akan</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>diselenggara oleh Bahagian Akaun, Jabatan Bendahari. Pihak Audit mendapati 61 aset yang dibeli dari tahun 1995 hingga 1998 dengan nilai perolehan RM12.92 juta tidak dapat dikenal pasti lokasinya, tiada dalam Sistem Maklumat Harta Bersepadu dan tiada rekod pelupusan. Pegawai aset di Fakulti terlibat memaklumkan aset tidak dapat dikenal pasti disebabkan aset tersebut telah lama dan pegawai yang bertanggungjawab tidak lagi berkhidmat di UM.</p>	<p>bermesyuarat pada 16 Jun 2015 bagi meneliti permohonan pelupusan terhadap peralatan yang rosak. Maklum balas UM diterima pada 6 Ogos 2015, tindakan dan status aset yang terlibat adalah seperti di Lampiran.</p>
5.4.4.3(b)	<p>Peralatan Rosak Tidak Dibaiki Dan Tidak Ekonomi Untuk Dibaiki Tidak Dilupuskan</p> <p>Pemeriksaan fizikal terhadap aset di 4 Fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains, Fakulti Pergigian dan Fakulti Perubatan mendapati peralatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran yang telah rosak tidak dibaiki kerana kekurangan peruntukan manakala peralatan tidak ekonomi dibaiki masih disimpan. Peralatan tersebut juga direkod berkeadaan baik melalui semakan dalam Sistem Maklumat Harta Bersepadu.</p>	<p>Setakat 17 Ogos 2015, pemeriksaan fizikal dan rekod aset akan dijalankan mulai bulan September 2015.</p>
5.4.5	<p>Pemantauan</p> <p>UM ada menujuhan Bahagian Pengurusan Risiko dan Pematuhan yang bertanggungjawab membuat pemeriksaan terhadap pengurusan kewangan di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ). Selain itu, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JPPHB bertanggungjawab memantau projek pembinaan termasuk projek renovasi dan naik taraf bangunan. UM akan melaksanakan pemantauan projek melalui mesyuarat tapak yang diadakan sebulan sekali. Bagaimanapun masih terdapat PTJ yang tidak mematuhi</p>	<p>UM akan meningkatkan pemantauan dengan melaksanakan pemeriksaan yang lebih kerap ke Pusat Tanggungjawab oleh Bahagian Pengurusan Risiko, Jabatan Bendahari. Pemeriksaan meliputi pematuhan terhadap peraturan kewangan dan pengurusan aset universiti. Pihak JPPHB sebagai pusat teknikal UM akan melaksanakan pemantauan secara berkala dan melaporkan kemajuan projek kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan yang dipengerusikan oleh Naib Canselor. UM juga akan memberi pendedahan pengurusan aset kepada pegawai aset di PTJ.</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	peraturan perolehan yang berkuat kuasa. UM tidak menukuhkan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Universiti tetapi pengurusan aset alih berkaitan pendaftaran dan pelupusan diuruskan oleh Unit Pengurusan Aset di bawah JPPHB. Penyimpanan dan penggunaan aset pula diselia oleh pegawai aset yang dilantik di setiap PTJ.	Maklum Balas Terkini Setakat 6 Ogos 2015 adalah perjumpaan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) dengan Pegawai Aset PTJ pada 10 Julai 2015 iaitu: i. Semakan data aset di dalam sistem inventori. ii. Pemeriksaan fizikal dan rekod aset.
5. UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN - Pengurusan Perolehan		
7.4.1.1	Prosedur Perolehan Kerja Tidak Disediakan UMK ada menyediakan prosedur/proses kerja bagi semua kaedah perolehan. Bagaimanapun, prosedur ini hanya meliputi jenis perolehan berkaitan bekalan dan perkhidmatan tetapi tidak menyediakan prosedur yang meliputi perolehan kerja dan pentadbiran kontrak.	Maklum balas pada 21 April 2015, penyediaan manual prosedur untuk perolehan kerja sedang disediakan dan dijangka selesai pada bulan Jun 2015.
7.4.1.2	Perolehan Yang Dipecah Kecil Sebanyak 31 perolehan/ bekalan/ perkhidmatan bagi jenis item yang sama berjumlah RM243,613 telah dipecah kecil secara pembelian terus. Kebanyakan pesanan tempatan yang dikeluarkan adalah pada tarikh dan pembekal yang sama serta jumlah melebihi had pembelian terus.	Maklum balas pada 21 April 2015, PTJ telah diarah menyediakan perancangan perolehan PTJ bagi setiap suku tahun berserta sebut harga. Bagi memastikan kawalan dalaman yang lebih baik, dicadangkan supaya diwujudkan satu sistem panel bagi perolehan yang kebiasaannya dilaksana oleh PTJ. UMK bersetuju untuk menaikkan had perolehan terus PTJ daripada RM10,000 kepada RM20,000 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada bulan Jun 2015.
7.4.1.3	Perolehan Melebihi Had Pembelian Terus Sebanyak 33 perolehan berjumlah RM904,216 bagi tahun 2012 sehingga	Maklum balas pada 21 April 2015, pembelian terus yang melebihi had nilai RM10,000 dilaksanakan berdasarkan surat jemputan daripada agensi yang menganjurkan program dan kertas kerja

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	bulan September 2014 telah melebihi had nilai antara RM10,070 hingga RM204,453 melibatkan perolehan pengiklanan, kenderaan, perabot dan aktiviti majlis konvokesyen.	program di mana harga telah ditetapkan oleh pihak penganjur/pembekal. Bagi memastikan proses perolehan dilaksanakan tidak menyalahi prosedur yang ditetapkan, UMK telah menyediakan kertas kerja berkaitan pengecualian pematuhan kepada tatacara dan prosedur perolehan dan akan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada bulan Mei 2015.
7.4.2.1	<p>Perolehan Yang Dipecah Kecil</p> <p>Jawatankuasa Sebutharga Universiti telah meluluskan 3 sebut harga bernilai RM946,520 pada 20 November 2013 bagi perolehan Kerja Pembangunan Taman Riadah Dan Rekreasi Tasik Universiti di Kampus Bachok. Perolehan ini diberikan kepada kontraktor daripada kalangan Gred G1/2 (CIDB). Perolehan tersebut sepatutnya dipelawa secara tender kerana hanya melibatkan pengkhususan kerja am kejuruteraan awam dan dilaksanakan di lokasi yang sama serta bernilai melebihi RM500,000.</p>	Maklum balas pada 21 April 2015, UMK memandang serius akan perkara ini dan satu Jawatankuasa Siasatan telah dilantik bagi menyiasat perjalanan projek ini secara menyeluruh pada 12 April 2015. Jawatankuasa ini akan melaksanakan siasatan segera dan membuat pengesyoran sama ada tindakan perlu diambil terhadap pegawai yang terlibat.
7.4.2.2	<p>Bon Pelaksanaan Dan Polisi Insurans Tidak Disediakan</p> <p>Pada 3 Disember 2013, Unit Khas Pejabat Canselor telah mengeluarkan pemberitahuan penerimaan sebut harga bagi 3 perolehan kerja bernilai RM946,520 di Taman Riadah Dan Rekreasi Tasik Universiti, Kampus Bachok. Kontraktor tidak menyediakan bon pelaksanaan bernilai RM47,326 bagi perolehan kerja tersebut. Kontraktor juga tidak menyediakan polisi insurans tanggungan awam dan pampasan pekerja seperti yang ditetapkan.</p>	Maklum balas pada 21 April 2015, UMK memandang serius akan perkara ini dan satu Jawatankuasa Siasatan telah dilantik bagi menyiasat perjalanan projek ini secara menyeluruh pada 12 April 2015. Jawatankuasa ini akan melaksanakan siasatan segera dan membuat pengesyoran sama ada tindakan perlu diambil terhadap pegawai yang terlibat.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
7.4.2.3	<p>Projek Kerja Lewat Disiapkan Dan Denda Tidak Dikenakan</p> <p>Perolehan kerja bagi Projek Pembangunan Taman Riadah Dan Rekreasi Tasik Universiti di Kampus Bachok mengalami kelewatan antara 3 hingga 21 minggu. Denda sejumlah RM36,990 tidak dikenakan atas kegagalan kontraktor menyiapkan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan. Pelanjutan masa dan perubahan kerja bagi kontrak juga tidak dikemukakan untuk kelulusan pegawai Penguasa/Jawatankuasa Sebutharga Universiti.</p>	<p>Maklum balas pada 21 April 2015, kontraktor Bina Tuah telah dikenakan denda sejumlah RM945 dan bayaran telah dibuat manakala surat tuntutan telah dikeluarkan kepada 2 kontraktor lagi pada 21 April 2015 kerana lewat menyiapkan kerja. UMK telah membuat penstruktur semula dengan memansuhkan Unit Khas dan diambil alih oleh PPIP manakala staf di bawah unit ini akan diserapkan ke Jabatan lain yang bersesuaian. Ini bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar mengikut prosedur kerja yang ditetapkan.</p>
7.4.3.1	<p>Kontrak Tidak Disediakan</p> <p>Kontrak formal tidak disediakan bagi 6 perolehan perkhidmatan pembersihan bermasa berjumlah RM1.42 juta yang diuruskan oleh Pusat Pembangunan Infra dan Perkhidmatan (PPIP) secara sebut harga.</p>	<p>Maklum balas pada 21 April 2015, UMK akan memastikan kontrak disediakan bagi perkhidmatan bermasa pada masa hadapan.</p>
7.4.3.2	<p>Polisi Insurans Tidak Disediakan</p> <p>UMK telah membuat perolehan secara tender bagi Pembekalan, Penghantaran, Pemasangan, Penyusunan Dan Penyenggaraan Perabot Secara Sewaan Di Premis Kediaman Pelajar Di Kampus Bachok Dan Kampus Jeli bernilai RM1.21 juta. Perolehan ini adalah bagi tempoh 3 tahun bermula dari 1 September 2012 sehingga 1 September 2015. Bagaimanapun, polisi insurans tanggungan awam berkaitan tidak disediakan oleh pemberi sewa bagi tempoh tersebut. Selain itu, pihak kontraktor tidak melanjutkan polisi insurans tanggungan awam dan pampasan pekerja selaras dengan lanjutan masa yang diluluskan oleh UMK terhadap 2 perolehan</p>	<p>Maklum balas pada 21 April 2015, selepas teguran Audit, kontraktor telah menyediakan polisi insurans pada 15 April 2015 bagi tempoh 1 September 2012 hingga 1 September 2015. UMK telah menuntut nilai insurans yang tidak dilindungi sejumlah RM5,077. UMK akan memastikan penyediaan polisi insurans bagi tender yang berkaitan pada masa akan datang. UMK juga telah mengarahkan kontraktor untuk melanjutkan tempoh insurans dalam tempoh lanjutan masa, tetapi tidak dipatuhi oleh kontraktor terlibat. UMK akan memastikan polisi insurans dilanjutkan sekiranya projek terlibat dengan lanjutan masa dan akan sentiasa menangani kelemahan yang ada dari semasa ke semasa.</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>kerja bernilai RM11.86 juta.</p> <p>Ulasan Audit Terhadap Maklum Balas UMK, semakan terhadap polisi insurans untuk tanggungan awam mendapati polisi tersebut telah dibackdated untuk melindungi tempoh 1 September 2012 hingga 1 September 2015. Sekiranya berlaku kemalangan, kecederaan anggota dan kerugian/kerosakan harta benda terhadap orang awam, kemungkinan UMK perlu menanggung risiko dan bayaran pampasan serta kos berkaitan.</p>	
6. UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK		
- Pengurusan Perolehan		
8.4.2.1(b)	<p>Pembinaan Bangunan Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan</p> <p>Sebanyak 3 permohonan lanjutan masa (EOT) selama 677 hari telah diluluskan oleh UNIMAS bagi projek pembinaan Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan dengan kos berjumlah RM182 juta. Tempoh kontrak sepatutnya siap adalah selama 912 hari dan tempoh EOT adalah 74.2% dari tempoh kontrak sepatutnya siap.</p>	Mengikut maklumat yang diterima, EOT lewat diluluskan memandangkan pihak kontraktor memohon selepas tempoh EOT.
8.4.2.2(b)	<p>Pembinaan Dan Penyiapan Jambatan Dan Jalan Raya Ke Kampung Sebayor, Kota Samarahan</p> <p>Tarikh milik tapak bina adalah pada 14 Ogos 2013. Kontraktor telah memilih kaedah bon pelaksanaan secara wang jaminan pelaksanaan dan tarikh siap kerja sepatutnya pada 13 Februari 2015. Sehingga 30 September 2014, Bahagian Pembangunan UNIMAS mengesahkan status keseluruhan bagi projek pembinaan tersebut adalah setakat 34.5%. UNIMAS</p>	Maklum balas pada 12 Mei 2015, Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) dikeluarkan kerana kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh kontrak yang telah ditetapkan. Kontraktor telah memajukan permohonan EOT dan masih menunggu dokumen sokongan untuk menjustifikasi permohonan EOT.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap pada 16 Februari 2015 kerana kontraktor gagal menyiapkan kerja seperti dijadualkan. Kontraktor sepatutnya dikenakan denda kerana tidak menyiapkan projek ini mengikut jadual.	
8.4.2.2(e) & (f)	Peralatan tidak dibekalkan oleh kontraktor mengikut spesifikasi kontrak bagi kerja <i>Preliminaries</i> . Pihak Audit tidak dapat mengesahkan nilai peralatan yang tidak dibekalkan kerana amaun yang dinyatakan dalam kontrak adalah <i>lump sum</i> dan tidak diperincikan. Pada bulan September 2014, kerja telah dilaksanakan oleh kontraktor selama 13 bulan dan kontraktor telah dibayar sejumlah RM301,117 bagi kerja <i>preliminaries</i> walaupun peralatan tidak dibekalkan seperti mana yang ditetapkan dalam spesifikasi kontrak.	Maklum balas pada 12 Mei 2015, pelarasan berjumlah RM9,289 bagi peralatan yang tidak dibekalkan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan A yang akan bersidang pada 13 Mei 2015. Sejumlah RM84,402.78 masih belum dibayar dibawah <i>Preliminary and General</i> (P&G). Maklum balas daripada UNIMAS diterima pada 27 Mac dan 17 April 2015, projek berkenaan masih dalam pembinaan dan Akaun Muktamad belum disediakan serta masih terdapat item yang belum dibayar sepenuhnya di bawah <i>Preliminaries</i> setakat Perakuan Bayaran Interim No. 5. Kontraktor telah mengemukakan permohonan EOT dan masih belum diluluskan kerana dokumen sokongan tidak lengkap. Selain itu, pelarasan sejumlah RM9,289 akan dibuat untuk item yang tidak dibekalkan oleh kontraktor dalam sijil bayaran selanjutnya.
8.4.3.1(c)	<p>Peralatan Yang Diperoleh Melalui Pinjaman Bank</p> <p>Pemeriksaan fizikal telah dijalankan pada 2 Oktober 2014 di Fakulti Sains Dan Teknologi Sumber dan Fakulti Kejuruteraan yang menempatkan aset yang diperoleh melalui dana JBIC. Semakan mendapati aset yang rosak/usang, buku log penggunaan tidak dikemas kini, aset/peralatan tidak digunakan secara optimum, aset/peralatan tidak disenggara, aset/peralatan tidak dilabelkan dan aset/peralatan tidak</p>	<p>Maklum balas pada 27 Mac 2015, status penggunaan aset/peralatan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) <i>Atomic Force Microscope, Auto Analyzer, Bomb Calorimeter</i> dan <i>Autoclave Heavy Duty</i> - Cadang dilupuskan. 2) <i>Flexible Manufacturing System</i> - Rosak dan tiada penyelenggaraan. Tiada pembekal yang boleh baiki dan dicadang untuk lopus. 3) <i>Magnetic Particle Inspection Equipment</i> - Mula digunakan pada

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	digunakan.	<p>tahun 2011.</p> <p>4) <i>Soft X-Ray Analyzer</i> - Tarikh akhir digunakan pada 15 Disember 2014.</p> <p>5) <i>Material Testing Apparatus</i> - Pemeriksaan pada 27 Mac 2015 mendapati peralatan tersebut rosak dan perolehan pembaikan akan dibuat dalam masa terdekat.</p> <p>6) <i>Student Robot With Virtual Reality</i> - Telah disenggara dan berfungsi dan digunakan oleh pelajar projek akhir dan terakhir digunakan pada 20 Mei 2014.</p> <p>7) <i>Thermography Unit</i> - Tagging peralatan tersebut diletakkan dalam beg peralatan kerana dikhawatir tagging mudah tanggal jika diletak pada peralatan tersebut. Tambahan tag asset telah diletakkan pada asset berkenaan.</p> <p>8) <i>Surface Topography</i> - Masih digunakan dan tarikh akhir penggunaan pada 2 Mac 2015 tertakluk kepada pemilihan tajuk projek akhir pelajar.</p> <p>Perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun pada 30 April 2015. Semua PTJ dikehendaki membuat permohonan pelupusan dan menyediakan dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya pada 31 Mei 2015.</p>
8.4.3.3(b)	<p>Tatacara Pelupusan Yang Tidak Dipatuhi</p> <p>Pemeriksaan Audit pada 30 September 2014 dan 1 Oktober 2014 mendapati aset yang tidak digunakan dan tidak ekonomi dibaiki belum diambil tindakan pelupusan. Peralatan yang akan dilupuskan di Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti</p>	Maklum balas pada 27 Mac 2015, perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun pada 30 April 2015. Semua PTJ dikehendaki membuat permohonan pelupusan dan menyediakan dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya pada 31 Mei 2015. Permohonan pelupusan peralatan oleh Institut Kesihatan Dan

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	diletakkan di tempat yang tidak selamat dan terbiar di laluan pejalan kaki. Selain itu, aset Water PRO/RO yang telah dicadang lupus pada tahun 2010 masih belum dilupuskan.	Perubatan Komuniti telah diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan pada 30 April 2015. Selain itu, ruang yang terhad dan saiz peralatan yang besar menjadi kekangan dalam menempatkan item yang hendak dilupus namun ianya merupakan penempatan sementara serta diambil kira dari segi semua aspek keselamatan dan kesesuaian sebelum proses pelupusan dapat dijalankan. Pihak Keselamatan UNIMAS juga telah dimaklumkan untuk membuat rondaan yang lebih kerap di kawasan tersebut bagi memastikan pemantauan secara berterusan dapat dilakukan sehingga proses pelupusan selesai.
7. UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA - Pengurusan Perolehan		
9.4.2.1(b) dan (c)	Projek FPREE Belum Disiapkan UTM telah melantik syarikat Berkat Prestasi Sdn. Berhad sebagai kontraktor bagi projek <i>Design and Build for Construction of Administration Building for Faculty of Petroleum and Renewable Energy Engineering (FPREE)</i> dengan nilai kontrak berjumlah RM5.11 juta. Projek pembinaan FPREE merangkumi komponen seperti kerja tanah, pembinaan bangunan, kerja penurapan jalan dan parkir. Perolehan dibuat secara tender terbuka reka dan bina dengan tempoh projek selama 65 minggu dan dijangka siap pada 13 Januari 2014. Berdasarkan Minit Mesyuarat Tapak Ke 19 (Khas 2), UTM telah membenarkan kontraktor untuk menyiapkan baki kerja sehingga 18 Jun 2014 dan ia tidak bermaksud kelulusan EOT. Semakan Audit mendapati kontraktor telah ditamatkan kontrak pada 30 Oktober 2014 kerana gagal	Maklum balas pada 29 April 2015 menyatakan proses penamatan kontraktor dan pelantikan kontraktor baru mengambil masa yang agak lama disebabkan UTM memberi peluang kepada kontraktor untuk memperbaiki prestasi kerja. Ini adalah berdasarkan kepada <i>recovery plan</i> daripada pihak kontraktor dan dipersetujui oleh UTM setelah mendapat pandangan profesional daripada pihak perunding. Laporan projek sakit telah dimajukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia pada 18 Jun 2014 dan maklum balas hanya diterima pada 14 Oktober 2014. Kontrak telah dilaksanakan secara <i>Design and Build</i> dan apabila ditamatkan, UTM menghadapi masalah dalam mengenal pasti kaedah perolehan bagi menyiapkan baki kerja. UTM telah secara proaktif berusaha untuk mendapatkan pandangan daripada pihak yang berkaitan seperti JKR, MOF dan EPU bagi memastikan projek ini dapat disiapkan. UTM juga telah

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>menyiapkan projek mengikut tempoh yang telah ditetapkan dengan prestasi kemajuan projek sebanyak 43.6%. Denda kelewatan (LAD) yang telah dikenakan kepada kontraktor adalah sejumlah RM268,951 iaitu selama 291 hari dari tarikh sepatutnya siap. Semakan lanjut sehingga tarikh pengauditan pada 14 April 2015 mendapati projek belum disiapkan dan tiada aktiviti di tapak pembinaan kerana kontraktor baru masih dalam proses pelantikan. Pembayaran sejumlah RM1.27 juta atau 24.8% telah dibuat kepada kontraktor asal melalui 4 bayaran interim setakat 27 Mac 2014.</p>	<p>mengambil inisiatif menyediakan dokumen tender secara <i>in house</i> yang secara tidak langsung telah menjimatkan RM203,860.03. Bagaimanapun, pembinaan bangunan dijangka dapat disiapkan pada bulan April 2016.</p>
9.4.2.2(b) dan (c)	<p>Kelewatan Pembekalan Perabot Sebanyak 2 perolehan berjumlah RM80,005 belum sempurna dibekalkan iaitu 40% dan 90% serta telah melebihi tempoh lanjutan kontrak panel sehingga bulan Disember 2014. Selain itu, 7 perolehan telah sempurna dibekalkan tetapi melebihi tempoh sepatutnya dibekalkan iaitu lewat antara 6 sehingga 83 hari. Tiada sebarang denda kelewatan dikenakan terhadap kontraktor kerana klausa denda tidak dinyatakan dalam mana-mana dokumen perolehan.</p>	<p>Maklum balas pada 29 April 2015 menyatakan notis peringatan telah dikeluarkan tetapi tindakan undang-undang tidak dapat diambil kerana tidak dinyatakan di dalam syarat sebut harga. Bagaimanapun, UTM telah mengemukakan surat aduan kepada Kementerian Kewangan berkenaan kelemahan prestasi kontraktor tersebut. UTM juga telah membuat penambahbaikan kepada dokumen sebut harga dengan mengambil kira tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap kontraktor yang bermasalah.</p>
9.4.3.1(b) (c) dan (d)	<p>Kelewatan Penutupan Akaun Projek UTM telah melantik Prasarana Utama Sdn. Berhad untuk pembinaan bangunan relau (<i>furnace</i>) untuk Pusat Teknologi Keluli, Fakulti Kejuruteraan Awam dengan kos sejumlah RM449,920. Kerja pembinaan telah bermula pada 18 Mac 2009 dan sepatutnya siap pada 13 Oktober 2009. Bagaimanapun, terdapat kelewatan selama 631 hari dan pihak Audit dimaklumkan kerja hanya siap pada 6 Julai 2011. Tiada maklumat berkaitan</p>	<p>Maklum balas pada 29 April 2015 menyatakan kontraktor telah bertukar alamat dan hanya dapat dihubungi baru-baru ini untuk membincangkan mengenai tuntutan yang akan dibuat sebelum akaun dimuktamadkan. Kelewatan projek disiapkan adalah berpunca daripada kegagalan kontraktor mendapat kelulusan pihak TNB dan bomba bagi membolehkan bangunan tersebut digunakan. UTM telah selesai menyediakan akaun dan bayaran muktamad berjumlah RM91,146.50 selepas teguran Audit. Surat teguran</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>permohonan pelanjutan masa, perubahan kerja dan LAD dikemukakan kepada pihak Audit untuk semakan lanjut kerana pihak Audit dimaklumkan tiada sebarang permohonan pelanjutan masa dan perubahan kerja dikemukakan oleh kontraktor kepada UTM. Semakan Audit pada 2 Disember 2014 mendapati sejumlah RM353,904 atau 78.7% telah dibayar kepada kontraktor. UTM telah menghantar notis peringatan sebanyak 2 kali kepada kontraktor supaya menuntut bayaran masing-masing pada 11 Ogos 2011 dan 25 Mac 2014. Bagaimanapun, tiada sebarang maklum balas diterima daripada kontraktor. Semakan lanjut mendapati UTM juga tidak memuktamadkan tindakan yang perlu diambil kepada kontraktor bagi memastikan penutupan akaun projek dapat dibuat. Kronologi bayaran setakat tarikh pengauditan pada 2 Disember 2014 adalah seperti Jadual 9.9. Antara faktor yang menyebabkan bayaran belum dijelaskan setakat tarikh pengauditan pada 2 Disember 2014 adalah kerana pihak kontraktor masih belum mengemukakan semula dokumen sokongan yang lengkap bagi tujuan pelarasan LAD, bayaran dan penutupan akaun projek.</p>	<p>kepada pegawai bertanggungjawab telah dikeluarkan untuk memastikan proses pengurusan projek dari mula hingga akhir dapat dilaksanakan mengikut prosedur ditetapkan.</p>
8. UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA - Pengurusan Perolehan		
10.4.1.2(a)	<p>Pecah Kecil Perolehan</p> <p>Sebanyak 231 sampel bekalan toner secara pembelian terus yang melibatkan 8 PTJ di UiTM Shah Alam yang bernilai RM575,814 telah dipecah kecil di 4 buah PTJ daripada 8 sampel PTJ yang dipilih. PTJ yang terlibat adalah Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Perakaunan dan Fakulti Undang-</p>	<p>Maklum balas pada 17 April 2015, perolehan yang terlibat adalah termasuk HP LaserJet Ce505x Black Print Cartridge. Perancangan perolehan dibuat mengikut semester. Pihak fakulti tidak dapat membuat perancangan tahunan disebabkan keperluan sebahagian besar bahan pakai habis ditentukan mengikut keperluan yang akan diberikan oleh pelajar yang akan membuat penyelidikan.</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>undang. Analisis Audit mendapati sebanyak 9 perolehan atau 3.9% bagi tahun 2012, 19 perolehan atau 8.2% bagi tahun 2013, dan 16 perolehan atau 6.9% bagi tahun 2014 telah dipecah kecil. Terdapat perbezaan harga bagi perolehan toner yang sama di antara PTJ. Perbezaan harga bagi 6 sampel jenis toner adalah antara 6.1% hingga 48.9%. Semakan Audit juga mendapati sampel PTJ dan Unit Kewangan Zon (UKZ) tidak menyelenggarakan daftar pembelian terus untuk tujuan pemantauan dan khususnya bagi memastikan tiada pembelian dibuat melebihi had yang dibenarkan.</p>	<p>Maklumat tersebut hanya diberikan pada penghujung setiap semester. Pembelian tahunan hanya dibuat bagi keperluan bahan pakai habis jenis am (guna sama) sahaja. Sebagai penyelesaian akan datang, melalui sistem FIN e-Procurement Plus isu berkaitan perancangan perolehan, jenis perolehan, kod item dan tujuan penggunaan juga dijangka dapat diselesaikan.</p>
10.4.1.2(b)	<p>Perekodan Dalam Sistem FAIS</p> <p>Sistem Financial Accounting Information System (FAIS) yang digunakan oleh UiTM mempunyai 1,400 kod akaun bagi 120 PTJ di UiTM. Modul perolehan dalam sistem FAIS mempunyai sekatan automatik yang akan menyekat pembelian yang melebihi RM50,000. Ujian <i>walkthrough</i> Audit pada 20 dan 28 Oktober 2014 serta 17 April 2015 mendapati sistem FAIS tidak menyekat/mengehadkan pembelian terus yang melebihi RM50,000. Terdapat amaran pada kaki screen apabila pembelian melebihi RM50,000 dibuat tetapi pegawai masih boleh menjalankan pembelian dan mengabaikan amaran tersebut.</p>	<p>Maklum balas pada 17 April 2015, Sistem FAIS ada memaparkan tanda amaran sebagai pemberitahuan bahawa perolehan telah melebihi RM50,000.00 semasa proses penyediaan pesanan jabatan. Bagaimanapun, sistem tidak boleh menghalang perolehan yang melebihi RM50,000 disebabkan terdapat kod item yang dibenarkan melebihi RM50,000 seperti perbelanjaan keraian. Penambahbaikan dilakukan melalui sistem FIN e-Procurement Plus di mana modul kod item ada disediakan kawalan jumlah had berdasarkan perbezaan setiap kategori kod item mengikut Pusat Tanggungjawab (PTJ). Melalui sistem ini kawalan had nilai sesuatu pembelian (contohnya RM50,000) akan dipaparkan melalui sistem sekiranya pembelian itu telah mencapai had maksima yang ditetapkan. Dengan ini tiada pecah kecil akan berlaku kerana kawalan telah dibuat melalui sistem.</p>
10.4.3(a)	<p>Aset Lewat Dilupuskan</p> <p>Sebanyak 2 buah aset berjumlah RM6,973 di UiTM Shah Alam telah lewat dilupuskan</p>	<p>Maklum balas pada 17 April 2015, kelewatan pelupusan bagi UiTM Shah Alam adalah kerana kelewatan penerimaan Sijil Perakuan Pelupusan</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>iaitu dari 8 hingga 12 bulan daripada tarikh kelulusan diperoleh. Lawatan Audit di UiTM Kota Kinabalu pada 5 November 2014 mendapati <i>Electronic Guillotine/Cutter</i> bernilai RM17,500 yang telah diluluskan untuk pelupusan pada 18 Jun 2012 masih belum dilupuskan. Aset tersebut sepatutnya dilupuskan pada 18 September 2012. Lawatan Audit di UiTM Jengka pula mendapati 2 buah aset telah lewat dilupuskan iaitu antara 8 hingga 9 bulan daripada tarikh kelulusan pelupusan.</p> <p>Sebanyak 10 buah aset yang dilupuskan tidak disediakan Sijil Pelupusan Barang-barang (Lampiran X). Selain itu, terdapat Lampiran X yang telah disediakan bagi 18 buah aset tetapi tidak dinyatakan tarikh. Ini menyebabkan aset tersebut masih wujud dalam daftar harta dalam Sistem FAIS walaupun telah dilupuskan. UiTM memaklumkan perkara ini disebabkan sistem FAIS memerlukan maklumat tarikh pelupusan barang untuk mengeluarkan harta yang telah dilupuskan.</p>	<p>(PEP) dari Jabatan Kerja Raya (JKR), pelupusan peralatan komputer yang perlu dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelupusan Peralatan Komputer dan pelupusan harta benda yang bernilai RM20,000 seunit perlu dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelupusan Harta Benda. Kelewatan pemeriksaan kenderaan dan penerimaan PEP adalah disebabkan hanya seorang pegawai JKR yang menjalankan pemeriksaan bagi seluruh Negeri Selangor. Fakulti Sains Gunaan tidak memberikan maklumat yang lengkap bagi pelupusan peralatan komputer. Jawatankuasa Teknikal Pelupusan Peralatan Komputer dan Jawatankuasa Teknikal Pelupusan Harta Benda juga hanya bermesyuarat setiap suku tahun. Kelewatan pelupusan aset setelah mendapat kelulusan bagi UiTM Kota Kinabalu adalah kerana item yang besar dan mempunyai berat 400kg. Bagaimanapun item ini telah dilupuskan dan dijual sebagai besi buruk pada 9 Januari 2015. Manakala kelewatan pelupusan bagi UiTM Jengka adalah kerana kesukaran mendapat syarikat untuk membeli peralatan yang dilupuskan. <i>Video Conferencing Equipment</i> telah dijual sebagai besi buruk manakala sebut harga telah diperoleh daripada syarikat di Klang bagi pelupusan peralatan komputer. Bagi status Lampiran X di UiTM Arau, UiTM telah membuat semakan status harta tersebut di dalam Sistem FAIS. Lampiran X dan JH (Jurnal Harta) telah disediakan bagi harta yang telah dibawa keluar melalui semakan ke atas borang pelupusan harta benda dan borang membawa keluar barang (<i>pass gate</i>). Bagi harta yang masih belum dilupuskan, tindakan pelupusan akan</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
		dibuat mengikut kaedah yang disyorkan sebelum penyediaan Lampiran X dan JH. Manakala bagi UiTM Kota Kinabalu, Lampiran X telah dikemas kini dan disediakan. Tarikh perancangan mesyuarat tahun hadapan akan dibentangkan pada mesyuarat suku tahun terakhir setiap tahun untuk makluman kesemua ahli mesyuarat. Cadangan telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal Pelupusan Peralatan Komputer dan Jawatankuasa Teknikal Pelupusan Harta Benda supaya mesyuarat diadakan 2 bulan sekali (6 kali setahun).
10.4.5	<p>Pemantauan</p> <p>Bahagian Perolehan tidak menjalankan pemantauan terperinci bagi perbelanjaan perolehan yang dilakukan oleh setiap PTJ terutamanya di kampus UiTM cawangan. Tiada pemantauan dijalankan bagi pembelian terus oleh PTJ dan Unit Kewangan Zon. Pemantauan yang dijalankan oleh Unit Pemantauan Dan Penguatkuasaan adalah daripada segi prestasi syarikat pembekal setiap perolehan. Semakan Audit juga mendapati tiada prosedur terperinci bagi pemantauan aset di bawah <i>Research Management Institute</i> (RMI).</p>	Maklum balas pada 17 April 2015, Bahagian Pengurusan Perolehan berperanan untuk menguruskan semua perolehan UiTM yang merangkumi proses panggilan, proses analisa perolehan, mengaturkan mesyuarat perolehan untuk pemilihan pembekal, pengeluaran kepada pembekal yang berjaya, pentadbiran kontrak perolehan termasuk penguatkuasaan perolehan dan prestasi pembekal. Pemantauan untuk pengurusan aset selepas proses perolehan adalah oleh Bahagian Pengurusan Harta Benda UiTM. Pengasingan tugas ini dibuat berdasarkan konsep kawalan dalaman. Bahagian Pengurusan Harta Benda telah menjalankan penguatkuasaan dengan mengadakan taklimat pengurusan harta benda kepada PTJ, sistem <i>asset tracking</i> mulai tahun 2014 dan mewujudkan modul latihan atas talian. Bahagian Pengurusan Harta Benda juga dalam proses penambahbaikan sistem pemantauan harta benda termasuk penambahbaikan kepada kekerapan mesyuarat pelupusan dan kaedah pelupusan. Sistem FIN e-Procurement Plus pula berada di

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
		peringkat proses latihan pelaksanaan kepada pengguna. Bengkel Polisi RMI pada 10 hingga 12 April 2015 telah bersetuju menambah proses pengisytiharan harta, <i>custodian</i> dan lokasi terakhir pada proses penghantaran laporan akhir sebelum menamatkan projek penyelidikan. Verifikasi harta RMI akan dipertanggungjawabkan pada Unit Pemantauan RMI. Borang Aku Janji juga telah diwujudkan dan akan dikuatkuasakan penggunaannya serta-merta bagi memastikan penyelidik menyedari tanggungjawab untuk menjaga aset di bawah seliaan masing-masing sama ada dalam tempoh penyelidikan atau selepas projek tamat.
9. UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG		
- Pengurusan Perolehan		
11.4.1.2(c)	<p>Pengurusan Kontrak</p> <p>Perolehan peralatan CNC <i>Machine</i> berjumlah RM475,200 oleh Fakulti Kejuruteraan Pembuatan sepatutnya diterima pada 6 November 2013 tetapi hanya diterima pada 14 Februari 2014 iaitu lewat sebanyak 100 hari dan bayaran penuh telah dibuat oleh UMP pada 27 Mac 2014. Kontraktor telah membayar penalti kelewatan sebanyak RM11,880 iaitu 2.5% daripada harga tawaran kontrak. Kontrak perolehan ini hanya ditandatangani pada 22 Januari 2015.</p>	Maklum balas pada 16 dan 24 April 2015, kontraktor gagal dihubungi selepas pembekalan peralatan CNC <i>Machine</i> dibuat bagi menandatangani dokumen kontrak. Kontraktor berjaya dihubungi pada bulan Januari 2015 dan memaklumkan bahawa syarikat berandaian kontrak tidak perlu ditandatangani bagi pembekalan yang telah sempurna dan penalti yang telah dibayar.
10. PENGURUSAN SYARIKAT AKADEMI BINAAN MALAYSIA		
13.4.2.3(a)(i)	<p>Jentera Tidak Dibekalkan Mengikut Kontrak</p> <p>Sebanyak 10 pelbagai jentera terpakai bernilai RM3.09 juta seperti yang dinyatakan dalam kontrak bagi 6 ABM tidak dibekalkan pada tempoh yang</p>	Maklum setakat 30 April 2015, daripada 10 bilangan jentera yang dibangkitkan, 2 unit lori telah dikeluarkan daripada kontrak asal dan ditukar ganti dengan 1 unit <i>Backhoe Loader</i> bagi memenuhi keperluan latihan. Oleh demikian, bilangan sebenar jentera yang terlibat

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>ditetapkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4 jentera bernilai RM1.34 juta bagi 2 ABM masih belum dibekalkan sehingga tarikh pengauditan. Sebanyak 6 pelbagai jentera terpakai bernilai RM1.75 juta telah digantikan dengan 5 jentera lain di mana kosnya adalah lebih rendah iaitu RM875,000 daripada nilai kontrak. Kesan tidak membekal jentera seperti dalam kontrak, 4 ABM masih menyewa 4 jentera dengan nilai sewaan berjumlah RM563,480 bagi tempoh 2013 sehingga bulan Mac 2015.</p>	<p>adalah 9 sahaja. Persetujuan perubahan ini telah diputuskan oleh Pegawai Pengguna pada 1 April 2013 dan dimaklumkan kepada pembekal. Pembekalan 10 (diselaraskan kepada 9) pelbagai jentera berkenaan telah dibekalkan mengikut tempoh yang ditetapkan di dalam kontrak berasaskan tempoh lanjutan masa kedua berakhir pada 15 Julai 2013 seperti jadual di lampiran. Manakala 4 unit jentera lain telah dibuat tukar ganti dengan 4 unit <i>Backhoe Loader</i> berdasarkan surat bil.LPIPM:SP/TEK/03/3(58) bertarikh 24 Jun 2014. Bagaimanapun, nilai penggantian 4 unit <i>Backhoe Loader</i> oleh pembekal masih belum dimuktamadkan oleh pihak CIDB sehingga CIDB mendapat pandangan daripada JKR Mekanikal atau sumber pihak bebas yang berkredibiliti. Tindakan penambahbaikan telah diambil seperti berikut iaitu CIDB telah memastikan kontrak pembekalan ini masih boleh dikuatkuasakan terhadap pembekal dengan termeterainya akujanji pembekal untuk memenuhi semua keperluan kontrak melalui <i>Letter of Undertaking</i> (LoU) bertarikh 28 Januari 2015. CIDB memandang serius kepada prestasi pembekal dengan membuat pemantauan secara progresif dan telah mengeluarkan surat amaran dan surat peringatan kepada pihak pembekal memaklumkan tentang akibat kegagalan pembekal memenuhi keperluan kontrak ini. Sekiranya pihak pembekal masih gagal menyempurnakan tanggungjawabnya selepas tamat tempoh LoU pada 27 Mei 2015, CIDB boleh mengambil tindakan seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Merampas Bon Pelaksanaan pembekal. b) Mengambil tindakan undang-undang

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
		<p>bagi mendapatkan semula wang ganti rugi yang ditanggung oleh CIDB dan ABM.</p> <p>c) Menyenaraihitamkan pembekal di peringkat CIDB dan anak-anak syarikatnya.</p> <p>d) Melaporkan pembekal kepada Kementerian Kewangan untuk tindakan sewajarnya.</p> <p>Atas arahan Ketua Eksekutif, Unit Audit Dalam CIDB telah menjalankan audit khas ke atas proses perolehan jentera ini dan telah mengangkat laporan audit kepada Jawatankuasa Audit Peringkat Lembaga CIDB pada 19 Disember 2014. Hasil daripada audit ini telah dibentang dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit Peringkat CIDB dan penambahbaikan telah dikuatkuasakan seperti berikut:</p> <p>a) Semua proses perolehan tender dilaksanakan oleh satu unit secara berpusat.</p> <p>b) Manual Perolehan CIDB telah dikemaskini dan Buku Manual Perolehan Tahun 2014 telah dikeluarkan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah CIDB. Diharapkan dengan pengemaskinian manual ini akan dapat meningkatkan kefahaman dan kompetensi staf CIDB mengenai tatacara perolehan yang teratur.</p> <p>c) Memperkasa Unit Perolehan terutama Pegawai Perolehan yang menguruskan tender dengan menghantar pegawai untuk mengikuti latihan dan kursus mengenai pengurusan projek dan tender yang dianjurkan JKR Cawangan Ukur Bahan.</p> <p>Selain itu, CIDB akan membentuk satu</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
		Jawatankuasa Penilaian Teknikal untuk menilai dan memutuskan senarai jentera yang boleh diterima selepas 27 Mei 2015 bagi tujuan mengambil tindakan undang-undang terhadap pembekal.
13.4.2.3(a)(ii)	<p>Jentera Yang Dibekalkan Rosak Dan Tidak Dapat Digunakan</p> <p>Mengikut kontrak, semua jentera yang akan dibekalkan oleh kontraktor hendaklah dijamin daripada kecacatan dalam segi bahan, buatan dan pembungkusan dan pengendalian dan hendaklah mengikut spesifikasi kontrak untuk tempoh atau selepas pengeluaran pemberitahuan penerimaan jentera untuk 12 bulan. Jentera yang didapati cacat hendaklah diganti atau dibaiki oleh kontraktor. Didapati 9 jenis pelbagai jentera bernilai RM1.76 juta yang dibekalkan kepada 5 ABM antara bulan Mac sehingga Julai 2013 mengalami kerosakan dan tidak dapat digunakan.</p>	Maklum balas setakat 30 April 2015, secara keseluruhannya, jentera yang dibekalkan kepada ABM telah diuji dan boleh berfungsi. Bagaimanapun, jentera tersebut telah mengalami kerosakan semasa penggunaannya. Jentera ini dalam proses pembaikan atau penggantian dan pembekal telah memberi <i>Letter of Undertaking</i> di mana pembaikan dan penggantian jentera masih lagi di bawah tanggungjawab pembekal sehingga 27 Mei 2015.
13.4.2.3(a)(iii)	<p>Pelbagai Jentera Lewat Diterima</p> <p>Mengikut kontrak, pembekal perlu membuat serahan jentera kepada ABM berkenaan pada 31 Disember 2012. Semakan Audit terhadap Nota Penghantaran (DO) yang diperaku terima oleh pegawai CIDB mendapati jentera yang sepatutnya dibekalkan lewat atau belum diterima berbanding tarikh yang ditetapkan dalam kontrak. Kelewatan penerimaan di peringkat CIDB seterusnya melibatkan kelewatan serahan kepada ABM. Tempoh kelewatan berdasarkan DO di peringkat CIDB adalah antara 23 hingga 187 hari bagi 31 pelbagai jentera.</p>	Maklum balas setakat 30 April 2015, pembekalan pelbagai jentera berkenaan telah dibekalkan dalam tempoh ditetapkan mengikut tarikh lanjutan kontrak pembekalan jentera berat untuk latihan di ABM. Kontrak ini yang asalnya berakhir pada 31 Disember 2012 telah diberikan Lanjutan Masa Pertama sehingga 31 Mei 2013 dan Lanjutan Masa Kedua sehingga 15 Julai 2013.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
13.4.2.1(c)	<p>Prestasi Aktiviti</p> <p>Pencapaian Program Akreditasi bagi tahun 2012 sehingga 2014 adalah pada tahap kurang memuaskan iaitu antara 30% hingga 86%. Ini disebabkan ABM terikat dengan peruntukan yang diluluskan bagi program yang dibiayai sepenuhnya oleh CIDB. Selain itu, sasaran yang ditetapkan bagi Program Akreditasi adalah jauh lebih tinggi daripada keupayaan ABM untuk mencapainya. Bagaimanapun, ABM Utara dan ABM Timur telah mencapai melebihi 100% bagi tahun 2014.</p>	<p>Maklum balas setakat 14 April 2015, Program Akreditasi yang diguna pakai oleh ABM sebenarnya adalah Ujian Kemahiran penilaian terhadap kompetensi Personel Binaan sedia ada sama ada di ABM atau di tapak bina. Pencapaian Program ini adalah rendah disebabkan pemakaian peraturan mewajibkan pekerja binaan untuk diakredit sebagai pekerja mahir belum dapat dilaksanakan walaupun akta telah diluluskan oleh Parlimen. Penguatkuasaan masih belum boleh dijalankan memandangkan undang-undang mengenainya belum diwartakan.</p>
11. PENGURUSAN SYARIKAT KOLEJ RISDA SDN. BERHAD		
14.4.2.2(a)	<p>Prestasi Pengajian</p> <p>Kolej RISDA tidak mencapai KPI yang telah ditetapkan bagi pelajar yang gagal dan tidak bergraduat. Seramai 98 daripada 454 pelajar atau 21.6% yang mendaftar pada tahun 2012 tidak bergraduat. Bagi tahun 2013, bilangan pelajar yang tidak bergraduat telah meningkat kepada 28.7% atau 275 daripada 957 pelajar yang mendaftar. Bilangan pelajar yang tidak bergraduat pada tahun 2014 terus meningkat kepada 28.8% atau 300 daripada 1,043 pelajar yang mendaftar. Antara sebab pelajar tidak bergraduat adalah kerana gagal dalam peperiksaan, berhenti atau menangguhkan pengajian.</p>	<p>Maklum balas setakat 30 April 2015, KPI bagi pelajar yang gagal adalah 5% iaitu 3% bagi pelajar yang mendapat CGPA antara 1.75 sehingga 2 dan 2% bagi pelajar yang mendapat CGPA kurang dari 1.75. Peratusan pelajar yang gagal setiap semester adalah kurang dari 2% dan ia selaras dengan KPI. Pelajar yang tidak meneruskan pengajian adalah disebabkan telah menerima tawaran IPTA untuk <i>second intake</i>, menangguhkan pengajian dan bekerja. Bahagian Akademik telah mula memantau bilangan pelajar yang berhenti dan gagal untuk melapor diri pada setiap awal semester mulai kemasukan tahun 2014. Pelajar bagi kategori ini tidak dianggap gagal kerana keputusan mereka untuk menamatkan pengajian adalah di luar kawalan Kolej. Bagaimanapun, mereka diberi nasihat dan kaunseling sebelum diberi kebenaran untuk menamatkan pengajian.</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
14.4.2.3(b)	<p>Kursus, Latihan Jangka Pendek Dan Program Kemahiran</p> <p>Bilangan kursus, latihan dan program kemahiran yang dijalankan oleh 3 pejabat zon iaitu Zon Timur, Utara dan Tengah menunjukkan penurunan berterusan sekali gus memberi kesan kepada penurunan keuntungan setiap cawangan. Pejabat Zon Timur menunjukkan penurunan keuntungan daripada RM184,594 pada tahun 2012 kepada RM14,547 setakat bulan Julai 2014 kesan daripada penurunan bilangan kursus dan latihan daripada 28 kepada 3. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan bilangan kursus dan latihan adalah kerana ia bergantung kepada perancangan Bahagian Latihan RISDA dan Kolej RISDA hanya bertindak sebagai urus setia atau pelaksana.</p>	<p>Maklum balas setakat 24 Februari 2015, bermula tahun 2011, fokus Kolej RISDA adalah kepada bidang akademik dan tidak fokus kepada bidang perkhidmatan kerana Ahli Lembaga Pengarah meminta Kolej RISDA memfokuskan untuk menaik taraf ke kolej universiti. Pada tahun 2014, selain daripada menjalankan program latihan RISDA, Unit Latihan juga telah menganjurkan program latihan sendiri bersama syarikat milikan RISDA, Kerajaan Negeri Melaka, KKLW, agensi kerajaan dan swasta seluruh Negara. Pada tahun 2015, sebagai pejabat perhubungan, semua Pejabat Zon akan terlibat secara langsung di dalam pemasyturan jenama Kolej Universiti Agrosains Malaysia untuk membantu masyarakat luar bandar yang tercicir melanjutkan pengajian di IPT bertaraf Universiti. Pejabat ini juga akan menjalankan aktiviti latihan untuk agensi kerajaan dan swasta yang lain tanpa terlalu bergantung kepada RISDA.</p>
14.4.2.4(c) dan (d)	<p>Penghutang Tidak Aktif</p> <p>Penghutang tidak aktif yang wujud sejak tahun 2000 sehingga 31 Disember 2013 adalah tinggi iaitu berjumlah RM4.22 juta. Sejumlah RM3.01 juta atau 71.4% daripadanya merupakan hutang pelajar di Kolej RISDA Melaka. Selain itu, prestasi kutipan hutang oleh ejen yang dilantik adalah tidak memuaskan kerana jumlah kutipan yang rendah iaitu kurang daripada 5%.</p>	<p>Maklum balas setakat 30 April 2015, Kolej telah mengambil tindakan berikut untuk mengatasi penghutang yang tinggi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membawa satu kertas cadangan kepada Ahli Lembaga Pengarah untuk hapus kira hutang pelajar yang tertunggak dari tahun 2000 sehingga 2007 bagi 149 pelajar berjumlah RM646,317. ii. Bagi tunggakan 198 pelajar berjumlah RM804,418, siasatan sedang dilaksanakan bagi mengesan dokumen untuk penyediaan kertas cadangan hapus kira. iii. Bagi tunggakan 2,045 pelajar untuk tahun 2008 sehingga 2013 berjumlah RM2,798,027, Kolej telah melantik

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
		<p>ejen pengutip hutang bagi mengatasi masalah tunggakan ini. Setakat tahun 2014, sejumlah RM390,915 telah berjaya dikutip.</p> <p>iv. Bagi mengekang berlakunya tunggakan di masa akan datang, Arahān Pentadbiran/Pekeliling telah dikeluarkan kepada pelajar:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Penyelesaian yuran boleh dibuat secara ansuran; b) Surat amaran berkala kepada pelajar/ibu bapa/penjaga; c) Penahanan Slip Keputusan Peperiksaan sehingga hutang dijelaskan; d) Penahanan Transkrip dan Konvokesyen; dan e) Hutang diselesaikan sebelum dibenarkan memasuki peperiksaan akhir atau mendaftar untuk semester baru.
14.4.3.2	Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan Peralatan komputer yang tidak boleh digunakan dan kenderaan yang rosak belum dilupuskan.	Maklum balas setakat 24 Februari 2015, Kolej RISDA akan memastikan segala aset berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Tindakan pelupusan sedang diambil terhadap peralatan komputer yang tidak lagi boleh digunakan dan kenderaan yang rosak mengikut prosedur pelupusan aset.
12. PENGURUSAN SYARIKAT RISDA BINA SDN. BERHAD		
15.4.2.3(b)	Sasaran pendapatan bagi projek Fasa 3A bagi tahun 2013, 2014 dan setakat bulan Mac 2015 adalah terlalu jauh daripada pencapaian sebenar iaitu hanya mencapai 0.6%, 6.4% dan 2.5% masing-masing daripada sasaran yang ditetapkan. Setakat bulan Mac 2015, sebanyak 38 unit rumah berjaya dijual dan <i>Sales and Purchase Agreement</i> telah ditandatangani oleh pembeli. Selain itu, 20 unit lagi masih menunggu kelulusan pinjaman daripada	Setakat 2 November 2015, jualan telah mencapai 52 unit, manakala tempahan adalah sebanyak 12 unit. Aktiviti-aktiviti promosi sedang giat dijalankan pada bulan Ogos dan September 2015 di sekitar kawasan Kulim dan Seberang Jaya, Pulau Pinang. Perancangan promosi seterusnya akan tertumpu di pejabat-pejabat Risda sebelah utara.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	bank dan Bahagian Pinjaman Perumahan. Antara punca jualan unit rumah yang tidak menggalakkan adalah status tanah pajakan yang akan luput pada tahun 2084, manakala pembangunan persekitaran adalah bertaraf pegangan bebas.	

14. TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
LKAN 2013 SIRI 2		
1. LEMBAGA KOKO MALAYSIA - Pengurusan Pembinaan Pusat Inovasi Dan Teknologi Koko (PITK)		
2.4.2.7(a), (b) dan (d)	Pada 28 Disember 2012, LKM telah menjual PPHK, Bangi dengan nilai RM14 juta untuk mengatasi masalah kewangan terhadap pembinaan PITK. Semua peralatan dan mesin telah dipindahkan ke PITK, Nilai selepas penjualan PPHK, Bangi. Semasa lawatan Audit pada 25 November 2013, bangunan ini hanya 80% siap dibina dan digunakan untuk menyimpan peralatan dan mesin yang dipindahkan dari PPHK, Bangi. Pengeluaran produk blok coklat yang dibekalkan kepada usahawan koko berdaftar pada tahun 2013 hanya berjumlah RM46,571 berbanding hasil pada tahun 2012 berjumlah RM118,052 iaitu penurunan sejumlah RM71,481 atau 60.6%.	Mesin-mesin tersebut telah diletakkan di dalam garaj khas PITK Nilai. Mesin-mesin ini akan dipindahkan ke bangunan Blok H yang dijangka siap pada 21 September 2015. Kemajuan fizikal pembinaan blok H adalah 94.73% setakat 31 Ogos 2015.
2.4.2.7(e)	Penangguhan pembinaan Blok H dan peralatan dari PPHK, Bangi yang tidak dapat dipasang menyebabkan syarikat-syarikat yang menggunakan kemudahan peralatan dan mesin uji kaji kilang rintis koko serta makmal rintis coklat tidak dapat menyewa bagi penggunaan	Kemudahan peralatan dan mesin uji kaji kilang koko rintis dan makmal rintis coklat digunakan sebagai pertambahan kepada aktiviti R&D Syarikat yang menyewa. Dengan ketiadaan kemudahan ini pada masa ini, syarikat tersebut hanya menjalankan kajian R&D

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	peralatan tersebut. Secara tidak langsung, ini menjelaskan pendapatan LKM.	menggunakan kemudahan syarikat yang tersedia ada. Kemajuan fizikal pembinaan Blok H adalah 91% setakat 31 Julai 2015.
2. SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT MALAYSIA - Pengurusan Penguatkuasaan		
3.4.4	Sebanyak 21 buah kenderaan telah dilucut hak oleh mahkamah terdiri daripada 6 buah kenderaan yang dilucut hak pada tahun 2012 dan 15 buah kenderaan sehingga bulan Oktober 2013. Kenderaan tersebut masih disimpan dan belum diambil tindakan pelupusan antara 1 hingga 16 bulan dari tarikh lucut hak. Keadaan ini menyebabkan nilai semasa kenderaan berkurangan kerana susut nilai serta kenderaan tersebut menjadi tidak ekonomik untuk dilupuskan secara jualan sekiranya ia disimpan terlalu lama. Prosedur pelupusan kenderaan pula masih di peringkat draf dan semakan bagi mendapatkan kelulusan Suruhanjaya.	1 buah kenderaan telah berjaya dilupuskan melalui jualan semula kepada bekas pemilik pada 17 Ogos 2015. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pelupusan meningkat kepada 3 buah kenderaan. Juga terdapat 3 buah kenderaan lagi yang telah dinyatakan persetujuan penerimaan tawaran oleh bekas pemilik & institusi kewangan dan di dalam proses pengeluaran dokumen jualan. Apabila selesai, jumlah pelupusan akan menjadi sebanyak 6 buah kenderaan. Bagi baki 12 buah kenderaan lagi, Unit Sita masih lagi dalam proses rundingan dengan institusi kewangan. Langkah rundingan perlu kerana melibatkan unsur-unsur perundangan dan kenderaan masih terikat di bawah pembiayaan institusi kewangan walaupun telah dilucut hak.
3.4.7.3	Pejabat SPAD yang beroperasi di Pejabat JPJ Taman Daya, Johor Bahru tidak menyediakan bilik khas bagi menjalankan sesi temu siasat. Sesi temu siasat hanya diadakan dalam ruang pejabat pegawai penguatkuasa yang sempit dengan keluasan 7.62 meter persegi yang menempatkan seramai 11 pegawai penguatkuasa. Ini menyebabkan pengendali/pemandu terpaksa menunggu lama kerana hanya seorang pengendali/pemandu boleh ditemu siasat	Jawatankuasa tertinggi SPAD telah bermesyuarat pada 14 September 2015 bagi melantik pembida yang telah berjaya di dalam penilaian tender kerja – kerja ubahsuai pejabat Johor Bahru. SPAD kini di dalam proses menyediakan surat tawaran dan serahan tapak kepada kontraktor dijangka dibuat pada 25 September 2015. Tempoh perlaksanaan kerja-kerja ubahsuai dijadualkan selama 5 minggu.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI																						
	dalam satu sesi. Ruang pejabat adalah terhad kerana dikongsi bersama pegawai Bahagian Perlesenan.																							
3. PERBADANAN ASET KERETAPI - Pengurusan Aset																								
4.4.6.1																								
	Sebanyak 91 daripada 329 atau 27.7% lot tanah berhak milik belum ditukar milik kepada PAK. Selain itu, sebanyak 856 daripada 1,101 lot tanah rizab kereta api belum diukur dan diwartakan dan 84 lot tanah tidak mempunyai salinan warta.	<p>Sehingga 12 Ogos 2015, baki yang belum diletak hak adalah sebanyak 76 lot. Status tindakan adalah seperti berikut:-</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>NEGERI</th><th>BAKI HAKMILIK YANG BELUM VESTING</th><th>STATUS</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="6">Pulau Pinang</td><td>24</td><td>Masih menunggu PTGPP untuk mengeluarkan geran atas nama PAK setelah Pelan B1 Tiff daripada JUPEM Pulau Pinang diperolehi.</td></tr> <tr> <td>14</td><td>Hasil semakan di PTGPP mendapati tiada nama pemilik direkodkan. PAK perlu membuat kerja-kerja ukur dan mengemukakan permohonan melalui tindakan mahkamah.</td></tr> <tr> <td>8</td><td>Hasil semakan di PTGPP mendapati lot direkodkan atas nama pihak lain dan tiada rekod IR. PAK dikehendaki mengadakan lawatan tapak bagi menyemak kegunaan tanah. Sekiranya tanah digunakan untuk tujuan operasi perkeretapan, PAK dikehendaki membuat kerja-kerja ukur dan mengemukakan permohonan melalui tindakan mahkamah..</td></tr> <tr> <td>19</td><td>PTD Seberang Perai Tengah (SPT) telah mengemukakan surat mengambil hakmilik muktamad geran.</td></tr> <tr> <td>5</td><td>Masih menunggu maklum balas pengiraan kadar cukai oleh PTDSPT sebelum permohonan hakmilik muktamad dibuat.</td></tr> <tr> <td>3</td><td>PAK dikehendaki membuat semakan semula ke atas lot ini dan mengemukakan maklumat kepada PTGPP.</td></tr> <tr> <td>Kuala Lumpur</td><td>2</td><td>PAK akan mengemukakan permohonan perletakkan melalui Borang 30A.</td></tr> <tr> <td>Kuala Lumpur</td><td>1</td><td>Masih menunggu maklum balas daripada JKPTG Persekutuan.</td></tr> </tbody> </table> <p>a. Bagi tanah rizab yang tidak berukur dan tidak berwarta, maklumat tindakan adalah seperti berikut:</p>	NEGERI	BAKI HAKMILIK YANG BELUM VESTING	STATUS	Pulau Pinang	24	Masih menunggu PTGPP untuk mengeluarkan geran atas nama PAK setelah Pelan B1 Tiff daripada JUPEM Pulau Pinang diperolehi.	14	Hasil semakan di PTGPP mendapati tiada nama pemilik direkodkan. PAK perlu membuat kerja-kerja ukur dan mengemukakan permohonan melalui tindakan mahkamah.	8	Hasil semakan di PTGPP mendapati lot direkodkan atas nama pihak lain dan tiada rekod IR. PAK dikehendaki mengadakan lawatan tapak bagi menyemak kegunaan tanah. Sekiranya tanah digunakan untuk tujuan operasi perkeretapan, PAK dikehendaki membuat kerja-kerja ukur dan mengemukakan permohonan melalui tindakan mahkamah..	19	PTD Seberang Perai Tengah (SPT) telah mengemukakan surat mengambil hakmilik muktamad geran.	5	Masih menunggu maklum balas pengiraan kadar cukai oleh PTDSPT sebelum permohonan hakmilik muktamad dibuat.	3	PAK dikehendaki membuat semakan semula ke atas lot ini dan mengemukakan maklumat kepada PTGPP.	Kuala Lumpur	2	PAK akan mengemukakan permohonan perletakkan melalui Borang 30A.	Kuala Lumpur	1	Masih menunggu maklum balas daripada JKPTG Persekutuan.
NEGERI	BAKI HAKMILIK YANG BELUM VESTING	STATUS																						
Pulau Pinang	24	Masih menunggu PTGPP untuk mengeluarkan geran atas nama PAK setelah Pelan B1 Tiff daripada JUPEM Pulau Pinang diperolehi.																						
	14	Hasil semakan di PTGPP mendapati tiada nama pemilik direkodkan. PAK perlu membuat kerja-kerja ukur dan mengemukakan permohonan melalui tindakan mahkamah.																						
	8	Hasil semakan di PTGPP mendapati lot direkodkan atas nama pihak lain dan tiada rekod IR. PAK dikehendaki mengadakan lawatan tapak bagi menyemak kegunaan tanah. Sekiranya tanah digunakan untuk tujuan operasi perkeretapan, PAK dikehendaki membuat kerja-kerja ukur dan mengemukakan permohonan melalui tindakan mahkamah..																						
	19	PTD Seberang Perai Tengah (SPT) telah mengemukakan surat mengambil hakmilik muktamad geran.																						
	5	Masih menunggu maklum balas pengiraan kadar cukai oleh PTDSPT sebelum permohonan hakmilik muktamad dibuat.																						
	3	PAK dikehendaki membuat semakan semula ke atas lot ini dan mengemukakan maklumat kepada PTGPP.																						
Kuala Lumpur	2	PAK akan mengemukakan permohonan perletakkan melalui Borang 30A.																						
Kuala Lumpur	1	Masih menunggu maklum balas daripada JKPTG Persekutuan.																						

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI																																			
		NEGERI	JUMLAH LOT BAGI PERMOH OHAN PEWART AAN	STATUS																																	
		Selangor	2	Plot H telah diperolehi kelulusan pewartaan dan Plot G masih menunggu maklumbalas daripada PTD Petaling (PLBE Subang – Sky Park).																																	
		Melaka	26	Masih menunggu maklum balas laporan pengesahan status tanah daripada JKPTG Melaka sebelum mengemukakan permohonan pewartaan.																																	
		Perak	49	Telah memohon pemberimilikan tanah kepada JKPTG Putrajaya melalui MOT.																																	
		PAK dalam proses semakan akhir terma rujukan anggaran kos dan keperluan-keperluan bagi kelulusan oleh pihak berkuasa melulus untuk permohonan pewartaan bagi jajaran seperti berikut:																																			
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th><th>NEGERI</th><th>JARAK</th><th>Anggaran Kos (RM Juta)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>KL Sentral – Pelabuhan Klang</td><td>43KM</td><td>1.7</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>KL Sentral - Seremban</td><td>77KM</td><td>3.0</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>Klang – Pulau Indah</td><td>18KM</td><td>0.70</td></tr> </tbody> </table>			BIL.	NEGERI	JARAK	Anggaran Kos (RM Juta)	1.	KL Sentral – Pelabuhan Klang	43KM	1.7	2.	KL Sentral - Seremban	77KM	3.0	3.	Klang – Pulau Indah	18KM	0.70																	
BIL.	NEGERI	JARAK	Anggaran Kos (RM Juta)																																		
1.	KL Sentral – Pelabuhan Klang	43KM	1.7																																		
2.	KL Sentral - Seremban	77KM	3.0																																		
3.	Klang – Pulau Indah	18KM	0.70																																		
		Bagi baki tanah yang belum diukur dan diwartakan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat pada tahun 2016 dan dijangka selesai pada tahun 2017.																																			
		b. Bagi tanah rizab yang tiada salinan warta di PAK maklumat tindakan adalah seperti berikut:																																			
		<table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">NEGERI</th><th rowspan="2">JUMLAH TANAH RIZAB YANG TIDAK ADA SALINAN WARTA DI PAK</th><th colspan="3">JUMLAH TANAH RIZAB YANG TIDAK MEMPUNYAI SALINAN WARTA DI PAK</th></tr> <tr> <th>JUMLAH HASIL CARIAN WARTA DI ARKIB NEGARA</th><th>JUMLAH WARTA YANG PERLU DISIASAT SEMULA</th><th>JUMLAH WARTA YANG SALAH</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Perak</td><td>68</td><td>34</td><td>20</td><td>14</td></tr> <tr> <td>Selangor</td><td>8</td><td>3</td><td>5</td><td>0</td></tr> <tr> <td>N.Sembilan</td><td>3</td><td>3</td><td>0</td><td>0</td></tr> <tr> <td>Pahang</td><td>2</td><td>0</td><td>2</td><td>0</td></tr> <tr> <td>JUMLAH</td><td>81</td><td>40</td><td>27</td><td>14</td></tr> </tbody> </table>			NEGERI	JUMLAH TANAH RIZAB YANG TIDAK ADA SALINAN WARTA DI PAK	JUMLAH TANAH RIZAB YANG TIDAK MEMPUNYAI SALINAN WARTA DI PAK			JUMLAH HASIL CARIAN WARTA DI ARKIB NEGARA	JUMLAH WARTA YANG PERLU DISIASAT SEMULA	JUMLAH WARTA YANG SALAH	Perak	68	34	20	14	Selangor	8	3	5	0	N.Sembilan	3	3	0	0	Pahang	2	0	2	0	JUMLAH	81	40	27	14
NEGERI	JUMLAH TANAH RIZAB YANG TIDAK ADA SALINAN WARTA DI PAK	JUMLAH TANAH RIZAB YANG TIDAK MEMPUNYAI SALINAN WARTA DI PAK																																			
		JUMLAH HASIL CARIAN WARTA DI ARKIB NEGARA	JUMLAH WARTA YANG PERLU DISIASAT SEMULA	JUMLAH WARTA YANG SALAH																																	
Perak	68	34	20	14																																	
Selangor	8	3	5	0																																	
N.Sembilan	3	3	0	0																																	
Pahang	2	0	2	0																																	
JUMLAH	81	40	27	14																																	
		PAK masih berterusan membuat carian di Arkib Negara dan Jabatan Peguam Negara bagi mendapatkan salinan warta tanah-tanah keretapi bagi tahun sebelum merdeka.																																			

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
4. LEMBAGA GETAH MALAYSIA - Pengurusan Peralatan Penyelidikan Dan Komersial		
5.4.1.2	Tiada penyelarasan antara perolehan peralatan dan pembinaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat yang akan menempatkan peralatan. Projek pembinaan hanya bermula pada bulan Mei 2013 dan dijangka siap pada bulan November 2014 sedangkan perolehan peralatan telah dibuat pada tahun 2009.	Kemajuan fizikal bangunan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat pada 29 Ogos 2015 adalah 96%.
5.4.1.3	Peralatan masih tidak dapat digunakan kerana menunggu kerja-kerja pemasangan dan disimpan di Stesen Penyelidikan Sungai Buloh, premis pembekal dan pihak yang dilantik oleh pembekal.	Sehingga 17 September 2015, hanya satu mesin peralatan utama yang belum dipindahkan ke Pusat Pemprosesan Lateks Pekat iaitu mesin pengempar (<i>centrifuge machine</i>). Sebanyak empat peralatan utama iaitu tangki penerimaan lateks, tangki pengumpulan lateks, menara penyahan ammonia dan jambatan penimbang telah dipindahkan pada bulan April 2015.
5.4.2.2(c)(ii)	Peralatan pemprosesan sarung tangan getah industri bernilai tambah tidak digunakan sejak tahun 2008.	Pemeriksaan oleh pembekal yang dilaporkan pada akhir bulan Jun 2015 mendapati kos pembaikan adalah tinggi iaitu berjumlah RM 436,100.00 kerana teknologi peralatan mesin tersebut telah ketinggalan. Oleh itu, pengurusan LGM telah bersetuju supaya peralatan tersebut dilupuskan. Pada bulan Julai 2015, Unit Pentadbiran telah menerima permohonan untuk melupuskan peralatan ini dan telah mengeluarkan memo kepada Jawatankuasa Pemeriksaan Pelupusan untuk tujuan pemeriksaan pelupusan. Sehingga 29 Ogos 2015, Jawatankuasa Pemeriksaan masih dalam proses pemeriksaan aset.
5.4.2.2(f)(ii)	Peralatan di Kilang SMR, DPNR dan ENR terbiar dan tidak digunakan semenjak sistem pengolahan efluen bagi ketiga-tiga kilang tersebut telah dilupuskan pada tahun 2012. Ini disebabkan lokasinya	12 peralatan dari 96 peralatan yang dicadangkan untuk dilupuskan telah ditarik balik pada bulan Mei 2015 berdasarkan keperluan penggunaan untuk aktiviti penyelidikan. Pecahan aset

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	berada dalam kawasan tanah yang telah diambil alih oleh Syarikat Kwasa Land Sdn. Berhad.	<p>yang tidak dilupuskan adalah seperti berikut:</p> <p>Kilang DPNR - 2 peralatan Kilang ENR - 2 peralatan Kilang SMR - 8 peralatan</p> <p>Baki 84 aset masih dalam tindakan/proses pelupusan secara berperingkat. Kelewatan awal proses pelupusan ini disebabkan dokumen aset tidak lengkap diterima oleh Unit Pentadbiran dan terpaksa dikembalikan kepada pegawai bertanggungjawab. Sehingga 17 September 2015, keseluruhan status aset di kilang-kilang ini masih dalam proses pelupusan.</p>
5.4.3.1(a)(ii)	Dua peralatan bagi ujian tayar berjumlah RM4.70 juta yang dibeli pada tahun 2011 dan 2010 tidak berfungsi kerana mengalami masalah perisian sejak bulan Februari dan April 2013. Pembaikan masih belum dijalankan dan peralatan tersebut tidak dapat digunakan.	<p>Peralatan: <i>Two Position Rolling Resistance Test Machine</i></p> <p>Pada 3 September 2015, Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga telah diadakan untuk membincangkan mengenai Membaikpulih dan Mentauliah Panel Kawalan Mesin Ujian Tayar ‘<i>Rolling Resistance</i>’ (RR). Mesyuarat telah membuat keputusan dan sebut harga tersebut telah ditawarkan kepada penyebut harga yang memberikan harga tawaran yang berpatutan.</p>
5.4.3.1(b)(ii)	Sebanyak 237 daripada 400 unit peralatan <i>Automatic Rubber Tapping Systems</i> (ARTS) di Stesen Penyelidikan Kota Tinggi tidak berfungsi dengan baik menyebabkan tiada hasil torehan.	Permohonan pelupusan untuk 2,000 unit ARTS telah dihantar ke Unit Pentadbiran pada 11 Jun 2015. Bagaimanapun, dokumen yang diterima seperti borang daftar dan gambar aset tidak lengkap dan tidak boleh diproses. Permohonan tersebut telah dikembalikan kepada kumpulan pegawai kajian ARTS untuk dilengkapkan sehingga akhir Ogos 2015. Sehingga 7 September 2015, penyediaan dokumen untuk pelupusan hanya mencapai 90%. Oleh itu, Unit Pentadbiran

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
		mencadangkan pelupusan dijalankan secara berperingkat kerana bilangan aset yang hendak dilupus banyak dan memerlukan pecahan kepada beberapa kumpulan untuk mempercepatkan pemeriksaan pelupusan.
5. PENGURUSAN SYARIKAT FAMA CORPORATION SDN. BERHAD		
11.4.2.6	Lawatan Audit ke kompleks berkenaan pada 31 Oktober 2013 mendapati 8 bilik sejuk telah rosak, 1 gudang besar tidak digunakan, pagar rosak dan tingkap pecah. FAMACorp telah memperoleh hasil sewaan gudang berjumlah RM0.37 juta bagi tahun 2011 sehingga bulan Januari 2013. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati gudang berkenaan terbiar kosong dan tidak disewakan sejak bulan Februari 2013 kerana kemudahan kompleks tidak disenggara.	Maklum balas pada 10 Jun 2015, kerja menaik taraf gudang, kemudahan infrastruktur di FAMA Port Klang telah bermula pada 23 Februari 2015 dan kemajuan projek setakat 22 Mei 2015 adalah sebanyak 63%. Keseluruhan kerja infra dan berkaitan telah disiapkan sepenuhnya. Bagaimanapun, kerja-kerja melantai <i>readymix</i> keseluruhan lantai gudang utama masih belum selesai.
6. PENGURUSAN SYARIKAT UTM SOUVENIR SHOP SDN. BERHAD		
12.4.2.1(b)	Sehingga 31 Disember 2013, UTMSS belum berupaya membuat pembayaran royalti kepada UTM pada kadar 5% daripada jualan kasar terhadap produk yang menggunakan logo UTM seperti dalam perjanjian yang ditandatangani pada tahun 2010 disebabkan prestasi syarikat yang kurang memberangsangkan.	Maklum balas pada 27 Mei 2015, UTMSS sedang berusaha untuk meningkatkan lagi jualan dengan mempertingkatkan strategi jualan dengan melantik staf berkelulusan ijazah pengiklanan berkuat kuasa 28 April 2015. Pada masa yang sama, UTMSS telah mendapat kerjasama daripada Sekolah Perniagaan Antarabangsa Universiti Teknologi Malaysia (IBS, UTM) untuk menyediakan pelan strategi perniagaan yang dijangka selesai pada 30 Jun 2015.
12.4.2.3	<i>Standard Operating Procedures</i> yang mengandungi prosedur dan proses kerja secara terperinci tidak disediakan.	Maklum balas yang diterima pada 27 Mei 2015, draf SOP telah dibentangkan pada Disember 2014 dan Mac 2015. Pihak Bendahari akan membuat semakan terhadap SOP yang telah disediakan dan akan mencadangkan perubahan jika perlu. Pembentangan terakhir akan diadakan pada bulan Jun 2015.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI																											
7. PENGURUSAN SYARIKAT UNIUTAMA TRAVEL & TOURS SDN. BERHAD																													
13.4.3.2	<p>Jumlah penghutang setakat bulan September 2013 adalah berjumlah RM1.71 juta dan sejumlah RM0.71 juta atau 41.5% daripadanya telah melebihi 3 bulan.</p>	<p>Setakat 15 September 2015, penghutang UTSB berdasarkan penyata kewangan beraudit 2013 untuk tempoh 2009-2013 yang pada asalnya berjumlah RM1.71 juta telah berkurangan kepada RM1.15 juta pada bulan berakhir Julai 2015.</p> <p>Jadual baki penghutang mengikut tahun adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">TAHUN</th> <th style="text-align: center;">AMAUN (RM)</th> <th style="text-align: center;">BAKI TERKUMPUL (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">2009</td><td style="text-align: center;">30,789.00</td><td style="text-align: center;">30,789.00</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">2010</td><td style="text-align: center;">54,386.01</td><td style="text-align: center;">85,175.01</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">2011</td><td style="text-align: center;">21,295.00</td><td style="text-align: center;">106,470.01</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">2012</td><td style="text-align: center;">47,310.00</td><td style="text-align: center;">153,780.01</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">2013</td><td style="text-align: center;">125,637.50</td><td style="text-align: center;">279,417.51</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">2014</td><td style="text-align: center;">189,965.77</td><td style="text-align: center;">469,383.28</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">2015</td><td style="text-align: center;">689,681.56</td><td style="text-align: center;">1,156,064.84</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">JUMLAH</td><td style="text-align: center;">1,156,064.84</td><td></td></tr> </tbody> </table> <p>Berpandukan kepada jadual di atas, jumlah penghutang bagi tahun 2009-2013 telah berkurangan kepada RM270,000 dan menunjukkan proses kutipan telah bertambah baik dan baki RM689,681.56 adalah hutang bagi tahun semasa dan sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa.</p> <p>Untuk baki penghutang 2009-2013, beberapa tindakan susulan telah diambil antaranya adalah menghantar surat tuntutan kepada penghutang utama iaitu pihak Universiti Utara Malaysia untuk tindakan. Selain itu, tindakan undang-undang juga telah diambil kepada penghutang yang masih belum menjelaskan amaun terhutang.</p>	TAHUN	AMAUN (RM)	BAKI TERKUMPUL (RM)	2009	30,789.00	30,789.00	2010	54,386.01	85,175.01	2011	21,295.00	106,470.01	2012	47,310.00	153,780.01	2013	125,637.50	279,417.51	2014	189,965.77	469,383.28	2015	689,681.56	1,156,064.84	JUMLAH	1,156,064.84	
TAHUN	AMAUN (RM)	BAKI TERKUMPUL (RM)																											
2009	30,789.00	30,789.00																											
2010	54,386.01	85,175.01																											
2011	21,295.00	106,470.01																											
2012	47,310.00	153,780.01																											
2013	125,637.50	279,417.51																											
2014	189,965.77	469,383.28																											
2015	689,681.56	1,156,064.84																											
JUMLAH	1,156,064.84																												

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
LKAN 2013 SIRI 3		
1. MAJLIS AMANAH RAKYAT		
- Pengurusan Projek Pembinaan Maktab Rendah Sains MARA Arau dan Kuala Kangsar serta Kolej Kemahiran Tinggi MARA Lenggong		
2.4.1.4	<p>Sehingga bulan Januari 2014, projek MRSM Arau dan MRSM Kuala Kangsar belum disiapkan walaupun projek telah dimulakan oleh kontraktor asal sejak tahun 2006 iaitu mengambil tempoh selama 7 tahun. Kemajuan kerja masing-masing adalah 96.4% dan 87%. Semakan juga mendapati pembinaan KKTM Lenggong yang dimulakan pada 2008 telah disiapkan pada bulan Januari 2014 dan mengambil tempoh selama 5 tahun.</p>	<p>MRSM Arau Projek ini telah dibuat oleh kontraktor ketiga iaitu Kontraktor Dania Sdn. Bhd., setelah dikategorikan sebagai Projek Sakit dan telah di tender semula oleh MARA setelah melalui Jawatankuasa Projek Sakit di peringkat Kementerian dan dijangka siap pada 12 April 2015.</p> <p>Bagaimanapun, kemajuan kerja sebenar adalah 47.25% berbanding sepatut siap 100%. Kemajuan Projek Keseluruhan adalah 98%.</p> <p>Pada 19 Ogos 2015, Notis Penamatkan Kontraktor telah dikeluarkan kepada Kontraktor Dania Sdn. Bhd. Tindakan semasa adalah membuat permohonan kepada JKR bagi mendapatkan senarai kontraktor baru.</p> <p>MRSM Kuala Kangsar MRSM Kuala Kangsar telah menerima CCC pada 24 Jun 2015. Kemasukan pertama pelajar telah dibuat pada 27 Julai 2015 melibatkan 360 pelajar Tingkatan Satu.</p> <p>KKTM Lenggong KKTM Lenggong telah memulakan operasi pada 3 November 2014. Pengambilan pertama pelajar telah dibuat mulai sesi Julai hingga Disember 2015.</p>
2.4.4.1	Kualiti kerja kontraktor bagi projek MRSM Arau adalah kurang sempurna seperti kesan keretakan di kebanyakan permukaan lantai bengkel, lepaan simen	<p>MRSM Arau Kerja-kerja pembaikan masih dalam tindakan dan dalam proses pelantikan kontraktor baru.</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	pada Apron tidak kemas, sistem pembetungan tidak berfungsi dan <i>manhole</i> dipenuhi air kotoran. Kualiti kerja kontraktor bagi projek MRSM Kuala Kangsar juga tidak memuaskan kerana kurang sempurna dan kurang kemas seperti siling pecah dan bukaan pada siling, keretakan pada permukaan dinding dan kekemasan dinding yang tidak sempurna. Selain itu, kualiti kerja kontraktor bagi projek KKTM Lenggong didapati kurang sempurna antaranya pemasangan <i>bolt</i> dan <i>nut</i> pada penyambungan panel tangki air tidak sempurna menyebabkan air bertakung di atas lantai dan lubang pada dinding dan <i>coping</i> bangunan yang dibuat untuk laluan paip tidak ditutup semula; pembinaan yang tidak sesuai dan praktikal untuk digunakan seperti contoh reka bentuk tangga di pavillion tidak mematuhi <i>Uniform Building By Laws 1984</i> .	MRSM Kuala Kangsar MRSM Kuala Kangsar telah menerima CCC pada 24 Jun 2015. KKTM Lenggong Kerja-kerja pembaikan di KKTM Lenggong telah selesai dan telah mendapat sijil CPC pada 13 Januari 2014.
2.4.6	Pengambilan seramai 2,640 pelajar MRSM Arau dan MRSM Kuala Kangsar pada bulan Januari 2009 tidak dapat dibuat kerana projek ini tidak disiapkan pada tahun 2008. Pengambilan seramai 1,200 pelajar KKTM Lenggong pada bulan Januari 2011 tidak dapat dibuat kerana projek ini tidak disiapkan pada tahun 2010.	Pengambilan pelajar di MRSM Kuala Kangsar telah dibuat pada 27 Julai 2015 melibatkan 360 pelajar Tingkatan Satu. Di KKTM Lenggong telah membuat pengambilan pelajar dengan kemasukan 60 orang bagi sesi Julai hingga Disember 2015. Untuk MRSM Arau, pengambilan pelajar akan dibuat apabila MRSM Arau siap sepenuhnya dan sijil layak menduduki diterima.
2. LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN - Pengurusan Program Tanam Semula Kelapa Sawit dan Getah		
5.4.5.2(b)	Hak milik bagi tanah seluas 9,292.12 hektar belum diperoleh walaupun bayaran premium sejumlah RM30 Juta telah dijelaskan kepada Pihak Berkuasa Negeri.	Setakat 6 April 2015, Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang dengan surat rujukan MTGM 1392/98(42) memaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri telah bersetuju meluluskan 13 Lot permohonan milik tanah oleh KESEDAR

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
		<p>dan KESEDAR dikehendaki membayar premium keseluruhan sebanyak RM79,528,846 untuk lot-lot tersebut (tidak termasuk cukai, fail dan belanja-belanja lain RM 423,473).</p> <p>KESEDAR telah mengadakan perbincangan dengan pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan pada 16 Mac 2015 untuk membincangkan permohonan rayuan tuntutan bayaran premium ke atas permohonan milik tanah kerajaan oleh KESEDAR daripada Pentadbir Tanah dan Jajahan Gua Musang. PTG memaklumkan bahawa KESEDAR boleh mengemukakan rayuan tuntutan bayaran premium kepada Kerajaan Negeri untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.</p> <p>KESEDAR telah membayar interim premium yang dikenakan sejumlah RM5,000,000 cek CIMB No.076865 kepada Pentadbir Tanah dan Jajahan Gua Musang pada 25 Mac 2015 bagi memenuhi syarat permohonan rayuan bayaran premium selaras dengan dasar Kerajaan Negeri.</p> <p>Mesyuarat Tindakan Laporan Ketua Audit Negara Bilangan 1 Tahun 2015 pada 29 April 2015 memutuskan supaya pihak Unit Perancang Ekonomi mengambil kira ketidakcukupan peruntukan bagi membayar premium tambahan sejumlah RM71.87 juta terhadap kawasan seluas 2,436.872 hektar dan peruntukan bagi penanaman semula kelapa sawit telah melebihi usia 25 tahun oleh KESEDAR daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa penyediaan Bajet</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI																								
		<p>RMKe-11 kerana ia melibatkan sosio ekonomi penduduk/peneroka.</p> <p><u>Maklum balas Terkini</u></p> <p>Susulan daripada permohonan pengurangan premium milik tanah yang dikemukakan oleh KESEDAR, Pihak Berkuasa Negeri melalui surat-surat yang bertarikh 14 Julai 2015 telah bersetuju mengecualikan premium denda seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="933 781 1378 1118"> <thead> <tr> <th data-bbox="933 781 1092 848">NO.PT</th><th data-bbox="1092 781 1378 848">PREMIUM DENDA YANG DIKECUALIKAN (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="933 848 1092 877">PT 4155</td><td data-bbox="1092 848 1378 877">52,526</td></tr> <tr> <td data-bbox="933 877 1092 906">PT 4154</td><td data-bbox="1092 877 1378 906">334,900</td></tr> <tr> <td data-bbox="933 906 1092 936">PT 4170</td><td data-bbox="1092 906 1378 936">422,302</td></tr> <tr> <td data-bbox="933 936 1092 965">PT 4147</td><td data-bbox="1092 936 1378 965">632,822</td></tr> <tr> <td data-bbox="933 965 1092 994">PT 6718</td><td data-bbox="1092 965 1378 994">520,208</td></tr> <tr> <td data-bbox="933 994 1092 1023">PT 7295</td><td data-bbox="1092 994 1378 1023">242,036</td></tr> <tr> <td data-bbox="933 1023 1092 1052">PT 7296</td><td data-bbox="1092 1023 1378 1052">7,774,962</td></tr> <tr> <td data-bbox="933 1052 1092 1082">PT 6714</td><td data-bbox="1092 1052 1378 1082">3,782</td></tr> <tr> <td data-bbox="933 1082 1092 1111">PT 4156</td><td data-bbox="1092 1082 1378 1111">161,358</td></tr> <tr> <td data-bbox="933 1111 1092 1140">PT 4151</td><td data-bbox="1092 1111 1378 1140">39,080</td></tr> <tr> <td data-bbox="933 1140 1092 1169">PT 4149</td><td data-bbox="1092 1140 1378 1169">57,988</td></tr> </tbody> </table> <p>Jumlah keseluruhan premium denda yang Dikecualikan RM10,241,964.</p> <p>Melalui surat LKKS (S) (RKT) 193/25 KT.2 (23) bertarikh 29 Julai 2015, pihak pengurusan KESEDAR mengemukakan rayuan agar baki premium yang berjumlah RM 56,628,270 dikurangkan seminima mungkin kerana pada pandangan KESEDAR tuntutan tersebut adalah masih terlalu tinggi.</p> <p>Pengurusan KESEDAR memohon agar kadar premium tanah yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri mengenai tanah-tanah ladang yang dibangunkan oleh KESEDAR rujukan SUK D200(01)465/14/Jilid.11(53) bertarikh 19 Januari 2006 dikekalkan sebagaimana berikut:</p> <p>a) Premium tanah yang ada peneroka</p>	NO.PT	PREMIUM DENDA YANG DIKECUALIKAN (RM)	PT 4155	52,526	PT 4154	334,900	PT 4170	422,302	PT 4147	632,822	PT 6718	520,208	PT 7295	242,036	PT 7296	7,774,962	PT 6714	3,782	PT 4156	161,358	PT 4151	39,080	PT 4149	57,988
NO.PT	PREMIUM DENDA YANG DIKECUALIKAN (RM)																									
PT 4155	52,526																									
PT 4154	334,900																									
PT 4170	422,302																									
PT 4147	632,822																									
PT 6718	520,208																									
PT 7295	242,036																									
PT 7296	7,774,962																									
PT 6714	3,782																									
PT 4156	161,358																									
PT 4151	39,080																									
PT 4149	57,988																									

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI										
		<p>sebanyak RM350 seekar atau RM865 sehektar.</p> <p>b) Premium tanah yang tiada peneroka sebanyak RM850 seekar atau RM2,100 sehektar.</p> <p>Pada 3 Ogos 2015, KESEDAR telah menjelaskan baki bayaran premium ke atas Permohonan Hak Milik Tanah Kerajaan di kawasan RKT Jeram Tekoh dan Sungai Asap berpeneroka berjumlah RM5,063,652 seperti butiran berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>NO PT</th><th>BAKI PREMIUM YANG DIJELASKAN (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>PT 4154</td><td>2,091,455</td></tr> <tr> <td>PT 4155</td><td>325,951</td></tr> <tr> <td>PT 4170</td><td>2,646,246</td></tr> <tr> <td>JUMLAH</td><td>5,063,652</td></tr> </tbody> </table>	NO PT	BAKI PREMIUM YANG DIJELASKAN (RM)	PT 4154	2,091,455	PT 4155	325,951	PT 4170	2,646,246	JUMLAH	5,063,652
NO PT	BAKI PREMIUM YANG DIJELASKAN (RM)											
PT 4154	2,091,455											
PT 4155	325,951											
PT 4170	2,646,246											
JUMLAH	5,063,652											

15. TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
LKAN 2012 SIRI 2		
1. LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA - Pengurusan Skim Diesel Bersubsidi		
2.4.3.2	<p>Penjualan diesel bersubsidi kepada 43 vesel telah melebihi kapasiti tangki antara 600 sehingga 10,500 liter. Ini disebabkan PDA tidak memaparkan kapasiti tangki bagi tujuan mengawal penjualan diesel bersubsidi. Bagaimanapun, PDA tersebut hanya memaparkan nombor vesel, nama pemilik, tarikh luput kad e-Diesel, zon, harga seunit, had kuota dan baki kuota. Semakan lanjut mendapati PDA yang telah digunakan mulai 1 Disember 2012 juga tidak memaparkan had kapasiti tangki. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 dan masih berulang.</p>	<p>LKIM telah menerima garis panduan had kapasiti tangki minyak bagi vesel nelayan dan dalam proses membuat penambahbaikan di dalam sistem e-Nelayan.</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
2. PERBADANAN LABUAN - Pengurusan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi		
3.4.2.3	Peningkatan kos bagi Projek Pembinaan Pasar sejumlah RM8.65 juta atau 34.8% iaitu daripada RM24.89 juta menjadi RM33.54 juta. Peningkatan kos projek antaranya disebabkan peningkatan harga kontrak bagi kerja pembinaan bangunan utama serta kerja mekanikal dan elektrik. Selain itu, peningkatan kos projek juga disebabkan Arahan Perubahan Kerja untuk merobohkan dan membina semula cerucuk, lantai serta rasuk yang telah dibina kerana kerja kontraktor asal yang tidak mengikut spesifikasi serta kos tambahan kerja yang lain.	Perbadanan Labuan telah mengambil tindakan perundangan melalui proses timbang tara (<i>arbitration</i>) bagi menuntut semula bayaran balik berjumlah RM21.10 juta termasuk wang pendahuluan sejumlah RM3.60 juta. Kes tuntutan timbang tara (<i>arbitration</i>) telah difaiklan kepada pihak <i>Kuala Lumpur Regional Centre For Arbitration</i> (KLRCA) pada 28 Februari 2013. Prosiding pendengaran dan perbicaraan kes tersebut di hadapan Penimbang tara (<i>Arbitration</i>) telah dibuat pada 20 Januari 2014. Susulan pendengaran kes tersebut, didapati Perbadanan Labuan hanya layak menuntut RM14.6 juta sahaja (ini termasuk wang pendahuluan berjumlah RM3.6 juta). Sehubungan ini, Hujah Bertulis (<i>Written Submission After Hearing</i>) untuk menuntut sejumlah RM14.6 juta telah difaiklan pada 30 April 2014. Keputusan timbang tara masih belum diperoleh.
3. LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN - Pengurusan Projek Pembangunan FELDAjaya		
7.4.2	Kemudahan Yang Disediakan Tiada Penyewa Kesemua 80 lot pasar awam, 17 lot hentian bas dan 10 lot medan selera tidak mempunyai penyewa. Bagaimanapun, 7 lot hentian bas di Feldajaya Mempaga telah disewakan walaupun selain daripada pengusaha bas. Lawatan Audit ke Feldajaya Raja Alias dan Feldajaya Trolak mendapati pasar awam, hentian bas dan medan selera yang dibina	Sebagai langkah permulaan, FELDA kini dalam usaha membangunkan Feldajaya Raja Alias Fasa 2 dengan mengambil kira pembangunan Fasa 1 bagi menarik lebih ramai penduduk mendiami kawasan ini secara tidak langsung akan meningkatkan sosio ekonomi penduduk setempat khususnya serta membantu membangunkan Bandar Baru Jempol amnya. Program ini akan dilanjutkan ke Feldajaya Trolak dan Feldajaya Mempaga bergantung kepada kedudukan kewangan semasa FELDA.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>tidak mempunyai penyewa.</p> <p>Hanya satu daripada 10 lot medan selera di Feldajaya Raja Alias yang disewakan. Ini disebabkan kedudukannya yang tidak strategik iaitu bertentangan dengan medan selera sedia ada yang lebih mudah diakses dan bersebelahan dengan jalan utama.</p>	<p>Sehubungan dengan itu, lantikan pemaju HRA Teguh Sdn. Bhd. telah dibuat pada 24 Januari 2014 dan kini dalam proses perancangan pembangunan.</p> <p>Pengarah Besar FELDA telah menandatangani Surat kelulusan Cadangan Pengecualian Bayaran Sewa bagi Hentian Bas di ketiga-tiga Feldajaya bertarikh 24 April 2014. Bagi rumah kedai pula, jualan unit kedai kepada anak syarikat Felda Tecknoplant Sdn. Bhd. masih di peringkat rundingan akhir.</p>
7.4.5	<p>Permohonan Pertukaran Status Tanah FELDAjaya Trolak Belum Diluluskan</p> <p>FELDAjaya Trolak dibangunkan di atas tanah milik FELDA yang masih berstatus tanah pertanian. FELDA telah mengemukakan permohonan pertukaran status tanah pertanian kepada tanah pembangunan kepada Majlis Daerah Tapah (MDT). Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan status permohonan tersebut. Berdasarkan perkiraan Audit, FELDA boleh dikenakan denda sejumlah RM353,300 oleh MDT iaitu bermula 2 Mei 2003 sehingga 31 Disember 2012.</p>	<p>Mesyuarat koordinasi bersama Pejabat Tanah Daerah (PTD) Tapah bertarikh 7 September 2015 telah memaklumkan bahawa kertas kerja bagi tujuan Serah Balik Kurnia Semula (Seksyen 204D Kanun Tanah Negara) dalam tindakan PTD Tapah sebelum diangkat untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.</p>
LKAN 2012 SIRI 3		
<p>1. PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL</p> <p>– Pengurusan Kutipan Caruman</p>		
3.4.3	<p>Jumlah Caruman Dalam Rekod Berbeza Dengan Sistem</p> <p>Caruman majikan di Buku Tunai dari tahun 2002 sehingga 2012 lebih tinggi berbanding jumlah caruman majikan di Sistem Q-Term dengan perbezaan sejumlah RM45.58 juta.</p>	<p>Perbezaan rekod caruman majikan di antara Buku Tunai dan Sistem PINTAR bagi tahun 2012 telah berkurangan sebanyak 36.67% kepada RM0.19 juta setakat kemas kini sehingga 15 September 2015 berbanding RM0.30 juta setakat kemaskini sehingga 30 Jun 2014.</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	Selain itu, jumlah caruman majikan dari tahun 2002 sehingga 2012 lebih tinggi berbanding jumlah caruman pekerja dalam Sistem Q-Term dengan perbezaan sejumlah RM433.31 juta.	Perbezaan rekod caruman majikan dan pekerja dalam Sistem PINTAR bagi tahun caruman 2012 telah berkurangan sebanyak 30.74% iaitu sebanyak RM11.54 juta kepada RM37.54 juta setakat kemas kini sehingga 15 September 2015 berbanding RM37.54 juta setakat kemas kini sehingga 30 Jun 2014.

16. TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2011

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
1. PERBADANAN LABUAN		
- Pengurusan Projek Pembangunan Hab Halal		
4.4.1.2	Penyewaan Bangunan Hab Halal Sehingga bulan November 2011, bangunan Hab Halal belum disewa walaupun terdapat permohonan penyewaan. Ini menyebabkan Perbadanan Labuan tidak dapat memperoleh hasil sewa yang dianggarkan berjumlah RM38,000 sebulan atau RM456,000 setahun.	Syarikat Gropoint Aquaculture Sdn. Berhad mula beroperasi di bangunan Hab Halal Fasa 1 pada 1 Ogos 2012. Bagaimanapun, operasi syarikat terpaksa dihentikan kerana keadaan bangunan yang tidak mematuhi pensijilan <i>Good Manufacturing Practices</i> (GMP) dan <i>Hazard Analysis Critical Control Point</i> (HACCP). Lawatan Audit pada 7 Ogos 2015 mendapati syarikat berkenaan masih belum memulakan operasi kerana bangunan belum diperbaiki.
2. LEMBAGA GETAH MALAYSIA		
- Pengurusan Program Pembangunan Bahan Termaju Dan Produk Tambah Nilai		
7.4.2	Peralatan Dibeli Belum Digunakan Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah memperoleh 6 jenis peralatan berjumlah RM5.22 juta. Peralatan ini belum digunakan kerana Kilang Pemprosesan Susu Getah, Kompleks Integrasi Pemprosesan Getah di Stesen Penyelidikan Getah, Kota Tinggi masih dalam proses pembinaan. Kelewatan pembinaan kilang ini disebabkan LGM	Pada akhir bulan Ogos 2015, kemajuan fizikal bangunan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat ialah 96% dan hanya sebuah mesin peralatan utama yang masih belum dipindahkan iaitu mesin pengempar (<i>centrifuge machine</i>). Kemajuan fizikal Pusat Pemrosesan Lateks Pekat tersebut adalah seperti berikut:

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI		
		KEMAJUAN KERJA (FIZIKAL)	SEBELUM	TERKINI
	tidak menyediakan pelan induk pembangunan dan infrastruktur untuk Pihak Berkuasa Tempatan pada peringkat awal pembinaan. Bayaran telah dibuat kepada pembekal termasuk bayaran pemasangan walaupun bekalan masih belum diterima. Enam peralatan ini telah disimpan di premis pembekal dan pihak yang dilantik olehnya. Tiada surat kebenaran untuk pembekal menyimpan komponen tersebut bagi pihak LGM.	Kemajuan dirancang (%) Kemajuan sebenar (%) Cepat/lewat (+/-%) Cepat/lewat (+/-) hari	27/07/15 100% 94.0% -6.0% -27.96	29/08/15 100% 96.0% -4.0% -18.64
		Kemajuan pembangunan kompleks tersebut sehingga 29 Ogos 2015 ialah 96%. Peralatan ini hanya boleh digunakan setelah bangunan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat siap sepenuhnya.		
7.4.3	Peralatan Dibeli Tidak Digunakan Peralatan 13L dan 100L <i>Fermenters</i> berjumlah RM0.73 juta telah siap dipasang sepenuhnya tetapi tidak digunakan. Tempoh peralatan tidak digunakan selama 36 bulan kerana masih belum ada sumber bahan mentah serum getah yang mencukupi bagi tujuan penyelidikan menyebabkan objektif pembelian peralatan tidak tercapai.	Projek pembangunan ini dijangka siap pada hujung bulan Oktober 2015. Oleh itu, peralatan yang dibeli masih belum boleh digunakan sehinggalah bangunan tersebut siap sepenuhnya termasuk pemasangan mekanikal dan elektrikal.		
3. PERBADANAN PUTRAJAYA - Pengurusan Taman				
9.4.4.2	Ruang Kerja Yang Tidak Sempurna Bagi Pengawal Keselamatan Mengikut perjanjian, syarikat kawalan keselamatan perlu membekalkan peralatan kawalan keselamatan, alat tulis dan perabot yang lengkap untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan sempurna. Lawatan Audit mendapati syarikat kawalan keselamatan tidak menyediakan perabot dan kelengkapan yang sesuai untuk pengawal keselamatan bertugas di 8	Pembinaan pondok keselamatan Fasa 1 telah dilaksanakan manakala pembinaan pondok keselamatan Fasa 2 sedang dijalankan dan dijangka selesai menjelang April 2016.		

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	<p>taman kecuali di Taman Wetland dan Taman Saujana Hijau. Ini menyebabkan pengawal keselamatan menggunakan kemudahan taman sebagai tempat bertugas seperti wakaf, bangku taman dan di tepi tandas. Keadaan ini menyukarkan pengawal keselamatan untuk menjalankan tugas dengan sempurna dan pengunjung tidak dapat mengenal pasti pengawal keselamatan sekiranya memerlukan bantuan.</p>	
4. UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA - Pengurusan Sistem Kewangan Pelajar UiTM		
11.4.5.4	<p>a. Pusat Data Perindu</p> <p>Penempatan pusat data tersebut yang berada dalam kawasan asrama tidak menepati kriteria keselamatan kerana ia terletak di kawasan laluan orang awam yang boleh menjelaskan keselamatannya.</p>	<p>Permohonan Pengubahsuaian bagi memisahkan asrama dan Pusat Data tidak diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Ruang UiTM melalui Mesyuarat Bil. 3/2013.</p> <p>Bagaimanapun, satu mesyuarat telah diadakan pada 20 Ogos 2013 yang dipengerusikan oleh Sr. Hajah Zuraida Hj. Yahya telah menggabungkan cadangan pembinaan Pusat Data UiTM disatukan dengan pembinaan Pejabat Pembangunan dan Fasiliti (Mesyuarat klasifikasi Bil 04/2013).</p> <p>Bengkel Semakan dan Muktamad SOA dan Ringkasan Projek telah diadakan pada 8 Oktober 2013 dan Mesyuarat Penyelaras Projek yang terakhir telah diadakan pada 13 Disember 2013.</p> <p>Permohonan peruntukan RMKe-11 telah dibuat bagi cadangan pembinaan baru Pusat Data UiTM disatukan dengan pembinaan Pejabat Pembangunan dan Fasiliti berjumlah RM50 juta.</p> <p>Projek ini tidak diluluskan oleh pihak KPM dan EPU pada sesi pemeriksaan</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
		<p>bajet pada 20 April 2015.</p> <p>Tindakan susulan dicadangkan semula untuk permohonan RMKe-11 <i>Rolling Plan</i> kedua di bawah peruntukan Pembangunan.</p>
	<p>b. Pusat Data Sistem FAIS</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kunci biometrik yang menggunakan ibu jari dan nombor ID di pintu masuk pusat data tidak berfungsi sejak bulan Mac 2011 walaupun kerosakan tersebut telah dilaporkan. Di samping itu, didapati kunci biometrik tidak disediakan bagi pintu masuk ke bilik <i>network server</i>. Pegawai bertanggungjawab hanya menggunakan kunci biasa untuk membuka kedua-dua pintu. Selain itu, pintu yang digunakan bukan daripada jenis kalis api. ii. Pusat data juga tidak dilengkapi dengan kamera litar tertutup untuk memantau keadaan di dalam pusat data. iii. Peralatan mengesan asap iaitu VESDA dan peralatan mengesan kebocoran air iaitu <i>Liqui-tect Monitoring System</i> telah dipasang di dalam pusat data dan bilik <i>network server</i>. Pemantauan terhadap perubahan suhu, keadaan ruang udara ataupun kebocoran air di pusat data dan bilik <i>network server</i> perlu dijalankan secara fizikal. Pemantauan sepatutnya dilaksanakan secara <i>remote</i> di mana panel kawalan dihubungkan kepada sistem pemantauan secara <i>online</i>. 	<p>Sebut Harga bagi Cadangan Naiktaraf Bilik Server FAIS Di Pejabat Bendahari Termasuk Sistem Pemantauan Kelengkapan telah dilaksanakan pada 22 Ogos 2014. Jawatankuasa Sebut Harga UiTM dalam mesyuarat pada 28 November 2014 telah membatakan sebut harga tersebut kerana semua syarikat yang menyertai sebut harga menawarkan harga di luar julat Anggaran Jabatan UiTM.</p> <p>Dokumen spesifikasi teknikal baru untuk pelawaan semula telah disediakan. Namun begitu, disebabkan ianya melibatkan keperluan ICT, satu mesyuarat khas akan diadakan pada 29 September 2015 dengan pengguna (INFOTECH UiTM) untuk memuktamadkan keperluan keseluruhan projek ini sebelum ianya dapat diserahkan ke Bahagian Perolehan pada bulan Oktober 2015 untuk tujuan pelawaan.</p> <p>Projek naik taraf bilik <i>server</i> dijangka siap pada bulan Mei 2016.</p>

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
11.4.7	<p>Kawalan Pelan Pemulihan Bencana</p> <p>UiTM perlu mempunyai satu Pelan Pemulihan Bencana dan Pusat Pemulihan Bencana yang lengkap bagi menjamin sistem operasi serta aplikasi yang kritikal dapat dipulihkan dalam jangka masa singkat.</p>	<p>Pihak Pengurusan Infotech telah membatalkan perancangan pemindahan DRC UiTM ke MTDC UPM atas sebab '<i>security concern</i>'.</p> <p>Mesyuarat Pra-pengoptimaan Ruang di Kampus Puncak Alam pada 17 Februari 2015 telah meluluskan tapak cadangan DRC bersebelahan Pejabat Pengurusan Fasiliti Puncak Alam. Permohonan peruntukan RMKe-11 telah dibuat bagi cadangan pembinaan baru DRC di Puncak Alam.</p> <p>Projek ini tidak diluluskan oleh pihak KPM dan EPU pada sesi pemeriksaan bajet pada 20 April 2015.</p> <p>Tindakan susulan dicadangkan semula untuk permohonan RMKe-11 <i>Rolling Plan</i> kedua di bawah peruntukan Pembangunan.</p>
<p>5. PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL - Pengurusan Pembayaran Faedah</p>		
23.4.4.1	<p>Penambahbaikan Kepada Sistem Imejan Kaedah Automasi</p> <p>Pembangunan sistem ini adalah secara <i>decentralised</i> dan tidak berintegrasi dengan Sistem Unisys serta sistem SAGA yang menyebabkan data tidak dapat dilihat secara <i>real time</i>. Selain itu, sebanyak 10,096 aduan berkaitan sistem SIKAP bagi tahun 2009 hingga 2011 telah dilaporkan. Antara aduan yang dilaporkan adalah <i>Application Error</i> sebanyak 682 aduan dan aduan imej adalah sebanyak 2,379.</p>	<p>Pembangunan dan pengujian modul-modul utama <i>ICT Core System</i> seperti Modul <i>Benefit</i>, <i>Scheme Management</i>, <i>Disability Management</i>, <i>Medical Services</i>, <i>Medical Board</i>, <i>Compound</i>, <i>Inspection</i>, <i>Detection</i>, <i>Educational Loan</i>, <i>Prosecution</i> dan <i>Debt Recovery</i> adalah secara berperingkat dan dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Mac 2016.</p>
23.4.4.1(a)	<p>Klasifikasi status kes rayuan ke Jemaah Doktor Rayuan dan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial tidak ditunjukkan dalam SIKAP. Sistem sedia ada hanya</p>	

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
	menunjukkan kes rayuan sebagai selesai atau tutup melainkan kes dibuka semula selepas diluluskan untuk bayaran oleh Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial.	
23.4.4.1(b)	Tiada penggabungan data dibuat antara pejabat cawangan dengan Ibu Pejabat. Setiap pejabat cawangan mempunyai server sendiri untuk menyimpan data dan imej tuntutan yang dibuat. Penyenggaraan server dan <i>uninterrupted power supply</i> untuk SIKAP dikawal secara berpusat di Ibu Pejabat. Pejabat Cawangan juga tidak dapat memantau dan mengemukakan statistik bagi kes tuntutan yang dipindahkan ke pejabat lain atau Ibu Pejabat.	
23.4.4.1(c)	Tiada integrasi antara Sistem SIKAP, Sistem Unisys dan Sistem SAGA bagi merekodkan segala perbelanjaan bayaran faedah termasuk rekod Wang Tak Dituntut. Integrasi perlu bagi memberi maklumat terkini terhadap segala pembayaran seperti cek batal, cek gantian selepas cek tamat tempoh dan bayaran faedah yang tak dituntut.	

17. TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
1. KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) - Pengurusan Caruman		
25.2.4	Majikan Tidak Membayar Caruman Bulanan Dengan Tuggakan Caruman Terkumpul Berjumlah RM3.35 Juta Sehingga 30 Jun 2010, seramai 15 majikan tidak membayar caruman bulanan dengan tunggakan caruman terkumpul berjumlah RM3.35 juta.	Tuggakan caruman berjumlah RM321,766.00 untuk 48 bulan meliputi tahun 2006, 2007, 2008 dan 2010 bagi Majlis Daerah Papar.

NO. PERENGGAN	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM SELESAI
2. PENGURUSAN ASAS OMBAK SDN. BERHAD		
30.2.3.6(d)	<p>Pembinaan 4 Vesel Keluli Tidak Mengikut Spesifikasi</p> <p>Lembaga Pengarah Majuikan menolak cadangan untuk melantik syarikat yang dicadangkan oleh jurutera perunding tetapi memilih syarikat lain yang tiada kepakaran dalam pembinaan vesel keluli. Ini menyebabkan pembinaan 4 vesel keluli tidak dapat disiapkan mengikut spesifikasi dan dalam tempoh yang ditetapkan. Sehingga bulan Disember 2009, AOSB masih berhutang dengan Agro Bank sejumlah RM2.49 juta daripada RM5 juta yang diluluskan. AOSB juga telah membayar faedah sejumlah RM54,541 kepada Agro Bank.</p>	Penyelesaian hutang dengan Agrobank masih diteruskan secara ansuran iaitu RM10,000 sebulan.
30.2.3.6(f)	<p>Perolehan Vesel Gentian Kaca</p> <p>Lembaga Pengarah AOSB telah menandatangani perjanjian pembinaan vesel gentian kaca sebelum pinjaman daripada Agro Bank diluluskan. Ini menyebabkan AOSB terpaksa membuat perubahan terhadap perjanjian yang telah ditandatangani dan menjual veselnya dengan harga RM750,000.</p>	AOSB masih belum mendapat keputusan hak mutlak 4 unit bot besi tersebut.



PENUTUP

PENUTUP

1. Pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti mendapat Badan Berkanun Persekutuan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan projek dan aktivitinya. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya masih terdapat kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu program dan aktiviti dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan. Beberapa Agensi telah mengambil tindakan pembetulan selepas teguran Audit, namun langkah pembetulan perlu dilaksanakan secara berterusan. Memandangkan pengauditan adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Pegawai Eksekutif perlu mewujudkan sistem *check and balance* untuk memastikan pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan. Ini adalah bertujuan untuk menilai sama ada projek dan aktiviti lain mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan serta penambahbaikan. Langkah ini adalah perlu untuk memastikan projek dan aktiviti dilaksanakan mengikut jadual dan agensi mendapat nilai faedah terbaik (*best value for money*).
2. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, perlu juga menjalankan pengauditan perolehan dan pengauditan prestasi terhadap pengurusan program/aktiviti/projek untuk menentukan sejauh mana program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan.
3. Syarikat Kerajaan hendaklah memastikan prestasi kewangannya sentiasa dalam keadaan yang baik; pengurusan aktivitinya dilaksanakan dengan teratur; berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan; pengurusan kewangan dan tadbir urus korporatnya selaras dengan amalan terbaik serta peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.
4. Selain memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan integriti. Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah pencapaian **Program Transformasi Kerajaan 2.0 bagi Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA)** untuk membanteras rasuah serta memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia di bawah slogan “**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**”.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

8 Oktober 2015



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya

www.audit.gov.my